



PENYATA RASMI

DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU MESYUARAT KETIGA PENGAL PERSIDANGAN KETIGA DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS

Pada

PADA 23, 24 DAN 25 NOVEMBER 2020

bersamaan

7, 8 DAN 9 RABIULAKHIR 1442

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT KETIGA
PENGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
KEEMPAT BELAS**

Pada

PADA 23, 24 DAN 25 NOVEMBER 2020

bersamaan

7, 8 DAN 9 RABIULAKHIR 1442

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

**SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

**MESYUARAT YANG KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS
PADA 23, 24 DAN 25 NOVEMBER 2020**

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
-------------	----------------	-------------------

ISNIN, 23 NOVEMBER 2020

1.	Nama Ahli-ahli.	1
2.	Doa.	5
3.	Ucapan Yang Berhormat Yang Dipertua.	5
4.	Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan.	8
5.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Bertulis	11
	(ii) Soalan-soalan Lisan	12
6.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Cadangan Mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang Daripada Perkara-Perkara Lain.	45
	(ii) Enakmen Perbekalan 2021 (Ucapan Bajet 2021)	46

SELASA, 24 NOVEMBER 2020

1.	Nama Ahli-ahli.	78
2.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Lisan	82
3.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Enakmen Perbekalan 2021 (Perbahasan & Penggulungan)	111
4.	Usul Melanjutkan Tempoh Masa Persidangan Di Bawah Perkara 7 (1a) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu	184

RABU, 25 NOVEMBER 2020

1.	Nama Ahli-ahli.	211
2.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Lisan	216
3.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Enakmen Perbekalan 2021 (Penggulungan).	244
	(ii) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (Pindaan) 2020	251
	(iii) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang- Orang Melayu (Pindaan) 2020	254

4.	Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Usul Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2021	258
	(ii) Usul Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2021.	260
	(iii) Tambahan Peruntukan Yang Pertama Daripada Kumpulan Wang Bekalan Untuk Perbelanjaan Bekalan Bagi Tahun 2019	261
	(iv) Tambahan Peruntukan Yang Pertama Daripada Kumpulan Wang Bekalan Untuk Perbelanjaan Bekalan Bagi Tahun 2020	262
	(v) Usul Pembatalan Kumpulan Wang Amanah	264
5.	Tanggihan	265
6.	Lampiran [Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis]	266

PERSIDANGAN
PADA HARI ISNIN, 23 NOVEMBER 2020

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Yahaya bin Ali, DPMT., PJC.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, SSMZ.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat, SMZ.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak, SMT.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah, SMT.
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim, AMZ.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh, PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md. Noor
WAKIL WANITA

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Ahmad bin Said, SSMZ., DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT., SMZ.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, KMN., AMZ., PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT., PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP., PPN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT., PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Datuk Abd. Halim bin Jusoh, DPSM.
WAKIL PERMAISURI

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mohd Zahari bin Md Azahar, DPMT., PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Razali Bin Che Ani, DIMP.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Zainal Abidin bin Hussin, DPMT., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Zulkifly bin Isa, AMZ., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

SETIAUSAHA DEWAN:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita memulakan mesyuarat pada pagi ini, marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab. [Al-Fatihah]

Perkara pertama di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Doa oleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan Negeri dan Persekutuan, tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah *subhanallah ta'ala* kerana masih diberi peluang untuk mengadakan persidangan atau Mesyuarat kali Ketiga Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Keempat Belas. Kita bersidang dalam suasana kita masih belum

menang dalam menghadapi cabaran pandemik COVID-19 di seluruh negara. Sebagaimana arahan awal Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang sepatutnya berkuat kuasa pada 9 November hingga 6 Disember 2020 di seluruh negeri semenanjung kecuali Perlis, Pahang dan Kelantan. Terengganu adalah antara negeri yang terlibat sama dengan PKPB ini, namun begitu Majlis Keselamatan Negara telah memutuskan arahan PKPB di negeri kita ditamatkan lebih awal iaitu pada 21 November 2020. Persidangan ini merakamkan ucapan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas inisiatif beliau meringankan beban rakyat Terengganu dalam perkara ini. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh berada dalam zon selesa, *comfort zone* kerana kes-kes COVID-19 ini sentiasa berubah dan sukar dijangka. Perhimpunan berskala besar juga adalah sepatutnya perlu dielakkan. Berdasarkan kepada senario ini saya mengambil keputusan untuk meneruskan persidangan selama tiga hari iaitu pada 23, 24 dan 25 November 2020 dengan mengambil sikap *hazar* dalam suasana pandemik COVID-19 yang tidak menentu walaupun PKPB telah ditamatkan buat masa ini.

Sepanjang persidangan ini saya berharap semua ahli-ahli Yang Berhormat dapat mematuhi SOP seperti biasa walaupun kita telah melepasi PKBP. Ahli-ahli yang terhormat mesti sentiasa membuat penjarakan fizikal, memakai pelitup muka dan sentiasa membersihkan tangan. Sebagai langkah keselamatan juga bilik persidangan di Dewan Undangan Negeri kita telah melalui proses sanitasi sebelum persidangan bermula. Saya berharap pepatah “kita yang berat sama dipikul yang ringan sama dijinjing” wajar diambil iktibar oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai pemimpin untuk bersatu tanpa mengira latar belakang bagi menggerakkan rakyat menghadapi pandemik ini terutama dalam bentuk dan membantu petugas-petugas di barisan hadapan *frontlines* menghadapi isu global yang mengancam nyawa ini.

Sehubungan itu, persidangan ini juga ingin merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua *frontlines* sama ada petugas Kementerian Kesihatan, Polis, Tentera dan semua pihak yang terlibat, yang bertungkus lumus berkorban untuk menjaga keselamatan hidup kita. Walaupun persidangan kita berjalan selama tiga hari, tetapi agenda persidangan akan tetap berjalan seperti biasa bermula dengan Pembentangan Laporan-Laporan dan Soalan-Soalan selain dari Pembentangan Usul dan Rang Undang-Undang.

Saya berharap persidangan tiga hari ini memberi peluang yang lebih selesa kepada lebih ramai Ahli Yang Berhormat membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan atau Bajet 2021 yang akan dibentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Manfaatkanlah masa yang diperuntukkan termasuk menyentuh isu soalan-soalan yang tidak sempat dikemukakan.

Pembentangan Bajet 2021 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah agenda yang paling dinantikan oleh rakyat. Saya yakin pembentangan bajet kali pertama dalam suasana cabaran COVID-19 ini, sudah tentu akan mengambil kira soal kesejahteraan rakyat terutama dalam menjana semula ekonomi dan pendapatan rakyat yang terjejas akibat COVID-19. Penyesuaian dengan norma baru, dalam menguruskan kepentingan ekonomi rakyat seperti *gig* ekonomi dan penguasaan *up skill* dan *real skill* kepada golongan sasaran sudah tentu dalam pertimbangan kerajaan, *insya-Allah*.

Sebagaimana biasa, Buku Belanjawan akan diedarkan kepada semua Ahli Yang Berhormat selepas ucapan dan pembentangan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri sebagai kerajaan digital pintar yang dilancarkan baru-baru ini pihak Dewan Undangan Negeri turut memberi kerjasama dalam merealisasikan buku belanjawan digital yang boleh diakses oleh semua ketua jabatan melalui imbasan *QR Code* yang telah disediakan. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Berhormat yang lain yang sempat hadir sewaktu Pejabat Dewan Undangan Negeri menganjurkan Program Bengkel Semakan Peraturan dan Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri di bawah kendalian pasukan Panel Penyelidik yang dilantik oleh Jawatankuasa Terpilih Pengurusan Dewan. Input yang diberikan sudah tentu sangat berguna kepada kajian dan penambahbaikan *Standing Orders* kita yang ditubuhkan sejak tahun 1999 untuk jangka panjang supaya selari dan mengikut keperluan semasa.

Pejabat Dewan Undangan Negeri juga sekarang ini dalam proses mengumpul dokumen-dokumen lama bagi menerbitkan Buku Sejarah Dewan Undangan Negeri Terengganu yang ditubuhkan sejak tahun 1959 sehingga sekarang. Saya berharap buku ini boleh dilancarkan pada tahun hadapan, *insya-Allah*.

Akhir sekali saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai kedudukan kerusi yang ada dalam Dewan Undangan Negeri kita iaitu sebanyak 32 kerusi dicampur

dengan satu kerusi ADUN Wanita yang dilantik. Tambahan kerusi pada Dewan Undangan Negeri yang terakhir berlaku pada tahun 1984 iaitu 36 tahun yang lalu dan tiada lagi pertambahan kerusi berlaku selepas itu. Saya berpendapat sudah sampai masanya kajian dan usaha-usaha yang lebih bersungguh-sungguh perlu dibuat untuk menambah kerusi Dewan Undangan Negeri kita supaya mengikut demografi penduduk, kemudahan kepada setiap ADUN bertugas mengikut jumlah pengundian yang munasabah dan lain-lain prinsip yang disyorkan oleh pihak SPR.

Sekali lagi marilah kita letakkan setinggi-tinggi kebergantungan kita kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dengan doa penuh kerendahan diri kepadaNya. Semoga negara dan negeri kita dibebaskan dari ujian COVID-19 ini dan perjalanan hidup kita termasuk ekonomi pulih seperti sediakala bahkan lebih maju selepas pada ini, *insya-Allah*.

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا , إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

Maka sesungguhnya bersama kesulitan ada kemudahan.

Sekali lagi ditegaskan sesungguhnya bersama kesulitan ada kemudahan.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara seterusnya dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah **KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN**.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kertas-kertas kerja dan laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

- 1 Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahun 2021
(D.U.N. Bil.7/2020)
- 2 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Tahun 2021
(D.U.N. Bil.8/2020)

- 3 Anggaran Bekalan Air Negeri Tahun 2021
(D.U.N. Bil.9/2020)
- 4 Tambahan Peruntukan Bekalan Pertama Tahun 2019
(D.U.N. Bil.10/2020)
- 5 Tambahan Peruntukan Bekalan Pertama Tahun 2020
(D.U.N. Bil.11/2020)
- 6 Penyata Kewangan Negeri Terengganu Tahun 2019
(D.U.N. Bil.12/2020)
- 7 Penyata Kewangan Tahun 2019 Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
(D.U.N. Bil.13/2020)
- 8 Penyata Kewangan Tahun 2019 Majlis Perbandaran Kemaman
(D.U.N. Bil.14/2020)
- 9 Penyata Kewangan Tahun 2019 Majlis Perbandaran Dungun
(D.U.N. Bil.15/2020)
- 10 Penyata Kewangan Tahun 2019 Majlis Daerah Besut
(D.U.N. Bil.16/2020)
- 11 Penyata Kewangan Tahun 2019 Majlis Daerah Hulu Terengganu
(D.U.N. Bil.17/2020)
- 12 Penyata Kewangan Tahun 2019 Majlis Daerah Marang
(D.U.N. Bil.18/2020)
- 13 Penyata Kewangan Tahun 2019 Majlis Daerah Setiu
(D.U.N. Bil.19/2020)
- 14 Penyata Kewangan Tahun 2019 Yayasan Islam Terengganu

(D.U.N. Bil.20/2020)

- 15 Penyata Kewangan Tahun 2019 Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu

(D.U.N. Bil.21/2020)

- 16 Penyata Kewangan Tahun 2019 Yayasan Terengganu

(D.U.N. Bil.22/2020)

- 17 Penyata Kewangan Tahun 2019 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu

(D.U.N. Bil.23/2020)

- 18 Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2019 Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu

(D.U.N. Bil.24/2020)

- 19 Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2019 Lembaga Muzium Negeri Terengganu

(D.U.N. Bil.25/2020)

- 20 Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 3 Berkait Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Terengganu

(D.U.N. Bil.26/2020)

- 21 Penutupan / Pembatalan Kumpulan Wang Amanah Di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61)

(D.U.N. Bil.27/2020)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut ialah Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:

- (1) Soalan-soalan Bertulis.
- (2) Soalan-soalan Lisan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jawapan kepada Soalan-Soalan Bertulis yang telah diberi notis dan telah dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

- 1 Yang Berhormat Wakil Tepoh
- 2 Yang Berhormat Wakil Batu Burok
- 3 Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
- 4 Yang Berhormat Wakil Sura
- 5 Yang Berhormat Wakil Hulu Besut
- 6 Yang Berhormat Wakil Buluh Gading
- 7 Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
- 8 Yang Berhormat Wakil Manir
- 9 Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
- 10 Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
- 11 Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
- 12 Yang Berhormat Wakil Bandar

- 13 Yang Berhormat Wakil Air Putih
- 14 Yang Berhormat Wakil Kemasik
- 15 Yang terhormat Wakil Wanita

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan Lisan pada 23 November 2020, hari ini adalah sebagaimana berikut:

- 1 Yang Berhormat Wakil Tepoh
- 2 Yang Berhormat Wakil Batu Burok
- 3 Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
- 4 Yang Berhormat Wakil Sura
- 5 Yang Berhormat Wakil Telemong
- 6 Yang Berhormat Wakil Buluh Gading
- 7 Yang Berhormat Wakil Hulu Besut
- 8 Yang Berhormat Wakil Manir
- 9 Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
- 10 Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
- 11 Yang Berhormat Wakil Jertih

- 12 Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
- 13 Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
- 14 Yang Berhormat Wakil Bandar
- 15 Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
- 16 Yang Berhormat Wakil Air Putih
- 17 Yang Berhormat Wakil Ajil
- 18 Yang Berhormat Wakil Kemasik
- 19 Yang Berhormat Wakil Wanita

Tuah mengalah tidak seakan
Bertemu lawan tiada sesalan
Yang Berhormat Tepoh dijemput memulakan
Bagi membuka gelanggang soalan

Dipersilakan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Minta maaf *takdok* pantun nak balas ini. Soalan nombor satu 1 -

Difahamkan PETRONAS sedang menjalankan kajian kebolehlaksanaan untuk menambah nilai kepada sumber hidrokarbon negara dalam sektor hiliran dan petrokimia yang berpotensi tinggi di negeri ini melalui beberapa projek mengikut kesesuaian, Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengambil peluang dalam memastikan projek-projek ini dapat memberikan manfaat yang sebaiknya untuk rakyat dan Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Yang Berhormat-Yang Berhormat, Pegawai Kerajaan. Soalan nombor 1 daripada Tepoh. Kena baca *jugak ni* agaknya. Sebab orang belakang mungkin *dok* tahu soalan *gini*. Difahamkan PETRONAS sedang menjalankan kajian kebolehlaksanaan untuk menambah nilai kepada sumber hidrokarbon negara dalam sektor hiliran dan petrokimia yang berpotensi tinggi di negeri ini melalui beberapa projek mengikut kesesuaian. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengambil peluang dalam memastikan projek-projek ini dapat memberikan manfaat yang sebaiknya untuk rakyat dan Negeri Terengganu? Soalan.

PETRONAS sebenarnya menerusi *Petronas Chemicals Group Berhad* sedang menjalankan kajian kebolehlaksanaan untuk menambah nilai sektor hiliran yang berpotensi tinggi. Antara projek-projek yang telah dibuat kajian yang pertamanya projek bagi menambah nilai kepada pengeluaran *derivative ethylene* sedia ada. Produknya ialah *specialty ethozylates* dan *polyols mende ape dok tahu* tapi bahan untuk pembersih, cucian, ubat-ubat, minyak pelincir, kain kualiti tinggi. Itu nak dia nak keluar bahan ini. Yang kedua, projek bagi menambah nilai kepada pengeluaran *acetic asid* yang sedia ada, *acetylated wood*, nak keluarkan kayu. Kerja-kerja kayu kualiti tinggi untuk rumah, *construction*, lantai dan sebagainya. Kemudian satu lagi yang telah dibuat kajian dan boleh dilaksanakan *insya-Allah* ialah projek berteraskan usaha kelestarian untuk mengurangkan pelepasan karbon dioksida CO² iaitu sodium bikarbonat jadi ejen untuk buat kek, makanan haiwan, *fire extinguisher*, ubat-ubatan dan berbagai lagi. Itu kajian yang sedang dibuat oleh PETRONAS.

Kemudian yang keduanya usaha Kerajaan Negeri pula untuk mengambil peluang, antara usaha dan penambahbaikan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam memanfaatkan sepenuhnya industri Petroleum termasuk sektor hiliran beri kepentingan rakyat dan Negeri Terengganu adalah seperti berikut:

1. Kerajaan Negeri mengenal pasti salah satu daripada langkah yang boleh diambil adalah dengan mengawal dan memantau keseluruhan rantaian ekonomi bagi projek-projek yang akan dilaksanakan kelak. Sebagai contoh, bagi industri

petroleum dan gas sedia ada, Kerajaan Negeri dengan kerjasama PETRONAS sentiasa berusaha memastikan rantai ekonomi sehingga kepada produk akhir berasaskan petroleum dan gas dihasilkan dalam Negeri Terengganu. Produk-produk lain yang mengguna pakai bahan mentah daripada petroleum dan gas juga boleh berkembang seperti yang dapat dilihat di Taman Biopolimer Kertih (KIPC) yang bersebelahan dengan Kompleks Petroleum di Kertih. Itu yang sedang berjalan.

2. Bagi syarikat anak tempatan pula, Kerajaan Negeri memanfaatkan peranan Terengganu Petroleum Council (TPC) untuk membida tender-tender yang dikeluarkan oleh pihak PETRONAS dan sebagai rekod, TPC diwujudkan di bawah seliaan Terengganu Incorporated yang menjadi payung kepada syarikat-syarikat yang dimiliki oleh anak-anak Negeri Terengganu dan bersama untuk mendapatkan kerja-kerja kontrak yang ditawarkan. Peranan Terengganu Petroleum Council (TPC) yang menjadi medium Kerajaan bagi memastikan kedaulatan Negeri Terengganu sebagai pengeluar minyak dan gas yang utama di Malaysia dapat dilindungi haknya dengan sewajarnya demi kepentingan rakyat dan Negeri Terengganu.
3. Kemudian kita ada buat kerjasama sebagai *smart partnership* dengan PETRONAS secara berterusan dan kita memperkasakan Jawatankuasa Kerja Bersama Kerajaan Negeri Terengganu dan PETRONAS atau *Join Working Committee* (JWC) yang kita adakan mesyuarat berkala bagi objektifnya ialah bagi mengukuhkan hubungan dua hala dan penjajaran kepentingan di antara Kerajaan Negeri Terengganu dan PETRONAS melalui saluran kerjasama rasmi untuk merealisasikan lanjutan faedah bersama daripada pembangunan Petroleum di Negeri Terengganu.
4. Kemudian kita juga pastikan bahawa 70% daripada pekerja dan mana-mana perusahaan di kawasan-kawasan industri ini adalah untuk anak Terengganu. Baru-baru ini, kita lagi pihak-pihak pemain *oil and gas* di Kemaman telah menubuhkan satu lagi *council* yang dinamakan TODC (*Terengganu Oil and Gas Council*) yang kita rapatkan hubungan antara PETRONAS dan TODC ini untuk mencari jalan menyelesaikan masalah yang timbul.

Itulah antaranya yang kita lakukan setakat ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Setelah kita mendengar beberapa inisiatif yang telah diambil perjalanan oleh PETRONAS dan akan disambut oleh Kerajaan Negeri, bilakah dijangka pelaburan-pelaburan ini akan memulakan operasi di Negeri Terengganu. Adakah dia masih memerlukan masa yang lama ataupun dalam tempoh yang terdekat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Sememangnya kerja-kerja untuk mencari pelabur untuk Negeri Terengganu ini berterusan dilakukan bersama dengan berbagai agensi MIDA, ECER dan berbagai agensi yang lain dan sesetengahnya telah memberi kepastian untuk datang contohnya satu tu adalah untuk ia melabur di bidang campur *chemical* dengan kayu akhirnya keluar lantai yang jenis mereka nak tu campur asid dan sebagainya itu daripada UK mereka akan datang mungkin setahun ke dua tahun ni sebab mereka sedang menyudahkan projek mereka di Hull, England dulu. *Insyah-Allah* mereka akan datang ke sini. Begitu juga yang lain-lain, dan untuk tempatan pun memang ada pertanyaan contoh, *insyah-Allah* hujung tahun ini ataupun awal tahun depan kemungkinan tahun depan akan ada satu syarikat, syarikat bumiputera sebenarnya yang melibatkan diri untuk mengeluarkan sarung tangan di kawasan Kertih, Paka, *insyah-Allah*. Yang lain-lain itu masih dalam urusan untuk bertanya khabar ramai yang datang bertanya khabar tapi terencat sikit kerana COVID ini tak dapat kita berjumpa mereka di luar negara untuk panggil mereka datang ke sini.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Ladang mengatakan sebuah kilang sarung tangan buat sarung tangan akan dibuka. Apakah syarikat ini juga melibatkan Kerajaan Negeri kerana sedia dimaklumkan Yayasan Terengganu melabur RM4.5 juta dalam kilang ini. Adakah kilang ini yang dimaksudkan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sarung tangan ini adalah keluaran syarikat yang akan mengendalikan sarung tangan ialah suatu syarikat tempatan dan Kerajaan Terengganu tidak terlibat dalam pengeluaran ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya jemput Wakil Batu Burok kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato Yang Di-Pertua, soalan pertama-

Sejauh manakah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri dalam membuat penambahbaikan mahkamah syariah dari segi pembangunan dan penstrukturan di seluruh Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga ketua jabatan, semua hadirin sekalian. Soalan Yang Berhormat Wakil Batu Burok berbunyi, sejauh manakah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri dalam membuat penambahbaikan mahkamah syariah dari segi pembangunan dan penstrukturan di seluruh Negeri Terengganu?

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua, pihak Kerajaan Negeri Terengganu bersama dengan UPEN telah mengadakan satu siri lawatan menyeluruh ke seluruh mahkamah-mahkamah milik Kerajaan Negeri Terengganu, Mahkamah Syariah di Negeri Terengganu kita ini. Antaranya untuk meninjau keperluan dan juga infrastruktur yang sedia ada bagi membuat penambakan mahkamah-mahkamah syariah di Negeri Terengganu secara menyeluruh. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua, kita sedia maklum kebanyakan mahkamah-mahkamah syariah yang sedia ada menggunakan bangunan pejabat agama yang telah berpindah ke bangunan baru dan kita sedia maklum 20 hingga 30 tahun bangunan yang sedia ada sudah tidak sesuai lagi untuk menampung perjalanan mahkamah syariah di daerah masing-masing kerana memandangkan lebih daripada 600-

1000 kes dibicarakan dan diselikan di mahkamah-mahkamah daerah yang sedia ada. Jadi ada lagi mahkamah kita yang menumpang ataupun menyewa di perumahan kedai seperti di Setiu. Ada yang duduk dekat dengan *traffic light* yang agak mengganggu apabila kes-kes dibicarakan dan kita merasakan kebanyakan peringkat daerah ini memerlukan bangunan baru untuk menempatkan secara kekal dan lebih baik. Pihak Kerajaan Negeri juga sebenarnya perlu untuk mewujudkan dua mahkamah tinggi di Besut dan juga di Kemaman dan hakim mahkamah pun sudah ada tapi digunapakai di peringkat Negeri Terengganu dulu kerana tidak memiliki dewan ataupun tempat yang sesuai untuk dilaksanakan perbicaraan mahkamah tinggi di peringkat Besut ataupun di peringkat Kemaman. Kita dengarlah bajet takut ada perkara yang menggembirakan bagi diwujudkan segera mahkamah tinggi di peringkat Besut mahupun di peringkat Kemaman. Untuk makluman juga mahkamah daerah di peringkat Kuala Terengganu pun masih lagi menumpang di Mahkamah Tinggi Terengganu, kita wujudkan daerah baru Kuala Nerus kita rasa sewajarnya juga diwujudkan mahkamah baru di peringkat Daerah Kuala Nerus untuk *cover* bahagian bandar Kuala Terengganu dan sebagainya. Jadi dari segi infra amat memerlukanlah bangunan-bangunan ini dibina baru sebahagian ada tapak dah dan sebagainya untuk memudahkan perjalanan mahkamah yang sedia ada.

Apa pun dari segi penstrukturan pihak Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu sedang menyediakan satu kertas cadangan penaiktarafan peringkat mahkamah daripada tiga peringkat mahkamah iaitu yang sedia ada iaitu Mahkamah Rendah Daerah, Mahkamah Tinggi Syariah dan juga Mahkamah Rayuan Syariah dan dengan ditambah satu lagi tingkatan mahkamah yang lebih atas. Tujuan penstrukturan ini dibuat adalah untuk memberi peluang kepada masyarakat untuk mendapatkan hak dan pembelaan mereka dengan lebih luas. Sebahagian negeri-negeri sudah dilaksanakan kita dalam menyiapkan kertas untuk diangkat ke MAIDAM untuk dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk mendapat perkenan Kebawah Duli bagi menaik taraf mahkamah yang sedia ada. Kita juga dalam mengemaskinikan ataupun membuat penambahbaikan apa-apa enakmen yang sesuai dengan semasa untuk persiapan dan persediaan masa-masa akan datang. Apa pun pihak Mahkamah Syariah Negeri Terengganu bersedia pada bila-bila masa sahaja untuk melaksanakan hasrat Kerajaan Negeri jika mendapat kelulusan RUU 355 untuk melaksanakan Undang-undang Syariah secara *total* di Negeri Terengganu kita ni. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Paka yang telah memberikan jawapan. Daripada keadaan yang telah disebutkan tadi adakah di sana peruntukan-peruntukan tambahan yang telah diluluskan jika sekiranya ada berapakah peruntukan tersebut.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita buat sementara kita sempena lawatan tersebut kita mengeluarkan peruntukan tambahan lebih kurang RM85,000.00 untuk membuat penambahbaikan bilik bicara ataupun kawasan persekitaran yang kita rasa agar lebih mesra kepada mereka yang mengguna pakai di peringkat mahkamah tersebutlah. Apa pun pihak Kerajaan Negeri di bawah UPEN sebenarnya sedang menyelia dan menyelaras untuk membuat penambahbaikan atas apa yang kita lawati untuk diguna pakai sementara sebelum pembinaan mahkamah yang lebih selesa, *insya-Allah*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya menjemput Wakil Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya yang pertama-

Apakah status terkini dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi hakisan di Pantai Teluk Lipat Dungun, di Rhu Rendang dan juga di Kuala Nerus.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli- ahli Yang Berhormat Sekalian, Yang Berhormat Senator, Ketua-ketua Jabatan yang hadir sekalian. Soalan yang dibangkitkan oleh wakil dari Sura adalah berkaitan dengan hakisan pantai apakah status terkini dan langkah-langkah yang diambil oleh

Kerajaan Negeri bagi mengatasi hakisan di Pantai Teluk Lipat Dungun, di Rhu Rendang dan juga di Kuala Nerus. Jadi Yang Berhormat ingin tahu berkaitan dengan status terkini dan juga langkah-langkah yang Kerajaan Negeri ambil. Berkaitan dengan hakisan pantai di Teluk Lipat, *alhamdulillah* projek ataupun tender ini telah diluluskan pada 30 Oktober baru-baru ini oleh pihak ECERDC setelah lama kita menunggu beberapa tahun dan bersetujulah untuk membina baru empat *headland* dan juga kerja-kerja yang berkaitan dengannya.

Untuk hakisan di Pantai Rhu Rendang, saya rasa bukan Rhu Rendang sahaja bahkan daripada Rhu Renggeh, Rusila, Rhu Dua, Rhu Rendang sampailah ke Marang. Memanglah menjadi masalah kepada kita, hakisan pantai ini sudah beberapa tahun dan baru-baru ini, Yang Berhormat Tuan Ibrahim, Menteri datang melawat sekitar Kampung Rusila dan bersetuju meluluskan sebanyak RM15 juta untuk kerja-kerja *beach nourishment* di kawasan tersebut yang *insya-Allah* akan dilaksanakan pada awal tahun hadapan. Sekarang ini masih dalam kerja-kerja berkaitan dengan kerja atas kertaslah dulu, berkaitan dengan projek tersebut.

Ketiga, berkaitan dengan hakisan pantai di Kuala Nerus. Ini pun sudah agak lama tidak dapat diselesaikan. *Alhamdulillah* pada baru-baru ini, pihak JPS telah meluluskan kos sebanyak RM6.147 juta untuk kerja-kerja *beach nourishment* di sekitar kawasan tersebut sejauh 500 meter, *insya-Allah* akan siap pada bulan Ogos tahun hadapan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Soalan tambahan yang pertama: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mendapat maklumat daripada pihak Kerajaan Negeri, kontraktor yang mendapat, nak mohon supaya menyatakan kontraktor yang mendapat tender pemulihan hakisan pantai di Teluk Lipat ini dan juga berapakah kos untuk membaikpulih tersebut?

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Sura. Ekoran dari lawatan dan kita ucap terima kasih banyaklah. Lawatan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita sendiri bersama dengan Yang Berhormat Mohamed Azmin bin Ali waktu itu MEA, ataupun *Ministry of Economic Affairs* telah melawat kawasan sini, iaitu Teluk Lipat sekitar awal tahun ini, saya rasa bulan Januari ataupun Februari *gitu* dan waktu itu Yang Berhormat Mohamed Azmin bersetuju meluluskan anggaran kasar waktu itu RM80 juta. Tetapi selepas *diaward* ataupun dibuat tender baru-baru ini harganya

ialah RM57 juta dan telah *diaward* kepada satu syarikat yang Cson & Sons dan skop kerjanya ialah pertama menyiapkan empat *headlane* yang baru, membuat *beach nourishment*, membaiki jalan, kalau kita pergi ke Teluk Lipat hari ini sudah tentu kita dapat melihat kerosakan jalan. Jadi, membaiki jalan ini menjadi keutamaanlah Yang Berhormat Sura, dan juga struktur awam iaitu gazebo dan *walkaway* juga yang rosak kerana hakisan baru-baru ini dan *insya-Allah* kita haraplah dan berdoa supaya projek ini akan dapat diselesaikan segera iaitu dijangka akhir bulan Ogos 2022.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan saya yang kedua ialah: Memandangkan sekarang ini dah musim tengkujuh, bulan November dan Disember ini, jadi adakah pihak Kerajaan Negeri mendapat maklumat daripada pihak kontraktor tersebut untuk memulakan kerja-kerja memandangkan hakisan jalan itu semakin membesar *dah*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Sura *wak gaduh sokmo*. Oleh kerana baru tahu tender ini diluluskan ataupun *diaward* pada 30 Oktober, hari ini baru 23 hari bulan. Baru kira-kira 23 hari. Sudah tentu benda ini dalam proses untuk *award* kepada kontraktor tersebut dan kontraktor tersebut tak boleh nak turun padang lagi kerana dia perlu menyediakan beberapa perkara. Pertama dia kena tunggu *letters of award* dulu. Kemudian kena buat insuran *pulak*. Kemudian kena sediakan wang amanah dan melantik *sub cons-sub cons* untuk membuat projek-projek tersebut. Saya percaya, kerja-kerja awalan boleh dibuat iaitu berkaitan dengan jalan raya tadi yang runtuh ataupun yang berlubang boleh dibaiki dulu dan sementara itu boleh buat *protection* supaya jalan tersebut tidak runtuh. *Insya-Allah* saya rasa benda ini akan dapat diselesaikan dan kita ucap terima kasih kepada semua pihak-pihak yang terlibat yang menjayakan projek ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya *mintak* satu soalan tambahan mengenai hakisan di Pantai Mengabang Telipot yang dikatakan telah mendapat kelulusan projek. Saya difahamkan projek ini diluluskan lebih kurang bulan 8 tak silap saya, tetapi baru-baru ini sebulan lebih kapal korek duduk situ tapi tidak buat kerja. Tapi hari ini kapal korek itu telah dialihkanlah. Jadi saya nak tahu kedudukan sebenarnya. Ada kata pasir daripada luar, ada macam-macam cerita-cerita. Jadi kita

nak dapat penjelasan sebenar, jadi bilakah tindakan yang selanjutnya yang akan diambil? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Batu Rakit. Berkaitan dengan pantai di Mengabang Telipot, sebenarnya projek ini yang dalam kerja-kerja sekarang ialah projek RM6.147 juta yang telah diluluskan. Yang ini dijangka siap pada bulan 8 pada 2021 tahun depan. Tetapi untuk satu jangka yang panjang, ada lagi peruntukan yang dimohon kepada JPS *Federal* iaitu sebanyak RM90 juta. Satu waktu dulu, kalau tak salah saya pada tahun 2017 telah diluluskan waktu itu tetapi bila berlaku perubahan, macam tarik balik je Yang BERTHORMAT. Lepas itu, sekarang ni...

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Hok* lulus *doh* ni. Masalahnya masuk kapal korek lepas tu kapal korek sekarang dah lari *pulok doh*. Alih *doh*.

YANG BERTHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): *Dok, dok*. Maksud saya..

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Jadi hakisan semakin teruk. Hampir dengan kubur dan sebagainya. Rumah-rumah pun ada yang roboh.

YANG BERTHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Ye, ye betul. Yang BERTHORMAT, yang berkaitan dengan RM90 juta ini hal berkaitan dengan isu lainlah. Yang ini sedang menyediakan reka bentuk dan penyiapan untuk EIA *report*. Jadi apabila siap yang itu, *insya-Allah* satu projek jangka panjang RM90 juta akan dilaksanakan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya ingat cukup tu Yang BERTHORMAT.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya tanya soalan lain, gi jawab *hok* orang tarik balik.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dok*. Betullah.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Hok* projek *hok* RM6.147 juta ni.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dok apa, dok apa..*

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Bila nak buat masalahnya..

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dia dah beri penjelasan, rujuk perkara..

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok sapa* matlamat. Masalahnya *dok sapa* matlamat.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dengar saya kata dulu. Soalan ini dah soalan yang lain..

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok*, sebab saya nak tau.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Nanti dulu, nanti dulu...

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Asalnya kapal korek duduk *situ*, lepas *tu* alih. Jadi rakyat nak tahu sebab apa?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey, Yang Berhormat duduk...

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Sebulan duduk situ tidak buat kerja.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat duduk..

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Sebab apa? Jadi itu penjelasan yang kita nak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, duduk...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Bukan soal RM90 juta tarik balik dan sebagainya. *Hok* lulus *doh* ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey, Yang Berhormat duduk dulu, cukup. Cukup, duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok* sampai matlamat ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dok*, soalan Yang Berhormat ini, soalan yang dah lari daripada soalan asal. Kita dah...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok* lari. hal hakistan di Kuala Nerus, ada [*Pertindihan suara yang tidak dapat difaham*].

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Betul, soalan yang ditanya asal ialah soalan hakistan di beberapa tempat yang khusus yang ditanya...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yalah, betul *doh*...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat tanya soalan lain *doh*.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Tapi saya...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Nanti dulu. Dengar saya kata dulu.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Tambah...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dengar saya kata dulu.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Doh, guane pulok* Yang Berhormat *Speaker* buat pening *pale gini*...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dengar saya kata dulu, *tak dok* masalah. Sekarang ini dari segi Perkara 26 (1), menyebutkan bahawa tujuan satu soalan itu hanya nak dapat penjelasan. Tidak perlu jadikan helah untuk perbahasan pula.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok eh, ya*. Sekarang ini, saya nak mendapat penjelasan, tetapi tidak capai matlamat...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey, saya nak teruskan dengan soalan lain.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya tanya yang 6.147 juta.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dakpe*.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Kapal korek masuk *doh*. Sebulan duduk situ *dok* buat kerja. Lepas itu, lari...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dakpe*, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Jadi, kita nak tahu kedudukan sebenarnya, apa cerita.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang ini, kita kesuntukan masa.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok*, kalau main suntuk masa *sokmo gok, dok* selesai *sokmolah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat jangan macam itu.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Bukan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang ini, yang nak bertanya soalan ini ramai. Jadi, kalau...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya faham. Rakyat di bawah sana nak tahu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat kena duduk dulu apabila saya bercakap. Kena duduk dulu, kena jaga Peraturan Dewan. Kena jaga, tak perlu...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya faham Peraturan Dewan, tapi...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Doh*, kena duduk dulu*lah*.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang di-Pertua pun kena faham juga hasrat saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dok*, saya faham. Saya faham.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya bawa suara rakyat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya kena mengendalikan mesyuarat ini dengan adil. Kalau saya melayani Yang Berhormat sorang, apa kata yang lain lagi...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Dok*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Nanti dulu.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Menjawab.. tidak menjawab soalan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, dengar saya kata dulu. Sekarang ini, apa isu Yang Berhormat sebut tadi, kalau ada penjelasan akan digulung nanti, akan boleh dibuat dalam masa penggulungan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Gitu pulok*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jadi, buat masa ini Yang Berhormat duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Jadi, macam kita tanya, jawab *hok* lain.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang ini, saya jemput Yang Berhormat Telemong untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Selesai^{lah} dok? Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya yang pertama-

Pengusaha sektor pelancongan antara yang menerima implikasi besar akibat pandemik COVID-19, apakah langkah Kerajaan Negeri menangani isu ini?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan dan seluruh Ahli Dewan. Soalannya adalah Pengusaha sektor pelancongan antara yang menerima implikasi besar akibat pandemik COVID-19, apakah langkah Kerajaan Negeri menangani isu ini? Soalan ini ditanya oleh empat orang ADUN. Yang pertama, ADUN Telemong. Yang kedua, ADUN Bukit Besi. Yang ketiga, ADUN Kuala Besut. Yang keempat, ADUN Sura. Jadi, saya menjawab sebab soalannya bukan hampir sama, sama sahaja empat-empat ADUN ini. Jadi, saya jawab sekali gus. Pandemik COVID-19 ini sememangnya semua orang tahu memberikan impak yang sangat besar kepada industri pelancongan global khususnya termasuklah di Negeri Terengganu dan apabila penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 sememangnya bidang pelancongan turut terkesanlah. Antaranya, perhotelan, agensi pelancongan dan lain-lain lagi yang melibatkan

pelancongan. Oleh itu, bagi menangani pandemik ini, Kerajaan Negeri telah merangka pelan pemulihan COVID-19. Antaranya, kita bahagikan kepada tiga strategi.

Strategi yang pertama, menangani impak COVID-19 terhadap sektor pelancongan. Strategi yang kedua, melestarikan pelancongan dalam tempoh COVID-19 dan strategi yang ketiga, memacu pertumbuhan sektor pelancongan Negeri Terengganu yang dibahagikan kepada beberapa fasa di mana, saya ringkaskan strategi menangani impak COVID-19 terhadap sektor pelancongan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelancongan Negeri telah menjalinkan kerjasama bersama agensi media untuk memastikan sektor pelancongan negeri sentiasa menjadi ingatan dalam pemikiran di kalangan rakyat Malaysia. Selain itu, saringan COVID-19 di setiap premis pelancongan telah dilaksanakan untuk memastikan kawalan COVID-19 dan juga diisytiharkan sebagai negeri berisiko rendah.

Strategi yang kedua, melestarikan pelancongan dalam tempoh COVID-19, Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama mengadakan perbincangan dengan pengusaha sektor pelancongan untuk mengeluarkan tawaran pakej yang menarik. Ini apa yang kita buat. Antaranya, pakej penginapan khas, pakej makanan khas, pelancongan khas dan antaranya kita telah mengeluarkan 20 pakej melalui *Youtube* minggu lepas baru siap 20 ini. Bukan maksud kita dah *upload*, dah siarkan daripada awal lagi. Tapi, oleh kerana 20 pakej memerlukan masa yang panjang, kita baru siap minggu lepas.

Strategi yang ketiga, memacu pertumbuhan sektor pelancongan negeri, antaranya kita memperuntukkan RM63,800 kepada sektor perkhidmatan pelancongan, pengayuh beca dan lain-lain yang kita beri dulu dan ringkasnya, saya nak sebut, kami juga telah mengeluarkan *procedure standard* operasi sektor pelancongan di Negeri Terengganu sempena COVID-19, buku ini yang telah kita cetak dan yang kedua, kita mengadakan perancangan pembangunan kelestarian pelancongan bagi menghadapi cabaran COVID-19 di Negeri Terengganu ini dalam proses percetakan kita dan hasil daripada perkara ini kita juga telah mengadakan Pelan Strategik Pelancongan 2021-2025 bagi menyokong kelestarian pelancongan di mana kita dengan norma baharu yang ada sekarang ini, kita mengadakan Pelan Strategik Pelancongan sehingga tahun 2025 yang *insya-Allah* kita akan lancarkan pada Januari 2021 dan antaranya, kita memfokuskan kepada CBT (*Community Based Tourism*) yang memberikan kesan ataupun impak secara langsung kepada rakyat. Sekian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat EXCO Pelancongan sebentar tadi, kita mengucapkan terima kasih. Tapi, pada pandangan saya itu adalah satu cadangan dan juga perancangan jangka masa panjang kepada pengusaha-pengusaha pelancongan. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum bahawa COVID-19 ini semua orang terkesan, bukan pelancongan sahaja. Tapi, untuk kali ini saya khususkan kepada pelancongan kerana saya melihat sektor ini sangat teruk. Jadi, saya nak tahu apakah sokongan ataupun bantuan daripada pihak kerajaan kepada mereka-mereka yang terlibat secara langsung masa sekarang ini, bukan kata *hok* bulan tahun depan ke, *hok* tahun depan *nung* ke, *hok* buat perancangan tu bagus *doh*. *Hok* tu jangka masa panjang, saya faham. Tapi, yang hadapi masa sekarang ini, ada yang setengah-setengah itu sehinggakan nak jual *doh* apa yang mereka usaha pada hari ini kerana tidak mampu nak tanggung dengan disebabkan pinjaman-pinjaman. Ini yang saya nak tahu jangka masa pendek, Yang Berhormat. Ada *dok* Yang Berhormat beri *one off* ke, *pitih* ke, *guane* ke, gitulah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Okey, terima kasih kepada Telemong. Sebenarnya, Terengganu antara negeri yang walaupun kita terjejas, tetapi antara negeri yang terbaik dalam sektor pelancongan, *post* COVID kalau dikatakan *post* COVID sementara selepas dibuka. Kita ada memberikan bantuan kepada antaranya dulu pengayuh beca, pemandu bot penambang, pemandu pelancong bandar, pelancong alam semulajadi, malim gunung dan kerajaan untuk makluman Dewan, dalam makluman kami, di Terengganu tiada lagi kerana COVID hotel ditutup, pengusaha-pengusaha yang terpaksa gulung tikar. Kalau adapun, yalah kalau yang kecil-kecil *wallahu a'lamlah*. Tapi, dari segi hotel-hotel besar, hotel-hotel biasa tiada dalam makluman berbanding dengan negeri-negeri yang lain dan *insya-Allah* perkara ini kita akan lihat dari semasa ke semasa. Apa yang disebut tadi sebenarnya bukan dalam perancangan kita, bukanlah kita buat ini dalam untuk jangka masa panjang. Apa yang saya sebut tadi Pelan Rangsangan Pelancongan Terengganu, hampir semua perkara yang kita rancang telah dilaksanakan. *Alhamdulillah*, hasil daripada itu baru-baru ini kedatangan pelancong kita jatuh nombor dua yang terbaik di Malaysia.

والله أعلم

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang di-Pertua, saya ada satu soalan tambahan susulan yang disebut oleh Yang Berhormat Telemong tadi iaitu berkaitan dengan bantuan-bantuan yang diberi dan saya ucap tahniah. Cuma, tidak adakah perancangan ataupun cadangan Kerajaan Negeri untuk meneruskan sepertimana yang pernah dibuat oleh kerajaan sebelum ini memberikan bantuan bulanan sebanyak RM200.00 kepada pengusaha beca dan juga bot penambang kerana kita difahamkan sekarang *ni* memang *diorang ni* memang sangat daif. Saya ingat sampai tahap hari ini pendapatan diorang boleh dikatakan kosong setiap hari walaupun menunggu pelanggan-pelanggan. Jadi soalan kita tadi adakah ada atau tidak kerajaan bercadang untuk meneruskan seperti mana yang pernah dibuat oleh kerajaan sebelum ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Sehingga hari ini kita telah memberhentikan bantuan tersebut kerana kami daripada Jabatan Pelancongan Negeri, kita menyifatkan bahawa kita bukan kita ada agensi-agensi lain antaranya MAIDAM, JKM, TDI. Bagi yang miskin yang menghadapi masalah mereka akan diberikan bantuan dan *insya-Allah* perkara ini sama ada akan digulung oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ataupun kita akan tengok balikkah, kaji balik dari semasa ke semasa keperluan tersebut *insya-Allah*.

والله أعلم

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat EXCO benda *ni takleh* orang nak tunggu hal gaji-gaji. Sepatutnya kita berilah pandangan. Bantuan ini bukannya kata bantuan yang dulu atau yang baru masalahnya saya faham, Negeri Terengganu merupakan negeri antara yang paling ramai datang pelancong baru-baru ini. Tapi saya cerita ini bila menghadapi masalah PKPB ini yang jadi orang *nrak*, ada yang kena buang kerja, ada yang terpaksa berhenti, ada yang terpaksa macam kata *saknilah* tidak ada masalah yang dihadapi bukan miskin panjang *ni*, tapi kesusahan masa *lening*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan Yang Berhormat, soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ada tak yang boleh kita bantu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan-soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Itu *je* yang kita hendak tahunya. Bukan kita hendak *royat hok* dulu *tak dop hok* susah *lening* ada *dop*.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Boleh jawab tidak Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okay.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Okay eh. Sebenarnya kami sudah bincang. Kerajaan bincang bukan sektor pelancongan sahaja yang menghadapi masalah keseluruhan. Sebab itu kita serah kepada Kerajaan *insya-Allah* kita akan menilai sebenarnya dari semasa ke semasa sebab sektor peruncitan, sektor *under* pelbagai EXCO kita ini memang menghadapi masalah yang teruk juga termasuklah pelancongan, jadi kita akan nilai keseluruhannya.

والله أعلم

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okay, terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Wakil Buluh Gading.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan nombor satu –

Difahamkan Kerajaan Negeri Terengganu telah menubuhkan Urusetia Pembangunan Usahawan Terengganu (PEUTER) bagi membantu dan membangunkan usahawan. Apakah objektif ia ditubuhkan dan apakah pencapaian sejak ditubuhkan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan daripada Buluh Gading berbunyi: Difahamkan Kerajaan Negeri Terengganu telah menubuhkan Urusetia Pembangunan Usahawan Terengganu (PEUTER) bagi membantu dan membangunkan usahawan. Apakah objektif ia ditubuhkan dan apakah pencapaian sejak ditubuhkan?

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan, PEUTER ini adalah satu nafas baru diberikan oleh kerajaan kita selepas diambil alih 2018. Sebelum daripada ini, nama PEUTER adalah Majlis Sekretariat Pembangunan Usahawan Terengganu dan ditubuhkan sejak 23 April 2014. Antara objektifnya adalah:

- a) Bagi mengoptimalkan penggunaan sumber antara agensi-agensi untuk memaksimumkan pelaksanaan program dan aktiviti ke arah meningkatkan impak program sebagai *outcome* utama Pembangunan Usahawan Negeri Terengganu.
- b) Objektif yang kedua menjadikan *platform* perunding yang lebih efektif bagi menyelaraskan hala tuju serta pelaksanaan program dan aktiviti keusahawanan khususnya di Negeri Terengganu.
- c) Objektif yang ketiga membantu kerajaan untuk membentuk hala cara pembangunan keusahawanan negeri yang lebih *holistic* di masa hadapan.
- d) Objektif yang keempat, PEUTER juga berperanan sebagai urus setia yang membantu mengumpul maklumat berkaitan keusahawanan bagi usaha-usaha pemantauan dan penilaian pencapaian prestasi Program Pembangunan Usahawan Negeri Terengganu.

Mengenai pencapaian, kalau ada di dalam catatan ini bermula daripada 2016, jadi mungkin Yang Berhormat semua boleh baca melalui jawapan bertulis. Cuma saya ingin membacakan pencapaian yang diberikan bermula daripada 2019 dan 2020 sehingga 31 Oktober.

Kita pecahkan kepada pembiayaan, geran, latihan dan promosi.

PERKARA	2019	2020
PEMBIAYAAN	RM345,284,960.00 35,606 PKS	RM130,764,494.00 12,304 PKS
GERAN	RM4,077,060.00 415 PKS	RM3,326,151.00 713 PKS
LATIHAN	435 program 21,462 usahawan	123 program 4363 usahawan.
PROMOSI	349 program 117,732 usahawan	43 program 6,697 usahawan

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kita telah mendengar tadi telah banyak program-program yang telah diatur melibatkan jumlah usahawan yang agak besar. Boleh tak dikongsikan kepada kita di Dewan yang mulia ini kejayaan yang telah dicapai oleh PEUTER dalam membantu usahawan Terengganu khususnya dalam tempoh PKP yang lalu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang di-Pertua, kita mempunyai 39 agensi di bawah PEUTER ini. Mungkin pertanyaan daripada Yang Berhormat saya akan bacakan sedikit satu ataupun dua sahaja keberhasilan ataupun kejayaan anggota PEUTER membantu usahawan-usahawan kita semasa pandemik COVID-19 baru ini. Yang pertama kalau boleh saya kongsi Kerajaan Negeri sendiri di bawah YPU yang juga menjadi urus setia kepada PEUTER ini, kita telah mengeluarkan bantuan yang dinamakan Bantuan Pembiayaan COVID-19 kepada PKS Terengganu sebanyak RM4,347,971.00 kepada 327 usahawan dan begitu juga YPU turut memberi insentif menerusi pengecualian sewa kepada lebih 100 penyewa premis di YPU yang dianggarkan lebih RM500,000.00 dalam tempoh April hingga Mei 2020. Agensi yang ada di dalam PEUTER yang boleh saya kongsi sedikit di sini Dato' Yang di-Pertua, iaitu PUNB (Perbadanan Usahawan Nasional Berhad) telah memperuntukkan RM200 juta di bawah PENJANA untuk seluruh Malaysia dan sehingga kini usahawan Terengganu telah dapat manfaat sebanyak 29 usahawan yang berjumlah RM9.130 juta. Agensi kita yang seterusnya yang membantu semasa Post COVID-19 baru ini adalah

TEKUN di mana peminjam yang sedia ada dan mempunyai bayaran balik telah diberi moratorium selama enam bulan secara automatik daripada Mac sehingga Ogos. Kemudian telah memberikan moratorium tambahan bersasar selama tiga bulan lagi kepada usahawan yang memohon dan mempunyai kelayakan. Yang kedua TEKUN juga telah melancarkan pinjaman *COVID Business Recovery Micro* (CBRM) ianya pinjaman tanpa caj sehingga RM10,000.00 dan diberi moratorium bayaran balik selama enam bulan selepas menerima pembiayaan. Bagi Negeri Terengganu, sehingga 31 Oktober 2020, sebanyak 9.528 juta telah diberikan melibatkan 1,201 usahawan dan TEKUN juga melancarkan pinjaman TEKUN Mobilepreneur bagi *rider* yang berdaftar dengan syarikat e-hailing ia diberi moratorium juga enam bulan dan pinjaman tanpa caj dan untuk Negeri Terengganu, *rider* kita telah terlibat seramai 75 orang melibatkan kewangan sebanyak RM693,000.00. Jadi itu antara yang boleh saya kongsi, Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri atas segala usaha dan inisiatif yang telah dilakukan bagi membantu usahawan kita khususnya tempoh covid-19 ini. Soalan saya seterusnya, apakah langkah-langkah ke hadapan yang boleh diambil oleh YPU untuk terus membantu usahawan Terengganu kita melalui platform PEUTER ini, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Buluh Gading. Soalan tambahan, bagaimana langkah YPU melalui PEUTER platform ini untuk membantu masa hadapan usahawan-usahawan kita. Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan menurunkan banyak bantuan-bantuan di seluruh negara dan tidak terkecuali Negeri Terengganu dan sehingga kini kita mendapati ramai lagi usahawan-usahawan kita yang tidak ada maklumat dan hendak tahu dekat mana agensi-agensi yang perlu mereka pergi untuk dapatkan bantuan-bantuan itu dan *insya-Allah* YPU tekad untuk menjadikan pemudah cara dalam memaklumkan kepada usahawan-usahawan kita untuk mencari agensi-agensi yang mempunyai peruntukan-peruntukan yang banyak itu, *insya-Allah* dan pihak YPU juga melalui PEUTER sedang merancang untuk duduk semeja sekali untuk sebelum akhir tahun ini untuk melihat apakah agensi-agensi yang ada dan kita akan salurkan kepada rakyat kita *insya-Allah*.

والله أعلم

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Wakil Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya yang pertama-

Berapakah bilangan pelajar di UC TATI mengikut pecahan tahun dari 2016-2020?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Wakil ADUN Manir bertanyakan berapakah bilangan pelajar UC TATI mengikut pecahan tahun daripada 2016 sehingga 2020. Berikut adalah bilangan pelajar UC TATI untuk tahun 2016 sehingga 2020.

Pada 2016 ada 1,553 pelajar, pada 2017 turun kepada 1,048 pelajar, 2018 hanya ada 746 pelajar dan pada tahun 2019 pengambilan pelajar berjumlah 837 dan pada tahun ini 2020, walaupun dalam suasana covid dan sebagainya, *alhamdulillah* ada 1305 di UC TATI. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, berdasarkan pecahan jawapan yang diberikan itu, kita dapat melihat ada penurunan pada tahun 2018 dan 2019 dan *alhamdulillah* suasana yang ada sekarang ini kita ucapkan tahniah kepada pihak UC TATI yang dapat meningkatkan semula bilangan pelajar dan apakah pihak kerajaan mempunyai mekanisma ataupun sebab-sebab yang boleh diperincikan oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kalau kita tinjau ataupun tengok statistik kemasukan pelajar 2019-2020 ini, kita masih lagi pelajar yang paling ramai yang belajar ataupun menyambung karier pengajian mereka adalah daripada anak Terengganu dan saya rasa ini berdasarkan kepada tawaran pihak UC TATI dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri, Yayasan Terengganu yang *offer* untuk bantuan pinjaman, biasiswa mahupun kemudahan

kewangan. Baki lagi negeri jiran kita iaitu Kelantan dan juga Pahang. Itu pun pihak UC TATI mempertingkatkan kempen ataupun pelantikan agen, duta-duta untuk memperkenalkan UC TATI kepada pelajar-pelajar sama ada secara *online* ataupun kempen turun ke peringkat *grass root* sendiri. Untuk makluman Sidang Dewan sekalian, mutakhir ini isu yang dihadapi oleh universiti yang melibatkan teknikal dan sebagainya menghadapi isu yang sama iaitu kekurangan pelajar. Antaranya kerana makin ramai pelajar-pelajar di peringkat SPM dan sebagainya, mereka tidak memilih jurusan STAM lagi. Banyak dari kalangan mereka yang mungkin sebab zaman kita dahulu kita macam dipaksa untuk pilih berdasarkan kelulusan peperiksaan masing-masing. Hari ini pelajar-pelajar diberi kebebasan, mereka kadang-kadang tidak memilih jurusan STAM untuk keutamaan mereka. Jadi kita perlu mempertingkatkan kempen daripada peringkat SPM lagi untuk mereka memilih jurusan khususnya Sains untuk memberi ruang kepada mereka untuk menyambung pengajian di peringkat ijazah di universiti-universiti termasuk UC TATI sendiri.

Pihak Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan *Fast Track* SPM, nampak ada perkembangan peningkatan pelajar iaitu pada tahun 2019 ketika awal diperkenalkan, seramai 65 orang dan pada tahun 2020 meningkat 105 orang. Antara ini merupakan *feeder* untuk dia *offer* untuk menyambung pengajian di peringkat UC TATI sendiri. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tahniah kepada pihak kerajaan yang cuba melaksanakan perkembangan yang baik untuk UC TATI. Soalan tambahan saya yang seterusnya ialah di antara jawapan-jawapan tadi, kita juga ingin tahu tentang berapakah kapasiti sebenar bilangan pelajar di TATI UC yang boleh belajar pada satu-satu masa dan juga saya teruskan dengan satu soalan yang lain iaitu dengan berapakah bilangan pelajar untuk UC TATI mencapai SSL (*Sustainable Level*) untuk ketidakbergantungan UC TATI kepada pihak kerajaan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pelbagai usaha cuba dirancang oleh pentadbiran baru UC TATI antaranya kita akan menambahkan kursus diploma ataupun ijazah yang menjadi keperluan ataupun yang lebih diminati dari kalangan pelajar dan pihak UC TATI sekarang ini sedang berusaha untuk mewujudkan *city campus* di bandar Kuala Terengganu sendiri

untuk kursus-kursus yang lebih sesuai dalam suasana persekitaran bandar Kuala Terengganu untuk menambahkan bilangan pelajar dan juga berusaha ke arah untuk berdikari dalam sumber kewangan. Apapun setakat ini pihak UC TATI masih lagi bergantung kepada sumbangan ataupun penyeliaan daripada kewangan Kerajaan Negeri dan berdasarkan keperluan, berdasarkan kapasiti yang sedia ada pihak UC TATI mampu menampung antara 3,500 sehingga 5,000 pelajar di dalam kampus yang sedia ada dan hari ini pun kita telah membaiki ataupun membuat penambahbaikan beberapa asrama baru kerana peningkatan pelajar untuk kita gunakan yang sedia ada tu ada yang lama tidak digunakan menyebabkan berlaku kerosakan dan sebagainya. Secara keseluruhannya kita menjangkakan jika sekiranya kita mampu untuk menarik 3,000 pelajar, kita mampu untuk berdikari ataupun mampu untuk mendapat tambahan kewangan dan tidak perlu bergantung lagi kepada pihak Kerajaan Negeri tetapi kita berusaha ke arah itu walaupun sekarang kita ada lebih kurang 1,300 pelajar, separuh, kita rasa *insya-Allah* kita berusaha untuk di masa-masa akan datang untuk mencapai tahap 3,000 pelajar. Terima kasih.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya jemput Wakil Rantau Abang. Sebelum pada itu Wakil Bukit Besi, soalan yang pertama ditolak yang kedua dah *cover* tadi kan? Dah jawab sekali gus tadi. *Okay*. Saya jemput Wakil Rantau Abang.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya ialah soalan nombor satu-

Apakah status terkini pengoperasian Ladang Rimbunan Kaseh di Rantau Abang?

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kekanda Rantau Abang. Status terkini pengoperasian Ladang Rimbunan Kaseh di Rantau Abang bermula daripada April 2020, pengoperasian Ladang Rimbunan Kaseh di Rantau Abang telah diambil alih oleh anak

syarikat Kerajaan Negeri, TADC dengan usahasama MCT Agriculture Sdn Bhd. Sehingga sekarang ini enam SPH (Struktur Pelindung Hujan) daripada jumlah keseluruhan 26, telah dimajukan dengan tanaman MMT (Melon Manis Terengganu) sebanyak 26,000 pokok. Daripada April 2020 sehingga kepada Ogos 2020 anggaran hasil yang telah dikeluarkan sebanyak 10.17 matrik tan dengan nilai kira-kira RM80,000 manakala baki 20 lagi SPH sedang dibaikpulih dan dijangka akan siap sepenuhnya untuk penanaman pada Januari 2021 dan kesemua 26 SPH akan beroperasi sepenuhnya pada Februari 2021. Satu lagi komponen dalam Ladang Rimbunan Kaseh ialah 400 tangki ikan. Setakat ini pemaju-pemaju yang ditawarkan untuk memulihkan semula operasi 400 tangki ternakan ikan yang ada mendapati bahawa projek ternakan ikan tidak dapat diteruskan dengan kaedah dalam tangki kerana masalah bekalan air. Air daripada sumber bawah tanah di kawasan Ladang Rimbunan Kaseh mempunyai kandungan logam berat yang tinggi yang tidak sesuai untuk ternakan ikan. Kalau nak digunakan air terawat daripada SATU dia akan memakan kos yang sangat tinggi dan tidak ekonomik, sebab itu TADC bersama dengan MCT mencadangkan supaya ganti projek ternakan ikan dengan kaedah penanaman hidroponik untuk tanaman markisa. Markisa ni macam buah oren, jadi kita jangkakan *insya-Allah* menjelang pertengahan tahun 2021 kesemua tangki-tangki ternakan ikan sejumlah 400 ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Terima kasih.

YANG BERTAMBAH HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Terima kasih atas jawapan yang telah diberi kerana Rimbunan Kaseh ini merupakan satu tapak yang boleh dimajukan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah berusaha untuk memajukan setelah sekian lama ianya tak dapat dijayakan. Cuma sudah tentulah dengan usaha-usaha yang ada ini saya kira, Kerajaan Negeri akan berusaha untuk *mengoptimumkan* keseluruhan tapak ini yang mana saya melihat ada 26 buah rumah hijau ini hanya baru enam yang dilaksanakan. Jadi apakah langkah-langkah pihak Terengganu Agrotech Development Corporation (TADC) bersama dengan MCT Agriculture Sdn Bhd untuk *mengoptimumkan* penggunaan prasarana yang sedia ada di Rimbunan Kaseh? Terima kasih.

YANG BERTAMBAH DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih, Rantau Abang. Memang kos untuk baikpulih semula SPH (Struktur Pelindung Hujan) memakan kos yang sangat tinggi kerana bukan hanya sekadar struktur bumbung yang perlu dibaikpulih tetapi juga melibatkan tangki graviti, sistem paip dan sebagainya. Jadi proses ini sekarang sedang berjalan, setakat ini TADC mengeluarkan kos kira-kira RM600,000.00

bagi kerja-kerja baikpulih dan sebagaimana yang saya nyatakan tadi kita letakkan *target insya-Allah* menjelang Februari 2021 kesemua 26 SPH akan dapat dioperasikan sepenuhnya dengan tanaman MMT (Melon Manis Terengganu) secara kaedah hidroponik.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya nak ringkaskan. Saya bermurah hati nak jemput seorang lagi, Wakil ADUN, Wakil Jertih untuk kemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Yang Berhormat Dato' Pengerusi soalan pertama ditolak. Soalan saya soalan kedua-

Berapakah luas tanah terbiar di seluruh Terengganu sekarang?

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Wakil Jertih, soalan berkaitan dengan keluasan tanah terbiar di seluruh Negeri Terengganu. Sebelum itu sedikit definisi tanah terbiar, tanah terbiar yang didefinisikan oleh pihak UPEN ialah tanah milik persendirian ataupun syarikat dengan keluasan 0.4 hektar (satu ekar) dan terbiar, tidak diusahakan berturut-turut selama tiga tahun. Ini yang kita maksudkan tanah terbiar, adapun tanah kerajaan tidak dikira sebagai tanah terbiar. Keluasan tanah terbiar yang ada di seluruh Terengganu sekarang ialah 8,310.87 hektar. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): *Okay*, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebagaimana definisi yang diberitahu oleh Yang Berhormat EXCO tadi, tanah terbiar hanya kepada tanah milik sahaja tetapi tanah kerajaan tidak diistilahkan sebagai tanah terbiar walaupun tanah kerajaan tidak bertanamlah, jadi saya rasa tanah kerajaan yang sesuai untuk ditanam dengan tanaman, boleh kerajaan memberi ruang kepada rakyat untuk mengusahakan walaupun istilahnya bukan tanah terbiar tetapi tanah kerajaan sesuai untuk tanaman tapi tidak digunakan setelah sekian lama duduk depan mata jadi rakyat duk tengok hari-hari adakah peluang untuk rakyat memohon untuk mengusahakan tanah tersebut secara sementara. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih Jertih. Tanah di Negeri Terengganu ini saya istilahkan tiga kategori, yang pertama tanah kita, yang kedua tanah orang, yang ketiga tanah kerajaan. Tanah kerajaan boleh dimanfaatkan oleh rakyat untuk tujuan pertanian kontan dengan cara memohon LMS. Kalau keluasan tanah itu satu hektar ke bawah, bidang kuasa untuk meluluskan LMS berada di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Tanah Daerah Pentabir Tanah Daerah. Lebih daripada satu hektar sehingga empat hektar yang ini bidang kuasa PTG. Yang melebihi daripada empat hektar ke atas bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri, kena dapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Penggunaan tanah yang dimohon dengan kaedah LMS macam-macam terutamanya tanaman kontan, kolam ikan, padang ragut untuk ternakan, untuk buat kandang dan beberapa kegunaan lain yang tidak termasuk dalam penggunaan kekal dan kita sentiasa alu-alukan rakyat untuk memanfaatkan tanah-tanah kerajaan yang tidak ada perancangan daripada pihak kerajaan untuk memajukan buat masa sekarang ini supaya boleh dimanfaatkan malah kita bantu daripada aspek teknikal dan juga aspek modal. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Last Yang Berhormat, last.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Terima kasih di atas keterbukaan pihak kerajaan untuk memberi ruang kepada rakyat untuk mengusahakan tanah-tanah terbiar walaupun tidak diistilah terbiar tanah kerajaan. Soalan kedua, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, adakah program yang dibuat oleh kerajaan contohnya bantuan ataupun kaedah mana bagi membantu kepada golongan tanah terbiar tadi yang menjadi tanah milik tadi kerana dia tanah terbiar ini ada beberapa sebab lah, contohnya mungkin tuan tanah itu sudah rasa tidak larat ataupun dia dah ada duit tetapi mungkin ada orang lain yang dapat maklumat *nak* menggunakan maklumat tanah terbiar *nak* mengusahakan tanah terbiar tersebut dan apakah tanah yang berbentuk sewaan ataupun tanah milik orang lain ini ada bantuan daripada kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa *Task Force* Pemulihan Tanah Terbiar yang dipengerusikan oleh saya sendiri. Di antara tujuan penubuhan *task force* ini ialah untuk mengenalpasti tanah-tanah terbiar dan pemiliknya di setiap daerah. Yang kedua, kita nak kenal pasti punca dan faktor-faktor yang menyumbang kepada tanah terbiar serta tidak diusahakan. Yang ketiga, kita nak

sediakan satu pengkalan data tanah terbiar dan pengkalan data sekarang ini telah berada di peringkat sekitar 80% disiapkan sama ada melalui data satelit ataupun data daripada lapangan. Seterusnya jabatan-jabatan akan menyediakan ulasan teknikal ke arah pemulihan tanah-tanah terbiar dan keperluan-keperluan dalam rangka untuk kita memulihkan. Yang keempat, mengemukakan satu pelan tindakan. Satu cadangan *business model* yang bersesuaian. Bagaimana tanah terbiar ini boleh dipulihkan sama ada dengan penyertaan pelabur daripada sektor swasta ataupun daripada penyertaan petani tempatan. Bila kita turun ke lapangan secara umumnya kita jumpa tiga isu berkait dengan tanah terbiar. Yang pertama, tuan tanah tidak dapat nak dihubungi. Yang kedua, tuan tanah boleh dihubungi, jumpa dengan tuan tetapi tidak bersedia untuk *nak* memajukan tanah istilahnya simpan untuk pusaka anak cucu dan yang ketiga tuan tanah bersedia untuk memajukan tanah. Isu-isu berkait dengan tanah terbiar ini yang pertama sekali berkaitan dengan status pemilikan tanah. Atas satu geran ada banyak nama, adik beradik duduk jauh di serata negara menyebabkan tanah itu tiada siapa yang *nak* usaha. Yang kedua berkaitan dengan kekurangan infrastruktur dan yang ketiga kesesuaian tanaman. Yang keempat isu modal lah biasanya. Modal dan juga latihan, dan akhir skali *attitude* sebagaimana yang saya sebut tadi. Rakyat kita *nak* tanah tetapi untuk disimpan walaupun naik semak *tak* apalah dia kata simpan untuk pusaka sikit lagi. Jadi kita *nak* ubah mentaliti ini sebab itulah kita buat sesi libat urus dengan kita turun berjumpa dengan pemilik-pemilik tanah terbiar, jabatan-jabatan menyediakan khidmat nasihat. Kita cadangkan tanaman-tanaman yang berpotensi untuk dimajukan bersesuaian dengan nilai jenis tanah kemudian yang akhir sekali rakyat kita memang tidak boleh lari daripada bentuk bantuan yang kita kena sediakan. Nasihat dan bantuan dan *insya-Allah* saya meletakkan keyakinan *task force* tanah terbiar ini kita mampu untuk memulihkan secara berperingkat dan di antara *pilot project* yang kita cadangkan ialah di satu kawasan di Setiu ada satu tanah RTB pertanian di Pengkalan Aman di Mukim Pantai di Setiu seluas 270 hektar yang akan dijadikan sebagai *pilot project* dalam pemulihan tanah terbiar. Satu lagi untuk makluman Dewan, tujuan *Task Force* Pemulihan Tanah Terbiar ini bukan kita nak ambil tindakan penguatkuasaan walaupun dalam KTN ada peruntukan-peruntukan untuk tanah terbiar ini diambil tindakan penguatkuasaan. Yang kita *nak* ialah kita *nak* supaya tanah yang terbiar diubah menjadi tanah yang menghasilkan hasil yang produktif. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Cukup cukup cukup

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut):
point of order - Peraturan Dewan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sebab kita sudah terlalu lewat sekarang ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut):
Dato' Yang di-Pertua, Peraturan Dewan, saya rujuk kepada Peraturan Dewan ini 47. Nak tanya Dato' Yang Di-Pertua apakah *rolling* yang Dewan, yang Speaker akan buat sekiranya Ahli Dewan khususnya daripada pihak kerajaan menyalurkan maklumat yang tidak tepat atau tidak betul kepada Dewan yang mulia kerana ini boleh merugikan pihak rakyat itu sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Apa-apa maklumat yang tidak tepat itu.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut):
Maklumatnya kalau mengikut *hansard* Penyata Rasmi yang lepas, yang kita bersidang pada 10 hingga 12 Ogos yang lalu. Merujuk muka surat 157 *hansard* ini, Penyata Rasmi iaitu Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman, Wakil Kota Putera. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Besut. Okay, semalam saya pun telah sebutkan 80% adalah dimiliki oleh Kumpulan AZ Group. AZ Group adalah rakan strategik kita dan dalam perjanjian kita sememang 20%, kita tetap walaupun ekuiti ditambah dan sekurang-kurangnya 20% itu untuk kenaikan tiada syarat dan 20% itu adalah kepunyaan milik Yayasan Pembangunan Usahawan kerana mengikut semakan kita di SSM bahawa saham yang dimiliki oleh Yayasan Pembangunan Usahawan adalah sebanyak 100 ribu unit dan saham yang dimiliki oleh Zainudin bin Mohd mungkin daripada AZ Group sebab tidak dinyatakan di dalam SSM itu sebanyak 800 ribu unit dan bila *totalnya* adalah 900 ribu

unit. Jadi kalau kita tengok peratusan jumlah saham Yayasan Pembangunan Usahawan adalah sebanyak untuk syarikat TMex iaitu

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak apa Yang Berhormat, saya tahu, tidak perlu *detail* sangat.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Okey

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Nanti sekejap. Dengar saya kata.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Okey

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tidak perlu *detail* sangat kalau sebab semua *hansard* Dewan ini berdasarkan kepada rakaman.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Okey

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jikalau betul berlaku kesilapan apa saya akan ambil tanggungjawab.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Iye

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Itu sahaja tidak perlu panjangkan.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Kita tak nak merugikan rakyat

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Belum tentu lagi Yang Berhormat sebut itu betul juga. Kita akan tengok *hansard* sebab ini berdasarkan rakaman juga.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut):
Mohon *rolling* oleh pihak Speaker nanti.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Boleh boleh. Jadi Yang Berhormat sekalian, saya sengaja panjangkan soalan-soalan lisan ini lebih daripada kebiasaan masa yang diperuntukkanlah untuk meraikan Ahli Yang Berhormat. Jadi saya harap perkara ini mendapat perhatian daripada Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian, saya berhasrat untuk menanggungkan sementara persidangan kita ini. Kita jumpa balik pada pukul 11.30 pagi ini. Terima kasih.

MESYUARAT DITANGGUHKAN PADA JAM 11.10 PAGI.

PUKUL 11.40 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula. Sebagaimana yang saya dah sebutkan dalam ucapan awal tadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan ketua-ketua jabatan, bagi mendapatkan Buku Belanjawan 2021, Ahli Yang Berhormat dan ketua jabatan boleh mengimbas *QR Code* bagi mengakses buku tersebut setelah pembentangan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar selesai. Sila Setiausaha.

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Paka, Haji Satiful Bahari bin Mamat, untuk mengemukakan Cadangan Mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang Daripada Perkara-Perkara Lain.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua:

“Saya mohon membawa cadangan menurut Fasal 16(3) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri untuk mendahulukan pembawaan 3 Rang Undang-Undang daripada perkara-perkara lain iaitu;

- 1) Enakmen Perbekalan 2021*
- 2) Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (Pindaan) 2020*
- 3) Enakmen Tanah Simpan Orang Melayu (Pindaan) 2020*

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, satu cadangan menurut Fasal 16(3) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri untuk mendahulukan pembawaan Rang Undang-Undang daripada perkara-perkara lain telah diterima. Sekarang saya kemukakan kepada undian-

CADANGAN MENURUT FASAL 16(3) PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP DEWAN UNDANGAN NEGERI UNTUK MENDAHULUKAN PEMBAWAAN RANG UNDANG-UNDANG DARIPADA PERKARA-PERKARA LAIN KEMUDIAN DIUNDI DAN DIPERSETUJUI DENGAN SEBULAT SUARA

USUL INI DITERIMA

**RANG UNDANG-UNDANG
ENAKMEN PERBEKALAN 2021**

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara yang didahulukan ialah Rang Undang-Undang. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar mengemukakan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2021, bacaan kali yang pertama.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2021 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI
MENGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG
DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2021 DAN BAGI
MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI
TAHUN ITU, BACAAN KALI YANG KEDUA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2021 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ، وَنَسْتَعِينُهُ، وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا، وَسَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا.
مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Berusaha ketua-ketua jabatan dan agensi, yang diraikan para pegawai dan kakitangan kerajaan, para petugas media dan pemerhati yang diberkati Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sekalian.

1. Kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* jugalah kita bermohon semoga meluaskan kerahmatan, keberkatan dan petunjuk-Nya untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah, Sultanah Terengganu untuk terus menaungi Negeri Terengganu Darul Iman yang tercinta ini dengan penuh panduan wahyu.
2. Kita berkumpul pada hari ini adalah untuk melaksanakan tanggungjawab *musyawarah* menerusi Dewan Undangan Negeri, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 73(b) iaitu "Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian negeri itu".
3. Menghadapi suasana pandemik COVID-19 yang sukar pada masa ini, sudah pastinya setiap keputusan dan tindakan kerajaan menjadi harapan yang amat bermakna buat setiap penduduk di negeri ini. Ramai rakyat terkesan, ramai yang hilang pekerjaan dan terputus sumber pendapatan. Hidup tidak lagi seperti biasa, terpaksa menjalani kebiasaan baharu.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

4. Atas dasar keimanan, kita percaya bahawa kesukaran yang ditakdirkan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* buat kita pada hari ini adalah untuk menyerlahkan kemudahan pada hari esok, sepertimana yang difirmankan oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا , إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

"Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan.

Sekali lagi ditegaskan bahawa:-

sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan."
Surah al-Insyirah, 94 : 5-6

5. *Insyah-Allah*, menerusi Belanjawan 2021 Terengganu Darul Iman ini, kita berusaha dan bertawakal kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*, Tuhan yang memberikan manfaat dan mudarat, untuk memulihkan keadaan seterusnya memacu kecemerlangan demi kesejahteraan semua.
6. Namun, sudah pastilah kerja yang besar dan beban yang berat ini perlu dilaksanakan dan dipikul secara bersama oleh semua pihak; kerajaan, rakyat dan sektor swasta.

Dato Yang di-Pertua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

7. Saya mohon untuk membentangkan di Dewan ini, Enakmen Perbekalan Tahun 2021 bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai Perbelanjaan Bekalan, Perkhidmatan dan Pembangunan Negeri pada tahun 2021. Pembentangan lengkap dan perincian peruntukan Belanjawan 2021 ini terkandung dalam Buku Belanjawan Terengganu Tahun 2021.

PRESTASI DAN PROSPEK EKONOMI

Sorotan Ekonomi Global dan Malaysia

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

8. Pada suku kedua tahun ini, penguncupan ekonomi yang ketara berlaku di kebanyakan negara ekonomi maju dan pasaran sedang pesat membangun (*emerging market economy*) di seluruh dunia termasuklah negara kita yang menguncup sebanyak 17.1 peratus. Penguncupan ini terutamanya disebabkan oleh sekatan pergerakan dan perjalanan yang dikuatkuasakan bagi membendung penularan COVID-19 dengan lebih berkesan.
9. Tindakan yang terpaksa diambil ini telah menjejaskan aktiviti pengeluaran sekaligus memberikan kesan yang teruk kepada pasaran pekerjaan dan perbelanjaan sektor swasta. Harga purata minyak mentah Brent pula jatuh kepada USD33 setong berpunca daripada lebih bekalan yang meningkat pada masa permintaan semakin menurun.
10. Akibat sekatan pergerakan dan kehilangan pendapatan isi rumah pula, pertumbuhan penggunaan swasta telah menurun sebanyak 18.5 peratus sekaligus menurunkan permintaan dalam negeri sebanyak 18.7 peratus.
11. Namun, *alhamdulillah*, pada suku ketiga tahun ini, ekonomi negara kita semakin bertambah baik apabila mencatatkan penguncupan yang lebih kecil iaitu sebanyak 2.7 peratus sahaja. Sektor pembuatan telah merekodkan pertumbuhan daripada -18.3 peratus kepada 3.3 peratus; sektor perkhidmatan daripada -16.2 peratus kepada -4.0 peratus; sektor perlombongan pula daripada -20.0 peratus kepada -6.8 peratus dan juga sektor pembinaan daripada -44.5 peratus kepada -12.4 peratus.
12. Peningkatan pertumbuhan ini adalah refleksi pembukaan semula ekonomi daripada langkah- langkah pengekangan COVID-19, keadaan permintaan luaran yang lebih baik, pemulihan berterusan di semua subsektor pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), peningkatan permintaan minyak dan gas serta penyambungan semula lebih banyak projek di semua subsektor.

Dato Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

13. *Alhamdulillah*, Negeri Terengganu Darul Iman yang kita kasihi ini tersenarai antara tujuh (7) negeri yang merekodkan prestasi yang lebih baik pada tahun 2019 dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 3.3 peratus berbanding 2.5 peratus pada tahun 2018. Ini menjadikan nilai KDNK kita meningkat daripada RM34.8 bilion pada tahun 2018 kepada RM36.0 bilion pada tahun 2019 dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan kekal menjadi penyumbang terbesar dengan nilai RM18.5 bilion dan RM13.1 bilion masing-masing.
14. Walaupun begitu, kita tidak wajar untuk berasa selesa dengan kedudukan tersebut memandangkan pertumbuhan KDNK kita masih di bawah paras nasional.
15. *Alhamdulillah*, hampir semua sektor ekonomi kita mencatatkan pertumbuhan positif dengan sektor pembinaan dan sektor pertanian merekodkan pertumbuhan paling memberangsangkan iaitu masing-masing daripada -9.2 peratus dan -2.5 peratus pada tahun 2018 kepada 0.4 peratus dan 6.0 peratus pada tahun 2019.
16. Pengembangan sektor pertanian ini benar-benar menjadi pemangkin bagi merencanakan tahun 2021 sebagai Tahun Pertanian Negeri seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu.
17. Perubahan peratus tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP) kita pada tahun 2019 bertumbuh perlahan pada kadar 0.1 peratus berbanding 0.4 peratus pada tahun 2018 menunjukkan paras harga keseluruhan barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi kita masih terkawal dan paras kos sara hidup kita masih baik.
18. Pendapatan penengah isi rumah kita juga menunjukkan peningkatan kepada RM5,545 sebulan pada tahun 2019 berbanding RM4,694 pada tahun 2016.
19. Namun begitu, berdasarkan data Paras Garis Kemiskinan Metodologi 2019, masih terdapat sebanyak 15,781 isi rumah berstatus miskin mutlak dengan

pendapatan isi rumah tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup asas meliputi makanan, perlindungan dan pakaian. Golongan ini mesti diberikan perhatian dan dibantu supaya mempunyai keupayaan sendiri bagi menjamin kelangsungan hidup.

20. Tambahan pula, impak pandemik juga telah menyebabkan puluhan ribu individu lagi terutamanya yang terlibat dengan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS), sektor tidak formal dan bekerja sendiri telah kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

21. Menempuhi persekitaran yang mencabar ini, saya amat berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang diterajui oleh YAB Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin selaku Perdana Menteri kerana telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti Bantuan Prihatin Nasional, i-Lestari KWSP, Program Subsidi Upah dan moratorium pinjaman menerusi pakej-pakej rangsangan ekonomi; PRIHATIN, PRIHATIN PKS TAMBAHAN, PENJANA dan KITA PRIHATIN.
22. Menyokong usaha tersebut, Kerajaan Negeri Terengganu juga telah mengumumkan Pakej Rangsangan Terengganu Cakna meliputi pemberian bantuan keperluan harian, penangguhan bayaran sewa dan tambahan insentif kepada para peniaga. Semua yang dibuat oleh kerajaan ini adalah bagi mengurangkan beban rakyat, mengekalkan pekerjaan, membantu perniagaan dan menjamin pertumbuhan ekonomi.
23. Pada fasa untuk menjana semula (*restart*) dengan izin, memulih (*recovery*) dan memperkasa (*revitalise*) dengan izin, yang telah dan sedang kita lalui ini, sokongan dan kerjasama rakyat dan pihak swasta dengan kerajaan adalah amat diperlukan supaya kita boleh terus bergerak dengan lebih pantas ke hadapan untuk menjayakan agenda menyusun semula (*reform*) dengan izin, struktur ekonomi kita.

BELANJAWAN 2021**Kewangan Kerajaan Negeri dan Peruntukan Belanjawan 2021**

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

24. Walaupun Kerajaan Negeri masih dibebani dengan pembayaran tertangguh (*deferred payment*) dan pembayaran berjadual (*scheduled payment*) dengan izin, berjumlah RM439.75 juta bagi tahun 2021, ditambah pula dengan risiko kelembapan ekonomi dan perbelanjaan luar jangka disebabkan pandemik COVID-19 yang belum surut, Kerajaan Negeri tetap komited untuk mengawal defisit supaya tidak melebihi paras 10 peratus atau RM125 juta.
25. Justeru, Belanjawan 2021 ini akan memperuntukkan sejumlah RM1.375 bilion untuk Perbelanjaan Mengurus iaitu sebanyak RM94.98 juta atau 6.91% untuk Perbelanjaan Tanggungan dan RM1.28 bilion atau 93.09% untuk Perbelanjaan Bekalan yang meliputi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM774.90 juta atau 56.36%; Emolumen sebanyak RM275.75 juta atau 20.05%; Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM207.10 juta atau 15.06%; Aset sebanyak RM21.27 juta atau 1.55% dan Perbelanjaan-Perbelanjaan lain sebanyak RM1 juta atau 0.07%.
26. Bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, sebanyak RM150 juta atau 10.91% adalah untuk caruman Kumpulan Wang Pembangunan, RM270 juta atau 19.64% untuk Pelbagai Perkhidmatan B32, RM195.3 juta atau 14.20% untuk caruman Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun, RM124.9 juta atau 9.08% adalah untuk Jabatan Kerajaan dan RM34.7 juta atau 2.52% adalah untuk caruman Pelbagai Agensi.
27. Di samping itu, demi kesejahteraan seluruh penduduk Terengganu, Belanjawan 2021 juga akan memperuntukkan sebanyak RM20.17 juta untuk Kumpulan Wang Bekalan Air dan RM615 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan iaitu RM27 juta atau 4.40% untuk sektor ekonomi yang meliputi pertanian, pelancongan dan industri; RM88 juta atau 14.31% untuk sektor pentadbiran yang meliputi teknologi maklumat, pentadbiran am, projek khas dan projek penting luar

jangka; dan RM500 juta atau 81.30% untuk sektor sosial yang meliputi pendidikan, infrastruktur dan kemudahan awam; pembangunan bandar dan luar bandar; serta sukan dan perumahan.

28. Jumlah Perbelanjaan Mengurus bagi Belanjawan 2021 ini jika dibandingkan dengan Belanjawan 2020 adalah berkurang sebanyak kira-kira 25 peratus. Pengurangan yang terpaksa dibuat ini adalah susulan penyusutan Anggaran Hasil kepada RM1.25 bilion pada tahun 2021 berdasarkan anggaran harga minyak mentah Brent USD40 setong; berbanding RM1.66 bilion pada tahun 2020.
29. Anggaran Hasil berjumlah RM1.25 bilion ini adalah daripada Hasil Cukai sebanyak RM58.56 juta atau 4.68%, Hasil Bukan Cukai sebanyak RM130.64 juta atau 10.45% dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM1.06 bilion atau 84.87% iaitu termasuk RM933.33 juta Royalti Petroleum.
30. Walaupun terdapat kekangan kewangan, sokongan dan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam menyalurkan Royalti Petroleum secara penuh serta membayar hutang pembinaan Lebuh raya Pantai Timur 2 (LPT2) berjumlah RM1.431 bilion kepada Kerajaan Negeri, diharapkan dapat merealisasikan agenda pembangunan wilayah yang seimbang untuk Negeri Terengganu.

Pendekatan Penyediaan dan Pelaksanaan Belanjawan 2021

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

31. Dalam merangka Belanjawan 2021 ini, selain input daripada setiap "Ahli Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)" dan semua jabatan atau agensi Kerajaan Negeri, kita juga telah mendapatkan cadangan daripada individu dan institusi serta semua ADUN dan Penyelaras DUN menerusi portal Cadangan Bajet Rakyat Terengganu (CBRT). Selain dari memperhalusi semua input menerusi enam (6) siri Bengkel Perundingan Pakar yang turut disertai oleh ahli akademik, pemain industri dan tokoh masyarakat demi memastikan semua inisiatif yang disenaraikan mempunyai nilai strategik, berimpak tinggi dan menekankan keberkesanan kos.

32. Bagi menjayakan pelaksanaan Belanjawan 2021 ini pula, tiga (3) pendekatan telah dijadikan panduan dan keutamaan iaitu;
- (i) mengurus perbelanjaan secara berhemah mengikut keutamaan, keperluan dan kemampuan semasa;
 - (ii) mengoptimumkan pelbagai peruntukan dan inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dan
 - (iii) memperbanyakkan kerjasama dengan pelbagai pihak.

Inisiatif Belanjawan 2021

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

33. Setelah mempertimbangkan semua senario semasa serta keperluan dan keupayaan kita semua, izinkan saya untuk membentangkan Belanjawan 2021 Terengganu Darul Iman yang bertemakan **"Melestarikan Kesejahteraan Bersama"**. Belanjawan ini mengandungi 146 INISIATIF di bawah 14 STRATEGI yang ditunjangi oleh LIMA (5) TERAS berikut:

- | | | |
|----------------------|---|---|
| Teras Pertama | : | Meneguhkan Pelaksanaan Agenda Islam dan Pembangunan Modal Insan |
| Teras Kedua | : | Menjana Semula Ekonomi dan Pendapatan Rakyat |
| Teras Ketiga | : | Menjamin Kesejahteraan Keluarga dan Sosial |
| Teras Keempat | : | Mendigitalisasikan Perkhidmatan Awam. |
| Teras Kelima | : | Melestarikan Alam Sekitar |

INISIATIF KHAS COVID-19.

34. Dalam suasana negara masih berhadapan dengan pandemik COVID-19, demi menjamin kesejahteraan rakyat dan menyokong pertumbuhan ekonomi, Kerajaan Negeri dengan penuh rasa tanggungjawab mengumumkan Inisiatif Khas COVID-19 dengan peruntukan berjumlah RM34.32 juta, bagi melaksanakan lima (5) inisiatif khas seperti berikut:

Inisiatif 1 : Jawatankuasa Adaptasi Pandemik COVID-19.

35. Penubuhan Jawatankuasa ini adalah bagi merencana pendekatan baharu dalam menghadapi COVID-19 di Negeri Terengganu iaitu daripada bertindak balas (*response*) dengan izin, terhadap impak kepada penyesuaian (*adaptation*) dengan izin, dengan keadaan memandangkan pandemik COVID-19 ini tiada ketentuan mengenai penghujungnya.
36. Jawatankuasa ini akan melibatkan pelbagai Agensi Negeri dan Persekutuan serta berperanan untuk mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri sebarang keputusan dan tindakan yang boleh serta perlu diambil bagi tujuan
- (i) mempromosikan kesihatan dan pembudayaan kebiasaan baharu,
 - (ii) menjamin ketersediaan dan kebolehcapaian keperluan asas, dan
 - (iii) melestarikan kemandirian individu, isi rumah dan perniagaan.
- Peruntukan sebanyak RM100 ribu digunakan bagi melaksanakan kempen norma baharu ini.

Inisiatif 2 : Latihan Kemahiran dan Peluang Pekerjaan

37. Inisiatif ini adalah bagi meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehgajian golongan graduan, penganggur dan pekerja yang terjejas akibat diberhentikan, diberikan cuti tanpa gaji dan dipotong gaji. Bagi meningkatkan dan melatih semula kemahiran golongan ini, program perantisan, latihan keusahawanan dan kursus jangka pendek akan dilaksanakan secara usaha sama dengan pelbagai pihak. Sebanyak RM7.52 juta diperuntukkan bagi inisiatif ini.
38. Program-program di bawah inisiatif ini adalah seperti berikut:

- i) **Terengganu Young Executive Program (TYEP)** iaitu program latihan perantisan sebagai laluan kerjaya sebelum ditempatkan dalam pasaran kerja.
- ii) **T-JOB** iaitu program yang menyediakan latihan industri dan peluang pekerjaan kepada anak Terengganu terutamanya dalam bidang kemahiran, termasuklah kepada golongan OKU untuk mendapatkan bimbingan dan sokongan kerjaya.
- iii) **Kursus Keusahawanan Terengganu** bagi membangunkan keusahawanan T-VET dan membimbing bakal usahawan dalam penyediaan rancangan perniagaan dan kemahiran komunikasi di bawah seliaan Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU).
- iv) **Terengganu Training Program (TTP)** dengan memperkasakan pusat kemahiran seperti TESDEC dan TATIUC bagi menjadikan Terengganu sebagai hub untuk pekerja mahir dan profesional dalam bidang-bidang strategik.
- v) **Program Jati Diri Generasi Sejahtera** bagi memperkasakan kemahiran keusahawanan golongan belia dan beliawanis yang akan digerakkan oleh urus setia Belia, Sukan dan NGO Terengganu (UBSNT).
- vi) **Terengganu Skill Enhancement Program for School Leavers (TSEP-S)** bagi melatih kemahiran golongan lepasan sekolah menerusi penempatan pekerjaan atau Place & Train, dengan izin.
- vii) **Program Transformasi Pekerja Itqan** bertujuan mempersiapkan mentaliti dan sikap pelatih bagi menghadapi suasana kerja berbeza di luar Terengganu dengan melibatkan ikon anak Terengganu di perantauan yang berjaya dalam bidang masing-masing.
- viii) **Karnival Pekerjaan 2021** bagi memastikan setiap peluang yang diwujudkan di Terengganu dapat dimanfaatkan sepenuhnya rakyat

Terengganu melalui program padanan pekerjaan atau *Job Matching Program*, dengan izin.

Inisiatif 3 : Pusat Bersepadu Pemasaran PKS

39. Inisiatif ini adalah bagi mempercepatkan proses pemulihan PKS dan pertumbuhan ekonomi negeri. Ia sebagai sokongan kepada program-program latihan pemasaran sedia ada.
40. Menerusi inisiatif ini, pemilik PKS ditawarkan pilihan pakej yang fleksibel dengan yuran yang rendah untuk memasarkan barangan dan perkhidmatan mereka dengan lebih berkesan yang akan diurus oleh tenaga pakar dalam bidang pemasaran terutamanya pemasaran digital. Inisiatif ini melibatkan kuantum berjumlah RM1.5 juta termasuk RM400,000.00 bagi menaik taraf aplikasi GanuShop.

Inisiatif 4 : Program Literasi Kewangan

41. Program ini adalah untuk memberikan pendidikan, latihan dan bimbingan kepada individu dan isi rumah bagi mengurus kewangan masing-masing dengan lebih baik terutamanya meliputi aspek pengurusan aliran tunai, aset, simpanan, skim perlindungan dan pelaburan.

Inisiatif 5 : Bantuan Golongan Terjejas

42. Bantuan ini disediakan terutamanya bagi menyokong kumpulan isi rumah B40 dan golongan yang ditimpa musibah kesihatan dan bencana. Sebanyak RM7 juta akan diperuntukkan bagi Bantuan Persekolahan, RM5 juta bagi Tabung Darul Iman dan RM3.5 juta bagi Tabung Pemulihan PKS.
43. Suka juga untuk saya umumkan, seramai 48,500 isi rumah golongan B40 akan menerima bantuan tunai Cakna Rakyat Terengganu sebanyak RM200.00 secara *one-off*, dengan izin yang melibatkan peruntukan berjumlah RM9.7 juta.

44. Kerajaan Negeri juga memahami tekanan yang dihadapi oleh peniaga kecil dan penjaja. Dengan ini Kerajaan Negeri mengumumkan tiada kutipan lesen peniaga kecil dan penjaja bagi tahun 2021. Kita mengharapkan dengan inisiatif ini dapat merancakkan lagi ekonomi Negeri Terengganu dan membantu meringankan beban yang dihadapi oleh para peniaga dan penjaja.
45. Kerajaan Negeri turut tidak melupakan kebajikan golongan warga emas di Negeri Terengganu. Untuk itu, Kerajaan akan melaksanakan program Pencen Rakyat dengan pembayaran sebanyak RM600 secara *one-off*, dengan izin kepada mereka yang selayaknya.

TERAS PERTAMA:

MENEGUHKAN PELAKSANAAN AGENDA ISLAM DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Strategi 1 : Merancakkan Aktiviti Dakwah dan Penerangan

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

46. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM8 juta bagi pembinaan enam buah masjid; lima daripadanya sedang dalam pembinaan, manakala satu lagi akan dibina di Kampung Tanjung Putat, Hulu Terengganu. Manakala bagi kerja-kerja membaikpulih dan menyelenggara masjid dan surau terpilih di seluruh Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah RM2 juta.
47. Bagi merancakkan lagi aktiviti dakwah di Terengganu, sebanyak RM1.1 juta akan diperuntukkan untuk menjayakan Program Daie Cilik, Program Dakwah Nusantara 2.0, Program Ulama' Terengganu 2.0, Program Hospital Harmoni serta Konvokesyen Huffaz dan Mutawwif.
48. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan mempergiatkan aktiviti dakwah di peringkat DUN dengan peruntukan berjumlah RM1.6 juta, iaitu RM50,000.00

bagi setiap DUN, bagi menyemarakkan penghayatan agama Islam dalam kalangan masyarakat.

49. Sebagai penghargaan atas peranan dan sumbangan penggiat media dan mempengaruhi media sosial (*media social influencer*) dengan izin, dalam penyediaan kandungan dakwah kreatif dan mempromosikan Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri akan menganjurkan Anugerah Media Terengganu dengan peruntukan sebanyak RM300,000.00.

Strategi 2: Memperkasakan Modal Insan

50. Modal insan yang kita mahu lahirkan adalah yang mempunyai penghayatan agama yang sebenar serta akhlak dan disiplin tinggi di samping pengetahuan dan kemahiran yang mantap.
51. Justeru, Kerajaan Negeri terus komited melaksanakan program Dasar Integriti Darul Iman (DIDI) dan melancarkan Modul Itqan Insani dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM3.75 juta.
52. Kerajaan Negeri juga akan menganjurkan latihan dan kursus bagi meningkatkan kecekapan pegawai dan kakitangan kerajaan, memantapkan imam dan bilal serta mengukuhkan kepemimpinan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dengan peruntukan berjumlah RM750,000.00.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Strategi 3: Memantapkan Pentadbiran dan Perundangan Syariah

53. Sejalan dengan matlamat untuk menjadikan Terengganu sebagai sebuah negeri yang sejahtera, Kerajaan Negeri berhasrat untuk memartabatkan institusi perundangan syariah di Negeri Terengganu. Oleh itu, sejumlah RM300,000.00 diperuntukkan bagi usaha memperkasakan program pelaksanaan syariah secara berperingkat melalui penerangan, kempen, penguatkuasaan undang-undang, pemulihan dan seminar berkaitan syariah kepada semua lapisan masyarakat.

54. Mengambil kira keperluan untuk menaik taraf infrastruktur Mahkamah Syariah di Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri sebagai permulaannya akan membina Kompleks Mahkamah Tinggi Syariah di Kemaman dengan peruntukan sebanyak RM10 juta.

TERAS KEDUA:

MENJANA SEMULA EKONOMI DAN PENDAPATAN RAKYAT

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

55. Kerajaan Negeri sedar rakyat begitu terkesan dengan keadaan ekonomi ekoran pandemik COVID-19. Justeru, Kerajaan Negeri telah menggariskan lima strategi yang diharapkan dapat menjana ekonomi negeri dan pendapatan rakyat.

Strategi 1: Memperhebat Sektor Pertanian dan Industri Makanan

56. Sektor pertanian dilihat antara sektor yang mampu untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Ini juga sejajar dengan tahun 2021 yang telah diisytiharkan sebagai Tahun Pertanian Negeri Terengganu oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu dalam titah ucapan pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri, Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Keempat Belas.
57. Justeru, Kerajaan Negeri dengan sukacitanya mengumumkan peruntukan berjumlah RM20 juta untuk sektor pertanian bagi tahun 2021 sekaligus membuka peluang pekerjaan kepada rakyat terutamanya yang terjejas akibat pandemik COVID-19.
58. Peruntukan ini adalah jauh lebih besar berbanding dengan tahun 2020 iaitu hanya sebanyak RM8 juta. Oleh itu, pada tahun 2021, Kerajaan Negeri akan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperhebat dan merancakkan lagi sektor pertanian dan industri makanan di negeri ini.

59. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah RM1 juta menerusi Jabatan Pertanian Negeri bagi memastikan tanah-tanah pertanian di Terengganu dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan RM400,000.00 lagi disediakan untuk membangunkan industri asas tani bagi merancakkan lagi industri hiliran berasaskan produk pertanian.
60. Kerajaan Negeri juga akan memperuntukkan sebanyak RM4 juta untuk memperkasakan projek penyelenggaraan infrastruktur dan pemulihan sawah padi demi mencapai objektif besar Pelan Strategik Pertanian Negeri untuk menjamin *food security*, dengan izin di Negeri Terengganu. RM110,000.00 untuk pembangunan dan pengembangan industri madu, RM2.4 juta untuk mempergiatkan projek pembangunan buah-buahan terpilih termasuk durian Musang King dan buah mangga.
61. Sektor penternakan akan terus diperkasakan pada tahun 2021 dengan menyasarkan golongan belia untuk menceburi bidang ternakan. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah RM2.05 juta bagi pembangunan sektor penternakan melalui pembangunan projek induk ternakan, pusat pemrosesan daging berstatus halal dan pembangunan padang ragut. Selain itu, seiring dengan galakan dan kerjasama Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Timur (ECERDC), Kerajaan Negeri juga akan terus komited dalam meneruskan pembangunan hub lembu sado dengan peruntukan RM1 juta.
62. Bagi sektor perikanan pula, projek pembinaan serta melabuh tukun tiruan dan unjam secara komuniti akan diteruskan. Sukacita dimaklumkan bahawa Terengganu adalah satu-satunya Kerajaan Negeri yang menyalurkan peruntukan sendiri sebagai gabung jalin kepada peruntukan Persekutuan dalam melaksanakan program memperkayakan sumber perikanan negeri. Selain itu, program pelepasan benih ke perairan umum juga akan diperluaskan. Sejumlah RM1.21 juta akan diperuntukkan untuk kesemua program tersebut.
63. Pada tahun 2021, Program *Malaysian Good Agricultural Practice* (myGAP), dengan izin yang memberi pengiktirafan kepada ladang-ladang yang mengamalkan Amalan Pertanian Baik (APB) akan diperkasakan. Program CSR Tani yang berkonsepkan gotong-royong secara komuniti bagi pembersihan

kawasan pertanian juga akan diteruskan. Kedua-dua program ini akan diberi peruntukan berjumlah RM400,000.00.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

64. Bagi menggalakkan lagi penyertaan masyarakat dalam bidang pertanian, penternakan dan perikanan, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif mengadakan pelbagai program dan latihan yang dapat menambahkan lagi kemahiran dan pengetahuan rakyat. Antaranya adalah, Program Pembangunan Modal Insan Tani, pelbagai kursus pertanian dan penternakan serta program Pembangunan Jurusantik Pemanian Berhadad (AI) untuk usahawan bidang penternakan dengan peruntukan berjumlah RM800,000.00.
65. Pada tahun 2020, Skim Bantuan Modal Tani telah memberi manfaat kepada 243 pemohon. Justeru, Kerajaan Negeri juga akan meneruskan Skim Bantuan Modal Tani dengan peruntukan RM5 juta dan RM1 juta akan diperuntukkan kepada Tabung Bencana Pertanian untuk membantu para petani yang ditimpa musibah seperti kemusnahan tanaman ataupun kematian ternakan akibat pelbagai fenomena bencana.
66. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan bantuan-bantuan seperti bantuan mekanisasi pertanian, bantuan peralatan nelayan pantai dan bantuan input kepada penternak kecil akuakultur pada tahun 2021 bagi memastikan projek-projek pertanian serta perikanan terus berdaya maju. Oleh itu, sejumlah RM1.4 juta akan diperuntukkan.

Dato Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Strategi 2 : Merancakkan Industri Pelancongan dan Kebudayaan

67. Kerajaan Negeri ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada EXCO Pelancongan Kebudayaan dan Teknologi Digital Negeri, Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini, Yang Berhormat Ariffin bin Deraman atas penganugerahan Malaysia "*Malaysia Tourism Hero*" yang dianugerahkan kepada beliau oleh Majlis

Pelancongan Malaysia semasa "*Malaysia Tourism Gold Summit 2020*" baru-baru ini.

68. Ini membuktikan hasil kerja keras semua pihak dan juga potensi Negeri Terengganu sebagai destinasi pilihan pelancong. Data Kadar Purata Penginapan yang dikeluarkan oleh Pelancongan Hotel Malaysia (MAH) meletakkan Terengganu di kedudukan kedua terbaik keseluruhan pada bulan September 2020 di Malaysia.
69. Bagi merancakkan lagi sektor pelancongan Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM4.5 juta bagi promosi galakan pelancongan dan juga acara. Promosi ini akan diperhebatkan di peringkat dalam dan luar negara terutama melalui platform media sosial. Penganjuran acara yang berkualiti dan mempunyai kekuatan serta keunikan yang tersendiri akan dijalankan seperti Terengganu Islamic Tourism Conference and Expo, Festival Setiu Wetland, Festival Sungai Terengganu dan Pesta Candat Sotong yang telah memenangi Kategori Aktiviti Pelancongan Paling Popular di Anugerah Emas Majlis Pelancongan Malaysia 2019.
70. Kampung Budaya Terengganu yang telah dirasmikan pada 3 September lalu telah merekodkan seramai 24,853 pengunjung selama sebulan. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan mewujudkan Perkampungan Melayu di Kampung Losong dan juga Muzium Petroleum bagi menambah lagi produk pelancongan di Negeri Terengganu.
71. Kerajaan Negeri juga berbesar hati untuk meneruskan Caruman PERKESO kepada pemandu teksi dan penarik beca sebagai menghargai jasa baik petugas barisan hadapan sektor pelancongan. Peruntukan sebanyak RM400 ribu akan disediakan bagi membiayai kursus pemasaran dan kemahiran berlesen serta program-program pemulihan sektor pelancongan.
72. Bagi tahun 2021, Kerajaan Negeri akan terus memberi fokus kepada pengembangan *community-based tourism* dengan izin, dengan peruntukan sebanyak RM400 ribu bagi menambah baik pembangunan Taman Negeri termasuk *Boardwalk Setiu Wetland* dengan izin.

73. Ke arah memperkasakan industri seni, kraf dan warisan maka pada tahun 2021, Kerajaan Negeri melalui YPU akan menganjurkan Festival Songket, Batik dan Tembaga. Sebanyak RM250 ribu akan diperuntukkan bagi melaksanakan program ini.
74. Selain itu, Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha membangunkan Tasik Kenyir sebagai destinasi eko pelancongan utama negeri. Dengan ini, sebanyak RM4 juta akan diperuntukkan untuk pembangunan Pulau Bayas dan Pulau Poh di Tasik Kenyir.

Dato Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Strategi 3 : Memajukan Pelaburan GLC

75. Kerajaan Negeri melalui Eastern Pasific Industrial Corporation Berhad (EPIC) bakal mewujudkan kawasan perdagangan bebas di Teluk Kalung, Kemaman bagi menggalakkan lagi aktiviti import dan eksport serta pergudangan dan perniagaan secara pukal sekaligus merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri dan setempat.
76. Bagi memenuhi keperluan pelabur-pelabur baharu seperti Emerald USA dan Malaysia Phosphates, Pelabuhan Kemaman juga akan diperbesarkan. Ini kerana pada masa sekarang kadar purata pengendalian kargo di Dermaga Timur adalah melebihi 50% kapasiti iaitu bersamaan dengan 4 juta metrik tan kargo setahun dan dijangka melebihi 14 juta metrik tan kargo pada tahun 2024; melangkaui kapasiti kemudahan sedia ada. Diharapkan pembesaran ini akan dapat memenuhi keperluan pelabur-pelabur baharu.
77. Perkhidmatan kesihatan telah berkembang sebanyak 13% dalam kumpulan Terengganu Incorporated di bawah kumpulan Medic Iman. Ia juga dilihat maju setapak lagi apabila kita bakal menyaksikan Pusat Jantung akan dibuka di Kuala Terengganu Specialist Hospital, dalam suku pertama tahun 2021. Kerajaan Negeri juga akan membina hospital baharu di Chukai, Kemaman dengan kapasiti sebanyak 150 katil dan pembesaran Kuantan Medical Centre serta Kelana Jaya

Medical Centre. Selain itu, pengambilalihan dan pembesaran Tawau Specialist Hospital dengan kapasiti sebanyak 75 katil akan dilaksanakan dalam suku kedua tahun 2021.

Strategi 4 : Mengupayakan Perniagaan

78. Selain daripada Inisiatif Khas COVID-19 untuk memulihkan sektor perniagaan dan keusahawanan, Kerajaan Negeri juga melihat keperluan kepada pelan halatuju jangka panjang bagi kelangsungan PKS di negeri ini. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah RM200 ribu bagi tujuan penyediaan Pelan Strategik Sektor PKS Negeri Terengganu dan Kajian Pembangunan dan Pengoperasian *Database* PKS Negeri Terengganu dengan izin bagi mewujudkan *Terengganu Entrepreneur Information Centre*, dengan izin yang mana berperanan untuk membuat segala perancangan pembangunan sektor PKS.
79. Melihat kepada keberhasilan daripada Tabung Usahawan Sejahtera (TUGAS) yang telah membantu usahawan *Homemade Jeans*, dengan izin seperti Saudara Ahmad Safuan Nizam bin Kamarudin, orang kelainan upaya yang berasal dari Besut dengan bantuan sebanyak RM200 ribu. Kini, Raw Denim House telah berdiri sebaris dengan jenama antarabangsa. Lantaran itu, Kerajaan Negeri terus komited dalam meneruskan pelaksanaan program-program di bawah TUGAS, dengan peruntukan berjumlah RM5 juta pada tahun 2021. Tabung ini merupakan pinjaman patuh syariaah yang berkonsepkan "NO-RIBA".
80. Hingga kini, seramai 453 orang usahawan di seluruh Negeri Terengganu telah mendapat manfaat. Pada tahun 2021 juga, TUGAS akan memberikan keutamaan kepada usahawan baharu dan yang berasaskan inovasi dan ekonomi gig. Program Usahawan Graduan Terengganu Sejahtera (U-GATES) dan Program Usahawan Belia Sejahtera (U-BES) akan ditambah baik dengan pelaksanaan program bersama Kerajaan Persekutuan. Pencapaian program ini adalah sangat memuaskan kerana lebih 90 peratus peserta telah berjaya bergelar usahawan. Oleh itu, sebanyak RM2 juta akan diperuntukkan kepada YPU bagi meneruskan program ini, sekali gus dapat mengurangkan kadar pengangguran negeri.

81. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan Skim Bantuan Pembangunan Produk (SBPP), e-Berkat Terengganu dengan kolaborasi Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dalam menyediakan mikro kredit, mempromosi PKS Terengganu menerusi Kursus Pemasaran *Go Global*, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran usahawan digital selaras dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0, memperkenalkan program inkubator PKS dan membuka lebih banyak tapak kenderasaji di daerah-daerah lain. Inisiatif-inisiatif ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM1.05 juta.

Dato Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Strategi 5 : Menaik Taraf Infrastruktur Ekonomi

82. Kerajaan Negeri dalam usaha untuk mendalamkan muara Sungai Terengganu dengan memperuntukkan sebanyak RM21.2 juta. Kerajaan Persekutuan juga telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM1 juta bagi kerja-kerja pengorekan laluan pelayaran di dua (2) muara sungai iaitu Sungai Setiu dan Sungai Marang yang mengalami masalah timbunan beting pasir dan kecetekan yang kritikal. Dengan adanya projek ini, diharapkan dapat meredakan keresahan dan kesukaran yang dihadapi oleh nelayan tempatan untuk ke laut.
83. Kerajaan Negeri bersetuju untuk membuat pelan susun atur semula (*remodelling*), dengan izin untuk pembangunan Lembah Silika Terengganu (TSV) di samping meneliti semula model perniagaan bagi TSV. Sebanyak RM300,000.00 akan diperuntukkan pada tahun 2021 melibatkan kos pengambilan tanah, *ground work* dengan izin dan infrastruktur asas.
84. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM250,000.00 bagi Kajian Rancangan Pelan Perkawasan yang antaranya melibatkan Kajian Rancangan Tempatan Daerah (RTD) 2035 Besut, Setiu dan Marang serta penyediaan Pelan Pembangunan Bandar Baharu Lestari sebanyak RM3 juta akan diperuntukkan untuk Bandar Baharu Bukit Besar bagi kerja-kerja pengambilan balik tanah, pembinaan jalan dan infrastruktur.

TERAS KETIGA :**MENJAMIN KESEJAHTERAAN KELUARGA DAN SOSIAL**

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Strategi 1: Memastikan Kebolehcapaian Perkhidmatan Kesihatan Berkualiti

85. Mempunyai akses kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti adalah satu keperluan bagi setiap rakyat di seluruh Negeri Terengganu dan merupakan tanggungjawab Kerajaan Negeri. Dengan ini, Program Kad Sejahtera Terengganu akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM5 juta yang akan memberikan akses perkhidmatan kesihatan kepada rakyat Terengganu yang berpendapatan rendah. RM4 juta juga akan diperuntukkan bagi melaksanakan Program Wad Kelas 3 Percuma di hospital-hospital kerajaan.

Strategi 2: Memacu Kecemerlangan Pendidikan

86. Bagi memperkasakan institusi pendidikan dengan pelaksanaan pembelajaran berkualiti; pengupayaan warga pendidik dan pentadbir berprestasi tinggi; penyediaan infrastruktur yang lengkap; pembentukan persekitaran islamik serta penglibatan awam dan swasta, Kerajaan Negeri akan melancarkan Pelan Kecemerlangan Pendidikan Terengganu 2021-2025.
87. Pada tahun 2021 juga, Kerajaan Negeri akan meneruskan pemberian biasiswa dan pinjaman di bawah Yayasan Terengganu melalui Tabung Pendidikan Terengganu Sejahtera dengan peruntukan sebanyak RM42.8 juta, merangkumi Biasiswa Pelajar Cemerlang Ijazah Pertama, Sarjana dan PhD; Kursus *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA), Sijil Pentauliahan Penjaga Jentera Elektrik (*Chargeman*) dengan izin, Pinjaman Tabung Siswa Terengganu dan Pinjaman Latihan Kemahiran.
88. Selain itu juga, Kerajaan Negeri akan memperkasakan Program Tuisyen Rakyat, Program Darul Huffaz, Kelas Maya dan meneruskan pembangunan Pusat

Tafaqquh Fi Din Tok Sheikh Duyung. Kesemua program ini akan diperuntukkan sebanyak RM5.8 juta.

89. Bagi memastikan pendidikan agama Islam dan al-Quran terus diperkasakan, Kerajaan Negeri akan meneruskan Skim Mus'ab bin Umair dengan peruntukan sebanyak RM8.5 juta dan memperkenalkan Skim al-Ghazali dengan peruntukan sebanyak RM5.4 juta untuk manfaat guru-guru sekolah agama yang terpilih.
90. Kerajaan Negeri juga akan memperuntukkan sebanyak RM2 juta untuk Program Kecemerlangan Pendidikan bagi membantu pelajar-pelajar yang menghadapi peperiksaan UPSR, PT3, SPM dan STPM. Tambahan pula, sebanyak RM6 juta diperuntukkan bagi bantuan per kapita sekolah pondok, sekolah agama rakyat dan pusat pendidikan agama yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT).
91. Bagi memberi motivasi kepada para pelajar sekolah untuk mempunyai semangat dan cita-cita untuk menyambung pelajaran ke peringkat menara gading, Kerajaan Negeri akan melaksanakan program dan latihan seperti Lambaian Menara Gading, Teknik Pembelajaran, Seminar Kepimpinan, Latihan Kerohanian dan Kecergasan serta motivasi dengan peruntukan sebanyak RM600,000.00.
92. Selain itu, Kerajaan Negeri akan terus memperkukuh institusi pendidikan rendah. Justeru, dua buah Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI) akan ditubuhkan di Besut dan Kemaman, menjadikan jumlah keseluruhan SRIDI kepada 11 buah.
93. Ke arah mentransformasikan Kolej Quran Terengganu (KQT) kepada Kolej Universiti menjelang 2025, sebanyak RM11 juta akan diperuntukkan untuk menambah baik emolumen dan program pengajian; bilangan pegawai dan kakitangan; menaik taraf kampus cawangan di Pengkalan Gawi serta membina kampus baharu di Durian Mentangau, Dungun.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Strategi 3: Menambah Bekalan Dan Pemilikan Rumah

94. Dalam menjamin kesejahteraan rakyat khususnya golongan B40 di negeri ini, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah untuk mewujudkan Tabung Pinjaman Perumahan Rakyat Negeri Terengganu yang bertujuan untuk membantu rakyat membina rumah atas tanah sendiri. Bagi menjayakan tabung pinjaman ini dan merealisasikan manifesto Kerajaan Negeri, sejumlah RM50 juta akan diperuntukkan.
95. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui kerjasama dengan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) akan memperuntukkan sebanyak RM25.5 juta bagi menyediakan lebih banyak Rumah Darul Iman (RAHMAN) untuk golongan B40 termasuklah pelaksanaan dua projek baharu iaitu Rumah Mampu Milik Bukit Gasing II, Marang dan rumah RPMM Bukit Tumbuh, Kuala Nerus.
96. Kerajaan Negeri juga akan memperuntukkan sebanyak RM16 juta untuk melaksanakan Projek Perumahan Terengganuku Sejahtera (PPTS) di seluruh negeri bagi membaikpulih rumah yang mengalami kerosakan.
97. Kerajaan Negeri juga berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana meluluskan tiga projek perumahan baharu melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) iaitu Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Bukit Gasing, Marang, PPR Bukit Puteri, Besut dan Projek Program Pemajuan Kawasan di Mak Kemas, Marang. Projek-projek ini akan melibatkan kos sebanyak RM166.5 juta.
98. Memahami kesempitan rakyat ketika pandemik COVID-19, Kerajaan Negeri akan meneruskan pengecualian bayaran Cukai Taksiran untuk rumah kediaman yang menelan belanja melebihi RM13 juta pada tahun ini.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Strategi 4: Memperkasakan Wanita, Keluarga dan Belia

99. Kerajaan Negeri amat mengambil cakna akan kepentingan peranan wanita dalam membangunkan sesebuah masyarakat. Dengan ini, Kerajaan Negeri

bersetuju untuk memperuntukkan RM800,000.00 kepada Urus setia Wanita Negeri Terengganu bagi membiayai pentadbiran dan aktiviti seperti Program Pembangunan Wanita Unggul, Program Sayyidatina Aisyah dan Jelajah Untukmu Wanita.

100. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan menubuhkan sebuah pusat jagaan harian warga emas Baitul Ummi, khusus untuk golongan wanita di Kuala Terengganu dan menubuhkan *Terengganu Autism Care and Therapy Centre* (TACTC) dengan izin. Kerajaan Negeri juga akan memulakan operasi Raudatul Jannah, bagi melindungi golongan wanita dan kanak-kanak daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi rumahtangga. Jumlah peruntukan untuk keseluruhan inisiatif ini adalah RM1.4 juta.
101. Bagi memastikan institusi keluarga di Negeri Terengganu terjamin, Kerajaan Negeri memberi perhatian penuh kepada Program Pemutihan 4P (Perintah Pengesahan dan Pendaftaran Perkahwinan). Sebanyak RM145,000.00 diperuntukkan untuk program pemutihan status perkahwinan rakyat Terengganu. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan memperuntukkan sebanyak RM200,000.00 untuk pembukaan tiga buah taska baharu di premis jabatan seluruh Negeri Terengganu.
102. Selain itu juga, bagi memastikan bakat dan kepimpinan belia Negeri Terengganu sentiasa diberi perhatian, pelbagai kursus dan kem telah dirancang untuk melatih golongan ini. Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Generasi Muda Terengganu Sejahtera (GMTS) sebagai program pembangunan belia secara menyeluruh bermula usia mereka seawal 11 tahun.
103. Kerajaan Negeri juga akan memperuntukkan RM3.2 juta kepada Urus setia Belia, Sukan Negeri Terengganu (UBSNT) bagi membiayai pentadbiran dan aktiviti seperti Program Pembangunan dan Kesejahteraan Belia dan Beliawanis; Gaya Hidup Sihat Kecergasan dan Sukan Rekreasi serta Program Peningkatan dan Kemajuan NGO. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan Program Sukan Anak Komuniti seperti sukan bola sepak, sepak takraw, badminton dan bola jaring serta Terengganu Moto Team dengan peruntukan berjumlah RM2 juta.

104. Tambahan pula, Kerajaan Negeri akan meneruskan bantuan pengurusan kepada pertubuhan-pertubuhan belia Negeri Terengganu, Sambutan Hari Belia dan Anugerah Belia Peringkat Negeri Terengganu dengan peruntukan sebanyak RM1.4 juta.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Strategi 5: Meningkatkan Prestasi Sukan

105. Negeri Terengganu mempunyai rakyat yang aktif dalam bidang sukan dan terdapat ramai atlet anak kelahiran Terengganu yang telah berjaya mengharumkan nama negeri dan negara kita. Justeru itu, Kerajaan Negeri menunjukkan komitmennya bagi menyediakan fasiliti yang selesa kepada atlet-atlet dengan meneruskan pembinaan asrama atlet Majlis Sukan Negeri Terengganu di Gong Badak, Kuala Nerus. Selain itu, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi kerja-kerja membaikpulih Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin serta beberapa kompleks sukan yang lain di Kompleks Sukan Negeri Terengganu.
- 106 Pada tahun 2019, Kejohanan Sukan Terengganu (SUTERA) telah berjaya dilaksanakan dengan penyertaan seramai hampir 1,500 orang atlet dan pegawai sukan dari seluruh negeri. Melalui kejayaan ini ramai atlet SUKMA 2020 berjaya dilahirkan. Melihat kepada impak positif yang diterima daripada kejohanan berkenaan, Kerajaan Negeri akan menganjurkan SUTERA pada tahun 2021 buat kali kedua dengan peruntukan sebanyak RM800,000.00. Tuan rumah bagi edisi kali ini adalah Daerah Kuala Nerus.
- 107 Tambahan pula Kerajaan Negeri bersetuju untuk menganjurkan "Gateh Terengganu" untuk program *riding* dengan izin peringkat nasional yang akan melalui kawasan tumpuan pelancongan bagi merancakkan lagi sub-sektor pelancongan sukan seiring dengan identiti Terengganu yang terkenal dengan sukan berbasikal. Program ini akan diperuntukkan RM700,000.00.

- 108 Selain daripada itu juga Kerajaan Negeri komited dengan mengadakan Program Pembangunan Sukan dari seawal usia empat tahun sehingga peringkat elit selari dengan Pelan Induk Pembangunan Sukan Sepuluh Tahun Negeri Terengganu (2020-2030).
- 109 Sebagai tanda sokongan kepada dua orang atlet kelahiran Terengganu yang telah berjaya melayakkan diri ke Temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020, iaitu Khairul Anuar Mohamad dan Mohd Azizulhasni Awang, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM200,000.00 untuk tujuan pembiayaan kewangan dan latihan.

Dato' Yang Di-pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Strategi 6: Membangunkan Infrastruktur Kemudahan Rakyat.

- 110 Bagi menjamin keharmonian rakyat setempat, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan sebanyak RM16.3 juta untuk melaksanakan projek-projek kecil di seluruh DUN serta projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam di seluruh negeri.
- 111 Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan kepada semua ADUN termasuklah RM200,000.00 kepada setiap ADUN bukan kerajaan.

TERAS KEEMPAT:

MENDIGITALISASIKAN PERKHIDMATAN AWAM.

Dato' Yang Di-pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

- 112 Dalam mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0, inisiatif-inisiatif berikut akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi merealisasikan hasrat ini.

- 113 Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM5 juta bagi menjayakan Pelan Induk Kerajaan Digital Terengganu 2021-2030 dan Pelan Strategik Taman Maya, *Artificial Intelligence (AI)*, dengan izin Terengganu 2021-2025. Projek ini akan menjadikan Negeri Terengganu sebagai model kerajaan pintar yang praktikal demi mewujudkan sebuah masyarakat digital yang lestari sekaligus menyemarakkan lagi pertumbuhan ekonomi negeri.
- 114 Selain itu Kerajaan Negeri juga mengambil langkah untuk memperkasakan program pembangunan dan pengintegrasian aplikasi digital kerajaan yang bertujuan bagi mengukuhkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri berkait urusan penting dalam kehidupan rakyat. Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah berjaya melaksanakan beberapa program aplikasi digital termasuklah Sistem Profil Rakyat Terengganu 2.0, Sistem E-Munakahat, Sistem E-zakat dan Sistem E-perumahan. Oleh itu demi menjayakan program ini, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM200,000.00.
- 115 Kerajaan Negeri melalui THRDC akan membangunkan *Terengganu Employment Database System (TEDS)* dengan izin di semua pusat khidmat DUN bagi meningkatkan akses maklumat pekerjaan kepada seluruh rakyat Terengganu. TEDS akan diintegrasikan dengan sistem pengurusan pangkalan data sumber manusia yang membolehkan THRDC melaksanakan agenda pembangunan sumber manusia dengan lebih cekap dan berkesan. Selain itu, Dasar Pembangunan Sumber Manusia Negeri Terengganu akan diwujudkan bagi menggariskan pelan hala tuju jangka panjang untuk sektor sumber manusia. Sejumlah RM200,000.00 akan diperuntukkan untuk menjayakan inisiatif ini.
- 116 Di samping itu Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM330,000.00 untuk membangunkan sistem pangkalan data yang sistematik dan bersepadu dikenali sebagai *Terengganu Industrial Smart Map* dengan izin. Sistem yang dijangka akan dilancarkan pada awal 2021 ini adalah bertujuan untuk menambah baik serta meningkatkan kecekapan pengurusan permohonan dan pemantauan tapak industri di negeri ini.
- 117 Seterusnya Kerajaan Negeri akan menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Teknologi Digital Terengganu bagi menjamin kepantasan capaian

digital di negeri ini. Jawatankuasa ini akan melibatkan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi menjamin pembangunan digital yang efektif dan mampan.

- 118 Bagi menambahbaik penyampaian maklumat berkait dasar dan perkhidmatan kerajaan, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 untuk menyediakan Info TV Terengganu Sejahtera di tempat-tempat awam terpilih.

TERAS KELIMA:

MELESTARIKAN ALAM SEKITAR

Dato' Yang Di-pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

- 119 Bagi terus melindungi dan menjamin kelestarian alam sekitar ini, inisiatif-inisiatif berikut akan dilaksanakan.
- 120 Inisiatif Terengganu *Go Green* dan 3R (*Re-use, Reduce, Recycle*) dengan izin akan diaktifkan terutamanya di semua pejabat kerajaan, sekolah dan tempat awam termasuk di taman rekreasi, pasar dan lokasi pelancongan bagi meningkatkan pengetahuan dan amalan yang membawa kepada gaya hidup yang lebih mesra alam dan bertanggungjawab terhadap ekologi sekaligus membantu melindungi alam sekitar dan mengekalkan sumber semulajadi untuk generasi sekarang dan yang akan datang. Sejumlah RM200,000.00 akan diperuntukkan.
- 121 Bagi menambahbaik kualiti perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta membiayai program-program yang berkait dengan kebersihan dan keceriaan bandar di seluruh negeri, sebanyak RM55.3 juta akan diperuntukkan pada tahun 2021. Kerajaan Negeri juga akan menaiktaraf tempat pembuangan sampah, kualiti dan bilangan tong sampah, imej lori kompaktor serta sistem kutip sampah secara berperingkat.

- 122 Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 untuk pembukaan Tapak Pelupusan Sampah (TPS) Sungai Ikan 2 bagi meningkatkan kapasiti dan kecekapan pelupusan sampah di negeri ini. Pada masa hadapan, TPS ini akan dilengkapi dengan peralatan teknologi dengan kapasiti yang bersesuaian selain penggunaan *incinerator* memproses sampah sebagai tenaga (*waste to energy*) dengan izin.
- 123 Bagi merealisasikan hasrat itu, Kerajaan Negeri akan mengusahakan inisiatif pembiayaan swasta atau *Private Financing Initiative (PFI)* dengan izin bagi mengurangkan beban kewangan Kerajaan Negeri. Semoga usaha ini dapat dimuktamadkan secepat mungkin.
- 124 Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas peruntukan sebanyak RM10 juta untuk melaksanakan Program *Integrated Island Waste Management*, dengan izin yang bertujuan mengurangkan kemusnahan terumbu karang dan kehidupan marin di sekitar pulau Terengganu dan Johor seperti yang diumumkan dalam Bajet 2021 baru-baru ini.

Dato' Yang Di-pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

- 125 Tahun 2020 bakal meninggalkan kita semua dengan pelbagai pengalaman dan kenangan yang sangat membekas dalam diri setiap daripada kita. Tiga krisis utama manusia terjadi di negara kita pada tahun 2020 iaitu pertama krisis kesihatan, kedua krisis ekonomi dan ketiga krisis politik.
- 126 Namun kita mengharapkan dengan pengumuman dari pihak Kerajaan Persekutuan seperti Pakej-pakej Ransangan Ekonomi dan Belanjawan 2021 beserta dengan Belanjawan Terengganu 2021 mampu untuk mengembangkan kembali ekonomi dan menjamin kesejahteraan sosial negara kita, *insya-Allah*.
- 127 Manakala dari segi politik pula, kita perlu memperkasakan kerjasama politik yang ada bagi memastikan kestabilan negara dapat diteguhkan terutamanya melalui Muafakat Nasional dan Perikatan Nasional. Kita hanya mampu keluar daripada krisis ini apabila kestabilan negara dapat kita wujudkan.

- 128 Saya tahu setiap dari kita mempunyai pandangan dan memendamkan perasaan dalam pemuafakatan ini. Namun hanya inilah pengorbanan yang setiap dari kita terpaksa lakukan demi memastikan rakyat dan negeri kita ini mampu keluar daripada krisis-krisis yang sedang melanda. Saya mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan di sebelah sana yang bersama-sama Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam meletakkan negara kita ke landasan yang sewajarnya.

Musim tengkujuh sudah pun tiba
Hati-hati jika bah melanda
Jangan kita berputus asa
Ayuh kita perteguh kerjasama

- 129 Sebelum mengakhiri ucapan pembentangan Belanjawan 2021, Kerajaan Negeri ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penjawat awam yang dedikasi dan komited sehingga meletakkan Negeri Terengganu antara negeri yang terbaik di Malaysia. Sebagai penghargaan di atas kerja keras dan kesetiaan penjawat awam ini, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberikan insentif sebanyak RM800.00 kepada penjawat awam di Negeri Terengganu.

- 130 Marilah kita bekerja secara bersama, bergerak seiring dan merapatkan ukhwah untuk memajukan Negeri Terengganu dan menyejahterakan rakyat. Buang segala kekeruhan dan ambil segala kejernihan. Semoga niat yang ikhlas akan diberikan hidayah oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

- 131 Hanya kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sahajalah saya menyerahkan segala urusan kerajaan ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita bagi peluang kepada Yang Berhormat meneliti Ucapan Bajet yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sebentar tadi, saya berhasrat untuk menangguhkan persidangan ini ke esok hari.

Sebelum daripada itu, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Ketua-Ketua Jabatan, pentadbiran Dewan Undangan Negeri telah menyediakan set makan tengahari dan akan diagihkan oleh petugas-petugas di perkarangan U2.

Oleh yang demikian, saya tangguhkan persidangan ini ke pukul 9.30 pagi esok, 24 November 2020 dan marilah sama-sama kita tangguhkan dengan membaca tasbih Kafarah dan Suratul 'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.50 TENGAHARI.

PERSIDANGAN
PADA HARI ISNIN, 24 NOVEMBER 2020

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Yahaya bin Ali, DPMT., PJC.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, SSMZ.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat, SMZ.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak, SMT.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah, SMT.
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim, AMZ.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh, PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md. Noor
WAKIL WANITA

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Ahmad bin Said, SSMZ., DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT., SMZ.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, KMN., AMZ., PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT., PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP., PPN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT., PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Datuk Abd. Halim bin Jusoh, DPSM.
WAKIL PERMAISURI

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTAHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mohd Zahari bin Md Azahar, DPMT., PJK.

YANG BERTAHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Razali Bin Che Ani, DIMP.

YANG BERTAHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Zainal Abidin bin Hussin, DPMT., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Zulkifly bin Isa, AMZ., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan persidangan pada pagi ini, marilah kita membaca Ummul Quran *Al-Fatihah*.

Sekarang kita masuk kepada Soalan-Soalan Lisan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan soalan-soalan lisan pada hari ini 24 November 2020 adalah sebagaimana berikut:

- 1 Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
- 2 Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
- 3 Yang Berhormat Wakil Bandar
- 4 Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
- 5 Yang Berhormat Wakil Air Putih
- 6 Yang Berhormat Wakil Ajil
- 7 Yang Berhormat Wakil Kemasik
- 8 Yang Berhormat Wakil Wanita
- 9 Yang Berhormat Wakil Tepoh
- 10 Yang Berhormat Wakil Batu Burok
- 11 Yang Berhormat Wakil Seberang Takir

- 12 Yang Berhormat Wakil Sura
- 13 Yang Berhormat Wakil Telemong
- 14 Yang Berhormat Wakil Buluh Gading
- 15 Yang Berhormat Wakil Hulu Besut
- 16 Yang Berhormat Wakil Manir
- 17 Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
- 18 Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
- 19 Yang Berhormat Wakil Jertih

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan nombor satu-

Setakat manakah peranan dan sokongan dari GLC negeri yang terlibat dalam bidang perladangan untuk turut sama merealisasikan objektif menjadikan Terengganu sebagai negeri pengeluaran makanan selaras dengan objektif besar pelan strategic pertanian Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Berangan. Kerajaan Negeri merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada beberapa GLC Terengganu yang turut sama terlibat dalam aktiviti pertanian sebagai menyokong usaha-usaha dan dasar-dasar pertanian negeri dalam rangka untuk mencapai objektif besar bagi menjadikan Terengganu sebagai sebuah negeri pengeluar makanan. Penglibatan GLC Kerajaan Negeri dalam bidang pertanian yang menghasilkan makanan antaranya dalam bentuk pelaburan modal untuk penyediaan infrastruktur pertanian. Yang kedua terlibat sama di lapangan sama ada pertanian, penternakan atau akuakultur dan yang ketiga dari segi pemasaran produk.

Di antara GLC Terengganu yang terlibat dalam aktiviti ini ialah Terengganu Agrotech Development Corporation (TADC). Contohnya TADC telah mengambil peranan untuk memajukan reban ayam tertutup milik GPV di Bukit Lawang di Setiu yang dimajukan dengan ternakan ayam kampung bermula pada Ogos 2020 sebanyak 12 ribu ekor ayam kampung MARDI telah ditenak bagi tujuan penetasan dan dijadikan baka. Yang kedua TADC juga memajukan pusat pembenihan ikan *hatchery* di Limau Nipis di Setiu yang telah diserahkan oleh Jabatan Perikanan kepada Kerajaan Negeri. Yang ketiga TADC terlibat dalam perladangan rumput napier bagi dijadikan silaj untuk makanan ternakan dan sekarang ini terdapat 50 ekar ladang napier di Kuala Ping di Hulu Terengganu yang ditanam dengan napier baka *hybrid* sebagai ganti kepada napier baka Taiwan yang ditanam sebelum daripada ini. Dan di samping ladang napier yang diusahakan oleh TADC sendiri, dalam masa yang sama TADC mengadakan usaha sama bersama dengan penduduk setempat untuk perladangan napier secara kontrak *farming*.

Seterusnya, TADC juga terlibat dalam pemulihan Ladang Rimbunan Kasih di Rantau Abang yang telah diusahakan dengan tanaman melon manis Terengganu. Dan akhir sekali beberapa infrastruktur milik TADC seperti pusat pembenihan kerapu hybrid dan siakap di Tanjung Demong di Besut yang dimajukan oleh pihak swasta. Dalam masa yang sama dari segi pemasaran, Kerajaan Negeri merakamkan ucapan penghargaan terima kasih kepada TADC yang memainkan peranan penting menyelesaikan isu-isu pemasaran, hasil-hasil pertanian Negeri Terengganu dalam tempoh PKP baru-baru ini. Dan dalam masa yang sama kita juga telah buka Pasar Borong Setiu yang bertempat di pusat pengumpulan TADC di Telaga Papan sebagai satu lagi sokongan kepada pemasaran hasil-hasil pertanian dalam rangka untuk kita mengaktifkan lagi aktiviti *food security* di Negeri

Terengganu. Termasuk juga TADC telah membuka TADC Trash Mart yang terletak di Paya Bunga. Kerajaan Negeri merakamkan ucapan penghargaan terima kasih kepada TDM walaupun TDM secara *core business* dalam bidang perladangan, terlibat dalam industri sawit, dalam masa yang sama sekarang ini sedang berjalan tanaman nenas MD2 sebanyak 500 ribu pokok yang ditanam secara integrasi dalam ladang sawit yang belum matang di ladang di Jerangau dan ada 500 ribu pokok lagi yang sedang dalam proses untuk penanaman. Saya telah panggil TDM untuk berbincang dan setakat yang dimaklumkan TDM ada sebanyak 10 ribu hektar ladang sawit yang akan melalui proses tebang dan penanaman semula dan sementara tunggu pokok sawit matang, ladang yang akan diintegrasikan dengan tanaman-tanaman yang menghasilkan makanan. TDM juga ada perancangan dan telah mendapat kelulusan untuk penanaman keledak dan juga tembikai di ladang sayur di Sungai Tong. Dalam masa yang sama di peringkat kajian untuk tanaman cili dan juga MMT.

Kerajaan juga merakamkan penghargaan kepada Ladang Rakyat Terengganu di samping terlibat dalam perladangan sawit komoditi, dalam masa yang sama Ladang Rakyat turut terlibat dalam penternakan lembu baka KK (Kedah, Kelantan). Biasanya dalam Ladang Rakyat terdapat lingkungan 2 ribu ekor lembu yang ditenak dalam satu-satu masa di samping ternakan ayam kampung antara 13 ribu hingga 15 ribu ekor dalam satu-satu masa. PMINT juga tidak terkecuali. Kerajaan Negeri telah berbincang dengan pihak PMINT untuk memajukan 50 ekar tanah milik PMINT yang terletak di Pak Kancil di Setiu dengan tanaman nenas MD2 dan *insya-Allah* akan diusahakan oleh sebuah syarikat swasta. Inilah seimbang lalu bagaimana sokongan yang diberikan oleh beberapa GLC Terengganu untuk nak merealisasikan satu pelan besar dalam Pelan Strategik Pertanian Terengganu bagi menjadikan Terengganu sebuah negeri pengeluar makanan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada kerajaan di atas jawapan dan penjelasan berkenaan dengan peranan dan juga tanggungjawab yang diambil oleh pihak kerajaan dalam menggerakkan GLC-GLC negeri bagi membantu Negeri Terengganu untuk mewujudkan *food security*. Jadi itu adalah perkara-perkara besar yang sedang dirancang dan sedang berjalan. Persoalan saya pada hari ini dalam suasana pandemik, kita tidak mampu untuk mengeluarkan modal besar kepada anak muda ataupun rakyat di peringkat bawah. Jadi saya melihat penanaman ataupun *pilot project* rumput *napier* ini adalah

sesuatu yang munasabah untuk diketengahkan. Jadi persoalan saya berdasarkan kepada *project pilot contract farming* penanaman rumput *napier*, adakah berbaloi untuk dijadikan bidang ataupun peluang pekerjaan kepada anak muda dalam memenuhi keperluan pemakanan haiwan ternakan di Negeri Terengganu. Sekian.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih sekali lagi Pengkalan Berangan. Peserta pertama *contract farming* penanaman rumput *napier* Bersama TADC mengusahakan tanaman *napier* seluas dua ekar. Jadi setakat Oktober 2020 hasil tuaian pertama sebanyak lima perpuluhan lapan tan bernilai dalam RM1,200.00. Jadi dalam dua ekar boleh menghasilkan RM1,200.00 dengan harga RM200 per matrik tan yang dijual kepada TADC. Jadi kita nampak tanaman *napier* ini kos permulaan sahaja yang agak tinggi, kemudian saya istilahkan tanaman sekali tanam sahaja boleh dituai banyak kali. Setiap kali 40 hari boleh dijadikan sebagai satu sumber pendapatan tambahan di samping *napier* juga memerlukan penjagaan yang paling minima. Okay, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Batu Rakit.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 1-

Dalam arus perkembangan digital semasa, Negeri Terengganu yang kaya dengan aktiviti kesenian dan kebudayaan, tidak harus diabaikan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi memastikan pihak yang terlibat, bergiat aktif dalam bidang masing?

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua Dewan, ADUN Batu Rakit, terima kasih dengan soalan ini. Soalannya berbunyi: Dalam arus perkembangan digital semasa, Negeri Terengganu yang

kaya dengan aktiviti kesenian dan kebudayaan, tidak harus diabaikan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi memastikan pihak yang terlibat bergiat aktif dalam bidang masing-masing?

Negeri Terengganu ini sememangnya kaya dengan kesenian dan kebudayaan yang mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri khususnya di lapan buah daerah di Negeri Terengganu ini. Kampung Budaya Terengganu yang dirasmikan di Kompleks Muzium Negeri yang dijadikan sebagai *living museum* dan *one stop centre* dan merupakan platform kepada penggiat seni dan budaya dalam memelihara, memulihara dan memartabatkan kesenian dan kebudayaan negeri. Selaras dengan itu pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Portfolio Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Digital Negeri agar kesenian dan kebudayaan ini terus dipelihara, dipulihara dan seterusnya dimartabatkan di peringkat antarabangsa.

Antara usaha lain yang kita telah laksanakan adalah:-

1. Penubuhan pertubuhan kesenian dan kebudayaan daerah di setiap daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah yang bertujuan merancang, mengatur dan menyusun aktiviti kesenian dan kebudayaan di peringkat daerah secara menyeluruh di bawah satu daerah.
2. Program persembahan di setiap hujung minggu di setiap daerah dengan kepelbagaian aktiviti kesenian dan kebudayaan daerah yang mempunyai identitinya yang tersendiri. Setiap program yang dikendalikan dimuat naik secara langsung ke *facebook page* daerah masing-masing untuk pengembangan budaya.
3. Bekerjasama dengan JKKM Terengganu, Jabatan Kesenian dan Kebudayaan negara, Kraftangan Malaysia, persatuan-persatuan kesenian dan kebudayaan bagi menyemarakkan lagi sektor seni budaya Terengganu secara menyeluruh.
4. Penganjuran pelbagai program sebenarnya seperti karnival pantai, pekan budaya, *sound of Terengganu* dan lain-lain program anjuran kerajaan dan swasta sentiasa melibatkan golongan penggiat seni dalam menjayakan program-program yang dianjurkan.
5. Pengisian aktiviti di Kampung Budaya Terengganu melibatkan seni budaya Terengganu. Antaranya persembahan pentas, demonstrasi serta jualan yang melibatkan pihak sebagaimana berikut:-

- SUKTRA daripada Jabatan Pelancongan Negeri
- Pertubuhan Kebudayaan dan Kesenian daerah
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Terengganu
- Kraftangan Terengganu, Kraftangan Malaysia Cawangan Terengganu
- Yayasan Pembangunan Usahawan
- Persatuan Dikir Barat Terengganu
- Warisan Sari (Gamelan)
- Persekutuan Silat Negeri Terengganu
- Persatuan Gasing Negeri Terengganu
- Lain-lain Persatuan/NGO yang berdaftar dengan ROS.

Sekian.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Soalan tambahan saya: Adakah kerajaan memberi bantuan kewangan kepada persatuan atau pertubuhan kesenian dan kebudayaan untuk terus bergiat aktif?

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Secara umumnya ada sebahagian bantuan yang kita berikan khususnya kepada setiap daerah kita memperuntukkan RM40,000.00 setiap daerah.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Soalan tambahan saya yang seterusnya: Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan bagi memastikan kebajikan golongan ini terus dijaga dan kemahirannya dipelajari oleh generasi baru. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Pelbagai pihak sama ada kerajaan, swasta, JKKM dan yang lain-lain yang terlibat sebenarnya kita memberikan keutamaan sama ada untuk mempergiatkan lagi pelbagai aktiviti kesenian dengan syarat dan kita pinda sebenarnya untuk menyesuaikan dengan motto "Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera" dengan terutamanya penari-penari yang kita hadkan khususnya kepada yang berumur dua belas tahun ke bawah dan mereka menutup aurat, kemudian kita sesuaikan nyanyian-nyanyiannya, gamelan yang kita tidak bercanggah dengan syariatlah secara umumnya dan kita sebenarnya sedang mencari ataupun berusaha untuk menjadikan semua kesenian yang sebenarnya Negeri Terengganu sangat kaya dengan

keindahan serta kesenian ini, kita akan gilapkan lagi dan kepada golongan-golongan baru kita pergiatkan. Sebagai contoh di sekolah-sekolah kita adakan kelas-kelas gamelan dan SUKTRA yang kita ada pakar-pakar di Jabatan Pelancongan Negeri, *insya-Allah* akan kita gunakan sebagai pemangkinlah terutamanya golongan belia yang akan kita latih dan kita jadikan Kampung Budaya sebagai tapak ataupun asas dan *insya-Allah* kita sebenarnya *trend* kita ada dua puluh empat orang petugas yang kita lantik baru-baru ini yang kita latih mereka untuk menjadi penggiat seni di Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okay, terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Wakil Bandar untuk kemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang Di-Pertua, soalan saya soalan yang 1-

Bolehkan pihak Kerajaan jelaskan perancangan dan inisiatif Kerajaan Negeri untuk menarik golongan belia terutamanya graduan Negeri Terengganu dalam menceburi sektor pertanian dan perikanan?

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang Di-Pertua, terima kasih Wakil Bandar. Perancangan dan inisiatif Kerajaan Negeri untuk menarik golongan belia terutamanya graduan Terengganu bagi menceburi sektor pertanian. Dato' Yang di-Pertua, nak tarik golongan belia menceburi sektor pertanian, kita telah kenal pasti isu-isu yang menyebabkan mereka tidak minat bertani dan perancangan kita fokuskan kepada program-program untuk kita buat anjakan paradigma dan perubahan minda daripada tidak minat kepada minat.

Yang pertama orang muda melihat pertanian ini adalah bidang orang gagal, tak boleh hendak dijadikan sebagai satu kerjaya untuk bina masa depan. Kerajaan telah dan akan terus turun padang untuk bertemu dengan kelompok golongan sasar terutamanya orang muda bagi kita mempromosikan pertanian adalah suatu kerjaya. Pelbagai program kita telah buat dan kita rancang juga untuk kalendar tahun 2021, di antaranya program kelab pertanian sekolah, dialog dan pendedahan peluang kerjaya dalam bidang pertanian,

Program Halaqah Veterinar, Program Mung Buat Kami Bantu, Program jenguk-jenguk kendang dan Himpunan Lembu Sado, Hari Penternak dan Nelayan, malah kerajaan pernah menghantar sekumpulan penternak muda ke Jepun dengan biaya Kerajaan Negeri untuk mereka melihat sendiri bagaimana Lembu Wagyu ditenak di sana. Kita nak buka minda mereka supaya mereka rasa hebat untuk jadi seorang petani, penternak dan juga nelayan.

Yang kedua Dato' Yang di-Pertua, orang muda kita ini suka bermain dengan teknologi kerana itu *wayforward* Kerajaan Negeri adalah pelbagaikan lagi penggunaan teknologi moden dalam bidang pertanian. Antaranya tahun 2021 kerajaan merancang untuk mewujudkan sekumpulan anak-anak muda yang menjadikan kerja *pilot drone* sebagai satu kerjaya. Kita di Terengganu sawah padi kita ada 12,000 hektar, di banyak negeri kerja-kerja membaja dan meracun tidak lagi dilakukan secara manual tetapi digunakan teknologi *drone* kita hendak anak muda yang terlibat. Anak-anak muda hendak membeli drone tentu sekali tidak berkemampuan kerana satu unit boleh mencecah RM30,000.00 sehingga RM40,000.00 maka kerajaanlah yang perlu mempelopori dan menerokai bidang ini.

Yang ketiga Dato' Yang Di-Pertua, orang muda kita minat bertani tetapi isunya ialah tapak tanah untuk dijadikan tapak pertanian. Pihak kami banyak dihubungi oleh anak-anak muda tanya dekat mana ada tanah, bukan hendak luas pun, ada yang nak setengah ekar ada yang nak seekar dan kita ada tanah TKPM di Terengganu seluas 1,262 hektar, dalam tempoh dua tahun ini kita telah buat satu gerak kerja secara sangat intensif bagi kita melaksanakan kerja-kerja pemutihan dengan kita menamatkan penyewa-penyewa yang tidak produktif dan tidak mengusahakan tanah, kemudian kita masukkan penyewa baru yang sebahagian besarnya adalah daripada kalangan anak-anak muda. Buat masa sekarang ini, masih ada lagi sekitar 290 hektar tanah TKPM yang kosong. Kita letak sasaran *insya-Allah* menjelang 2021, semua tanah yang kosong ini boleh diisi dan kita alu-alukan anak-anak muda untuk memohon bagi menjadi peserta TKPM.

Seterusnya Dato' Yang di-Pertua, isu anak muda kita nak buat kerja *pitih takdok*. Sebab itu Kerajaan Negeri menyediakan kemudahan Skim Bantuan Modal Tani dan saya berterima kasih untuk tahun ketiga beturut-turut, bajet Skim Bantuan Modal Tani dikekalkan sebanyak RM5 juta dalam Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam. Syarikat-syarikat besar, mereka tidak ada masalah

untuk dapat sokongan bajet daripada institusi-institusi kewangan. Sebab itu kita galakkan syarikat besar supaya buat projek pertanian kemudian buat secara kaedah *anchor* yang di bawahnya ada anak-anak muda yang turut terlibat membina kerjaya dan boleh mengambil manfaat.

Yang kelima, Dato' Yang di-Pertua, ciri orang muda ini bila kerja mereka nak hasil cepat. Orang muda tak sabar untuk tunggu bertahun-tahun baru boleh dapat hasil. Kerana itulah, di antara penumpuan dan tekanan kita, kita fokuskan kepada *cash crop* tanaman kontan yang memberikan hasil yang cepat, dalam masa yang sama menghasilkan sumber makanan dan permintaan tinggi. Akhir sekali banyaklah kursus-kursus yang tentu tak perlu saya sebutkan kesemua sekali bagaimana kita *nak* memahirkan golongan belia untuk turut sama terlibat dalam bidang ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Dato' Yang di-Pertua, saya ada soalan tambahan: Sejauh manakah inisiatif yang diberikan oleh pihak kerajaan, banyak yang kita nampak tadi inisiatifnya. Sejauh mana inisiatif itu dapat diberi oleh pihak kerajaan mencapai sasaran ataupun matlamat?

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, kalau kita teliti angka, saya boleh simpulkan apa yang kita usahakan telah memberikan sedikit sinar harapan. Walaupun *tak* banyak, tetapi ia telah memberikan satu angka yang kita boleh banggakan. Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia berkaitan dengan KDNK Negeri Terengganu, peningkatan sektor pertanian 2018 berada pada paras -2.5% yang telah meningkat kepada 6% pada tahun 2019. Dan peningkatan ini tentu sekali kita layak untuk bagi kredit kepada anak-anak muda kita yang apabila mereka terlibat dalam bidang pertanian, dalam bidang penternakan dan juga perikanan, mereka buat secara sungguh-sungguh, kemudian memanfaatkan ilmu yang ada. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED (Wakil Bandar): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan kedua: Tadi Yang Berhormat EXCO ada maklum beberapa masalah di dalam memastikan para belia mengguna inisiatif yang diberikan oleh pihak kerajaan. Boleh tak kita *nak* dapat sikit lagi adakah di sana halangan-halangan ataupun masalah-masalah lain yang dihadapi oleh pihak kerajaan dalam memastikan para belia dapat memanfaatkan segala inisiatif yang telah diberikan oleh kerajaan.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, bila kita buat kerja tentu sekali akan ada halangan dan masalah. Tapi kita optimis. Apa yang cuba kita selesaikan dalam tempoh terdekat ini ialah sistem penyampaian supaya dasar-dasar baik yang dibuat oleh kerajaan dapat dimanfaatkan oleh rakyat dengan sebaik mungkin. Kalau suatu permohonan itu sepatutnya perlu lalu lima meja, seboleh-bolehnya kita nak singkatkan kepada tiga meja sahaja. Dan sistem penyampaian ini adalah di antara kunci keberkesanan dan kejayaan perancangan besar kita, *insya-Allah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya No. 1 -

Apakah usaha pihak kerajaan memperkasakan industri ternakan lembu di Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih kepada adinda Kuala Besut. Soalan berkaitan dengan usaha Kerajaan Negeri untuk memperkasakan ternakan lembu di Negeri Terengganu. Yang pertama Dato' Yang di-Pertua, kita fokus kepada pembangunan padang ragut. Dalam Bajet 2020, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM200,000.00 untuk pembangunan padang ragut rakyat yang telah meningkat sekali ganda pada tahun depan kepada RM400,000.00, menggambarkan keseriusan kita untuk *nak* menjayakan usaha ini. Di antara padang ragut yang sempat kita bangun pada tahun ini ialah padang ragut di Kampung Padang di Kerteh di Kemaman, padang ragut Padang Lindungan di Kampung Oh, di Jabi dan padang ragut di Padang Baloh di Besut. Buat masa sekarang ini, terdapat 71 rezab padang ragut dengan keluasan 1,571 hektar yang dimanfaatkan oleh penternak-penternak kita. Yang kedua Dato' Yang di-Pertua, kita juga memfokuskan kepada penglibatan sektor swasta dalam pembangunan padang ragut. Buat masa sekarang ini, ada enam padang ragut yang telah diberikan pajakan dan dimajukan oleh pihak pemaju swasta dengan keluasan 489 hektar. Keluasan keseluruhan rezab padang ragut di Negeri Terengganu 4,349 hektar dengan masih berbaki 1,800 lebih lagi yang belum dimajukan dan kita sedang berusaha keras ke arah ini.

Seterusnya Dato' Yang di-Pertua, dari segi hub pembangunan lembu sado, tahun 2020, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM400,000.00 dalam program pembangunan lembu sado di antara program yang menjadi *wow factor* yang sangat menarik minat penternak muda kita. Untuk tahun 2021, saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang meningkatkan peruntukan daripada RM400,000.00 kepada RM1 juta. Seterusnya, kita juga pernah buat Himpunan Lembu Sado Pantai Timur yang menghimpunkan lembu-lembu sado daripada Pahang, daripada Terengganu, dan daripada Kelantan, lebih 100 ekor pelbagai spesis lembu sado dihimpunkan di Jabi dalam satu program yang sangat meriah dan kita *nak* buka minda serta kita *nak* buka pandangan anak-anak muda kita supaya mereka melihat bagaimana meriahnya industri ini dan mereka bukanlah kelompok yang terpinggir dalam masyarakat.

Seterusnya baru ini kita buat kursus *special cut*. Kita jemput pakar dalam bidang pemotongan daging. Kita *nak* ajar penternak-penternak kita supaya mereka tahu potong daging dengan cara yang betul agar bahagian-bahagian tertentu daging yang ada pada seekor lembu boleh dijual dengan harga yang sepatutnya. Biasa kita orang kampung atas sekor lembu kita cincang halus semua masuk kawah. Sedangkan sebenarnya atas sekor lembu ada bahagian yang dipotong dengan betul dan boleh dijual dengan harga ratusan ringgit, yang diperlukan oleh hotel-hotel dan restoran-restoran ternama untuk buat *steak* dan sebagainya. Yang kita *nak*, ialah biar penternak kita dapat pulangan yang lebih daripada apa yang mereka ada. Soal yang *nak* makan harga mahal, ini ada golongan-golongan tertentu yang berkemampuan yang mereka berhajat kepada perkara-perkara seperti ini. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri berbincang dengan beberapa GLC sebagaimana yang saya jelaskan tadi dengan TDM, dengan Ladang Rakyat untuk mereka turut sama mempergiatkan lagi aktiviti mereka terlibat dalam bidang penternakan. Soal modal, kita bantu dengan sokongan Skim Bantuan Modal Tani yang *insya-Allah* saya akan jelaskan secara lebih terperinci dalam soalan daripada Yang Berhormat Ajil nanti.

Kita juga mengadakan kursus-kursus untuk melahirkan jurusuntik pernian beradas, dalam kita mempergiatkan lagi program biak baka kita. Dan Kerajaan Negeri berterima kasih kepada tenaga-tenaga pakar daripada Fakulti Perubatan Veterinar Universti Putra Malaysia, yang sentiasa bersedia untuk menyumbang tenaga dan kepakaran secara percuma. Terakhir sekali baru ini, Program VetPil Ruminan Terengganu yang dihadiri oleh berbelas-belas orang profesor daripada Universti Putra Malaysia yang datang memberikan khidmat secara percuma sahaja. Dan akhir sekali isu besar yang dihadapi oleh penternak ruminan Terengganu khususnya lembu ialah isu bekalan makanan. *Alhamdulillah*,

Kerajaan Negeri bekerjasama dengan koperasi peserta-peserta FELCRA telah ada kilang makanan ternakan yang berjaya dibuka di Gong Badak. Kita bantu dari segi kepakaran dan sebagainya melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Kerajaan Negeri juga telah meluluskan sebidang tanah di Bukit Kor di Marang bagi tujuan dibangunkan kilang makanan ternakan yang akan dibangunkan oleh pihak swasta. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat EXCO di atas penjelasan tentang macam mana nak memperkasakan lagi industri ternakan lembu di Terengganu dan banyak usaha yang telah dibuat oleh kerajaan, tahniah. Cuma yang saya tertariknya tentang yang disebut oleh Yang Berhormat EXCO tadi, betapa peri pentingnya iaitu keutamaan tentang padang ragut yang ada di Negeri Terengganu dan soalan saya sebab saya didatangi oleh orang kampung Dato' Yang di-Pertua pada sebulan dua bulan lepas iaitu di Kuala Besut pun juga di sekitar Kampung Dengir, Kampung Tok Has ada juga padang ragut. Jadi, dan dimaklumkan oleh orang kampung bahawa padang ragut itu nak dijadikan lot-lot tanah. Jadi sebab itu kita nak tahu apakah perancangan ini termasuk dengan perancangan kerajaan sedangkan yang disebut oleh kerajaan *sakni* bahawa pentingnya padang ragut kepada perusahaan ternakan lembu ini, tetapi bila di bahagi lot-lot tanah juga, jadi kurangnya bilangan atau keluasan rizab padang ragut yang sebanyak disebut oleh EXCO *sakni* 4,349 hektar mungkin akan berkurangan. Jadi apakah perancangan pihak kerajaan, adakah nak ganti ke ataupun adakah perancangan lain kerana ianya *contradict* dengan yang disebut oleh..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Lebih spesifik Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): pihak kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Lebih spesifik kawasan mana.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Kawasan Kuala Besut, di Tok Has dan juga di Kampung Dengir. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri sangat berhati-hati dalam menangani isu ini. Kita dalam dilema di antara keperluan perumahan rakyat kita dengan keperluan untuk sumber makanan kita terutama ternakan. Dua-dua penting sebab itu isu ini ditangani dengan sangat berhalus, dengan sangat berhati-hati. Saya dimaklumkan bahawa rizab padang ragut yang disebut oleh adinda Kuala Besut tadi sebenarnya adalah lot tapak rumah yang telah diberikan kepada peserta-peserta semasa era kerajaan PAS 1999-2004 dahulu, jadi dikategorikan sebagai lot tanah terkilan yang perlu dikembalikan semula kepada pemilik asal yang sebenarnya dah diberikan LMS pun ketika itu.

Saya tengok kedua-dua kepentingan, kepentingan penternak pun kita nak jaga, dalam masa yang sama kepentingan untuk kita mengembalikan hak juga menjadi satu tanggungjawab Kerajaan Negeri dan pihak kami memberikan komitmen *insya-Allah* isu penternak di sekitar Tok Has, kita akan bincang dengan *detail* yang pentingnya mereka perlu ada tempat untuk menternak. Dan masih ada lagi beberapa rizab padang ragut berhampiran yang kita boleh bangunkan untuk dijadikan sebagai kawasan. Mereka boleh cerut ambil rumput dan kawasan mereka boleh lepas ternakan di situ. Terima kasih atas keprihatinan adinda Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Satu lagi Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih atas penjelasan tersebut dan saya dimaklumkan oleh pihak yang berkenaan, pihak orang kampung lah, bahawa isu tanah tersebut sebenarnya lagi awal daripada tahun 2004 lagi. Sebenarnya mereka telah mengusahakan lebih daripada 24 tahun. Jadi mohonlah pihak kerajaan supaya, sebab mereka ni pelbagai ideologi dan juga fahaman. Jadi kalau boleh pihak EXCO, pihak kerajaan tangani lah sebaik mungkin dan berbincanglah dengan mereka dan kalau boleh gantilah pula tapak untuk padang ragut ini. Kerana saya perhatikan ramai anak-anak muda dan ramai orang-orang yang berminat dan suka dengan industri ternakan lembu kita di Terengganu termasuk kita di Kuala Besut. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Okay, terima kasih atas perhatian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tengok soalan-soalan yang mendatang ini semua tuju kepada EXCO Pertanian, ramai

peminat-peminat ADUN Jabi mungkin kerana menyahut seruan daripada Tuanku Al-Sultan, tahun 2021 sebagai Tahun Pertanian Negeri Terengganu. Seterusnya saya jemput Wakil Air Putih.

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua,

Burung Tempua terbang berdua
Mari singgah di atas

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kuat sikit Yang Berhormat, sedap dengar pantun pagi-pagi ni.

Dewan [*ketawa*]

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor satu-

Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan dalam menangani masalah serangan gajah liar ke atas kebun petani

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ringkas sangat pantun Yang Berhormat [*ketawa*]

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua ganggu, tak sempat Air Putih nak habiskan pantun dia. [*ketawa*]. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Air Putih. Soalan berkaitan dengan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk menangani masalah serangan gajah liar kepada kebun-kebun petani.

Populasi gajah liar yang ada di Negeri Terengganu sebenarnya tak banyak sangat dalam sekitar 180 ekor sahaja di seluruh negeri tertumpu di Kemaman, Dungun, Hulu Besut dan juga di Setiu. Ini di antara tempat-tempat yang menjadi *hotspot* gajah liar. Kerajaan Negeri melalui Tabung Amanah Hidupan Liar sebelum ini dikenali sebagai Tabung Amanah Gajah yang dipengerusikan oleh saya sendiri bersama dengan Jabatan PERHILITAN. Kita sentiasa berbincang langkah-langkah untuk kita menangani ancaman serangan gajah kepada kebun-kebun penduduk.

Di antara langkah yang diambil bila berlaku suatu kes serangan, yang pertama Jabatan PERHILITAN ambil tindakan untuk tembak halau, bukan tembak untuk nak bunuh, tembak untuk nak hambat, tembak halau. Yang kedua, Jabatan PERHILITAN memasang lampu LED, lampu yang kelip-kelip tu, gajah takut pada lampu yang kelip-kelip tapi ada ketika tiang lampu pun dia *gi* langgar juga. Yang ketiga, pemasangan pagar elektrik. Sekarang ini pagar elektrik yang kita ada di seluruh Terengganu di antaranya ada 33 kilometer di Kampung Pelong di Setiu, ada 25 kilometer pagar di Kampung Payung di Chalok Barat, ada 29 kilometer di Kampung Lawit di Kampung Belukar Bukit di Hulu Terengganu dan ada satu lagi pagar di Kampung Ban Ho di Kemaman sepanjang 2 kilometer.

Dalam RMK-12 *insya-Allah* akan dibina lagi pagar elektrik ini di Kampung Air Putih, kampung Yang Berhormat khususnya di Kampung Teladas sepanjang 12 kilometer dan Kampung Ban Ho kita akan tambah lagi di kawasan Cherul sepanjang 15 kilometer. Ini dari segi pemasangan pagar elektrik. Kalau pemasangan pagar, lampu LED, tembak halau tak berjaya, maka terpaksa kita ambil tindakan tangkap dan pindah. Pindah ini mungkin buang negeri ataupun buang daerah. Kalau yang serius biasanya terpaksa buang negeri lah. Yang biasa dibuangnya ke Taman Negeri di Gerik, Perak. Tahun 2018 ada lima kes tangkap pindah, 2019 ada enam kes dan 2020 ada tiga kes. Sebab apa kita letak tangkap pindah ni sebagai pilihan yang terakhir sebab operasi tangkap pindah gajah ni memerlukan kos yang sangat besar untuk seekor-seekor puluh ribu peruntukan diperlukan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Sila.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, kenapa gajah ini dipindahkan ke luar daripada Terengganu sedangkan Taman Gajah kita masih kekurangan gajah dan boleh diuruskan dengan sempurna, tak cukup gajah lagi sekarang ini, duk halau ke orang. Patut beri ke Taman kita dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Gajah jantan ke betina Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): *Dok* kira jantan ke betina, *hok* beranak pun ada *doh lening* Dato' Yang di-Pertua. Bila jumpa jantan dan betina, beranaklah, Dato' Yang di-Pertua, terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Gajah yang kita pindahkan ini Yang Berhormat Kijal, gajah yang menimbulkan konflik dengan penduduk, dengan pekebun dan kita pindah biasanya ke Taman Negeri juga di Gerik, Perak di samping kita pindah ke Pusat Konservasi Gajah ni di antara...

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjelasan. Kita sedar gajah itu konflik dengan manusia, tapi kalau hantar ke Taman Gajah kita, ia boleh dijinakkan. Adakah Yang Berhormat tahu penjinak gajah yang kita latih yang kita gaji itu yang kelima terbaik di dunia, namanya Mitree dari Thailand.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Baik, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Kebawah Duli Tuanku telah bertitah kepada pihak PERHILITAN untuk tambah gajah.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Ya, saya sedia maklum Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Sedia maklum, *bakpe* hantar kat lain, hantar situ lah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sabar-sabar Yang Berhormat. Kita dengar penjelasan dahulu.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Ada isu-isu berkaitan dengan Taman Gajah Yang Berhormat Kijal sebut nanti, saya mohon rakan saya EXCO Pelancongan menjelaskan dalam ucapan penungguhan. Ada isu-isu yang perlu dijelaskan sabit dengan Taman Gajah tadi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat habiskan soalan tadi, penjelasan tadi.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Kita tangkap dan pindah. Ini di antara langkah terakhir cumanya tangkap pindah ini duduk pada pilihan terakhir kerana dia memerlukan kos yang besar, puluh ribu habis untuk nak tangkap dan pindah seekor gajah bermula dari pemantauan, tangkap, kemudian ditenangkan tiga hari, dibawa gajah denak, kemudian barulah boleh dipindahkan bukan satu operasi yang mudah sebenarnya tetapi demi untuk kita jaga petani-petani kita dan kita tangani konflik di antara hidupan liar dengan rakyat kita dengan cara yang sangat cermat *insya-Allah*, terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih, ya sila.

YANG BERTHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih): Terima kasih Yang Berhormat Jabi di atas jawapan tadi. Oleh kerana kos menangani masalah gajah ini makan kos yang agak tinggi. Soalan saya yang pertama: Apakah ada sumbangan daripada syarikat-syarikat perladangan yang besar yang turut sama terlibat menangani isu gajah ini bersama dengan pihak kerajaan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): *Okay*, terima kasih. Kerajaan Negeri merakamkan penghargaan terima kasih kepada syarikat-syarikat perladangan besar di samping mereka turut sama berada dalam Jawatankuasa Tabung Amanah Hidupan Liar, kita juga mensyaratkan bagi ladang-ladang yang berada dalam kawasan berisiko supaya setiap syarikat ini menyumbang sebanyak RM10.00 bagi satu hektar, di antara yang menyumbang macam TDM, Ladang Rakyat, FELDA, FELCRA dan beberapa

syarikat lain sebagai sokongan kepada dana daripada Kerajaan Negeri dan juga dana daripada Kerajaan Persekutuan bermakna kita bekerja secara bersama gabung jalin.

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih): Soalan yang kedua: Adakah jenis-jenis bantuan yang diberi kepada pekebun-pekebun yang menghadapi serangan gajah. Apakah bentuk bantuan yang diberi oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua ada, sebab Tabung Bencana Pertanian kita termasuklah di antara bencana ini kerana serangan hidupan liar. Untuk tahun 2019, kita dah bagi bantuan kepada sembilan orang pekebun di Kampung Padang Setar di Hulu Terengganu dan tahun 2020 serangan gajah di Pelong di Langkap juga kita bagi bantuan melalui Tabung Bencana Pertanian.

YANG BERHORMAT Ir. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Dato' Yang di-Pertua, memandangkan soalan ini digabung sekali dengan soalan Kemasik, mohon untuk sedikit tambahan soalan berkenaan dengan serangan dan juga khinzir di samping gajah tersebut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Khinzir untuk setakat ini PERHILITAN ada dua kaedah. Yang pertama, pasang perangkap dan yang kedua terpaksa dijatuhkan hukuman mati, tembak mati, setakat ini operasi-operasi dilaksanakan oleh Jabatan PERHILITAN dengan kerjasama RELA dan kadang-kadang PDRM juga turut serta. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Wakil Ajil.

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Soalan nombor satu-

Sila jelaskan pelaksanaan dan manfaat yang diperolehi daripada Skim Bantuan Modal Tani (SBMT). Mohon jelaskan juga secara terperinci bilangan permohonan dan penerima SBMT tersebut?

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Hadiah boleh bajet RM20 juta. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kekanda Ajil. Skim Bantuan Modal Tani, satu skim pembiayaan mudah tanpa faedah, patuh syariah diperkenalkan kepada rakyat Negeri Terengganu yang terlibat dalam sektor pertanian, sektor penternakan, perikanan dan juga industri makanan, bermula daripada tahun 2019 hari itu dan Skim Bantuan Modal Tani ini kita boleh guna untuk apa sahaja aktiviti yang ada dalam empat sektor tadi cuma kita bagi dalam bentuk pinjaman mudah patuh syariah dengan nilai maksimum RM50,000.00 dalam bentuk sokongan barangan bukan dalam bentuk tunai dan sedikit data bermula daripada dilancarkan sehinggalah Oktober tahun 2020, pihak Jawatankuasa Induk Skim Bantuan Modal Tani telah menerima permohonan sebanyak 467 permohonan dengan nilai RM15,966,605.51. *Okay*, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Soalan tambahan yang pertama: Untuk mempermudah urusan proses pembelian dan juga pengurusan saya rasa, saya mencadangkan kalau sekiranya diberi bayaran secara tunai kepada peminjam seperti mana yang dilaksanakan oleh bank dalam pinjaman peribadi ataupun *personal loan* dengan izin. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Pinjaman ini, pinjaman mudah, Dato' Yang di-Pertua, kita dah bincang *detail* isu ini, yang selalu berlaku ialah salah guna bila kita bagi tunai, isi dalam borang nak pelihara kambing bila kita beri duit tengok-tengok ada motor waisuku baru di rumah. Bukan kita tak bagi beli motor waisuku cuma kita nak supaya dana ini digunakan sesuai dengan tujuan ia dimohon dan diluluskan. Jadi isu rakyat kita ini pelbagai, sebab itu dalam nak membuat keputusan dan merangka dasar kita tengok secara keseluruhan, apa pun kita cuba permudahkan Yang Berhormat Ajil, di antaranya pembekal boleh dicari sendiri oleh pemohon dan syarat pembekal ini hanya ada SSM sahaja, tidak perlu pun ada lesen kewangan. Cari berdasarkan spek yang kita nak, kualiti dan bentuk yang kita nak, untuk kita mempermudah dan kita boleh setuju dari segi harga supaya benda ini boleh dibekalkan segera dan pihak Urus setia Skim Bantuan Modal Tani akan buat bayaran terus kepada pembekal.

YANG BERTHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Adakah kerajaan bersedia untuk beri potongan ataupun *discount* dengan izin kepada mana-mana peminjam yang dapat membayar dalam tempoh waktu yang tepat ataupun mungkin awal, mungkin boleh beri potongan 20% ataupun 50% untuk menggalakkan para petani untuk mengembangkan perniagaan mereka. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Satu cadangan yang baik. Kita bincang *insya-Allah*.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya jemput Wakil Kemasik.

YANG BERTHORMAT Ir. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor tiga-

Apakah tindakan dan sejauh mana langkah meningkatkan kebersamaan ke arah memulihara sumber secara mampan dalam golongan nelayan dan masyarakat?

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua soalan berkaitan dengan program untuk meningkatkan lagi sumber khususnya sumber perikanan. Tahun 2020, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM300,000.00 bagi program memperkayakan sumber perikanan dalam bentuk melabuhkan tukun dan unjam. Tahun 2019 - RM150,000.00 diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri, tahun 2018 - RM250,000.00 dan tahun 2021 tahun depan satu rekod tertinggi, terima kasih kepada pihak kerajaan yang meluluskan sebanyak RM1 juta dalam program memperkayakan sumber perikanan. Ini seiring dengan data di mana dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, peningkatan KDNK dalam sektor pertanian ini antaranya disokong oleh peningkatan hasil tangkapan perikanan marin, bermakna usaha yang kita buat telah berjaya meningkatkan hasil pendapatan nelayan yang selama ini dibelenggu oleh isu besar, perairan kita ini dah kurang ikan dan *insya-Allah* program memperkayakan sumber perikanan, kita akan teruskan dalam tahun-tahun yang akan datang. Yang ini untuk nelayan laut, untuk nelayan darat, kita mempunyai sejumlah nelayan darat, tahun ini juga kita dapat dalam RM200,000.00 untuk program pelepasan benih ikan ke perairan

umum, di antaranya ke tasik, ke sungai, kolam dan sebagainya. Yang terakhir sekali, kita buat satu program 1 juta benih ikan di Tasik Kenyir, secara spesifiknya di Kawasan Sungai Leban di Tasik Kenyir, 18 Julai baru ini kita lepaskan 33,000 ekor benih ikan Kelah, Sebarau, Temoleh, Lampan. 27 Ogos - ikan Lampan 10,000 ekor, 20 Oktober - 400,000 lebih benih udang galah kita lepaskan dan terakhir 27 Oktober - 485,000 pelbagai spesies Lampan, Terubuk, Baung, udang galah, menjadikan keseluruhan dalam tempoh bulan Julai sehingga bulan Oktober - 940,000 lebih anak benih kita yang telah lepaskan ke perairan umum yang *insya-Allah* akan menjadi sumber rezeki kepada nelayan darat kita.

YANG BERTHORMAT Ir. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan satu: Apakah usaha yang dirancang dan insentif yang mungkin pihak kerajaan boleh berikan bagi memastikan lebih ramai masyarakat turut sama terlibat di samping sektor-sektor swasta dalam program pembangunan tukun dan unjam bagi memastikan peningkatan hasil sumber perikanan tersebut.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, program unjam memang kita dah buat secara unjam komuniti dengan penglibatan nelayan melalui Persatuan Nelayan Kawasan. Adapun tukun, dia agak kompleks kerana satu bongkah tukun ini beratnya dalam sekitar 15 hingga 16 tan memerlukan kelengkapan-kelengkapan khusus bagi proses melabuh, di antaranya tongkang dan sebagainya. Jadi, yang ini kita buka tender dan diuruskan oleh pihak kontraktor. Adapun untuk program unjam *insya-Allah* kita teruskan program unjam komuniti secara berterusan bersama dengan masyarakat nelayan setempat.

YANG BERTHORMAT Ir. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan kedua: Memandangkan usaha melabuhkan unjam ini lebih bersifat jangka pendek, apakah perancangan kerajaan bagi memastikan usaha pemuliharaan sumber ini lebih tahan lama dan solusinya lebih berjangka panjang?

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, benar unjam ini jangka pendek, tapi kita ada tukun untuk jangka panjang. Tukun kita yang terakhir sekali, kita labuhkan di perairan Besut baru ini, berat satu bongkah dalam 15 tan sehingga 16 tan. Satu bongkah tukun itu, tetulang besi saja beratnya dalam 0.6 tan dan kita gunakan konkrit gred 35 yang dikira mampu bertahan selama kira-kira 50 tahun di

dasar laut. Jadi, *bolehlah* saya letak satu konklusi unjam memang program jangka pendek tetapi, tukun ialah program jangka panjang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil Wanita kita.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Soalan saya, soalan pertama-

Mohon nyatakan inisiatif yang diambil pihak kerajaan untuk membantu dan menggalakkan usahawan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 dengan menggunakan teknologi digital dalam perniagaan mereka?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih pada ADUN Wanita atas soalan yang ditanya yang berbunyi: Mohon nyatakan inisiatif yang diambil oleh pihak kerajaan untuk membantu dan menggalakkan usahawan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 dengan menggunakan teknologi digital dalam perniagaan mereka. *Alhamdulillah*, Kerajaan Negeri melalui kerjasama beberapa agensi Kerajaan Negeri, Persekutuan dan juga ahli PEUTER telah melaksanakan beberapa program kursus bagi membantu usahawan terjejas untuk menguasai cara penggunaan teknologi digital dalam perniagaan mereka. Antara kursus yang dilaksanakan pada tahun 2020 adalah seperti yang saya akan sebutkan ini.

1. Yang dianjurkan oleh SME Corp., Program *Pocket Talk and Business Matching Stairway to Supermarket*, dengan izin.
2. Juga daripada SME Corp., Kalau yang pertama tadi, bilangannya melibatkan 37 peserta. Program yang kedua, Program *National Mark of Malaysia Brand*, Jenama Malaysia ke Pasaran Global juga oleh SME Corp. yang melibatkan 26 peserta.

3. Seminar Asas Keusahawanan yang dianjurkan oleh TEKUN Nasional melibatkan seramai 239 orang.
4. Seminar Usahawan Digital yang dianjurkan oleh YPU, melibatkan 12 usahawan.
5. Seminar *The Entrepenuer Kickstart* dianjurkan oleh YPU melibatkan 53 orang peserta.
6. Bengkel Keusahawanan Aura Usahawan melibatkan 15 orang peserta.
7. Program *Register Brand Anda, Do It Yourself* Bersama MyIPO anjuran YPU melibatkan 49 usahawan.
8. Kursus eUsahawan yang melibatkan 91 peserta, dan
9. Program Keusahawanan Digital B40 yang melibatkan 52 usahawan dan ada siri 1, 2 dan 3 keseluruhannya hampir 150 usahawan.

Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita): Soalan tambahan saya yang pertama. Saya ucapkan tahniah di atas inisiatif yang sangat bagus dan sangat banyak dalam usaha untuk menggunakan teknologi digital ini dalam perniagaan kepada usahawan kita. Cuma, sejauh manakah keberkesanan program-program ini kepada usahawan kita dan apakah *indicator* kepada keberkesanan program-program tersebut? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih sekali lagi kepada ADUN Wanita. Pertanyaan dengan keberkesanan program-program yang telah dianjurkan. Program-program ini adalah bagi membantu usahawan untuk memperkenalkan dan mengembangkan jenama mereka masing-masing di pasaran tempatan dan juga global menggunakan *platform* biasa dan juga secara digital. Jualan usahawan telah ditingkatkan dan bagi setiap kursus, peserta berpeluang bersama dengan *group whatsapp* yang diuruskan oleh *coach* yang sentiasa bersedia untuk membantu. Contohnya, Seminar Asas Keusahawanan oleh TEKUN yang meliputi pengurusan kewangan, pemasaran secara *offline* dan juga *online*, asas pelabelan dan pembangunan produk itu sendiri. Program latihan ini adalah bagi memastikan usahawan yang mendapat pinjaman mampu menguruskan dana pinjaman dengan baik dan meningkatkan jualan mereka. Keberkesanan program dapat dilihat dengan tahap pembayaran balik pinjaman yang memuaskan. Itu antara *indicator kitalah* apabila dia

dapat pinjaman dan dia dapat membayar dengan balik dan kadarnya melebihi daripada 80%. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita): Soalan tambahan saya yang terakhir: Sebagaimana yang kita maklum, GanuShop antara contoh produk YPU yang berteraskan perniagaan atas talian dan apakah perkembangan ataupun status terkini GanuShop? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): *Okay*. Berkenaan dengan GanuShop, Dato' Yang di-Pertua. GanuShop ini aplikasi yang dibangunkan semasa negara kita mengalami Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 hari itu, akibat pandemik COVID-19. Keperluan pembangunan aplikasi ini memuncak apabila kerajaan menetapkan Bazar Ramadan tidak dapat beroperasi dan mengakibatkan lebih daripada 7,000 usahawan kecil, peniaga kecil dan penjaja tidak dapat menjalankan aktiviti tahunan mereka akibat Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan. Sepanjang pelaksanaan tersebut, *alhamdulillah* kita berjaya melancarkan aplikasi tersebut dan kita mendapat sambutan yang baik daripada usahawan-usahawan kita sepanjang Ramadan itu. Selepas daripada Ramadan, kita melihat ada beberapa perkara, kelemahan-kelemahan yang kita kenal pasti dan kita memberhentikan sementara operasi GanuShop dengan tujuan kita ingin menaiktaraf kepada *market place* yang lebih menyeluruh sebagaimana Shopee ataupun LAZADA termasuk keluasan perkhidmatan iaitu penghantaran ke luar negara dan telah siap sebanyak 95% sekarang ini dan *insya-Allah* kita jangka akan beroperasi sepenuhnya pada bulan Februari 2021. Terdapat sedikit kelewatan pengoperasian GanuShop *Version 2.0* ini kerana kita tidak dapat melaksanakan kursus *hands on* dengan izin, kepada penjual bagi melancarkan urusan pendaftaran produk-produk mereka dan tatacara penggunaan sistem ini kerana tempoh PKPB dan PKPP. Tetapi, untuk melayari sekarang ini, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ahli Dewan, kita ada domain sementara sekarang ini iaitu kita boleh melayari GanuShop versi 2.0 ini bawah pautan sementara bagi tujuan *testing* iaitu ganushop.berehh.com.my. Kalau Yang Berhormat dan sidang Dewan boleh menaip ganushop.berehh.com.my kita boleh melihat sekarang ini *market place* itu yang akan kita bangunkan dan akan beroperasi, *insya-Allah* Februari tahun 2021. Sekian terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk berlaku adil, saya tangguh sementara Soalan Lisan daripada ADUN Tepoh dan juga ADUN

Batu Burok sebab saya nak bagi peluang kepada kawan-kawan kita yang tak sempat tanya semalam ataupun yang ditolak. Jadi, saya jemput... tetapi lepas tu saya akan balik semula, saya jemput Wakil Seberang Takir. Okay, Seberang Takir.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 1-

Sejauh manakah Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS) 2030 memberi impak kepada rakyat Negeri Terengganu terutamanya dalam menghadapi penularan wabak Covid-19?

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan dan pemerhati-pemerhati sekalian. ADUN Seberang Takir bertanya tentang soalan: Sejauh manakah Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS) 2030 memberi impak kepada rakyat Negeri Terengganu terutamanya dalam menghadapi penularan wabak COVID-19? Jadi, *alhamdulillah* walaupun COVID-19 ini memang memberi kesan yang negatif kepada banyak sektor-sektor perkhidmatan, pembinaan, perniagaan dan sebagainya dalam negara apatah lagi termasuk dalam negeri kita.

Untuk makluman Ahli Dewan sekalian, Dato' Yang di-Pertua, PITAS 2020 ini merupakan satu pelan induk jangka panjang sehingga tahun 2030 untuk menjadikan Terengganu sebuah negeri yang maju, berkat dan sejahtera. Dalam keadaan COVID dan juga kita berada dalam PKP pada awalnya pada bulan Mac selama tiga bulan dan selepas itu PKPP dan baru-baru ini PKPB tak lama *alhamdulillah* dengan usaha Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita di Terengganu hanya dua minggu sahaja tidak sebagaimana yang diwar-warkan di peringkat awal yang ditetapkan selama sebulan. Dalam keadaan begitu

kesan pada Terengganu nampaknya tidak begitu besar di atas COVID-19 ini. Kalau kita tengok dalam ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar semalam pun, di musim COVID suku ketiga tahun ini yang mana bulan tujuh hingga bulan sembilan kita telah mencatatkan peningkatan sebenarnya di sektor pembuatan iaitu mencatatkan peningkatan daripada -18.3% kepada +3.3%. Maknanya tidak memberi kesan yang besarlah kepada sektor pembuatan di Negeri Terengganu.

Begitu juga di sektor perkhidmatan, daripada -16.2% meningkat kepada -4.0% sahaja. Begitu juga di sektor perlombongan daripada -20% meningkat kepada -6.8%, juga di sektor pembinaan, pembinaan ini memang dalam tempoh PKP selama 84 hari itu tidak berjalan tetapi setelah sahaja dibuka balik nampaknya telah mencatatkan pertumbuhan juga, peningkatan daripada -44.5% kepada -12.4%. Kalau kita tengok pada keseluruhannya juga impak ataupun kesan daripada PITAS 2030 ini dalam keadaan COVID juga berlaku peningkatan dalam sektor pertanian dan juga beberapa sektor yang lain.

Jadi, *alhamdulillah* saya rasa dengan tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan di musim COVID ini selain daripada banyak lagi perkara-perkara yang kita buat, kebajikan rakyat dan sebagainya, ianya tidaklah menampakkan suatu kesan yang negatif malahan memberikan impak yang positif di atas pelaksanaan dan juga tindakan *measure* kita pun mengatasi ataupun mengambil peluang di atas COVID-19, di antaranya kalau kita tengok sesuatu perkara yang agak luar biasa berlaku iaitu dari segi kesan kepada pelancongan kita meningkat dan juga kesan penggunaan teknologi digital. Ini kita rasa agak teruja juga bila mana orang di Pulau Redang bila keadaan dia tidak boleh mengeluarkan duit sebab tidak boleh naik ke *mainland* (tanah besar) di musim COVID, tetapi dia telah menggunakan sistem digital iaitu *e-pay*, dipanggil sebagai *e-payment*, di Pulau Redang dah guna *e-payment* dan juga di Pasar Payang. Mungkin selepas ini mungkin Terengganu akan capai lebih cepat target PITAS kita untuk *mendigitalisekan* ataupun menjadikan negeri digital di dalam negara kita. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTAMBAHAN DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Soalan tambahan saya yang pertama, saya pun ucap tahniahlah di atas makluman yang diberikan oleh Wakil Bukit Tunggul tadi. Saya untuk soalan tambahan ini, saya nak tanya siapakah yang menggerakkan PITAS dan berapakah bilangan kakitangan PITAS? Sebab kenapa soalan ini saya tanya kerana saya ada jugalah tanya

dan hendak dapatkan maklumat daripada pegawai-pegawai. Jadi saya tengok ramai yang tak berapa faham lagi dengan PITAS. Jadi minta penjelasan daripada Wakil Kerajaan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Untuk makluman Dewan, Dato' Yang di-Pertua, PITAS ini memang kita ada satu unit di bawah TSIS yang ditubuhkan dan dia ada CEO PITAS kita yang benar-benar sebelum pada ini walaupun kita kata tidak ada satu unit khas untuk diambil tindakan oleh EXCO-EXCO Portfolio masing-masing sejak daripada awal kita memerintah lagi, hal ini telah berjalan. Sebab pelan ini ialah pelan yang kita sediakan sebelum daripada pilihan raya. Semasa kita menghadapi pilihan raya yang ke-14 memang ini telah kita war-warkan kepada rakyat bahawa kita akan ada satu pelan induk untuk memajukan Negeri Terengganu menjelang tahun 2030 dengan PITAS ini dan pelan ini kita akan perbaharui ataupun kita telah semak balik sesuai dengan input-input yang kita terima di saat-saat akhir. Di setiap portfolio oleh EXCO masing-masing memang telah dilaksanakan mengikut Pelan Induk ini. Cuma PITAS kita benar-benar dapat berjalan dengan baik ialah mulai bulan Jun semasa PKP dan kita sudah ada satu CEO baharu kita dengan bilangan tenaga saya ingat tak perlu sebutlah sebab takut akan tersalah, dalam tak sampai 10 oranglah sekarang ini dan *insya-Allah* kita akan tingkatkan kepada *full force* kita mungkin kepada sembilan belas orang nanti, ini dalam proses kita tetapi itu satu pemerksaan PITAS tetapi PITAS sebenarnya terus berjalan melalui portfolio EXCO-EXCO yang telah kita beri taklimat dari semasa ke semasa. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): ...dan satu lagi Dato' Yang di-Pertua, daripada penjelasan yang diberikan oleh Wakil Bukit Tunggul tadi saya berpandangan maknanya PITAS ini dia tidak memberi impak yang besar sangat pada masa sekarang kalau ikut pada makluman yang telah disampaikan tadi. Jadi dalam Soalan Tambahan saya ini kalau sekiranya PITAS ini kita tidak nampak impak yang sangat besar untuk membantu rakyat dalam menghadapi penularan wabak COVID-19 ini, apakah pelan jangka pendek yang bersegera pihak kerajaan untuk membantu rakyat yang amat terkesan daripada akibat penularan wabak COVID-19 ini kerana dalam Bajet yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Wakil Rhu Rendang saya tak berapa nampak satu tindakan bersegera yang kita boleh membantu rakyat yang terkesan dengan wabak COVID-19 ini. Mohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Untuk penjelasan Dato' Yang di-Pertua, PITAS ni bukan semestinya kita kata ada CEO PITAS itu. Ini merupakan manifesto PAS masa Pilihan Raya ke-14 dan boleh dikatakan semua Ahli Yang Berhormat PAS memahami akan pelan induk ini dan pelan induk ini dilaksanakan melalui UPEN. PITAS bukan selaku pelaksana, dia hanya sebagai pemudah cara bagaimana untuk memacu Negeri Terengganu melalui UPEN atau jentera-jentera yang kita ada ini untuk melaksanakan manifesto PITAS ini. Oleh itu semua Ahli EXCO-EXCO kita ini semuanya membuat kerja kita ataupun membuat pelan di peringkat portfolio masing-masing berpandukan kepada manifesto kita PITAS 2030. Kalau nak dikatakan PITAS ini tidak terlibat dalam memacukan ekonomi sekarang ataupun apa yang berlaku ini bukan hasil PITAS, itu tidak betul, itu tidak tepat. Saya boleh katakan hal itu sebab ia memang dibuat perkara itu, cuma boleh diperkasakan dengan suatu unit khas di bawah TSIS bermula daripada bulan Jun. Bermakna kita hendak memacu lebih cepat lagi *insya-Allah* lepas ini negeri ini akan menjadi lebih maju. Jikalau dikatakan juga bahawa dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak mengadakan pelan jangka pendek dalam mengatasi COVID-19 ini adalah tidak benar, saya rasa tidak tepat kerana dalam Bajet ini memperuntukkan satu peruntukan segera yang besar hampir RM40 juta untuk membantu mereka yang terlibat daripada semua lapisan masyarakat daripada B40, peniaga kecil, penjaja, sektor pelancongan dan sebagainya. Ini boleh teliti balik dalam ucapan Yang Amat Berhormat dan *insya-Allah* kita akan ulas dalam penggulangan nanti, *insya-Allah*. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang di-Pertua, pasal sefahaman sayalah...maaflah Bukit Tunggal. Sebab saya faham PITAS...PITAS ini dia *shortcut* tapi saya tidak tahulah, mungkin tafsiran saya tidak betul. Sebab kalau ikut bahasa Terengganu kan, pitas... kita pitas orang ni kita pitas orang ni jadi maksudnya *short cutlah*. Pemahaman saya... *short cut* ni dia cepat sebenarnya...pemahaman sayalah...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okay

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): tapi daripada penerangan tadi maknanya apa yang saya maksudkan ini tidak tepatlah. Terima kasih.

YANG BERTAMBAH HORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Pemahaman secara *legally short cut* tu tidak betul. PITAS tu Pelan Induk Terengganu Sejahtera bukannya pitas tu lompat Yang Berhormat Seberang Takir. Itu mungkin salah fahamlah Jadi saya betulkan balik. PITAS ialah singkatan Pelan Induk Sejahtera bukannya pitas ni langkah orang. *Wallahu a'lam*. Terima kasih.

YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sama-sama. Saya rasa soalan ini yang pentingnya dalam Perkara 2.1 tu ialah seorang ADUN boleh minta penjelasan tetapi bukan menjadi asas ataupun helah untuk perbincangan. Jadi masing-masing dah beri penjelasan tadi. Jadi saya berhasrat untuk menanggungkan persidangan kepada pukul 11.10 pagi dan saya mintak Ahli Yang Berhormat boleh mematuhi masa kerana nak bagi masa yang lebih teratur kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk membuat perbincangan atas Rang Undang-Undang Perbekalan ataupun Bajet yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

MESYUARAT DITANGGUHKAN JAM 10.45 PAGI

PUKUL 11.15 PAGI

YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Saya nampak ramai lagi yang tidak masuk. Oleh kerana kita ada agenda penting, saya harap semua Ahli Yang Berhormat boleh menghormati masa yang telah ditentukan.

Ahli Yang Berhormat sekalian, pada pagi kelmarin kita telah sama-sama mengikuti pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan ataupun Bajet 2021 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar iaitu untuk bacaan kali kedua dan telahpun mendapat sokongan. Jadi sekarang sudah sampai masanya untuk perbincangan. Jadi saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Batu Burok untuk memulakan sesi ini. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat-Yang Berhormat, pengarah-pengarah jabatan, muslimin muslimat, hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* sekalian. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pembentangan Enakmen Perbekalan Tahun 2021 yang bertemakan 'Melestarikan Kesejahteraan Bersama'. Suka untuk saya memulakan ucapan ini dengan mengulangi firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* yang selalu kita baca.

(٤٧) قَالَ تَزْرَعُونَ سَبْعَ سِنِينَ دَائِبًا فَمَا حَصَدْتُمْ فَذَرُوهُ فِي سُنْبُلَةٍ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا تَأْكُلُونَ
(٤٨) ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ سَبْعٌ شِدَادٌ يَأْكُلْنَ مَا قَدَّمْتُمْ لَهُنَّ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا تَحْصِنُونَ
(٤٩) ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ عَامٌ فِيهِ يُغَاثُ النَّاسُ وَفِيهِ يَعْرِضُونَ

Maksudnya, Yusuf menjawab: "Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih). Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah buah-buahan."

(Surah Yusuf: 47-49)

Ayat Al-quran ini menerangkan mengenai persiapan sebelum menghadapi waktu bencana, impak bencana dan kaedah berhadapan dengannya serta situasi selepas bencana. Ayat yang merakamkan jawapan Nabi Yusuf *alaihissalam* bagi mentadbir mimpi Raja Mesir yang memerintah ketika itu adalah petunjuk daripada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kepada umat manusia di sepanjang zaman. Ini di antara kehebatan mukjizat Al-quran yang dapat kita saksikan pada hari ini. Al-quran bukan sahaja petunjuk untuk kita

beribadah, untuk kita berniaga, untuk kita bernikah kahwin bahkan juga ia adalah petunjuk dalam berpolitik.

Hari ini kita dapat melihat petunjuk Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* ini bagaimana untuk mengurus kewangan sesebuah negeri ataupun negara apabila ditimpa dengan musibah dan bencana. Beberapa pengajaran yang perlu kita ambil sebagai pedoman daripada ayat ini dalam menguruskan dan membangunkan ekonomi negeri kita ialah yang pertama mengutamakan kepentingan umum berbanding kepentingan peribadi. Yang kedua menganalisis peluang dan ancaman secara jangka panjang serta menilai risiko secara menyeluruh. Yang ketiga memastikan penglibatan semua pihak dalam menyediakan keperluan bersama. Yang keempat mengoptimumkan pengeluaran hasil pertanian. Yang kelima membangunkan kaedah dan teknologi penyimpanan makanan. Yang keenam mengoptimumkan penggunaan sumber serta mengimbangi antara keperluan semasa dan kepentingan masa hadapan dan yang ketujuh meyakini bahawa pada setiap musibah ada kesudahan yang lebih baik. Saya yakin Belanjawan 2021 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kelmarin yang mengandungi lima teras, 146 inisiatif dan 14 strategi adalah satu belanjawan yang komprehensif, yang lengkap yang merangkumi semua aspek yang diperlukan oleh negeri kita dalam keadaan kita menghadapi ujian dan cabaran COVID-19 ini.

Khususnya inisiatif-inisiatif bagi membantu dan meringankan beban rakyat seperti Bantuan Tunai Cakna Rakyat Terengganu RM200 *one-off*, yang kedua tiada kutipan lesen peniaga kecil dan penjaja. Ini sebenarnya satu perkara yang sangat penting yang banyak membantu rakyat Negeri Terengganu yang rata-rata bekerja sebagai peniaga kecil dan penjaja. Yang ketiga Program Pencen Rakyat sebanyak RM600 secara *one-off*. Saya percaya kesemuanya apa yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar menepati roh petunjuk Allah dari ayat yang saya bacakan tadi. Sebagai penambahan saya ingin memberikan beberapa cadangan. Apa yang penting ialah pelaksanaan daripada apa yang dirancang dan dirangka.

Cadangan yang pertama Teras yang Kedua Strategi Satu dalam muka surat 30 berkait dengan Program Mengkayakan Sumber Perikanan Negeri. *Alhamdulillah* sebanyak RM1.21 Juta peruntukan diberikan untuk program ini. Apa yang saya hendak cadangkan di sini kita sebagai kerajaan bukan sahaja perlu melihat dari sudut strategi menambah dan memperkayakan sumber perikanan negeri tetapi kita juga perlu melihat kepada strategi

memelihara sumber-sumber tersebut. Saya lihat antara ancaman besar kepada sumber-sumber ini ialah nelayan-nelayan asing. Dalam laporan akhbar Sinar Harian 15 Julai 2019 satu kenyataan daripada kerajaan pusat menyatakan negara rugi sebanyak RM6 bilion kerana nelayan-nelayan asing yang masuk ke perairan negara kita khususnya di Negeri Terengganu yang merompak hasil mahsul kita. Kita buat unjam, kita buat tukun mereka datang dan merompak hasil mahsul yang ada di perairan negeri kita. Mengikut statistik marin sebanyak 533 buah bot nelayan asing mencero boh perairan negara, jadi ini satu perkara yang sangat serius yang perlu difikir oleh Kerajaan Negeri walaupun ini bukan bidang Kerajaan Negeri tetapi memandangkan pada hari ini PAS bukan sahaja memerintah Negeri Terengganu tetapi juga sebahagian daripada Kerajaan Perikatan Nasional di pusat maka saya cadang supaya Kerajaan Negeri meningkatkan kerjasama dengan agensi pusat bagi kita menangani masalah ini. Cadangan yang kedua, Teras yang Kedua Strategi 2, mukasurat 33. Berkait dengan merencanakan industri pelancongan dan kebudayaan. Sebelum itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada EXCO Pelancongan Yang Berhormat Alur Limbat yang telah dianugerahkan sebagai *Malaysia Tourism Hero*. Satu anugerah yang bukan sahaja menjadi kebanggaan kepada Kerajaan Negeri tetapi seluruh rakyat negeri menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk menjayakan agenda-agenda bagi memastikan Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera. Saya ingin memberi cadangan berkait dengan *point 69*, promosi galakan pelancongan. *Alhamdulillah* sebanyak RM4.5 juta diperuntukkan untuk mempromosikan pelancongan di Negeri Terengganu. Saya tertarik di antaranya ialah melalui *platform* media sosial. Saya ingin mencadangkan supaya kita mesti fokus dengan *engagement* pihak-pihak di luar sana bukan program yang kita buat sahaja tapi *engagement* dengan pihak di luar sana sebagai satu notis ataupun ingatan kita bersama berkait dengan pengguna-pengguna media sosial ini *Facebook* sebanyak 2.4 billion, *YouTube* sebanyak 2.2 billion pengguna, jadi di sini saya cadang supaya pihak Kerajaan Negeri mengambil manfaat daripada *youtubers-youtubers* yang bebas untuk kita membayar mengupah mereka bagi membuat promosi pelancongan untuk Negeri Terengganu. Cadangan yang keduanya ialah saya tertarik dengan *point Terengganu Islamic Tourism Conference* dan EXPO di mana kita perlu mengambil peluang untuk menarik pelancong datang seramai mungkin ke Negeri Terengganu. Kita sama ada kita ataupun keluarga kita kalau pergi ke Mekah buat haji, buat umrah biasanya kita ambil pakej singgah ke Turki, singgah ke Jordan, singgah ke Mesir. Kenapa kita tidak boleh buat satu pakej dengan kita fokus kepada saudara-saudara selIslam kita di China yang mempunyai lebih daripada 20 juta umat Islam di China. Kita fokus dengan promosi pelancongan Terengganu kepada saudara-saudara kita di China. Mereka *nak*

pergi ke Mekah buat haji, buat umrah, pakej datang singgah ke Terengganu. Sama ada singgah dalam perjalanan pergi ataupun dalam perjalanan balik. Itu teknikal *lah*. Yang penting itu di antara cadangan yang saya *nak* sebutkan di sini. Seterusnya cadangan yang ketiga juga Teras yang Kedua Strategi yang Ke 3 dalam mukasurat 35 berkait dengan memajukan pelaburan GLC. Saya tertarik kita di Negeri Terengganu mempunyai beberapa GLC yang mana dari segi *Core Business nya* ialah berkait dengan pemakanan iaitu Pertima dan T-Kitchen tetapi saya percaya disana terdapat rakyat Terengganu yang masih lagi tidak tahu bahawa produk Pertima dan T-Kitchen ini keluaran Kerajaan Negeri Terengganu jadi di sini saya *nak* mencadang kepada kerajaan negeri supaya buat promosi besar-besaran sama ada daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri, daripada EXCO-EXCO, semua kita yang terlibat supaya kita menjayakan produk kita sendiri di samping kita mesti mengambil peluang dengan *trend* yang berlaku pada hari ini di antaranya ialah *trend Buy Muslim First* untuk kita mempromosikan produk Negeri Terengganu ini. Seterusnya cadangan yang keempat Teras yang Ketiga Strategi yang Ke 6. Saya langkah sikit memandangkan masa tidak mengizinkan iaitu Strategi yang Ke 6 dalam mukasurat 52, berkait dengan infra diperuntukan sebanyak RM16.3 juta untuk melaksanakan projek-projek kecil di seluruh DUN serta projek pembangunan infra dan kemudahan awam di seluruh negeri. Kalau kita *compare* dengan peruntukan pada bajet 2020, bajet pada tahun ini jauh berkurang jadi saya *nak* cadang supaya Kerajaan Negeri melihat balik mudah-mudahan pada tahun hadapan kita dapat duit *sepak tengah jalan* orang kata supaya difikirkan balik untuk menambah peruntukan ini kerana peruntukan ini sangat penting kerana ia untuk rakyat di bawah sana. Pembangunan-pembangunan seperti membaiki jalan, membaiki longkang dan seupamanya. Ini sangat penting kepada kita khususnya Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berada di bawah sana untuk kita melaksanakan projek-projek terus kepada rakyat. Akhirnya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya *nak* sebut dengan mengimbas kembali ayat yang saya bacakan tadi. Setiap kali kita datang ke sidang DUN untuk mendengar belanjawan yang dibentang, kita selalu mendengar angka-angka RM1 billion, RM2 billion, RM3 billion tetapi apa yang lebih penting ialah kualiti cara kita bekerja. Itu yang lebih penting dan itu sebenarnya yang ditekankan oleh politik Islam yang menjadi salah satu agenda penting kepada Parti Islam SeMalaysia (PAS). Politik Islam yang bertunjangkan kepada Al-Quran dan Sunnah Nabi ﷺ yang menekankan kualiti. Kualiti yang saya maksudkan di sini ialah sifat amanah dan jujur dalam memikul amanah. Kuantiti itu penting. Saya tidak menafikan bahawa kita perlu bajet yang besar bukan bermakna saya mahu bajet yang kecil dengan kita melaksanakan sifat-sifat yang saya sebutkan tadi. Kalau ada bajet yang lebih besar kita

belanja cara besar tetapi kalau kita ada bajet yang kecil kita belanja secara kecil yang penting kita melaksanakan bajet tersebut dengan berkualiti dengan sifat amanah dan jujur dan ini *lah* yang ditunjukkan dalam ayat yang saya bacakan tadi. Bagaimana petunjuk Allah yang dilaksanakan oleh Nabi Yusuf *alaihissalam* yang mengurus kewangan Negeri Mesir yang ketika itu dilanda dengan musibah walaupun dengan hasil yang sedikit tetapi dapat keluar daripada masalah dengan jaya dan membebaskan Mesir daripada masalah kemarau pada ketika itu. Jadi saya yakin dengan agenda perancangan yang telah dirancang dan dibentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bajet pada tahun ini walaupun ianya kecil berbanding dengan bajet 2020 tetapi dengan amanah dan jujur yang kita ada, yang telah ditunjukkan sepanjang pemerintahan dua tahun lebih ini. *Insyallah* saya percaya kita dapat mengatasi masalah-masalah ini. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Batu Burok kerana tidak mengambil masa yang terlalu lama daripada masa yang diperuntukkan. Dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Pembekalan sehingga diluluskan dengan masa yang ada ini tidak mungkin semua orang boleh bercakap *lah* jadi saya minta masa dipatuhi selepas pada pencadang 15 minit seterusnya sepuluh minit kecuali daripada Ketua Muafakat Nasional kita, jadi saya persilakan, sila. *Straight to the point* Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Berapa minit ini?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sepuluh minit, kecuali ada masa kecederaan inilah, itu saya akan nilai.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan saya Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para pemerhati, tuan-tuan, puan-puan hadir yang saya hormati sekalian. *Alhamdulillah*, syukur kita kehadiran Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*, kerana dengan izin Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*, pada kali ini sekali lagi kita dapat bersama-sama dalam Dewan yang mulia ini untuk dan sama-sama kita merealisasikan iaitu dengan kerja penting kita iaitu Pembentangan Bajet Belanjawan Tahun 2021 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada

pagi semalam, dan saya mengambil kesempatan untuk ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya walaupun dalam masa yang singkat, *insya-Allah* saya akan cuba seberapa daya upaya saya untuk menyampaikan beberapa perkara untuk kepentingan dan juga kebaikan kita bersama.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Apabila kita mendengar ucapan Bajet Pembentangan Bajet 2021 yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada pagi semalam, memang kita tidak dapat nafikan bahawa dengan pemasalahan-pemasalahan yang hadapi oleh keadaan dunia ini keadaan negara kita pada hari ini dan keadaan negeri kita sendiri pada hari ini yang mana kita menghadapi beberapa perkara yang sangat luar biasa. Oleh sebab itu saya melihat kepada Pembentangan Bajet 2021 ini yang dapat dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam sebanyak RM1.375 bilion dan ianya telah berkurangan daripada 2020 ini dan juga tahun-tahun yang lepas. Kita sangat memahami keadaan hakikat tersebut. Walau bagaimanapun kita berharap dengan bajet yang ada ini kita dapat merealisasikan pembangunan dan juga kepentingan rakyat Terengganu dengan sebaik-baik mungkin sebagaimana yang diutarakan oleh rakan saya tadi daripada Yang Berhormat Batu Buruk tadi. *Alhamdulillah* dan juga saya mengucapkan berbilang-banyak berterima kasih.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya juga mengambil kesempatan pada hari ini untuk memberitahu bahawa sepatutnya bajet semalam yang dibentangkan semalam saya melihat secara keseluruhannya adalah bajet yang agak biasalah, biasa kepada kita, daripada tahun-tahun yang sudah dan kita berharap kepada Kerajaan Negeri supaya melihat bajet ini, kita memberi tumpuan khusus kerana sebagaimana yang dimaklum bahawa sekarang ini kita menghadapi masalah yang dihadapi oleh dunia dan juga negeri kita iaitu masalah COVID-19, dan kita berharap bajet kita ini menjuruskan ke arah tersebut. Oleh sebab itu, kita melihat apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah tidak kurang kepada, bukan kepada tidak langsung tapi kita melihat dalam keadaan dalam masa yang singkat kita tidak nampaklah secara bersungguh-sungguh kita nak melihat kepada pemasalahan COVID yang dihadapi terutamanya oleh rakyat kita pada masa hari ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya juga ingin membawa beberapa-cadangan daripada rakan-rakan kita yang berada di luar sana untuk kita ambil perhatian dalam Dewan yang mulia ini. Pertama Kerajaan Negeri kalau sekiranya boleh ditambah baik, bajet yang telah dibentang semalam iaitu bantuan kepada golongan bantuan kepada B40 ini yang sepatutnya kita memberi bantuan yang sangat terkesan kepada COVID ini. Oleh kerana ianya tidak dapat dielakkan pada masa sekarang ini, seharusnya kerajaan melipatgandakan bantuan kepada golongan ini kerana kita tahu golongan inilah yang banyak terjejas sekarang ini. Golongan muda B40 ini menghadapi masalah, mereka inilah yang banyak sekali terkesan, ada yang dibuang kerja, ada yang terpaksa diberhentikan bekerja sementara, ada yang terpaksa mereka dalam masa sekarang ini juga mereka menanggung tanggungan yang sangat beban iaitu memulakan kerjaya, baru memulakan keluarga, masa umur 40 inilah kalau ada pun anak pun masih ramai lagi, masih kecil-kecil lagi, masih bersekolah lagi. Oleh sebab itu, saya rasa walaupun kita telah mendengar semalam ada bantuan kepada golongan ini sebanyak RM200.00 kepada lebih kurang 48,500 orang, jadi saya harap pertimbangan Kerajaan Negeri pada masa hari ini untuk pertingkatkan lagi kalau boleh, kalau 48,500 ini, saya rasa tidak sampai suku pun lagi anak-anak muda yang B40 ini, yang mendapat manfaat daripada permasalahan yang dihadapi sekarang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Kita juga mengharapkan bantuan ini boleh ditingkatkan, kalau ada ruang sebagaimana Yang Berhormat Batu Buruk kata tadi, kemungkinan selepas pada ini ada duit-duit *sepak* ke, duit-duit yang mari *hok* mana Kerajaan Pusat telah berhutang dengan kita ke, dia bayar duit *sepak* kita pertingkatkan, terutamanya pada suku yang pertama dan suku yang kedua pada tahun 2021 nanti.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Yang kedua saya juga memohon kepada Kerajaan Negeri supaya boleh melaksanakan moratorium pinjaman ataupun sewa rumah kepada rumah mampu milik Kerajaan Negeri Terengganu buat sementara waktu bukan kata sepanjang masa, kita beri dulu kelonggaran kepada pemilik-pemilik dan juga penyewa-penyewa rumah ini mungkin sebulan ataupun dua bulan pada masa awal tahun depan kerana dalam permulaan pada tahun depan ini sekarang ini kita menghadapi musim tengkujuh, musim banjir Yang

Berhormat Dato' Yang di-Pertua, awal tahun *kekgi* orang menghadapi raya *pulok*, orang *nak* menghadapi persekolahan anak-anak pula. Walaupun kita kata anak-anak kita belum tentu lagi, masuk belajar tapi persediaan daripada keluarga sudah ada. Oleh sebab itu, saya rasa sangat membebankan, membebankan rakyat kita di peringkat akar umbi dan di peringkat bawah. Untuk itu kalau bolehlah dan saya merayu kepada Kerajaan Negeri agar memberi kelonggaran sedikit kepada seluruh rakyat Terengganu yang menyewa rumah, rumah mampu milik ataupun premis perniagaan milik GLC Kerajaan-Kerajaan Negeri Terengganu, sebab kalau kita nak beri *pitis*, memang kita kurang *dah pitis*, inilah cara yang kita boleh bantu rakyat, makna kita beri mereka kelonggaran dalam sebulan dua supaya mereka boleh bersedia pada masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya pergi laju-laju ini, perkara ketiga adalah kita juga kena meningkatkan ekonomi anak-anak muda dan meningkatkan ekonomi usahawan-usahawan kita di peringkat akar umbi. Peningkatan ekonomi ini boleh kita salurkan dan memang kita tahu semalam yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sebanyak RM5 juta peruntukan yang disalurkan melalui YPU dan saya berharap EXCO, EXCO Usahawan boleh memohon dan merayu dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya Tabung Usahawan ini ditingkatkan lagi, tingkat daripada RM5 juta pergi ke RM6 juta ke RM7 juta ke, boleh kita *create* usahawan-usahawan kita dengan membantu mereka terutamanya usahawan-usahawan yang kecil. Usahawan-usahawan kecil ini termasuklah mereka yang membuat *burger*, mereka yang menanam cili, mereka yang menanam sayur, dalam jangka masa yang pendek dan kita beri bantuan kepada mereka, bantuan dalam RM1,000.00, RM1,500.00, bantuan dari segi RM3,000.00 kalau kita rasa bantuan ini kita tidak mampu, kita beri dalam bentuk pinjaman tapi pinjaman mudah bayar, dan kita beri tempoh sehingga mereka keluar hasil baru boleh dibayar kepada kita. Saya yakin dan percaya dengan kita membantu usahawan-usahawan ini, maka usahawan-usahawan inilah yang akan membantu peluang pekerjaan kepada anak-anak muda kita di peringkat akar umbi dan mereka boleh *create job* yang lebih besar, kalau kita boleh membantu 5,000 orang usahawan, dia boleh memakai lebih kurang empat orang pekerja, *dah* 20,000 anak muda Terengganu yang mereka boleh mencari makan dan juga boleh melindungi dari segi meningkatkan dari segi ekonomi mereka, Dato' Yang di-Pertua. Selain daripada itu juga, saya juga berharap kepada Kerajaan Negeri sebagaimana rakan saya daripada Batu Buruk tadi memberitahu, bahawa peruntukan kepada DUN-DUN

ini, iaitu projek-projek kecil ini harus dipertingkatkan, harus diperbanyakkan dalam keadaan ekonomi hari ini kita memerlukan aliran wang tunai itu di peringkat akar umbi banyak yang mengalir, kerana orang luar *dok* masuk *dah*, kita kena *create* pengaliran kewangan kita sendiri. Oleh sebab itu, buat projek kecil-kecil itu, perbanyakkan di peringkat DUN-DUN, *dakpelah* kalau Yang Berhormat kata Yang Berhormat *beloh lek ni* tidak boleh nak cara hal tu, *takdok* masalah kita nak suruh biar banyak *je*, banyak, ramai orang yang boleh manfaat, ramai orang yang boleh kerja, aliran kewangan di peringkat negeri itu berjalan dengan baik dan *insya-Allah* ekonomi kita pun boleh berjalan dengan lancar Dato' Yang di-Pertua, dalam keadaan COVID-COVID inilah kita nak *create* supaya masyarakat kita boleh berasa dalam kehidupan yang selesa.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya juga di akhirnya, saya tamat, saya nak ambil sedikit masa Dato' Yang di-Pertua, saya juga merasakan semalam saya tertarik dengan ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada penghujungnya, pada penghujung ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam, ada mengingatkan kepada kita dan juga berkaitan dengan kita perlunya kita memperkukuhkan silaturrahim di kalangan kita. Itu saya tertarik. Perlu kita memperkukuhkan silaturrahim di kalangan kita, demi kepentingan kita. Oleh sebab itu kita melihat pada hari ini ramai netizen di luar yang mengatakan berbagai-bagai cara kepada kita terutamanya tohmahan-tohmahan kepada kita orang UMNO. Saya nak jelaskan kepada dalam Dewan ini kerana ini kita ada *platform* Dato' Yang di-Pertua bahawa kami dalam UMNO ini tidak menuntut apa-apa yang lebih dan istimewa pun. Setakat ini kita tidak minta pun dan kita tidak minta pun jawatan dalam kerajaan pun. Malah kita semua sekali kita sepakat bahawa kita menyerahkan kepada tuan-tuan, yang telah diberi mandat oleh pihak rakyat untuk mengurus tadbir dan kita hanya menegur, kalau tuan-tuan kami menegur ini jangan rasa kami tegur ini kami bangkang semata-mata, kami tegur ini kami sayang ke Yang Berhormat. Yang Berhormat Paka kita sayang, Yang Berhormat Bukit Tunggal kita sayang. *Takpe*. Buat sebagaimana yang tersebut walau bagaimanapun demi kepentingan rakyat, kami tetap berjuang.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Okay*, Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kami tidak menuntut apa-apa yang lebih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya sayang Yang Berhormat kalau ayat yang terakhir *doh sakning*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Jawatan pun kita tidak minta jawatan-jawatan dalam kerajaan *takdok*. Kita serah *je*. Oleh sebab itu jangan buat tohmahan-tohmahan yang tidak baik. Dulu kita pernah duduk semeja kita pernah duduk bersama kita panggil dan kita tidak ada masalah. Yang Berhormat Dato' Seri Pengerusi saya pun maklum saya pergi, *takdok* masalah. Tapi sejak-sejak akhir ni saya pun tidak tahu, tepuk dada tanya selera *lah*. Saya tak payah terang la ke tuan-tuan kita sama-sama faham. Nak *molek*, kita buat *molek*. Kami tidak minta layan istimewa pun. Nak *molek*, kita cara *molek*. Nak bersahabat kita layan cukup sekadar tuan-tuan melayan kita sebagai seorang sahabat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Okay* Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Jangan layan kita sebagai seorang yang pelik-pelik sudah. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, itu ingatan saya dan semalam juga.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Menteri Besar ada berpantun semalam. Saya kena jawab juga pantun ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Okay*. Sila. Pantun yang terakhir ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Pantun yang terakhir Dato' Yang di-Pertua. Lain-lain kawan-kawan saya sambung *la*.

Kajang Pak Malau kajang berlipat,
Kajang hamba mengkuang layu,
Dagang Pak Malau dagang bertempat,
Dagang saya musafir lalu.

Tepuk dada tanya selera tuan-tuan. Sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat, kalau semua boleh ikut macam Yang Berhormat bagus, *straight to the point*. Jadi saya jemput mana-mana Yang Berhormat yang ingin bercakap, sila. Saya terpandang dulu ADUN Wanita. Jadi saya beri. Bukan saya *kenang* ke dia *ni*, dalam segi peruntukan mana-mana *speaker* yang terpandang dulu itulah akan diberi.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Jadi, *Speaker berahi* wanita *la*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya guna peruntukan dalam Peraturan Dewan kalau ada bertembung *speaker* pilih mana yang terpandang dulu. Itu *je. Takdok* lebih daripada itu.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Padahal Bukit Besi dekat lagi.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURaida BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan seterusnya para hadirin yang dihormati sekalian.

Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan buat Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pengumuman Bajet 2021 yang memberikan nafas baru terhadap ekonomi negeri di kala masih berhadapan dengan impak penularan pandemik COVID-19. Bajet yang bertemakan "Melestarikan Kesejahteraan Bersama" memberikan mesej yang jelas mengenai

keprihatinan kerajaan untuk memastikan kebajikan dan ekonomi rakyat Terengganu terus bertahan dan terus berkembang. 5 Teras yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam menepati hasrat rakyat secara keseluruhannya turut diperkukuhkan dengan 14 Strategi dan 156 Inisiatif. Di kesempatan ini saya ingin menarik beberapa perkara yang saya akan tekankan dalam perbahasaan saya dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Yang di-Pertua,

Dalam Belanjawan 2021, Teras yang Pertama adalah untuk Meneguhkan Pelaksanaan Agenda Islam. Jelas bahawa kerajaan hari ini terus komited dalam menjadikan Terengganu sebagai Ikon Pentadbiran Islam dan terus menarik perhatian negeri lain sebagai model terbaik dalam menerajui sebuah kerajaan dan strategi bagi merencanakan industri pelancongan dan kebudayaan yang pertama, saya ingin mencadangkan agar Perkampungan Islam di Negeri Terengganu dibangunkan. Perkampungan ini merangkumi pusat pendidikan dan pengajian kitab, pasaraya barangan muslim, binaan moden yang bercirikan senibina Islam dan hub makanan halal seperti yang diwar-warkan semalam dalam belanjawan. Perkampungan Melayu di Kampung Losong dan model rumah patuh syariah, Rumah Darul Iman iaitu Rahman boleh dijadikan sebahagian daripada Perkampungan Islam yang dicadangkan. Kerajaan juga boleh menambahbaik fungsi prasarana yang sedia ada bagi menjayakan agenda ini. *Insyah-Allah* tempat ini akan menjadi model pentadbiran Islam tuntutan secara keseluruhannya dan secara tidak langsung menjadi tumpuan pelancongan baru di Terengganu. Di sini juga segala urusan yang berkaitan akan dilaksanakan dengan mematuhi syariat Islam *insyah-Allah*.

Cadangan saya kedua, dengan bajet yang dikeluarkan sebanyak RM3.75 juta untuk Modul Itqan Insani, satu program yang mendasar perlu dirangkum. Saya mencadangkan iaitu satu program etika pakaian patuh syariah diperkasakan. Tuntutan menutup aurat dengan sempurna sama ada kepada kaum lelaki ataupun kaum wanita merupakan kewajipan bagi setiap muslim. Seruannya disebut dengan jelas dalam Surah An-Nur ayat 31 dan Anzab ayat 59. Lebih manis lagi sekiranya lambang atau syiar Islam ini bermula dengan kakitangan Wisma Darul Iman yang menjadi pusat pentadbiran utama Kerajaan Negeri Terengganu termasuklah sektor perhotelan, pelancongan, perniagaan dan sukan dengan menambahbaik peraturan berpakaian yang selari dengan syariat. Hal ini penting untuk mempamerkan imej Islam di Negeri Terengganu selari dengan usaha ini pengaruh

dari luar yang negatif kepada penduduk setempat terutama di kawasan tumpuan pelancong dapat dibendung. Justeru saya memohon diadakan satu kempen menyeluruh dan berterusan berkaitan pemakaian yang patuh syariah dalam kalangan kakitangan awam dan swasta di seluruh Negeri Terengganu. Saya kira sudah tiba masanya kita mengislahkan Negeri Terengganu dengan lebih sesuai pemerintahan Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera.

Dato' Yang di-Pertua,

Semalam saya sungguh terharu, sangat rasa gembira dengan pengumuman bajet Negeri Terengganu di mana akan menubuhkan sebuah pusat jagaan warga emas iaitu Baitul Ummi dan juga *Terengganu Autism Care and Therapy Center (TACTC)* dan juga pusat perlindungan wanita dan kanak-kanak Raudhatul Jannah. Jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu hari ini begitu cakna mengambil berat tentang isu kebajikan dan mengambil cakna dan prihatin terhadap golongan wanita dan kanak-kanak. Terima kasih saya ucapkan. Di bawah Strategi Memperkasakan Wanita, Keluarga dan Belia. Saya ingin mengajak Ahli Dewan untuk meneliti isu-isu sosial melibatkan institusi kekeluargaan dan kesejahteraan masyarakat. Kita cukup risau apabila Terengganu berada tangga kelima tertinggi pendaftaran penceraian di Malaysia. Lebih mengkusarkan kes bunuh diri di seluruh negara sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini sebanyak 266 kes dilaporkan. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh *Malaysian Againts Pornography*, dengan izin pada tahun 2018 kira-kira 80% kanak-kanak berusia 13 hingga 17 tahun menonton pornografi secara sengaja. Lebih menunjukkan ketika PKP yang lalu Malaysia menduduki tempat yang pertama dalam kalangan negara Asia yang mengakses laman *Pornhub* iaitu laman pornografi terkemuka di dunia. Perkara ini menjadi kebimbangan apabila peranti dicipta dan capaian *internet* ini menjadi satu keperluan bagi kanak-kanak dan remaja yang bersekolah pada masa kini dan antara isu yang hebat diperkatakan juga ialah apabila Terengganu mencatatkan nisbah penagih dadah tertinggi di Malaysia iaitu 919 penagih dadah bagi setiap 100 orang penduduk isu-isu yang dilontarkan ini menunjukkan bahawa kebejatan sosial semakin parah di sekeliling kita. Oleh itu inisiatif perlu diambil untuk membendung permasalahan ini. Maka saya menggesa pihak kerajaan untuk menyegerakan penubuhan Majlis Sosial Negeri Terengganu. Majlis ini bertanggungjawab dan berperanan untuk mewujudkan integrasi antara semua pihak bagi menatijahkan solusi terbaik, sumbang saran dan gabungan idea dan tenaga daripada pelbagai agensi diperlukan untuk meneruskan masalah sosial di

Negeri Terengganu ini. Dicadangkan juga Majlis Sosial Negeri Terengganu ini dipengerusikan sendiri oleh Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga dan Pembangunan Nasional. Majlis ini boleh dianggotai oleh agensi daripada Pusat ataupun dari juga daripada Negeri Terengganu contohnya daripada Urus setia Wanita, daripada PBSNT, YPK, daripada JKM, AADK, PDRM dan sebagainya. Dan saya berharap, besar harapan saya agar kerajaan memberi sokongan penuh kepada usaha ini untuk melahirkan rakyat yang beriman dan budiman.

Dato' Yang di-Pertua,

Dalam usaha memperkasakan kesejahteraan keluarga dan masyarakat, saya menyambut baik program pemutihan 4P iaitu Perintah, Pengesahan dan Pendaftaran Perkahwinan yang diumumkan dalam sidang bajet semalam. Saya pernah menyuarakan kebimbangan terhadap isu perkahwinan di luar negara yang tidak didaftarkan. Saya dimaklumkan bahawa terdapat rakyat Negeri Terengganu telah melangsungkan perkahwinan di luar negara khususnya di Thailand tetapi tidak mendaftarkan perkahwinan mereka. Kesan perkahwinan yang tidak didaftarkan di Jabatan Agama Islam setempat akan menyulitkan golongan wanita dan anak-anak yang dilahirkan untuk mendapatkan hak pembelaan, pendidikan, kemudahan serta keistimewaan lain yang sepatutnya diperolehi sebagai warganegara. Lebih buruk lagi jika perkahwinan ini sebenarnya tidak sah dari sudut syarak. Oleh itu saya mencadangkan agar kerajaan mempertimbangkan satu tempoh masa untuk mereka mendaftarkan perkahwinan mereka tanpa melibatkan sebarang denda. Bagi mencapai tujuan ini sangat baik sekiranya agensi tersebut seperti Jabatan Agama Islam, Mahkamah Syariah dan lain-lain dapat duduk berbincang untuk mencapai kata putus bagi permasalahan yang dikemukakan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Sebelum negara kita dilanda wabak COVID-19 ini, kita telah lama diperkenalkan dengan Revolusi Industri 4.0 ataupun IR 4.0, banyak teknologi baru diketengahkan dan untuk negara kita lebih bersaing dan terus bergerak maju. Namun begitu saya melihat masih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan bagi memastikan Negeri Terengganu dapat melangkah seiring dengan IR 4.0, lebih-lebih lagi dalam suasana pada hari ini. Oleh itu saya mencadangkan agar pusat internet akses rakyat iaitu PINTAR juga merupakan satu inisiatif sokongan yang baik dalam mendokong teras ini. Dalam belanjawan yang lepas

juga terdapat peruntukan untuk menaik taraf kemudahan PINTAR. Kemudahan PINTAR hendaklah dipromosikan dengan lebih menyeluruh di lokasi terlibat. Usaha ini dijangka dapat menampung keperluan rakyat sekiranya kemudahan yang disediakan diguna secara optimum. Dan saya juga berharap, mencadangkan satu langkah segera untuk diambil sebab saya juga menyuarakan kerajaan, orang kata kerajaan *check* kembali ataupun kawasan-kawasan yang belum ada liputan internet kerana ini adalah internet rentetan daripada aduan rakyat setempat yang menghadapi masalah untuk mengakses internet di rumah dan suasana rumah yang tidak kondusif untuk penjana atas talian. Justeru itu, saya mencadangkan, saya mohon lebih masa boleh, terima kasih. Justeru saya mencadangkan sebagai langkah untuk menyegerakan agar fungsi institusi masjid dan perpustakaan desa dikembangkan. Masjid dan perusahaan desa boleh dijadikan alternatif untuk mengikuti aktiviti pembelajaran akademi atas talian. Antara langkah yang boleh dilaksanakan ialah dengan menyediakan kemudahan akses internet dan ruang belajar yang sesuai. Saya juga mewakili Wanita Negeri Terengganu sebenarnya menghargai usaha keras Yang Berhormat Ustaz Arifin Deraman sehingga mendapat anugerah *Malaysia Tourism Heroes*. Tapi apa yang perlu kita *concern*, atau kita risaukan ialah beberapa, orang kata kita perlu untuk memastikan aset pelancongan negeri ini terus terpelihara agar menjadi tatapan generasi akan datang. Sebab itulah saya ingin mencadangkan agar usaha memelihara dan memulihara hidupan marin akuatik seperti terumbu karang terus digiatkan. Kawasan terumbu karang merupakan tumpuan habitat ikan yang turut sama menjadi sumber makanan manusia dan juga saya juga mencadangkan memandangkan Kerajaan Negeri Terengganu memberikan bajet sebanyak RM4 juta kepada untuk pembangunan Tasik Kenyir sebagai destinasi eko-pelancongan, dengan itu saya menggesalah pihak berwajib agar untuk meneliti kembali proses pengurusan sisa kumbahan di Tasik Kenyir. Persoalan saya, sejauh mana pihak berwajib memantau pengurusan sisa kumbahan dan sampah di sana sebab saya mendapat maklumat ataupun dapat aduan daripada aktivis ataupun NGO alam sekitar bahawa sisa kumbahan daripada *houseboat* yang beroperasi masih dilepaskan dalam tasik. Dan begitu juga saya mengharapkan juga masalah lambakan sampah seakan-akan menjadi perkara biasa di kawasan tumpuan dan saya berharap juga satu lagi kerajaan melalui PBT sepatutnya mengetatkan lagi penguasaan terhadap perokok tegar yang sewenang-wenangnya menghembuskan asap-asap nikotin berbahaya sambil menikmati juadah di gerai dan juga di restoran. Di sebalik omongan Kerajaan Digital yang kita laungkan, wajarkah budaya ini terus dibiarkan. Sebagai penutup besar harapan saya agar belanjawan 2021 ini tidak sekadar gah didengar dan manis hanya di mulut tanpa

pelaksanaan yang cekap di peringkat jabatan dan juga agensi kerajaan serta anak syarikat berkaitan dengan kerajaan atau GLC, dan yang paling penting rakyat seluruhnya perlu memanfaatkan peluang dan menyahut seruan kerajaan untuk melestarikan kesejahteraan bersama. Akhir kata Dato' Yang di-Pertua, Wanita mohon menyokong.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Berapa ramai lagi yang nak bercakap *ni*. Ok sila Wakil Bukit Besi.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): *Sebok* rasa. Wakil Wanita...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Macam mana Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): *Sebok* rasa dengar ucapan daripada Wakil Wanita...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tumpang *sebok* ke macam mana *ni*?

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Tumpang *sebok*..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okaylah. Tak apalah...

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, rakan-rakan media yang berada di luar serta para pemerhati di talian yang sedang mengikuti sidang Dewan kita pada kali ini. Pada hari ini saya merasa amat bersyukur dan bertuah kerana berkesempatan untuk membahaskan Belanjawan Bagi Tahun 2021 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pagi semalam. Saya mengucapkan tahniah atas pembentangan Belanjawan 2021 yang bertemakan Melestarikan Kesejahteraan Bersama.

Hujan lebat membawa tempias
Basah si anak sungguh kasihan
Saya di sini berdiri berbahas
Melontar pandangan menghulur cadangan

Dari Rhu Rendang ke Bukit Besi
Singgah di Ajil memakan ketupat, (ada tupat Ajil)
Bajet Negeri diharap berisi
Barulah sedap kita sepakat

Ketika ini kita semua masih lagi berhadapan dengan pandemik COVID-19. Bajet Negeri 2021 sudah tentu menjadi agenda penting yang diikuti oleh rakyat secara dekat. Bagi rakyat Bajet negeri adalah nyawa mereka yang mampu mencorakkan masa depan mereka sekurang-kurangnya sepanjang tahun hadapan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Secara umumnya Bajet Negeri 2021 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam adalah baik dan menawarkan banyak insentif dan inisiatif kepada rakyat. Ketika semua orang susah akibat pandemik COVID-19, bantuan untuk rakyat adalah satu-satunya perkara yang rakyat dambakan. Ketika ini mungkin rakyat tidak lagi mengharapkan projek-projek pembangunan tetapi apa yang mereka mahukan ialah agar kerajaan membantu meringankan beban mereka. Justeru dalam konteks Negeri Terengganu, penyediaan Bajet 2021 perlulah mengambil kira faktor dan asas tersebut agar sepanjang tahun hadapan kehidupan rakyat akan lebih baik. Jangan kita memandang rendah dengan rakyat yang selalu memohon bantuan kerajaan. Kita tidak boleh meremehkan permintaan mereka. Mereka benar-benar dalam kesusahan. Sehubungan itu, dengan beberapa insentif yang diumumkan kerajaan adalah sesuatu yang baik. Bagaimanapun saya berharap kerajaan perlu memastikan tawaran yang diberikan kerajaan benar-benar sampai ke golongan sasar. Bantuan yang diberikan mestilah bersasar dan bukannya tersasar. Saya ulang, bantuan yang diberikan mestilah bersasar dan bukannya tersasar kerana bagaimana yang saya sebutkan tadi, rakyat kini sangat-sangat memerlukan bantuan serta perhatian kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah mengadakan perjumpaan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memendekkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang telah dipersetujui mulai 21 November lalu dan tidak lupa juga saya nak mengucapkan tahniah kepada Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri yang turut mengadakan perbincangan mengenai perkara yang sama dengan Yang Berhormat Menteri Kanan Keselamatan. Sebenarnya memang wajar PKPB dikaji mengikut kesesuaian masa kerana apa yang saya bimbangkan ialah masalah ekonomi rakyat terjejas bukan kerana masalah COVID-19 semata-mata tetapi juga kerana PKPB. Inilah yang perlu kita fahami bersama. Walaupun isu pengangguran dikatakan menurun namun isu-isu sosial lain perlu juga diberikan perhatian kerajaan. Apatah lagi ketika keadaan pandemik yang tidak menentu sekarang. Sebagai contoh sebagaimana yang disebutkan oleh Wakil Wanita tadi, Terengganu merekodkan jumlah penagih dadah tertinggi bagi setiap 100,000 penduduk. Statistik Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) menunjukkan Negeri Terengganu mencatat nisbah 916 penagih dadah bagi setiap 100,000 penduduk. Pengarah Bahagian Pencegahan AADK Kebangsaan, Zainudin Abdullah berkata, nisbah kedua tertinggi dicatat di Kelantan diikuti Pahang dan Perlis. Begitu juga dengan kadar jenayah yang lain. Ia sangat memerlukan perhatian lebih oleh Kerajaan Negeri. Misalnya penyalahgunaan dadah di kalangan wanita juga masih lagi menunjukkan *trend* yang memerlukan lebih usaha bagi menanganinya. Dari Januari hingga Jun 2020 misalnya, hanya terdapat 188 orang penagih dadah wanita di negeri ini. Remaja wanita seawal usia 14 tahun adalah antara penagih dadah yang dikesan terbabit dengan penagihan dadah. Selain mereka berusia dalam lingkungan 20-35 tahun. Sehubungan itu melalui Bajet Negeri 2021, perkara sedemikian tidak dikesampingkan begitu saja kerana isu-isu sosial ini boleh dikatakan menjadi teras kepada gagal atau berjayanya usaha kerajaan untuk memaju dan membangunkan negeri ini pada masa yang akan datang. Sehubungan itu, saya menaruh harapan tinggi agar program dakwah yang dimasukkan melalui Bajet 2021. Ini yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1.1 juta mestilah dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan serta tidak tertakluk kepada program yang bersifat perhimpunan yang selalu digahkan dengan kehadiran yang ramai. Bagi tujuan itu dakwah secara bersemuka atau kaedah-kaedah lain yang sesuai mungkin boleh difikirkan oleh Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya juga gembira dengan pengumuman kerajaan yang mahu membantu golongan usahawan yang merupakan antara golongan yang teruk terjejas akibat COVID-19. Tabung Usahawan Sejahtera (TUGAS), U-GATES dan U-BES adalah antara program atau inisiatif Kerajaan Negeri bagi membantu golongan usahawan ini. Ini satu usaha yang wajar diberikan sokongan. Bagaimanapun, saya berpandangan tumpuan yang lebih meluas perlu diberikan perhatian agar lebih banyak lagi usahawan-usahawan dapat manfaat dari program tersebut. Kebetulan saya juga ada menerima rungutan, minta maaf, daripada golongan usahawan ini yang menyatakan dalam keadaan tertentu terdapat kesulitan untuk mereka mendapatkan bantuan. Saya tidak pasti apa yang berlaku termasuk kemungkinan peruntukan telah habis atau bagaimana. Itu kisah Bajet 2020 yang dibentangkan Kerajaan Negeri tahun lalu. Maksud saya apakah jumlah yang diperuntukkan melalui pengumuman Bajet Negeri itu disalurkan dengan jumlah yang disebut atau berlaku kekurangan dan sebagainya. Ini penting agar kita dapat terbuai dengan kononnya bajet negeri yang hebat tetapi apabila tiba waktu pelaksanaan ia tidaklah seperti yang diumumkan. Contoh, yang diumumkan sepuluh tetapi yang disalurkan hanyalah empat. Ini contoh. Saya berharap Kerajaan Negeri akan memberikan perhatian serius terhadap perkara ini kerana ini adalah soal meringankan beban rakyat khususnya ketika pandemik COVID-19.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya tidak tahu apakah saya terlepas pandang atau bagaimana tetapi saya ingin mohon daripada pihak kerajaan supaya memberi perhatian sama kepada golongan penjaja di mana mereka ini menjadi antara golongan yang paling teruk terjejas akibat COVID-19. Saya cukup bersimpati dengan golongan ini yang sedang berjuang untuk meneruskan kehidupan. Walaupun kerajaan telah memberikan pengecualian bayaran lesen namun saya fikir bantuan lain juga wajar dipertimbangkan. Cuba kita turun padang bertemu dan mendengar rintahan mereka. Kisahnya sungguh menyedihkan. Mereka bukan sahaja golongan penjaja yang asal tetapi disebabkan pelbagai faktor kehidupan mereka terpaksa terjun ke dalam dunia tersebut. Saya berharap jika boleh dipertimbangkan, Kerajaan Negeri perlu memikirkan bagaimana cara untuk membantu mereka. Mereka adalah sebahagian daripada rakyat yang susah dan menderita akibat penularan wabak COVID-19.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Masa Yang Berhormat dah cukup.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Boleh saya..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ayat yang terakhir

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Ambil sikit lagi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang terakhir. Dah lebih satu minit lebih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Selain daripada golongan penjaja terdapat juga golongan yang menjual secara *online*. Walaupun perniagaan itu mungkin menarik perhatian apabila ramai yang beralih kepada jual beli secara dalam talian. Mungkin bagi kita mereka ini biasanya adalah golongan yang bekerja separuh masa atau sampingan. Bagaimanapun apa yang saya ingin tekankan di sini bahawa ada kalanya golongan ini juga terjejas terutamanya mereka yang memerlukan modal. Kriteria sebagai peniaga *online* mungkin menyebabkan mereka sedikit terbabas untuk memohon bantuan. Sehubungan itu, saya mencadangkan agar kerajaan turut memberi perhatian terhadap golongan tersebut bagi meringankan beban mereka atau sekurang-kurangnya mereka dibantu dari segi modal kerana ramai di kalangan kita yang ingin berniaga secara *online* tetapi mempunyai masalah modal.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Boleh Yang Berhormat? Cukup *doh*.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Cukup *doh*?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Cukup *doh* Yang Berhormat. Dua minit dua puluh saat *sakni* lebih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Ada beberapa perkara lagi yang penting ni, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dok* apa, *koseng* ke kawan-kawan *pulok*.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Tetapi *takpelah* saya faham. Sebab hal pelancongan ni saya *dok* sebut *jugok*. Saya pun nak ucap tahniah *jugok* kepada hero kita tu. Tapi *takpelah*. Oleh kerana masa tidak mengizinkan saya untuk

meneruskan perbahasan pada kali ini jadi saya tutup perbahasan saya kali ini dengan pantun lagi lah.

Musim tengkujuh sudahpun tiba
 Ramai orang pergi memukat (*dok* tahu mukat ikan apa)
 Mahu sepakat kami bersedia
 Dengarlah kami utamakan rakyat

Kembalikan wang rakyat di KWSP
 Buat belanja di kala ekonomi tersekat
 Kami menegur bukan membenci, seperti yang Telemong kata tadi juga,
 mahu sepakat tapi bukan mengelat.

Sekian, Bukit Besi turut menyokong.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sila Wakil Seberang Takir.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para-para pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Saya sebenarnya Dato' Yang di-Pertua nak sambung sahaja yang sahabat-sahabat tu, mana yang dia tertinggal dan mungkin nak ulang balik ada beberapa perkara yang perlu kita ambil perhatian...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kalau boleh tidak berlapik *point* yang sama *deh*.

YANG BERTAMBAH DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): ...dan sama jugalah saya juga bukan bermakna apa yang saya sebut ini, adalah untuk membangkang ataupun nak memperlekehkan tentang bajet ini tetapi asasnya adalah untuk kita sama-sama memberikan maklum balas demi kepentingan rakyat kita. Jadi di kesempatan yang terhad ini saya nak merakamkan setinggi ucapan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membuat perbincangan dalam Bajet 2021. Ada dua perkara yang ingin saya sentuh iaitu yang pertama ialah dapatan dan maklum balas mengenai Bajet 2021 dan perkara yang kedua ialah beberapa cadangan.

Saya pergi kepada yang pertama ialah berkaitan dengan dapatan dan pandangan. Pertama sekali saya secara peribadi nak mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri dan kepada Yang Amat Berhormat Rhu Rendang atas pembentangan Bajet 2021 kelmarin. Tahniah dan terima kasih juga kepada semua pegawai dan kakitangan kerajaan yang terlibat. Saya melihat secara keseluruhan berkaitan dengan bajet yang dibentangkan dan juga helaian info grafik dan saya melihat bahawa sesungguhnya bajet kali ini sarat dengan 146 inisiatif-inisiatif tertentu dan saya melihat ada beberapa kelemahan yang saya kira sangat asas dan perlu kita sama-sama beri pandangan untuk kita perbaiki untuk lebih murni. Malah saya tidak dapat elak daripada memikirkan bahawa bajet kali ini tidak dirangka dengan terperinci berbanding tahun lepas kerana tahun lepas kita melihat bahawa bajet tahun lepas adalah melalui proses pemikiran ataupun dengan izin *talk process* kerana tahun hadapan kita lebih mencabar berbanding dengan tahun ini dan kita perlu mengambil kira keadaan ekonomi rakyat atau dengan izin, *people's economy* yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19 yang disebut oleh rakan-rakan saya yang tadi.

Isu pertama ialah saya melihat bahawa tema yang digunakan itu ada nampak lebih kurang dengan yang dibuat atau Pelan Ekonomi Kerajaan Pakatan Harapan di bawah Tun Mahathir yang dahulu iaitu "Wawasan Kemakmuran Bersama". Tetapi apabila saya melihat bahawa tema yang digunakan ini tidak mendakap permasalahan sebenar, malah menyebabkan strategi dan keutamaan bajet juga tidak tepat. Sekarang ini kita melihat bahawa rakyat kita berhadapan dengan masalah akibat isu COVID-19. Justeru bukan *sustainability of prosperity* ataupun dengan lebih tepat kelestarian kesejahteraan sebaliknya rakyat nak tahu apakah suntikan dan inisiatif baru oleh Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan permasalahan baharu yang timbul daripada COVID-19 ini. Jadi saya

melihat bahawa strategi dan fokus bajet yang digunakan pada tahun ini adalah lebih kurang sepertimana yang disebut oleh rakan saya daripada Telemong tadi maknanya tidak banyak perbezaan kerana tahun depan ini kita nak pergi berperang, bukannya kita nak pergi melancong. Jadi kerana itu saya melihat perlu kita lebih beri penekanan kepada isu utama kita iaitu pandemik COVID-19 ini.

Isu kedua Dato' Yang di-Pertua ialah berkait dengan tema kelestarian ataupun dengan izin *sustainability* yang bermaksud ada perancangan jangka panjang. Soalan ini sepertimana yang saya sebut sebelum ini, saya tak berapa nampak apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk kelestarian ekonomi Negeri Terengganu untuk jangka masa yang panjang. Jadi saya perlu melihat supaya perkara ini kita dapat ambil sepertimana yang pernah Kerajaan Negeri sebelum ini mewujudkan MEN-T di mana dalam MEN-T melalui Makmal Transformasi Ekonomi Negeri kita hasilkan 18 dengan izin *entry point project* atau EPP dan 71 projek RINTIS, dan ini telah diterangkan oleh Wakil Bukit Tunggal tadi, saya ucapkan terima kasih.

Isu yang ketiga ialah kita perlu akur dan terima bahawa isunya adalah berkait dengan penurunan hasil kita sebanyak 25%. Jadi kerana itu, maka keutamaan kita gunakan sepenuhnya peruntukan ini adalah kepada isu utama kita dan kita mengelakkan dari segi pertindihan. Jadi saya juga melihat beberapa bajet yang di sini yang boleh kita salurkan kepada jabatan-jabatan yang lain sepertimana dalam peruntukan yang kita sediakan ini, macam aktiviti-aktiviti dakwah di setiap DUN dengan peruntukan yang besar saya nampak itu, hampir RM4 juta termasuk hampir RM1 juta untuk latihan buat imam dan bilal. Saya nak cadangkan biarlah pegawai kita di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu menguruskan hal-hal dakwah ini supaya tidak berlaku pertindihan dan bajet kita, kita dapat kurangkan dengan tidak secara langsung kita dapat menggunakan bajet ini untuk perkara-perkara yang lain. Saya juga melihat dari segi perbelanjaan kursus hampir RM4 juta untuk meningkatkan tahap integriti penjawat awam melalui DD dengan modul yang dirangka khusus. RM4 juta ini Dato' Yang di-Pertua bukannya sedikit, sedangkan saya melihat bahawa kita sudah ada pihak SPRM dan Insitut Integriti Malaysia yang boleh kita gunakan secara perkongsian dan bersama untuk melaksanakan program ini, jadi maka RM9 juta daripada peruntukan yang saya sebut tadi boleh kita gunakan untuk tambah peruntukan kepada insentif khas COVID-19 supaya lebih ramai rakyat Terengganu akan mendapat manfaatnya.

Seterusnya ialah isu yang ke empat ialah sejauh mana impak bajet yang jauh lebih besar tahun lepas terhadap ekonomi rakyat, sebab kita tengok bahawa bajet tahun lepas lebih besar tetapi kita tidak nampak satu impak yang besar berlaku dan saya bimbang dengan pengurangan bajet tahun hadapan, maka sudah pasti bahawa hasil yang kita perolehi pun tidak akan dapat sebaik yang kita dapat pada tahun ini. Jadi dan akhir sekali isu yang kelima, saya nampak kita perlu gunakan juga peranan GLC dekat syarikat-syarikat di bawah Kerajaan Negeri untuk menampung ataupun untuk menyuntik perbelanjaan bagi program-program yang disebut dalam bajet kita, antaranya Anugerah Media Negeri Terengganu saya nampak ini elok kalau dapat GLC yang *sponsor* dengan izin, Festival Songket, Batik Dan Tembaga RM250,000.00 mungkin ada di antara GLC kita yang dapat menyumbang dua orang atlet kelahiran Terengganu yang berjaya melayakkan ke Temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020, RM200,000.00 mungkin GLC kita boleh menampung perbelanjaan ini. Insentif Terengganu *Go Green* dan 3R sebanyak RM200,000.00, mungkin ada di antara GLC kita yang boleh digunakan untuk memberi sumbangan, Gateh Terengganu RM700,000.00 mungkin kita boleh gunakan GLC-GLC kita dan dengan tidak secara langsung peruntukan lebih ini kita boleh gunakan untuk kebajikan rakyat kita yang lain dan akhir sekali saya nak beri lima cadangan kalau boleh dipertimbangkan, sebab masa *tak* mengizinkan, saya kena baca cepat Dato' Yang di-Pertua. Pertama, tambah nilai bantuan *one-off*, dicadangkan RM200.00 untuk 48,200 isi rumah elok kalau ditambah menjadi RM400.00 Kedua, pemberian bantuan *one-off* kepada mahasiswa dan mahasiswi anak Terengganu. Saya cadangkan Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan bantuan *off* sebanyak RM300.00 kepada setiap mahasiswa dan mahasiswi Terengganu yang melibatkan 40,000 orang pelajar dengan menelan belanja RM12 juta, kerana kita tahu bahawa keadaan pelajar sekarang kita ini agak bermasalah kerana mereka menghadapi pembelajaran secara *online*. Yang ketiga, baucer atau rebat untuk pelanggan hotel atau *homestay* yang berdaftar bagi merencanakan pelancongan Negeri Terengganu, saya cadangkan pemberian baucer atau rebat sebanyak RM50.00 kepada pelanggan hotel atau *homestay* yang berdaftar untuk tempoh tiga bulan pertama tahun 2021 atau selang sebulan selama tiga bulan, jadi tidak cara Langsung akan merencanakan lagi industri pelancongan kita. Yang keempat, seperti mana sahabat saya Wakil Telemong, moneterium selama tiga bulan, untuk jenis bayaran balik termasuk sewa rumah dan sebagainya dan akhir sekali saya juga *nak* mencadangkan Dato' Yang di-Pertua, mari kita sama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu untuk kita sama-sama memperlihatkan perjuangan kita dalam menghadapi pandemik COVID ini, saya cadangkan di sini pemotongan gaji dan elaun sebanyak 10% ke atas semua Ahli Dewan

Undangan Negeri Terengganu selama tiga bulan dan hasil kutipan dimasukkan di dalam satu tabung untuk kegunaan *frontliners* daripada Kementerian Kesihatan, Polis, Tentera, RELA dan seumpamanya. Jadi saya minta supaya saya cadangkan di sini, Yang Berhormat biasa 10%, EXCO 15% dan Menteri Besar 20% sebab dia gaji besar, *kan* sekali dengan Dato' Speakerlah, supaya ini menunjukkan komitmen kita dalam kita bersama-sama nak menangani isu COVID-19 ini. Saya rasa itu sahaja. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Seberang Takir. Saya persilakan Wakil Pengkalan Berangan.

YANG BERTHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا مَّحْسُورًا ◊ إِنَّ رَبَّكَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ
يَشَاءُ وَيَقْدِرُ إِنَّهُ كَانَ بِعِبَادِهِ خَبِيرًا بَصِيرًا

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, seluruh Yang Berhormat sekalian, Ketua-ketua jabatan, para pemerhati dan semua yang menyaksikan Sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu pada kali ini. Allah berfirman yang bermaksud,

Dan janganlah kamu jadikan tanganmu terbelenggu pada lehermu dan janganlah kamu terlalu menghulurkannya karena itu kamu menjadi tercela dan menyesal. Sesungguhnya Tuhanmu melapangkan rezeki kepada siapa yang Dia kehendaki dan menyempitkannya, sesungguhnya Dia Maha Mengetahui lagi Maha Melihat akan hamba-hamba-Nya.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Kerajaan adalah merupakan pemegang amanah kepada kunci Perbendaharaan Negeri yang menjadi harapan kepada seluruh rakyat untuk mendapat hak dan kesaksamaan serta keadilan yang menyeluruh. Kerajaan tidak boleh sewenang-nya menguruskan

Perbendaharaan Negeri sebagaimana yang ia sukai dan ia kehendaki. Islam menetapkan peranan kerajaan yang adil ialah mencapai kebajikan kepada seluruh rakyat dan masyarakat dalam negeri tersebut. Kerajaan tidak boleh menyalahgunakan dana perbendaharaan dengan mengkesampingkan kepentingan umum dalam meningkatkan lagi taraf kehidupan rakyat dan keperluan kehidupan masyarakat umumnya dalam menjana kehidupan yang maju, berkat dalam membentuk negeri *baldataun toyyibatun warobbun ghofur*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Kewangan negeri wajib dibelanjakan bagi kemaslahatan kehidupan seluruh rakyat tanpa mengira agama, bangsa, warna kulit atau kepentingan tertentu. Keutamaan bagi menyediakan tempat kediaman yang sempurna, keselamatan dan keselesaan kehidupan masyarakat secara umumnya, di samping mengawal selia keselamatan nyawa, akal budi dan harta benda mereka. Ayat yang saya bacakan menerangkan bagaimana Allah mengajar kita untuk sentiasa berwaspada dalam berbelanja, berpada dalam berbelanja untuk tidak menjadi manusia boros sehingga melupakan hari esok yang tidak pasti di samping senantiasa berhemah dan berteliti dalam menguruskan kewangan supaya ia tidak dibelanjakan kepada perkara dan keperluan yang tidak sepatutnya. Sesungguhnya rezeki Allah itu sangat luas dan sentiasa cukup bagi mereka yang bersyukur dan berpada. Pandemik COVID-19 yang berlaku telah merubah kehidupan normal manusia sehingga terpaksa menerima norma baharu dalam kehidupan yang juga memberi kesan langsung kepada pertumbuhan ekonomi sehingga berlaku penguncupan ketara sebanyak 17.1% pada suku kedua tahun 2020 dan peningkatan yang memberansangkan pada suku ketiga dengan hanya mencatatkan 2.7% penguncupan. Ini menunjukkan strategi fiskal negara sangat berkesan dan negara mampu untuk bertahan dalam keadaan yang sulit ini.

Dato' Yang di-Pertua,

Dalam keadaan pandemik COVID-19 yang masih tidak menentu sehingga kita terpaksa melalui tiga gelombang yang meresahkan kehidupan rakyat secara keseluruhannya. Langkah bijaksana kerajaan dilihat mampu untuk membendung dan mengekang kemelesetan kehidupan kepada rakyat sama ada dari segi ekonomi, spiritual dan juga mental. Langkah kerajaan menyediakan Belanjawan 2021 dengan tema 'Melestarikan Kesejahteraan Bersama' sangat tepat dan kena pada saat dan ketikanya dengan lima

teras penggunaan sumber dan kewangan serta 146 inisiatif dan 14 strategi yang dirancang, diharapkan agar belanjawan kali ini mampu untuk menjadi pemangkin kepada kesejahteraan rakyat dan kelestarian pembangunan ekonomi negeri secara mampan dan berkesan. Saya suka mencadangkan agar inisiatif khas COVID-19 yang diberikan kepada 48,500 isi rumah B40 juga perlu dikembangkan dan dipanjangkan kepada rakyat Terengganu yang masih berbaki agar tidak ada yang tertinggal dari segi pembelaan dan kecaknaan. Angka tersebut mungkin sudah bertambah dengan mengambil kira pandemik COVID yang berlaku telah banyak merubah status ekonomi rakyat. Pelan bantuan kerajaan mesti sentiasa memastikan agar rakyat yang dibantu dan ditolong terutama dalam menangani kemelesetan kehidupan yang agak meruncing ini bagi memerangi inflasi dan meningkatkan taraf hidup rakyat dalam membendung kemelesetan pendapatan dan memastikan keperluan asas rakyat dapat disalurkan dengan lebih berkesan. Sebagai contoh, di peringkat DUN saya, kita terpaksa membuat saringan yang sangat ketat bagi memastikan bantuan yang diberikan pada awal pandemik COVID-19 dapat disalurkan secara adil kepada mereka yang memerlukan kerana keperluan rakyat ataupun masyarakat di tempat saya lebih ramai berbanding dengan DUN-DUN yang mungkin kurang bilangan jumlah pengundinya.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Kesihatan mental dan spiritual rakyat perlu diberi perhatian yang wajar dan menjadi keutamaan. Antara isu yang perlu diberi perhatian ialah mereka yang terbelenggu dengan hutang ah long. Sebenarnya mereka ini kadang-kadang terpaksa mengambil pinjaman daripada ah long, setelah permohonan mereka dengan agensi kerajaan ataupun agensi kewangan yang berlesen terpaksa melalui karenah birokrasi dan syarat-syarat yang ketat. Dalam kesempitan serta suasana yang mendesak ini, mereka ditawarkan dengan tawaran pinjaman kewangan daripada ah long, yang sebenarnya menjerat mereka yang terdesak ini ke lembah hutang yang tidak berkesudahan. Soalannya, sebagai kerajaan semasa adakah kita berminat untuk mendengar sahaja isu ini tanpa apa-apa cadangan solusi penyelesaiannya. Saya mencadangkan supaya isu ini dicari kaedah penyelesaiannya supaya kesejahteraan negeri yang kita diami ini dinikmati bersama oleh segenap lapisan masyarakat. Seterusnya, merujuk kepada muka surat 22, Kerajaan Negeri juga memahami tekanan yang dihadapi oleh peniaga kecil dan penjaja, dengan ini Kerajaan Negeri mengumumkan tiada kutipan lesen peniaga kecil dan penjaja bagi tahun 2021. Tahniah kita ucapkan kepada Kerajaan Negeri di atas inisiatif ini. Cuma, suka untuk saya

mencadangkan di samping inisiatif yang telah ditawarkan mereka juga diberi ruang untuk mengemukakan ataupun menjalankan perniagaan di tempat-tempat strategik, di tempat-tempat yang orang kata laris jualan mereka dengan syarat tidak mengganggu keselamatan dan juga mengganggu lalu lintas. Seterusnya merujuk kepada muka surat 45, dalam menjamin kesejahteraan rakyat khususnya golongan B40 di Negeri Terengganu. Kerajaan Negeri telah mengambil langkah untuk mewujudkan Tabung Pinjaman Perumahan Rakyat Terengganu yang bertujuan untuk membantu rakyat membina rumah atas tanah sendiri. Bagi menjayakan tabung pinjaman ini dan merealisasikan Manifesto Kerajaan Negeri, sejumlah RM50 juta diperuntukkan. Saya mencadangkan supaya peruntukan pinjaman rumah rakyat ini diagihkan mengikut DUN-DUN yang ada di Negeri Terengganu.

Dato' Yang di-Pertua,

Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Yang Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, Ahli Parlimen Marang atas inisiatif sehingga mendapat kelulusan daripada Kerajaan Pusat bagi membina jambatan Marang yang sangat dinanti-nantikan. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ianya nanti diharap dapat menjadi penghubung dalam menggerakkan sosioekonomi masyarakat seterusnya memesatkan lagi pembangunan Marang secara khususnya dan Negeri Terengganu secara umumnya. Marang, walaupun masih lagi berada di belakang dari segi pembangunan infrastruktur kesihatan, Marang walau bagaimanapun masih lagi berada di belakang dari segi pembangunan infrastruktur kesihatan melihat kepada daerah lain yang kesemuanya sudah memiliki hospital di daerah masing-masing maka, dengan ini saya juga mencadangkan supaya pihak Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Pusat untuk membina sebuah hospital kesihatan di daerah Marang. Dalam masa yang sama sehingga ke hari ini Marang juga masih lagi bergantung kepada bekalan air dari loji yang berada di luar kawasan Marang, sama ada daripada daerah Hulu Terengganu ataupun daerah Kuala Terengganu. Oleh itu, saya mengharapkan Kerajaan Negeri juga melihat situasi ini sebagai satu keperluan bagi daerah Marang, untuk terus memacu kesejahteraan rakyat. Begitu juga berkenaan dengan sekolah berasrama penuh. Sehingga hari ini Marang belum lagi mempunyai sebuah sekolah yang benar-benar boleh diklasifikasikan sebagai sekolah berasrama penuh walaupun tapak untuk pembinaan tersebut telah lama disediakan dengan beberapa perkara dan isu-isu yang saya nyatakan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Pengkalan Berangan mohon menyokong. Sekian
 السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat, saya persilakan lagi, *takdok doh?* Sila Yang Berhormat daripada..

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Laju Yang Berhormat, *takpe-takpe*, teruskanlah, tadi saya ingat..

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Ke *nak* bagi *sape?* Saya tengok, saya bangun dulu *sakni*. Ke Tuan *Speaker* nak orang lain bangun dulu

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Takpe-takpe dah start*, teruskan sahaja, teruskan...

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Main *gok slalu doh ni*. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, seterusnya kepada semua yang mengikuti perbahasan Bajet Negeri Terengganu 2021. Sepatutnya dalam suasana kita menghadapi COVID-19 ini sepatutnya bajet kita lebih besar tapi, malangnya bajet kita semakin mengecil. Walau bagaimanapun itulah hakikatnya bahawa kemampuan yang boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri tetapi kita agak kecewalah setelah hampir lapan bulan rakyat melalui kehidupan PKP, kita tidak dengar apa-apa pengumuman ataupun tindakan-tindakan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri yang mana sepatutnya membantu menjana semula pendapatan rakyat yang terkesan dengan wabak COVID-19 ini, terutamanya bagi mereka yang mengharapkan sumber rezeki, kerja kais pagi makan pagi kais petang makan petang, seperti nelayan, petani, peniaga kecil, buruh binaan, sektor pelancongan. Malangnya sepanjang PKP, kita tidak dengar pengumuman

Kerajaan Negeri dalam membantu golongan seperti ini. Jadi kita walaupun Bajet yang telah diumumkan, dibentangkan akan diambil tindakan pada tahun depan tetapi apakah tindakan yang sewajarnya, tindakan segera yang sepatutnya Kerajaan Negeri boleh ambil untuk membantu mereka yang terjejas ini dalam masa sebulan dua ini.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' *Speaker*, penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, boleh Yang Berhormat,

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Pohon penjelasan dari Batu Rakit tadi sebab sebut tidak ada sebarang pengumuman langsung daripada kerajaan sepanjang PKP bantuan untuk rakyat, saya kira agak tersalah sikit situ, jadi saya ambil semangat *hok* Yang Berhormat Telemong sebut tadi jadi saya kira untuk memperbetulkan sikit, kita *dah* selesaikan perkara ini dalam beberapa sesi lepas dan mungkin kalau nak beri cadangan penambahbaikan saya kira boleh, tapi kita telah bantu dengan pelbagai aspek untuk meringankan beban rakyat jadi pohon perhatian kepada Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya cakap saya tak dengar pengumuman yang dibuat oleh kerajaan yang membantu rakyat peringkat bawah, jadi *dok* tahu *la* takut orang lain dengar *nape hok*

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Kalau ada Yang Berhormat lain dengar tepuk meja sekali, kalau tak dengar senyap ah

[bunyi tepukan meja]

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Hok ambek* tindakan saya *tak* tahulah kalau ada perbincangan, tetapi apakah tindakan yang telah Kerajaan Negeri bantu rakyat seperti yang saya sebut tadi, nelayan apa yang Kerajaan Negeri bantu? Tak? Petani apa yang kerajaan beri bantuan? *Takdok*, jadi begitu juga

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat, saya kira masalah kalau kita faham begitu sebab kita tidak *spesifikkan hok ni*

nelayan, *hok tu* petani, tetapi kita telah beri di atas nama rakyat yang putus pendapatan ketika PKP.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Faham la

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): PKPB betul *takdok*. Doh kalau faham, bereslah, tiada masalah

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Maksud saya

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya nak *slow down ni* tapi saya *takmboh* kalau takut jadi *koho* panas *takmboh* jadi tak sedap juga kita..

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak, Yang terhormat saya cuma nak orang tengah sahaja lah ini. Dia minta Yang Berhormat jangan buat *general statement*, jangan buat *statement* umum, jadi kalau kata dalam banyak pengumuman yang dibuat oleh kerajaan itu sudah tentu lah ada yang telah dilaksanakan. Yang Berhormat sebut umum tu..

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Habis *tu*, adakah saya cakap salah

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kalau dok landing betul tu jadi salahlah, boleh menimbulkan spekulasi lain pula, Yang Berhormat teruskanlah

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya rasa saya cakap betul dah rasa

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat teruskan apa yang nak cakap sepatutnya

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Cuma *hok* bantuan

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Masa Yang Berhormat berjalan

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang diberi oleh Kerajaan Pusat itu saya tak kiralah, saya kata Kerajaan Negeri..

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, teruskan *point* yang nak disebutkan.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Okeylah*. Jadi, balik kepada Bajet kita. Kalau kita lihat Bajet 2016, RM2.1 bilion kita memberi dana raya pada masa itu RM81 juta. 2017, RM1.867 bilion, kita beri dana raya RM88 juta. 2018, RM1.996 bilion, kita bagi dana raya RM69 juta. 2019, bajet tinggi RM2.015 bilion, tetapi dana raya kepada rakyat RM16 juta sahaja dan RM16 juta ini pun difahamkan RM500,000.00 setiap DUN dan penerima hanya lebih kurang dalam 40 orang, 50 orang sekampung. Memang rakyat rasa terkilan kerana Bajet 2017, RM88.7 juta telah dikhususkan untuk dana raya ini melibatkan penerima 239,000 orang. 323. Jadi, maksud saya tadi, dalam Bajet kita ini sebanyak RM9 juta telah diberi untuk diagihkan kepada 48,500 orang. Jadi, banyak saya pun tidak tahu^{lah} dalam keadaan COVID ini mungkin orang *koho* kaya ataupun *koho* miskin, saya *dok* tahu^{lah}, kalau penerima semakin sedikit. Jadi, saya berharaplah bagaimana tadi Yang Berhormat Seberang Takir supaya menambah kepada 400 dan mungkin saya pula mencadangkan supaya lebih ramai penerima kerana yang terkesan dengan COVID ini cukup ramai. Mungkin orang miskin bertambah, maksud saya dan yang keduanya, peluang pekerjaan. Dalam Bajet, tidak disebut peluang pekerjaan, hanya menyebut tentang latihan-latihan yang diberi sahaja. Selaras dengan perkembangan Industri 4.0 ini, Tuanku mengharapkan agar kawasan perindustrian dapat membuka peluang pekerjaan. Wakil-wakil kerajaan juga telah ke luar negara mencari peluang-peluang pelaburan yang ada. Dalam satu kenyataan media yang dikeluarkan oleh CEO TSIS bertarikh 22 Jun 2020 menyatakan bahawa tahun 2018, pelaburan asing telah meningkat dari RM177.8 juta 2017 kepada RM4.9 bilion dan melibatkan 2,096 pekerjaan dan dalam Sidang Dewan yang lalu EXCO Kerajaan Negeri menyatakan bahawa kerajaan telah membuka peluang pekerjaan kepada hampir 18,000 orang. Jadi, saya berharap pihak kerajaan boleh menyatakan sebab kita rasa *ye ke dok* 18,000 orang ini. Jadi, saya berharaplah pihak kerajaan boleh menyatakan syarikat-syarikat utama dan sektor yang terbabit dengan pelaburan ini dan jumlah pekerja yang diambil. Sebab kita rasa *dok* yakin 18,000 orang dalam masa 2 tahun baru ini, 18,000 orang kerja. Jadi, saya berharaplah kerajaan dapat menyatakan sektor mana, syarikat mana dan berapa pekerja yang terlibat. Di samping itu juga, Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam penulisan beliau di Berita Harian, Julai 2020 bertajuk "Maju, Berkat, Sejahtera Pacu Dasar Inklusif Terengganu", ada menyatakan bahawa konsep kebajikan berasaskan berikan joran, bukan beri ikan menjadi pendekatan Kerajaan

Negeri. Apakah tindakan yang telah diambil dan berapa ramai orang yang mendapat joran ini? Adakah kerana konsep ini juga dana raya telah dimansuhkan? Seterusnya, di bidang pertanian. Tuanku mencadangkan tahun 2021 diisytiharkan Tahun Pertanian Negeri. Bajet pada tahun ini ada menjelaskan beberapa perkara. Jadi, walau bagaimanapun, petani-petani merungut bantuan kurang sejak akhir-akhir ini, bantuan yang mereka dapat, baja dan sebagainya berkurangan. Harga dan hasil pertanian yang tidak stabil. Oleh sebab itu, kita mengharapkan kerajaan perlu mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasi masalah ini.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jaga masa Yang Berhormat. Masa dah cukup.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya juga nak menyebut tentang soalan semalam mengenai hakisan. Jadi, saya berharap dapat memberi penjelasanlah, pihak Kerajaan Negeri dapat memberi penjelasan dan kadangkadang kita ini mengambil tindakan apabila musim tengkujuh, barulah nak buat kerja, di awal-awal sebelum tengkujuh, kita *dok* buat kerja. Begitulah selalunya. Jadi, saya harap jangan menyebabkan perkara-perkara, kelemahan-kelemahan ini menyebabkan rakyat kita menerima kesan kerana memang di pantai sebelah Batu Rakit ini, Mengabang Telipot ini, Kampung Kolam dan sebagai ini, kawasan nelayan sehinggakan tempat-tempat pendaratan mereka juga telah terhakis dan selalu beralih-alih tempat. Jadi, saya harap kerajaan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya. Saya minta sedikit lagi tentang pendidikan. Dalam Bajet ini memberi Tabung Pendidikan sebanyak RM2 juta untuk Tabung Pendidikan. Jadi, saya rasa dengan RM2 juta ini sebenarnya tidak cukup untuk mencemerlangkan pendidikan kita dengan pelajar yang menghadapi peperiksaan UPSR 20,700 orang. Tingkatan tiga 17,775 orang. Tingkatan lima 16,752 orang. Tingkatan enam 2,354 orang. Ini yang menghadapi peperiksaan, lebih kurang 60,000 orang yang menghadapi peperiksaan tahun ini. Jadi, dengan bajet RM2 juta ini, untuk mencemerlangkan pendidikan kita mungkin tidak capai tahaplah sebab selama ini kita duduk nombor satu *sokmo* Negeri Terengganu ini. Kita beri bajet difahamkan Kerajaan Negeri bajet sehingga RM15 juta kepada pendidikan Terengganu untuk mencemerlangkan pendidikan. Di samping itu juga, saya mengharapkan kita tidak mengabaikan pelajar-pelajar yang lemah, pelajar-pelajar yang tercicir. Kena ambil maklum perkara ini. Jadi, oleh kerana masa tidak mengizinkan saya ucap terima kasih kepada Tuan *Speaker dok* berapa marah saya hari ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dato' *Speaker* baik. Cuma saya...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya tahu *Speaker* baik...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dok* kena *line*, kena tegurlah.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Kadang-kadang *hok* soalan *mareng*, *Speaker* kena duduk sebelah saya sebenarnya...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dok* betul...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Sebab betul *alikh* saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak betul. Sebab apa saya tidak betul...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Sebab EXCO jawab salah. Dia tidak menjawab soalan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tapi, Yang Berhormat...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Tapi, *dakpelah*, saya *takmboh baloh doh*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat tanya bukan pada masanya.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya *takmboh baloh doh*. Saya takut jadi rekod Dewan ini, ADUN kena keluar, *Speaker* suruh keluar...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dok sapa* situ lagi.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Harap-harap *dok* jadi lah *dok*?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Takdok*.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Doh, boleh baloh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: [*Ketawa*].

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Okeylah. Sekian
وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Batu Rakit. Cuma ini sebagai peringatan bersamalah. Oleh kerana kita dah lama jadi Yang Berhormat ini, kena pakat-pakat faham, pakat-pakat beramal dengan Peraturan-Peraturan Dewanlah. Jadi, saya berhasrat untuk menanggungkan Sidang Dewan ini kepada pukul 2.30 petang dan saya berharap oleh kerana masa sangat terhad, kita akan sambung dengan perbahasan Rang Undang-Undang ini. Cuma, saya akan ambil masa sikit sebelum rehat itu untuk pihak kerajaan akan mula membuat penggulungan. Mungkin satu jam yang pertama itu, masih lagi Ahli Yang Berhormat boleh terlibat dalam perbahasan. Kita tangguh kepada pukul 2.30 petang ini.

MESYUARAT DITANGGUH PADA PUKUL 1.00 PETANG

PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Saya teruskan agenda perbahasan Rang Undang-Undang

Perbekalan kita. Jadi saya persilakan siapa yang nak bercakap tadi? Okay saya jemput Wakil Kemasik. Sila.

YANG BERHORMAT Ir. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang Di-pertua.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi S.A.W, ahli keluarga baginda serta seluruh para sahabat Ridwanullahi'alaihim. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para pemerhati termasuk yang berada di dalam talian, tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian.

Di kesempatan ini saya *alhamdulillah* diberi kepada saya dengan izin untuk merakamkan ucapan penghargaan terhadap Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar di atas pembentangan Belanjawan 2021 dengan tema Melestarikan Kesejahteraan Bersama.

Berpagi hari mencari sarapan,
Membanting tulang adil saksama,
Susah payah lumrah kehidupan,
Bekerjasama melestarikan kesejahteraan bersama.

Dato' Yang Di-Pertua,

Saya mulakan dengan ucapan terima kasih kepada kerajaan Persekutuan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Mahyuddin bin Mohamad Yasin selaku Perdana Menteri dan juga Kerajaan Negeri yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar selaku Menteri Besar Negeri Terengganu atas keprihatinan dan kecaknaan dalam menempuhi persekitaran yang sangat mencabar ini melalui pelbagai inisiatif dan bantuan bagi mengurangkan beban rakyat, mengekalkan pekerjaan, membantu perniagaan dan menjamin pertumbuhan ekonomi. Tema Belanjawan 2021 Terengganu Darul Iman iaitu Melestarikan Kesejahteraan Bersama yang komprehensif

dan sangat bertepatan dengan usaha meringankan beban rakyat terutama dalam berhadapan dengan pandemik 20, pandemik COVID-19.

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua,

Di bawah inisiatif dua Belanjawan 2021 ini diletakkan latihan kemahiran dan peluang pekerjaan sebagai salah satu daripada lima inisiatif yang ditetapkan. Inisiatif ini antara lain bagi meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehgajian semua peringkat lapisan rakyat yang terjejas dan usaha ini amatlah diharapkan. Kita yakin dengan pelbagai inisiatif yang ditawarkan serta pelaksanaannya yang menyeluruh mampu untuk menyediakan rakyat kepada suatu peringkat yang lebih kompetitif dan dinamik. TYEP, T-JOB, Kursus Keusahawanan Terengganu, *Terengganu Training Programme (TTP)*, Program Jati Diri Generasi Sejahtera, *Terengganu Skill Enhancement Program For School Leavers (TSEP-S)*, Program Transformasi Pekerja Itqan juga Karnival Pekerjaan 2021 yang bakal dilaksanakan dengan pendekatan yang lebih menyeluruh menjangkau seluruh daerah dan peringkat lapisan masyarakat berharap akan dapat mencapai sasaran yang ditetapkan dengan sebaik mungkin. Pusat bersepadu pemasaran PKS juga antara lain perlu dikembangkan dan dipertingkatkan bagi memastikan ia lebih sekata ke seluruh negeri. Pusat pemasaran perlu diadakan di utara juga di selatan Negeri Terengganu di samping bahagian tengah negeri juga dapat untuk kerajaan telitikan. Rangkaian pusat bersepadu yang lebih baik akan mampu membolehkan lebih ramai rakyat untuk terlibat. Kemasik juga telah menyediakan suatu pusat untuk melatih dan membangunkan usahawan di sekitar dengan menggunakan bangunan kerajaan yang sedia ada. Justeru, kami berharap usaha kami juga dapat diteliti dan dipandu oleh kerajaan terhadap apakah tindakan yang sewajarnya diambil bagi kami merealisasikan hasrat ini. Kemasik juga mencadangkan suatu lokasi baharu untuk disediakan dan dibangunkan di dalam DUN Kemasik bagi menempatkan para PKS untuk mereka meningkatkan lagi perniagaan mereka di samping menyediakan suatu kawasan yang lebih baik untuk mereka terus berkembang. Kawasan operasi dan premis-premis perniagaan yang bakal disediakan diyakini mampu untuk membantu mereka untuk terus berkembang. Perhatian kepada pihak kerajaan untuk menyediakan kawasan PKS baharu ini di samping kawasan industri berat yang sedia ada dan terus dikembangkan yang berasaskan minyak dan gas berharap mampu mempercepatkan lagi perkembangan PKS terutama di Daerah Kemaman dan DUN Kemasik.

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua,

Seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan usaha membantu, membangun dan memperkasakan para usahawan di Negeri Terengganu. Tahniah Kerajaan Negeri Terengganu atas Tabung Usahawan Sejahtera (TUGAS) yang telah diperkasakan untuk membantu 453 usahawan tempatan dalam memajukan perniagaan mereka di samping pelbagai inisiatif yang telah dijalankan, saya mohon untuk pertimbangan kerajaan dalam membangunkan infrastruktur kemudahan untuk para usahawan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua,

Teras Kedua Belanjawan 2021 menumpukan pada usaha menjana semula ekonomi dan pendapatan rakyat dengan strategi memperhebatkan sektor pertanian dan industri makanan. Semoga mampu menjana pertumbuhan ekonomi dan ia sejajar dengan tahun 2021 sebagai Tahun Pertanian Negeri Terengganu. Ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri melalui EXCO Pertanian dan Industri Asas Tani yang telah menjayakan usaha membangunkan Ladang Ragut Rakyat dan juga pusat sado terutama yang dibangunkan di Chabang, Kertih. Seterusnya meneruskan pembangunan hub lembu sado dan ladang ataupun padang ragut rakyat tersebut. Di samping itu kami juga berharap agar kerajaan melihat untuk menambah baik prasarana yang sedia ada yang telah lama terbengkalai yang berada di Pusat Veterinar Chabang tersebut bagi memastikan segala tempat-tempat sebagai contoh pejabat, kuarters pekerja, stor, tempat proses makanan, dewan mesyuarat dan lain-lain kelengkapan yang terbengkalai ataupun yang ditinggalkan dapat dibangunkan kembali. Namun, sudah pasti ia perlu melihat kembali apakah sebab-sebab yang menyebabkan berlakunya ataupun yang menyebabkan bangunan ataupun prasarana tersebut terbengkalai ataupun ditinggalkan sebegitu sekali. Di samping itu juga kami berharap untuk pihak kerajaan untuk membina sebuah pusat penyembelihan di kawasan penternakan ataupun di kawasan pusat penternakan di Chabang, Kertih tersebut memandangkan tapak dan lokasinya yang strategik dan mampu dijadikan pusat penyembelihan bagi menampung usaha ataupun menampung kerja-kerja ataupun penyembelihan di kawasan Kemaman dan Dungun kerana lokasinya adalah duduk tengah-tengahlah, *insya-Allah*. Kawasan padang ragut rakyat serta penternakan baharu juga perlu dikenalpasti bagi memastikan masalah yang sentiasa berulang iaitu binatang ternakan yang berkeliaran di kawasan-kawasan perumahan dan di kampung-kampung *insya-Allah*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Strategi 3 bagi Teras Menjamin Kesejahteraan Keluarga dan Sosial iaitu menambah bekalan dan pemilikan rumah merupakan usaha yang sangat diharap rakyat. Di samping ia merupakan usaha penting untuk merealisasikan Manifesto Kerajaan. Justeru peruntukan yang sebagaimana yang dibentangkan bagi golongan sasar terutama sekali B40 dapat untuk kerajaan terus beri penumpuan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Berkenaan dengan penubuhan *Terengganu Autism Care and Therapy Centre* (TACTC). Untuk makluman Dewan, *The National Autism Society of Malaysia* (NASOM) telah membina pusat jagaannya di Kertih bagi memberi khidmat untuk anak-anak ini di sekitar Kemaman dan Dungun. Ia ditubuhkan oleh sekumpulan ibu bapa dan professional yang didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan kebajikan pada 1987. Pusat yang ditubuhkan di Kertih ini ditubuhkan pada 2016 dengan hasil sumbangan Suria KLCC dan beroperasi di sebuah rumah semi-D dengan sepuluh orang murid dan empat orang guru. Program yang ditawarkan oleh NASOM di Kertih ialah Program Intervensi Awal seterusnya mereka merancang untuk melaksanakan Program Kemahiran Vokasional supaya nanti mereka mampu berdikari selesai tempoh latihan. Justeru kami berharap agar pihak kerajaan dapat bersama-sama untuk memastikan perjalanannya dapat berjalan lancar seterusnya bersama-sama merealisasikan perancangan kerajaan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan prestasi sukan melalui Program Pembangunan Sukan bagi mencapai Pelan Induk Pembangunan Sukan 10 Tahun Terengganu 2020-2030, justeru saya mewakili Persatuan Hoki Terengganu berharap agar hoki dapat turut sama diperkasakan. Persatuan Hoki Terengganu telah mencadangkan kepada Yang Berhormat EXCO Sukan untuk menubuhkan Akademi Hoki Terengganu dalam memastikan pelapis pemain-pemain Hoki Terengganu tidak merosot. Justeru besarlah harapan kami daripada Persatuan Hoki Terengganu agar diperuntukkan satu peruntukan yang munasabah untuk meneruskan agenda pembangunan Hoki Terengganu. Terakhir berkenaan dengan Projek ECRL. ECRL merupakan projek mega untuk kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara. Tahniah,

Kerajaan Terengganu atas segala usaha dan berterusan yang dibuat bagi memastikan keterlibatan kontraktor dan pengusaha tempatan dalam kerja-kerja projek tersebut dapat sehabis baik direalisasikan. Saya mohon agar kerajaan terus berusaha sedaya mungkin bagi memastikan peruntukan kerja-kerja kontraktor dan pengusaha tempatan sebagaimana yang ditetapkan sebagai *local content* dengan izin di dalam peruntukan kontrak Projek ECRL tersebut.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT Ir. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Saya rasa..

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ha, *okay*.

YANG BERTHORMAT Ir. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Saya rasa itu sahaja.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Last word*.

YANG BERTHORMAT Ir. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Saya sudah dengan serangkap pantun

Sayang kumbang mencari makan,
Terbang seiring di tepi kali,
Setinggi tahniah kami ucapkan,
Moga Belanjawan direstui Ilahi.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kemasik mohon menyokong.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kemasik. Saya persilakan Yang Berhormat Hulu Besut.

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan serta pemerhati yang ada di luar dewan. Syukur kepada Allah kerana kita dapat bersama lagi di sidang Dewan khusus untuk perbahasan Bajet. Perbahasan Bajet kali ini masa yang

Dato' Yang di-Pertua beri sepuluh minit. Jadi saya pun ambil masa sepuluh minit*lah*. *Tok sey* lebih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Insya-Allah*.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): *Insya-Allah*. Daripada pembentangan Bajet yang diberi oleh Yang Amat Menteri Besar pada saya bolehlah tahan. Tapi saya nampak dia ambil pendekatan orang cari jodoh. Kalau kita hendak cari jodoh ini, empat perkara yang penting. Akhir sekali agama. Yang keempat agama jadi kita pilih agama. Saya nampak bajet ini pun akhir sekali yang penting yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ialah perpaduan. Penting perpaduan sebab itu atas nama Muafakat Nasional saya ingin juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah berjaya membentangkan bajet untuk tahun 2021. Istimewa itu ada. Saya atas nama Muafakat Nasional juga*lah* sangat menyokong apa yang disebut oleh Wakil Wanita kita. Bukanlah saya minat wanita, saya minat juga. Minat. Antara disebutnya ialah Program Pemulihan 4P - Perintah, Pengesahan dan Pendaftaran Perkahwinan.

Sebenarnya bukan masalah kecil juga kalau di kampung. Kalau kawasan saya *tu* ada lagi satu kes tunggu untuk habis PKP *ni* nak panggil saksi *mari* ke Terengganu untuk buat pengesahan nikah. Cuma Terengganu dengan negeri lainnya, Terengganu mahal sikit Dato' Yang di-Pertua. Saya difahamkan kalau kita kahwin dengan orang Thailand, kalau hendak buat pengesahan di Terengganu kita terpaksa sedia duit RM15,000.00, RM16,000.00 baru dapat pengesahan nikah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ini pengalaman, Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Bukan pengalaman, ini kawan saya. Saya *dok* lagi.

[ketawa]

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Kalau di Kelantan kita perlu ada duit RM3000.00 untuk dapat pengesahan nikah kahwin, di Kelantan. Saya tanya sendiri *dah tu*. Ada duit RM3000.00 kita boleh buat pengesahan. Kalau di

Terengganu kena cadang duit RM15,000.00 - RM16,000.00. Cuba cek dengan Kelantan dengan Terengganu. Sebab itu saya sokong apa yang disebut oleh wanita tadi. Kalau boleh Terengganu pada masa depan ini kita kurangkan sikit.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Sejak bila *tu?* RM15,000.00 dan RM16,000.00?

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Sejak PAS ambil alihlah.

[Ketawa]

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Betul. Bukan saya kata reka-reka. Betul. Masa UMNO RM2000.00, RM3000.00 *gitu je*. Masa PAS RM19,000.00. Orang kampung jumpa saya kata berat Yang Berhormat sekarang, kita hendak tukar nama tanah mahal.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Kena ada buktilah kalau *gitu*. Kena ada bukti.

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Ada bukti.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *[Ketawa]*

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Kalau Yang Berhormat *nok* esok saya boleh bawa dia punya resit-resit.

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Hendak tukar nama tanah mahal, hendak dapat salinan geran tanah RM50.00 sekeping. Masa UMNO dulu ingat RM5.00 *gitu jah*. Yang Berhormat Dato' di-Pertua, betul saya cakap *ni* Yang Berhormat Dato' di-Pertua, atas nama Muafakat Nasional. Sebab itulah saya *duk mikir* kita PAS dengan Terengganu ini kita kena cari jalan persamaan. Pasal Yang Amat Berhormat Menteri Besar akhir sekali dia sebut dalam bajet dia yang penting perpaduan antara PAS dengan UMNO. Jadi atas dasar Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebut yang utama tadilah maka saya *duk* fikir PAS dengan UMNO Terengganu ini banyak persamaan, contohnya pertanian mengemukakan Skim Bantuan Modal Tani, program baru. Cuma dia tambah *no* riba. Masa UMNO dulu, Dana Usahawan Tani nama dia DUTA

nama dia. Sekarang ini nama SBMT. Tapi dia tidak sebut *no* riba, tanpa faedah. Jadi benda *tu* sama. Sekarang ini sebut *no* riba, masa UMNO dulu tanpa faedah.

Betul ni. Ini saya cakap *ni* yang betul, saya *nak* cari persamaan. Begitu jugalah dengan perancangan untuk *nak* bangunkan negeri kita *ni*. Masa Yang Berhormat Dato' Seri Ahmad Razif dulu dia guna MEN-T, sekarang ini kita, rakan kita ni guna PITAS. *Mende* yang sama. MEN-T, PITAS itu sahaja. Dalam keadaan itu, kita ada persamaan. *Tak* adalah beza sangat. Cuma saya duk perhati orang UMNO bila bercakap, parti dia berjuang untuk agama, bangsa dan negara tapi bila kita dengar saudara kita di sana dia sebut, kita parti Islam berasaskan kepada Quran dan Hadith. *Kemah* dia lagi. Bab itu *kemah* dia. Pasal dia sebut berdasarkan kepada Quran dan Hadith. UMNO pula dia sebut kita berjuang untuk agama, bangsa dan negara tapi benda yang sama. *Tak* ada beza sangat oleh sebab itu *tak* ada sebab kita di Terengganu tidak boleh memperkukuhkan perpaduan Maufakat Nasional. Tidak ada sebab. Saya cari pun *tak* jumpa *doh* kita nak cari mana berat, mana tidak berat dan saya nak ambil kesempatan juga ucap terima kasih. Tadi kita dapat RM250,000.00, kena ucap terima kasih juga, *tak*?

YANG BERTHORMAT HAJI HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): [sambil mencelah] kena

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Kena. Dapat *tu*.

YANG BERTHORMAT HAJI HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): [sambil mencelah] Pasal *bui*

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Begitu juga di peringkat pusat. Saya *duk* tengok dari segi analogi *lah* pusat. Bukan saya nak puji PAS, pada saya PAS ini, kalau kita buat analogi orang lelaki *gop* dia ni jenis orang lelaki *tak* takut ke bini. Dia *tak* takut ke bini.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Orang lelaki *tak* takut ke bini, Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): *Tak*. *Ye tak* takut ke *bini* saya *duk* perati. Sebab itulah di Kuala Lumpur, dia pergi ke Kuala Lumpur dia kahwin

dengan PM. Lepas pada dia kahwin dengan PM, orang UMNO pun mesyuarat, dalam mesyuarat MN pula. Dia setuju pula nak kahwin dengan MN. Nak kahwin pula dengan UMNO tapi setakat *ni tak* hantar borang lagi tapi setuju pada dasar saya difahamkan.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Orang *laki*

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Betul-betul orang laki dia orang PAS. Betul. Dia pergi Kuala Lumpur dia kahwin dengan PM, lepas itu MN pun panggil mesyuarat. Panggil mesyuarat lagu mana *mung ni. Nok* nikah *toksei*. Setuju hendak nikah. Setuju hendak nikah cuma *tak* daftar lagi *lah*. Saya *duk* perhati. Jadi kita di Terengganu, kita anggap kita *ni* sebagai anak-anak. *Tak* apalah ayah kita *gi* kahwin dengan PM pun kahwinlah. *Doh* dia nak kahwin *plok* dengan UMNO *ni MN ni*. Kita selaku anak kena sokong. Kita kalau boleh tak apa dia kahwin dengan PM kahwinlah. Tapi dengan MN *ni* pun kena kahwin kena *kemah* supaya kita tidak berpecah di Terengganu. Barangkali kalau kita ada semangat itu, semangat Muafakat Nasional ini, kita Terengganu *tak* ada masalah. Tidak timbul masalah perpaduan. Pada saya, cuma ada terlebih kurang tu..

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Suami yang, Yang Berhormat, suami yang beriman, dia adil. *Insyallah*

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Kita harap begitulah adil tapi sebelum ini masalahnya tidak adil. Masalah *hok tu* masalah sikit. Wakil rakyat PAS dia boleh RM350,000.00, wakil rakyat UMNO dapat RM45,000.00. Nak adil *guana* lagu *tu*. Betul, contoh ini, contoh tidak adil. Memang kita anak-anak harap ayah kita *ni* adil. *Tak* apalah dia *nak* kahwin lebih kahwinlah *pahtu* mok kita UMNO ni setuju pula nak kahwin dengan dia, *tak* apalah tapi kena adil dan wakil rakyat RM350,000.00, anak ni dapat RM45,000.00. *Tak* adil ni. Betul *tak*?

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): anak tiri *boh*

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Saya *nak* sebut satu lagi minta maaf tadi, kebetulan juga tahun depan tahun pertanian. Kawasan saya pun ada terlibat juga tanah padang ragut, dicadangkan untuk lot tapak rumah di Alor Keladi jadi saya pohon jugalah Kerajaan Negeri kalau boleh berilah kepada orang kampung

untuk tanam rumput dan saya tahu peserta situ *tak* silap saya 16 orang. Tiga orang sahaja orang UMNO ada di situ. Masa saya, saya *tak* pernah usik bahkan saya sokong untuk tanam rumput untuk ternak lembu. Tapi baru *ni* orang mari jumpa saya. YB, *ooo* berat dia kata, baik masa YB *tak* ambil tanah kita *ni* tanah kita nak buat lot kebun. Lagu *tu* kalau boleh janganlah. Tak adil *lah* lagu *tu tak*? Kalu saya sebut ulang sekali lagi, tanah UMNO dia ambil beri ke koperasi dia, *tak* adillah lagu *tu*. Nanti cari *baloh belaka la tu tak*? *Haa gitu*. Tanah UMNO *ni* minta, bayar, tiba-tiba dia ambil beri ke koperasi PAS. *Baloh ni lah lagu baloh ni*.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):
Kan sebut doh hok tu sebelum nikoh

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Saya ulang hak *tuler* sekali lagi. Benda yang boleh menyebabkan anak *ni baloh*, *tak apa pok* kita kahwin dengan PM, *tak apa* kahwin dengan Barisan Nasional itu MN *tak apa*. Tapi kita di Terengganu *ni* anak-anak *ni* jangan *baloh*. Contoh saya *royak* tadi. Tanah bagi dekat UMNO, boleh *tak* UMNO bayar. Ambil bagi ke koperasi PAS. Contoh *ni*, contoh. Hok *tuler* saya sebut *ni*. Masa *dah* habis. Hulu Besut turut menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Berhenti mengejut Yang Berhormat. *Tak* apalah terima kasih. *Okay*, saya jemput. Sila..

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih kepada...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Selepas ini saya cuma minta dua orang *jelah* daripada Kijal dan selepas itu daripada sini pula. Sila.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut):

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّهُ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَأَحْلِلْ عُقْدَةَ مِنِّ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar walaupun *tak* ada saya rasa dia dengar *live* kot, barisan Ahli-ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri, barisan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, sidang pemerhati dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang sama-sama mengikuti *live* ucapan perbincangan. Mari kita membahaskan Bajet ataupun Belanjawan Negeri Terengganu pada 2021 pada tahun depan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kelmarin.

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil masa untuk sama-sama membahaskan Bajet tersebut. Sepertimana kata rakan-rakan juga, bahawa saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah membentangkan Bajet 2021, walaupun banyak berkurangnya daripada bajet-bajet tahun sebelum ini dan walau bagaimanapun difahamkan rakyat di luar sana, Rakyat Terengganu di luar sana mengharapkan lebih lagi daripada Bajet 2021 ini. Ini kerana rakyat inginkan bajet yang lebih khusus, yang lebih jitu, yang lebih dengan izin *precise* kepada kesan langsung masyarakat kepada pandemik COVID-19 yang telah berlaku di seluruh dunia termasuk di negara kita dan juga di negeri kita dan mengikut rekod PERKESO, pada bulan, pada 17 Julai 2020, PERKESO Malaysia telah mengeluarkan angka sebanyak 314,423 majikan telah memohon melalui program subsidi upah 1.0 yang melibatkan 2.54 juta pekerja di peringkat Malaysia. Begitu juga pada 18 November, beberapa hari yang lalu PERKESO juga telah mengeluarkan data untuk program subsidi upah 2.0 iaitu 72,161 majikan yang melibatkan 724,386 orang pekerja dan ini menunjukkan angka yang besar yang mana masyarakat khususnya terlibat dengan kesan langsung pandemik COVID-19 ini. Jadi sebab itulah masyarakat di luar sana amat mengharapkan supaya Bajet ini lebih menjurus kepada kesan yang mereka alami akibat pandemik COVID-19 ini.

Perkara yang kedua, Dato' yang di-Pertua, merujuk kepada Inisiatif 2, Latihan Kemahiran dan Peluang Pekerjaan sebanyak RM7.52 juta yang telah diperuntukan untuk tahun depan, jadi masyarakat juga hendak tahu daripada RM7.52 juta tersebut berapa ramai masyarakat ataupun penduduk Negeri Terengganu yang akan dapat manfaatnya sebab kita sedia maklum bahawa ramai yang terlibat jadi boleh *tak* pihak kerajaan nyatakan nanti program ini untuk kita boleh *anticipate* untuk berapa orang, dengan izin Dato' Yang di-Pertua. Perkara yang berikutnya, Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada Kajian Rancangan Tempatan Daerah yang mana Kajian

Rancangan Tempatan Daerah ini meliputi sehingga tahun 2035, dan diperuntukkan sebanyak RM250,000.00 untuk Kajian Rancangan Tempatan Daerah bagi Daerah Besut, terima kasih, Setiu dan juga Marang. Walau bagaimanapun Dato' Yang di-Pertua, saya suka ingin mencadangkan juga bahawa dalam Rancangan Kajian Tempatan Daerah tersebut, dimasukkan juga tentang Pelan Induk Saliran Bandar termasuklah reka bentuk terperinci untuk saliran bandar, dan kita sedia maklum bahawa kita sekarang ini *dah* masuk musim tengkujuh dan kita semua sedia maklum bahawa ada beberapa tempat sekarang ini dan mungkin lepas ini akan lebih teruk lagi sekiranya kita menerima jumlah keamatan hujan ataupun *rainfall intensity*, dengan izin Dato' Yang di-Pertua, jumlah keamatan hujan yang lebih daripada 100 mm dalam satu jam kita boleh berlakunya banjir kilat di kawasan perbandaran. Jadi saya mohonlah daripada Rancangan Tempatan Daerah ini dimasukkan juga dengan lebih teliti dan diperhalusi sebaik mungkin supaya sistem perparitan, sistem saliran bandar, macam mana kita nak buat pengawalan di punca untuk mengelakkan berlakunya banjir-banjir kilat di kawasan perbandaran dapat kita diperhalusikan juga, sebab kita masih lagi sekarang ini, hujan yang berlaku hanya berlaku di kawasan pantai, yang kita tengok bahawa berlaku di kawasan pantai pun boleh menyebabkan berlakunya banjir kilat. Kita masih lagi belum menerima kejadian banjir limpahan air dalam lembangan sungai, air sungai tidak melimpah lagi, Dato' Yang di-Pertua, masih baru peringkat bandar dan sekiranya kalau peringkat bandar pun kita tidak boleh tangani, kita takut kita akan menerima pula kejadian banjir akibat limpahan sungai, akibat berlakunya hujan lebat dalam lembangan sungai-sungai utama khususnya kita di Negeri Terengganu.

Dato' Yang di-Pertua, perkara yang berikut yang ingin saya nyatakan juga di sini adalah berkenaan dengan SRIDI. Pihak kerajaan sekarang ini telah melaksanakan program untuk mewujudkan SRIDI, cuma yang menjadi persoalan di peringkat orang kampung, di peringkat masyarakat, di peringkat orang ramai di luar sana, dia menanyakan bahawa tentang pelaksanaan program yang telah ada sebelum ini yang dipanggil, di Negeri Terengganu telah ada tiga unit Madrasah Moden Terengganu yang telah dilaksanakan sebelum ini yang mana bajetnya ada juga daripada Kerajaan Negeri dan juga daripada JAKIM. Jadi, seolahnya macam Madrasah Moden Terengganu sekarang ini macam tenggelam sekarang ini, jadi boleh *tak* pihak kerajaan nyatakan nanti dalam penggulungan nanti, apakah berapa bajetkah yang telah diperuntukkan Madrasah Moden Terengganu yang ada 3 unit di Negeri Terengganu sekarang ini dan apakah bajet

pembangunannya, apakah bajet pengurusannya dan berapakah perjawatan yang ada untuk Madrasah Moden Terengganu yang telah ada sehingga ke hari ini.

Okay, Dato' Yang di-Pertua saya ingin sambung sedikit lagi perkara yang tersebut, saya juga ingin ucap tahniahlah kepada EXCO Pelancongan yang digelar *hero tourism* Malaysia dan biasanya *hero* ini *insya-Allah* akan boleh menyelamatkan orang dan juga masyarakat, cuma kita di Kuala Besut baru-baru ini dikejutkan dengan satu, bukan peristiwa, satu akan dilaksanakan satu pelaksanaan kutipan cukai untuk pelancong-pelancong yang akan pergi ke Pulau Perhentian sebanyak RM5.00 akan dikutip khususnya untuk pelancong-pelancong di luar Jeti Pelancongan Kuala Besut itu sebanyak RM5.00 untuk pergi ke Pulau Perhentian dan yang menjadi tanda tanya khususnya oleh pihak *frontliner* pelancongan ataupun *tourism frontliner* di Kuala Besut bila pelancong sampai ke Jeti Kuala Besut itu, dia kena bayar RM5.00 dulu di kaunter untuk PBT, lepas itu dia beratur di Jeti Taman Laut itu, dia kena bayar pula RM5.00. Jadi ini yang menjadi tanda tanya kenapa kena bayar dua kali macam itu sekali seelok-eloknya perlu dicadangkan semolek-moleknya diadakan perbincangan ataupun sesi dialog ataupun apa jua perbincangan supaya sebelum pelaksanaan ini dilaksanakan.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Yang di-Pertua, celah sikit. Yang di-Pertua, jadi yang mana hendak pergi ke pulau, kena bayar RM10.00. Kalau sebelum ini berapa?

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): RM5.00

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Sebelum ini RM5.00, sekarang ini RM10.00 naik lagi RM5.00..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Selesai Yang Berhormat

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Tambah sikit, Pulau Redang pun begitu juga di jeti kena RM5.00 lepas itu nak pergi kena pulak RM5.00 jadi RM10.00 dan saya mengambil kesempatan orang Pulau Redang kirim salam, saya nak tanya sikit harap EXCO dapat ulas betul ataupun tidak, ada kerajaan hendak mengambil balik dua tanah pengusaha *resort* anak tempatan dan hendak diberi kepada

pengusaha lain, jadi kalau *nak* beri *jugak* beri tempat lainlah, janganlah ambil tempat anak tempatan usaha *dah* kalau nak ambil. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat, teruskan.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): *Okay* terima kasih Dato' Yang di-Pertua, dan yang berikutnya pula sebab sekarang ini semua kita nak turunkan kutipan daripada orang ramai ini tiba-tiba kita minta kutipan pula jadi macam benda yang berlawanan dengan situasi sekarang ini. *Okay* perkara yang berikut, Dato' Yang di-Pertua saya ingin..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat jaga masa, saya ingat masa sudah cukup ini, jaga masa ya.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): *Okay* Yang di-Pertua saya minta buat, nak tanya pasal *break water* Kuala Besut, benteng pemecah ombak Kuala Besut, saya faham dia projek Persekutuan cuma nak tahu apakah peranan pihak Kerajaan Negeri supaya minta pihak Persekutuan mempercepatkan Projek Benteng Pemecah Ombak di Kuala Besut tersebut. Yang berikutnya iaitu pasal tanah di padang rumput tadi, tadi pun EXCO sudah jawab supaya kalau boleh perhalusilah, berilah keutamaan kepada yang telah mengusahakan lebih daripada 24 tahun di Kampung Tok Has. Yang berikut Dato' Yang di-Pertua, saya *gi* laju *ni*. Pelaksanaan Kad Sejahtera pada Julai 2019, telah dilaksanakan kalau boleh sampai ke hari ini berapa ramai *dah* kita bercakap pasal tahun depan yang kita telah dilaksanakan juga, *nak* tahu berapa ramai yang telah terlibat dengan Kad Sejahtera, berapa ramai yang dapat manfaat daripada mereka dan begitu juga dengan perumahan di Pulau Perhentian, mohon disegerakan dan yang akhirnya Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Sekolah Menengah Kuala Besut baru-baru ini, dua tahun lepas telah menjadi johan peringkat dunia mengenai nuklear, pertandingan nuklear sumber manusia tentang nuklear dan dua hari lepas telah menjadi johan peringkat dunia pula, peringkat antarabangsa iaitu di bawah *Panasonic Kids Witness News* yang telah mengalahkan negara Jepun, Vietnam dan juga telah menjadi johan di peringkat antarabangsa iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Besut. Dato Yang di-Pertua, itu sahaja terima kasih.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Okay*, terima kasih Wakil Kuala Besut, saya jemput Wakil Kijal.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Yang Berhormat, Pegawai Kerajaan, para pemerhati sekalian. Pertama saya mengucapkan jutaan terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya sama membahaskan ucapan belanjawan Bajet bagi tahun 2021 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

Saya mengucapkan tahniah keadaan COVID yang melanda negara kita dalam negeri kita, kita dapat bermesyuarat walaupun asalnya tiga hari, empat hari, dikurangkan dua hari kemudian tambah sehari lagi jadi tiga hari. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua dan saya cuba ingin menyentuh beberapa perkara yang pertama saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan Negeri Terengganu yang telah menyediakan peruntukan bantuan *one-off* kepada golongan B40 kepada seramai 48,500 isi rumah dengan pemberian sebanyak RM200.00 setiap isi keluarga yang melibatkan kos RM9.7 juta tetapi saya nyatakan bahawa sebenarnya peruntukan ini terlalu kecil iaitu melibatkan 48,500 dibahagikan 32 DUN, lebih kurang 1,515 orang isi rumah bagi satu DUN, dan saya percaya bahawa pada 2018, 2019 Kerajaan Negeri tidak memberikan bantuan dana raya, bantuan lain kepada rakyat Terengganu. Sepatutnya kita *off-set* 2018, 2019, 2020. Kalau dulu BN bagi RM300.00 sepatutnya Kerajaan Negeri beri RM900.00, sekali gus, kerana apatah lagi dulu kita tak susah sangat macam sekarang dan COVID-19 ini rakyat terlalu susah dan menderita. Apapun kita percaya bahawa Kerajaan Negeri boleh memberikan lebih besar sekurang-kurangnya RM900.00 kepada ketua isi rumah dan jumlah ditambah kepada angka yang lebih besar kerana kita tahu dulu pernah kita bagi antara RM300.00 hingga RM450.00 dan hari ini RM200.00 dan remaja langsung tidak diberikan. Saya harap kita ketepikan semula perkara ini kerana saya meneliti bahawa pelaksanaan Bajet 2020 didapati bahawa masih banyak wang berbaki tidak digunakan atau dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri akibat COVID-19 ini. Pertama sebagai contoh, Program Pembangunan Modal Insan, Pendidikan dan kursus-kursus berjumlah RM20 juta dalam Bajet 2020, saya yakin dan percaya ini tidak dapat dilaksanakan pada tahun ini. Yang kedua Program Liga

Sukan Utama dan Massa berjumlah RM4.5 juta Negeri Terengganu termasuk juga elaun dalam sektor pelancongan berjumlah RM4 juta, dan juga saya rasa tidak dapat dibelanjakan dan tidak dihabiskan bagi tahun 2020. Ketiga Program Komuniti seperti Kahwin Perdana, Program PEKA, Program Untuk Warga Emas, Program Perpaduan dan sebagainya berjumlah RM2.5 juta juga tidak dapat dibelanjakan kerana masalah SOP pandemik COVID-19. Yang keempat aktiviti pengaitan agama, Himpunan Dakwah, Ceramah Perdana, Program Madinah Ramadan dan sebagainya berjumlah RM4.5 juta juga sebahagian besarnya mungkin terus tidak dibelanjakan. Kesemua ini melibatkan kos sebanyak RM35.5 juta yang disediakan pada 2020, jadi pengagihan RM200.00 tadi melibatkan RM9.7 juta. Kalau digabungkan kedua-dua ini saya rasa *insya-Allah* rakyat Terengganu mampu mendapat RM900.00 seorang apatah lagi tahun depan nak ada pilihan raya sekurang-kurangnya boleh tahan sedikit MN *ni* dapat peruntukan banyak untuk rakyat. Selain itu Dato' Yang di-Pertua, kita percaya bahawa kita mengharapkan golongan belia juga dapat dipertimbangkan balik menerusi apa jua peruntukan yang sedia ada dalam bajet ini untuk diagihkan kepada golongan remaja atau belia yang dulu pernah kerajaan BN berikan sebanyak RM200.00 setiap orang.

Yang kedua, saya merujuk kepada inisiatif kepada penjawat awam sebanyak RM800.00, saya harap kalau boleh berilah sampai RM1000.00 *round figure molek* lalu *dah* nampak. RM200.00 lagi tambah. Macam saya kata tadilah peruntukan tidak belanja RM30 juta lebih ini. Di samping itu, saya berharap sepatutnya kerajaan dari segi penjawat awam dibahagi dua kategori iaitu satu lagi dikhaskan kategori golongan bawahan, pekerja am, buruh, drebar dan sebagainya kerana golongan inilah yang paling terkesan akibat COVID-19 kerana mereka tidak ada lagi kerja-kerja lebih masa dan sebagainya. Kalau dulu mereka banyak bergantung pada kerja lebih masa mungkin *tak* banyak. Antara RM80.00 hingga RM150.00 sebulan tapi besar bagi mereka besar maknanya bagi mereka kalaulah kita katakan tadi kalau kita boleh bagi RM1000.00 atau RM800.00 golongan pegawai-pegawai lain tapi kategori bawahan ini patut ada kategori lain sekurang-kurangnya RM1200.00 dan sebagainya untuk membela nasib mereka yang serba kekurangan itu. Di samping itu, saya yakin dan percaya bahawa kerajaan mampu memberikan peruntukan ini kerana kita sedar bahawa COVID-19 mungkin tidak berpanjangan mungkin tahun depan habislah *tak* tahulah tapi sekurang-kurangnya mereka dalam keadaan susah serba kekurangan mendapat pembelaan sewajarnya daripada Kerajaan Negeri.

Yang ketiga Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian ingin menaik taraf Kolej Quran Terengganu Kampus Cawangan Pengkalan Gawi. Saya *tak* tahu saya ingin mendapat penjelasan kerajaan apakah benar yang dikatakan kerajaan akan menjadikan Projek Perumahan Pegawai Kastam di Pengkalan Gawi untuk dijadikan cawangan Kolej Quran Terengganu. Kalau inilah benar bermakna seolah-olah Kerajaan Negeri Terengganu tidak mahu meneruskan program menjadikan Tasik Kenyir sebagai tasik bebas cukai yang pertama di dunia dan sejak itu projek itu terbengkalai dan saya ingin menarik perhatian kepada ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar semasa membentangkan Bajet kali pertama 2018 iaitu Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyebut pelancong yang hadir ke Tasik Kenyir pada 2017 adalah seramai 817,000 orang dan tidak ada tempat-tempat lain yang kedatangan pelancong begitu ramai sama ada di Pulau Perhentian di antara 200,000 hingga 250,000, Pulau Redang 250,000 hingga 300,000 setahun. Itu dalam keadaan bebas cukai belum siap. Ini bermakna pentingnya dibangunkan Tasik Kenyir dari segi industri pelancongan. Walaupun satu ketika rakan-rakan saya di sebelah sana menyatakan siapa *nak* pergi dekat *jin tendang*. Hari ini terdapat lebih kurang lebih daripada 80 *houseboat* di Tasik Kenyir beroperasi tapi *tak* cukup. Saya berjumpa dengan pengusaha yang mengatakan bahawa masa jumpa bulan 10 dulu, dia bulan 11 *dah* penuh, bulan 12 *dah* penuh dan saya *tak* tahu *lah* kebetulan bekas Menteri Besar Yang Berhormat Ahmad Razif *tu* ada juga *houseboat*. Mungkin yang kedua *dah* sekarang *ni* yang terbaru Razna. Jadi mungkin tempahan begitu banyak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Promosi Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Ya..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Promosi, promosi.. [*ketawa*]

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Promosi sebab menggambarkan kalau bekas Menteri Besar sendiri ada 2 butir bot *houseboat* maknanya menggambarkan bahawa dia *confident* dengan kedatangan pelancong di Tasik Kenyir.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kijal ada berapa butir?

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Kijal tak *dok sutir* habuk. Bini *je* ramai. [*ketawa*] *Wat gitu* tanya *gok*. [*ketawa*] Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab Telemong ada juga sebab *tu* saya tanya.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Memang Telemong ada saya tahu. Bekas pegawai tadbir dua butir ada. Nak tambah pula *tu*. Dato' Yang di-Pertua, kita percaya bahawa kedatangan pelancong ke Tasik Kenyir ini akan bertambah setiap masa. Sebab itulah saya rasa agak terkilan bila Kerajaan Negeri hanya memperuntukkan RM4 juta peruntukan ini. Kata orang Terengganu nak *lele* mana RM4 juta *ni*. Patut buat banyak sikit cepatkan projek itu supaya siap kerana sebenarnya kita mempunyai destinasi yang menarik sebab *tu* saya kalau sebut *royat* dulu kalau Tasik Kenyir berada di luar negara sudah lama *dah* dimajukan dan saya ucap terima kasihlah kerana antara wakil rakyat yang hari ini agak *kerek* sikit *lah gi* Tasik Kenyir iaitu Yang Berhormat Kawasan Bukit Tunggal, buat kursus pun sana. Tahniah Yang Berhormat Bukit Tunggal nampaknya boleh tahan juga *lah*.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bila saya pergi *tu*? [*ketawa*] Tunjuk tarikh sekali *gok* tengok.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Silap, silap

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): *Nok* berlawan juga *gini ey*.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bila *gi or*?

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Buat kursus baru *ni*.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Kursus apa pula? *Tak dok* kursus-kursus pun. Jangan reka-rekaan *gitu* dalam Dewan *ni*.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): *Dok reka.*
Lepas ini saya bagi tarikh.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Kursus *mende*
saya *gi. Ce royat* sikit.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang
Bert hormat buat kursus untuk anak buah.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Kursus *mende?*

YANG BERTHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): *Dakpe* la kita
kabo lah lepas *ni*.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): *Tak dok* kursus-
kursusnye.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Kabor betul balik. Alur
Limb at, Alur Limbat.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): *Ai* macam mana
ni?

[ketawa]

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Teruskan teruskan.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Pakat tembak
ngata gitu. *Ngata rawa* gitu.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): *Doh* Yang
Bert hormat *tak* pernah *gi?*

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Tiga target pun
bahang ngata rawa gok.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): *Doh dok pernah gi Ahli Yang Berhormat ni Tasik Kenyir.*

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): *Dok pernah pergi. Doh kursus dok buat. Tak dok masalah.*

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): *Takpe lepas ni. Lepas ni.*

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Doh bakpe Bukit Tunggal? Kursus kan mende comel kan tu.*

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): *Comel dok comel, kalau dok kata dok bukan nok pelawok.*

[ketawa]

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Bakpe yang nak marah gitu me? Oyat gi Kenyir nak marah gitu me, apahal yang naik angin gitu, Dato' Yang di-Pertua.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Okay, teruskan-teruskan.*

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): *Dia cakap biar betul, kalu dok saya kata dok. Kalau ya saya ngaku ya. Takdok benda apa pun.*

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): *Dakpe dakpe ah.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Okay okay okay.*

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): *Pergi cerita lain, cerita lain.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Teruskan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dan seterusnya. *[ketawa] Dakpe* Yang di-Pertua. Saya juga rasa terkilan jugalah tentang peruntukan yang disediakan untuk pembangunan Bukit Besar iaitu Bandar Baharu Bukit Besar disediakan RM3 juta untuk pengambilan balik tanah, infrastruktur dan juga jalan. Jadi *tak* banyak sangat. Sedangkan kos pengambilan balik tanah saya rasa di Bukit Besar di antara lingkungan RM400,000.00 hingga RM500,000.00 seekar dan kita perlu buat jalan sekurang-kurangnya 2 lorong atau 3 lorong sebelah dan infrastruktur lain. Kalau setakat RM3 juta *dok rok* Dato' Yang di-Pertua. Saya harap Kerajaan Negeri kaji baliklah perkara ini. Saya nak ringkas-ringkas je Dato' Yang di-Pertua.

Tahniah juga kepada Kerajaan Negeri Terengganu kerana akan membuka Pusat Jantung di Kuala Terengganu iaitu di Kuala Terengganu Specialist Hospital pada suku tahun 2021. Hospital baru di Chukai, Kemaman dengan 150 katil. Pembesaran Kuantan Medical Centre dan juga Climb Medical Centre dan merancang untuk pengambil alihan Tawau Specialist Hospital tapi malangnya bagi saya baru-baru ini saya dapat maklumat bahawa Kerajaan Negeri memberi cadangan untuk menjual Kuantan Medical Centre kepada pihak tertentu. Taklimat telah dipanggil dan akhirnya CEO KMC *tak* puas hati menentang penjualan ini dan akhirnya beliau meletakkan jawatan. Saya haraplah perkara ini dikaji balik kerajaan kerana saya dimaklumkan lepas kita jual kita nak sewa balik dengan kos yang lebih tinggi. Seterusnya saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Terengganu kerana berjaya meletakkan Terengganu di tempat kedua terbaik keseluruhan purata penginapan bagi bulan September 2020. Tahniah kepada Yang Berhormat Alur Limbat. Waris *ni*. Ariffin Deraman ADUN Alur Limbat kerana telah terpilih sebagai Malaysia Tourism Hero 2020.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Ke ahli kelab.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Ahli kelab *dakpe*, waris lagi ahli kelab lagi. Sebab itulah barangkali Duyong Marina Hotel & Resort yang mungkin satu-satunya hotel dan resort di Malaysia mungkin juga sama ada satu dunia yang berjaya melantik seorang Ketua Eksekutif Syariah sesuai dengan slogan "Membangun Bersama Islam Negeri Terengganu" iaitu dengan melantik Ustaz Zulhafiz bin Ahmad Zahid Al-Hafiz, Kad Pengenalan 850922135291, lahir di Sarawak tapi orang

tinggal di Perak besar di Perak dan dengan dibayar gaji sebanyak RM12,000.00 sebulan. Selain daripada itu, tugasnya hanya memberi tazkirah dua kali seminggu, setengah jam setengah jam *pastu* hilang entah ke mana dan lebih hebat lagi Hotel Duyung Marina Resort ini yang mungkin juga bagi saya satu-satunya hotel di Malaysia ataupun di dunia dalam keadaan COVID-19 ini membuang pekerja, mengecilkan jumlah pekerja tetapi Duyung Marina dapat menambah pekerja baru. Sebab itu saya kata inilah kehebatan Terengganu di musim COVID ini kerana sebagai contoh pada bulan Julai 2020 seramai 17 orang pekerja baru diambil. September 2020 sepuluh orang, Oktober 2020 dua orang, November 2020 empat orang. Jumlah pekerja baru Duyung Marina seramai 33 orang. Tahniah dalam keadaan COVID-19 hotel rugi, teruk sangat tapi dapat ambil 33 pekerja baru. Ini kerajaan prihatin, tahniah saya ucapkan. Selain itu saya percaya bahawa Kerajaan Negeri, saya mencadangkan sebenarnya Kerajaan Negeri boleh menambah hasil pendapatan negeri di masa-masa akan datang dengan syarat Kerajaan Negeri bersedia berunding dengan kerajaan Pusat supaya hak Bertam 307 dikembalikan ke Terengganu sebab ianya memang berada di perairan Terengganu dan kita harap rundingan akan diteruskan dan sehingga ini saya dimaklumkan Kerajaan Pahang tidak mendapat apa-apa bayaran daripada pengeluaran minyak di Bertam 307 kerana itu hak Terengganu dan saya mintalah Yang Amat Berhormat Menteri Besar ataupun semua EXCO atau diajak semua wakil rakyat DUN 32 orang ini pergi jumpa PM untuk pastikan bahawa hak ini dipulangkan ke Negeri Terengganu untuk menambah hasil masyul Negeri Terengganu, *insya-Allah*, Yang di-Pertua. Di samping itu ada sikit lagi.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya ringkas nak sebut, cakap ringkas *doh ni* lompat lompat *dohni* yang pertama mengenai ECRL. Saya nak tahu apakah isu yang berlaku menyebabkan Kerajaan Negeri mengarahkan projek pembinaan keretapi ECRL, pengambilan tanah ini ditangguhkan buat sementara waktu. Saya dimaklumkan Kerajaan Negeri ada mengeluarkan surat supaya kerja-kerja pembinaan pengambilalihan tanah dan sebagainya ditangguhkan buat sementara waktu. Seterusnya saya ingin bertanya Kerajaan Negeri mengenai kelulusan membalak tanah kerajaan di Mukim Teluk Kalung iaitu di hadapan TATI sebelah rumah saya. Tahun 2002 sudah ambil sekali akhirnya menyebabkan Dewan Canselor TATI roboh diterbangkan oleh angin. Sebenarnya kawasan bukit berhadapan laut tidak keluarkan kawasan balak kerana itu merupakan *green belt* ataupun *buffer zone* tapi telah dikeluarkan pada 2002 sekarang ini dikeluarkan lagi lebih kurang 50 ekar iaitu ada tiga tempat air terjun. Satu atas Bukit Kijal, satu depan TATIUC yang menjadi tempat *driver* lori berhenti mandi dan sebagainya, satu

belakang rumah saya. Dahulu saya boleh berkelah belakang rumah saya *leni* kering kontang.

Seterusnya nak tahu juga bahawa saya dimaklumkan Kerajaan Negeri telah menjual *warehouse* Chicken Cottage di London dengan harga 722 ribu pound sterling. Kalau dikira dengan lebih kurang RM5.00 lebih hampir RM4 juta wang ini dan saya dapat maklumat bahawa duit ini tidak dimasukkan ke dalam akaun *Chicken Cottage*. Saya harap Kerajaan Negeri menyasat perkara ini.

Akhirnya Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin menegur rakan-rakan kita yang terakhir iaitu saya dapat maklumat, dulu saya tahu Dato' Yang di-Pertua telah tegur mengenai peraturan berpakaian di Dewan Undangan Negeri. Dato' Yang di-Pertua telah tegur suatu ketika dulu tapi nampak tidak diendahkan dan saya terpaksa sebut sekali lagi saya mintalah saya ucap tahniah kepada ADUN Batu Buruk walaupun orang baru tapi mengikut peraturan pakai baju melayu bersongkok tapi ada di kalangan EXCO *ni* hok lama-lama *ni* pakai (ketawa) serban. Jadi kita mintalah... boleh rasa Dato' Yang di-Pertua, klu nak pakai, kita ubah peraturan Dewan boleh pakai serban, boleh pakai jubah, boleh pakai kopiah, boleh pakai tarbus. Dengan syarat kena buat pindaan. Ini teguran saya ini secara baik ini sebab *molek doh leni*, kalau dulu kasar lagi. Minta maaf Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih, sekian. Saya turut sama menyokong Bajet yang disediakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi tahun 2021, Sekian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Saya jemput Wakil Manir. Sebelum pada tu yang akhir. Tiada yang mencelah, kira akhir sekalilah. *Okay* saya jemput Manir, sila.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat EXCO, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, serta pegawai-pegawai kerajaan serta pemerhati-pemerhati *online* dan juga *offline* sekalian. Alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* di atas kurniaan yang diberikan oleh Allah kepada kita dalam keadaan dan suasana yang masih lagi kita

berhadapan dengan suasana yang kita semua maklum dalam keadaan sentiasa berjaga-jaga. Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* menyebut dalam Al-Quran Surah Al-Baqarah:

وَاتَّقُوا يَوْمًا تُرْجَعُونَ فِيهِ إِلَى اللَّهِ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ

Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* menyebut sekira-kira maksudnya

“dan peliharalah diri kamu dari huru hara hari kiamat yang pada hari kiamat itu kamu akan dikembalikan kepada Allah kemudian akan disempurnakan balasan tiap-tiap seorang daripada kamu menurut apa yang telah diusahakan olehnya dalam keadaan mereka tidak dikurangkan balasan sedikitnya”.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Kita melihat dengan penuh keyakinan bahawa Bajet ataupun Ucapan Belanjawan 2021 ini mempunyai roh ketakwaan kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* untuk kita dapat berhadapan dengan Allah dalam keadaan selamat di dunia dan juga di akhirat. Sebab itulah kita melihat dua perkara penting yang menjadi ukuran belanjawan 2021 ini di antaranya ialah kejatuhan harga minyak mentah dan yang kedua ialah komitmen yang sedia ada pada membayar projek-projek di bawah *schedule payment* ataupun *deffered payment* yang sekira-kira anggaran ataupun sekira-kiranya berjumlah RM439 juta dalam tahun ini untuk dibayar *schedulanya* pada tahun ini dan bersamaan dengan itu juga kita menghadapi COVID-19 yang sudah tentu menjadi suatu cabaran kepada Kerajaan Negeri untuk membayar hutang dan juga menyesuaikan bajet ini dengan keperluan rakyat Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Kita ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga bersama-sama dengan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang sangat serius dalam membangunkan pembangunan modal insan yang merupakan fokus utama Kerajaan Negeri dan rakyat Negeri Terengganu juga sangat ingin melihat pelaksanaan agenda Islam terus diperkasakan. Oleh itu kita mengharapkan jabatan-jabatan yang berkaitan

dan juga agensi-agensinya melaksanakan memainkan peranan yang terbaik kerana rakyat ingin melihat suatu keputusan dan natijah yang cepat dan yang terbaik.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Tahun 2021 diberi tema ataupun diletakkan slogan "Tahun Pertanian Negeri" dan *alhamdulillah* pihak kerajaan dengan penuh rasa tanggungjawab memperuntukkan sejumlah yang besar, diperuntukkan kepada sektor pertanian sebanyak RM20 juta adalah merupakan suatu jumlah yang nampak besar tetapi dalam kerja-kerja pertanian, ia memerlukan kos yang lebih besar dan ia mempunyai cabaran yang lebih besar.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya mengambil contoh bagaimana sektor pertanian yang mungkin boleh dibuat contoh bagaimana kerajaan cuba memperbetulkan Projek Padi Jelapang yang telah dibangunkan pada tahun 2008 yang saya kira-kira telah membelanjakan satu jumlah yang agak besar. Kalau ikut pada rekod, JPS telah membelanjakan RM46.5 juta, pihak pertanian, Jabatan Pertanian telah membelanjakan RM1.9 juta dengan keluasan 832 hektar dan sehingga kini masih belum dapat beroperasi dengan sepenuhnya. Pada bengkel sebelum ini, dalam meletak target untuk baikpulih jelapang ini saya kira-kira RM25 juta lagi untuk memperbaiki dan memperbetulkan semula sistem pengairan. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, inilah cabaran oleh sektor pertanian walaupun RM20 juta itu nampak besar tetapi bila mana diletakkan dan disusun, ianya masih tidak mencukupi.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya inilah satu kesan langsung kepada rakyat Negeri Terengganu untuk melihat rakyat Negeri Terengganu dapat bangun kembali dan ianya bantuan secara tidak langsung bila mana ramai kehilangan pekerjaan. Masing-masing balik ke kampung, cari balik tanah-tanah pusaka untuk dibangunkan sektor pertanian. Oleh kerana itu kita mengharapkan dengan adanya peruntukan yang sebesar ini, dapat mencapai matlamat membantu rakyat Negeri Terengganu dengan cara yang lebih efektif, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kita juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga pihak kerajaan yang telah meletakkan dan menyatakan di dalam buku Belanjawan berkenaan dengan pembayaran royalti-royalti

petroleum yang diperolehi *insya-Allah* secara penuh dan kita juga mengharapkan peringatan demi peringatan agar diberi kepada Kerajaan Persekutuan bahawa bagaimana kos pembinaan Lebuhraya Pantai Timur 2 yang berjumlah RM1.4 bilion dapat dipulangkan dan dikembalikan kepada Kerajaan Negeri Terengganu terutamanya dalam keadaan..

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan. Saya nak perbetul sikit. Minta maaf. Sebenarnya, dana kita diambil untuk pembinaan Lebuhraya Pantai Timur Kedua, RM1.850 bilion. *Tak tau* mungkin Kerajaan Negeri *bayor doh* tinggal baki 1.450 *doktaulah kot*. Penjelasanlah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Terima kasih YB Kijal dan *insya-Allah*, 1.8 ke, 1.4 ke kita *nok* balik *pitih tu je nok kabonye*. *Nok* cakap macam Telemong *dok panda*. Cakap *ginilah*. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, inilah usaha-usaha murni kerajaan untuk memastikan kelangsungan, keharmonian dan kesejahteraan rakyat Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Bilangan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam DUN Negeri Terengganu berjumlah 32 orang dengan bilangan penduduk ataupun bilangan pengundi itu tidak sama. Ada DUN yang ramai pengundi, ada DUN yang sedikit. Jadi oleh kerana itu, kita mengharapkan Kerajaan Negeri melalui agensi-agensinya yang terbabit membuat suatu permohonan untuk menambah lagi bilangan kerusi DUN di dalam Negeri Terengganu dan *insya-Allah* dengan pertambahan tersebut rakyat Negeri Terengganu *insya-Allah* memperolehi perkhidmatan yang lebih baik, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya teringat kepada apa yang disebut oleh YB Nawi, YB Hulu Besut tadi, berkenaan dengan isu mahal *nok* daftar perkahwinan. Saya *duk check* dengan pegawai tadi sebab saya *kalu dok* saya *dok* cara sebab saya kacau dia, saya cara tu. Saya *check* tadi, jumlah dia lebih kurang untuk pendaftaran sebanyak RM205.00 sahaja, pendaftaran. Cumanya denda maksimum RM5,000.00 satu permohonan dan saya tanya bila Enakmen ini diubah. Enakmen ini diubah pada 2017, bukan zaman PAS. Jadi *hok* tu atas kebijaksanaan sebab

tu saya kata tadi, minta bukti, *doh dok* mari bukti, saya carilah. Jadi oleh kerana itu *insya-Allah*, Dewan ini dapat diberikan penjelasan yang terbaik dan *insya-Allah* kita juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah membentangkan Belanjawan Bajet 2021 dan saya juga ada, sebelum saya akhirkkan ini ada satu cadangan daripada mahasiswa, mungkin saya boleh suarakan daripada *channel* yang lain tetapi oleh kerana dia minta di antaranya minta sebut dalam Dewan, jadi kita sebut. Di antara yang dia sebutnya adalah keperluan Kad Sejahtera Siswa (KSS) yang mungkin boleh, Kad Sejahtera Rakyat ada *doh*, Kad Sejahtera Siswa *pulok* dia *mintok* dan kalau ada keperluan, kalau ada kemampuan, bolehlah diambil pertimbangan *insya-Allah*.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, Manir mohon menyokong ucapan Belanjawan 2021. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Manir sebagai pembahas terakhir dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan ataupun Bajet 2021. Sekarang saya nak persilakan Wakil Kerajaan pula untuk memulakan penggulungan. Saya mulakan daripada Wakil Kota Putera. Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
 الحمد لله الذي ارسل رسوله بلهدى ودني الحق ليظهره على الدين كله ولو كره المشركون
 اشهد ان لا اله الا الله واشهد ان محمدا عبده ورسوله
 سبحانك لا علم لنا الا ما علمتن انك انت العليم الحكيم
 رب اشرح لي صدري ويسر لي امري واحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

Yang dihormati Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, yang dihormati lagi dikasihi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, sahabat-sahabat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan, wakil-wakil media, seterusnya pemerhati yang mengikuti siaran langsung ini di *Facebook* ataupun mana-mana carian, sidang hadirin hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

Pertamanya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua yang memberikan ruang kepada saya untuk memulakan sesi penggulungan Bajet 2021 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar semalam. *Alhamdulillah* pertamanya saya juga mengucapkan syukur kepada Allah *Subhanahu Wa*

Ta'ala kerana kita masih lagi diberikan rezeki untuk terus berada di atas muka bumi Allah ini dan mengecapi segala nikmat-nikmat yang ada dan pada petang ini, pada petang yang berbahagia ini, kita sama-sama menunaikan tanggungjawab kita sebagai Wakil Rakyat dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Mudah-mudahan ianya menjadi satu perkara yang baik yang dapat dinilai dan dilihat apabila kita berpindah alam nanti, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat sekalian,

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang dalam pembentangan Bajet semalam telah memberi keutamaan dalam bidang keusahawanan, dalam membantu rakyat menghadapi COVID-19. Beberapa perkara telah dibentangkan yang akan memberikan kelegaan sedikit kepada khususnya golongan usahawan yang terjejas teruk dalam COVID-19. Sepertimana yang ramai sahabat-sahabat Yang Berhormat sebut dan maklum, COVID-19 ini yang melanda negara kita dan golongan yang terjejas adalah antaranya usahawan. *insya-Allah* dengan Tabung Pemulihan PKS antaranya yang disebut yang dibentangkan semalam berjumlah RM3.5 juta akan dapat meringankan lagi bebanan usahawan kita. Jika dikirakan cukup, memang untuk menangani COVID yang sebegini tidak akan cukup, tetapi inilah fungsi kita akan menangani kepada yang terjejas teruk dahulu, yang akan kita dahulukan. Bila ditanya terjejas, mungkin semua akan menyatakan ianya terjejas, tetapi kita terpaksa membuat sedikit analisa bagi melihat dan mengkaji dan kita akan membantu mana yang terjejas teruk akan kita bantu dahulu dan yang terjejas sedikit itu akan kita kemudiakan sedikit masa jika kewangan semasa kita mengizinkan.

Dato' Yang di-Pertua,

Secara umumnya beberapa yang terhormat ada menyentuh berkenaan usahawan keusahawanan dan saya mengambil perhatian kepada cadangan-cadangan yang dikemukakan terutamanya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Besi berkenaan tingkatkan usaha dan percepatkan lagi proses permohonan di YPU oleh pemohon-pemohon. *Insya-Allah* perkara itu saya titik beratkan kepada kakitangan YPU dan kita akan cuba buktikan pada tahun 2021 nanti. Begitu juga disebut supaya membantu usahawan *online*, kerana ianya menjadi tumpuan mutakhir ini. Rakyat kita menceburkan diri dalam bidang usahawan *online*. Untuk maklumat Yang Berhormat dan

Dewan yang mulia ini, penekanan ini sedang dijalankan oleh pihak kerajaan dan *insya-Allah* pada 5 dan 6 Disember ini kita akan mengadakan Kursus *Closing Marketing* yang akan diberikan oleh *coach* yang terkenal dalam melibatkan 100 orang peserta. Kos kursus ini yang biasanya dibuat di luar sana berharga RM899 seorang. Ia dibiayai sepenuhnya kali ini oleh kerajaan. Kita berharap peluang ini diambil sepenuhnya oleh usahawan-usahawan *online* Terengganu. *Insya-Allah* kerajaan akan mencari, sentiasa mencari peluang-peluang untuk membantu usahawan kita secara berfokus. Begitu juga YPU berjanji untuk menjadi pemudah cara kepada usahawan-usahawan Negeri Terengganu bagi mendapatkan sebahagian daripada peruntukan yang diturunkan oleh Kerajaan Pusat. Jadi saya menyerulah kepada usahawan-usahawan Negeri Terengganu datanglah ke YPU untuk mendapat khidmat nasihat dan bantuan kerana bantuan daripada Kerajaan Persekutuan banyak turun, tetapi tidak diambil oleh ataupun tidak dipohon oleh usahawan-usahawan kita. Jadi *insya-Allah* YPU akan menjadi pemudah cara kerana semua agensi-agensi itu berada di bawah PEUTER yang telah kita wujudkan sejak sekian lama.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Pihak YPU telah menerima banyak cadangan daripada persatuan usahawan daerah-daerah, orang-orang ramai supaya YPU membuka cawangan di luar Kuala Terengganu. Ini kerana rakyat yang berada berjauhan seperti di Kemaman, Dungun, Besut dan Hulu Terengganu agak sukar untuk datang ke YPU kerana hanya ada di Kuala Terengganu. Pada suatu ketika dulu, kita ada bercadang untuk menjadikan Pusat Khidmat DUN sebagai cawangan YPU, tetapi usaha itu tidak berapa dapat sambutan kerana kesibukan yang telah ada sedia ada di Pusat-pusat Khidmat DUN dan tidak ada petugas tetap yang akan melayan usahawan-usahawan yang datang. Jadi sehubungan dengan itu, YPU akan berusaha untuk menubuhkan suatu Pusat Satelit YPU di beberapa daerah selaras dengan peranan YPU untuk bertanggungjawab mewujudkan usahawan yang berdaya saing, berdaya tahan, berwibawa dan dinamik di tahap global. Dengan menyediakan perkhidmatan cemerlang dan berkualiti menerusi perkongsian pengetahuan keusahawanan, pembiayaan kewangan, kemudahan premis perniagaan, penerokaan peluang-peluang perniagaan, promosi produk dan khidmat nasihat. Dengan itu, *insya-Allah* pada tahun kita merangkakan pada pertengahan 2021, kita akan mewujudkan beberapa tambahan cawangan satelit YPU ini yang *insya-Allah* antaranya akan diadakan di pusat-pusat yang YPU sedia ada. Contoh untuk Kuala Terengganu dan Kuala Nerus,

kita akan berpusat sepertimana YPU sekarang, di Besut untuk daerah Besut dan Setiu, di Desa Ukiran Kayu Kampung Raja, di Hulu Terengganu, *Business Centre* YPU, Marang, Dungun dan Kemaman *insya-Allah* akan dikenalpasti tempatnya. Daripada jumlah itu, *insya-Allah* akan dapat meningkatkan lagi khidmat nasihat YPU kepada usahawan-usahawan di Negeri Terengganu ini, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

YPU juga berhasrat untuk menjadikan satu tempat pengumpulan produk usahawan Terengganu bagi melicinkan lagi pemasaran kepada produk-produk usahawan-usahawan kita di peringkat tempatan dan global. Dengan ini, *insya-Allah* YPU akan menubuhkan suatu pusat bersepadu pemasaran PKS merangkumi pusat pengedaran gudang guna sama PKS, pusat pengumpulan pembungkusan dan pengedaran dalam skala besar. Gudang guna sama pula mampu memenuhi kehendak usahawan PKS untuk menyimpan produk mereka sama ada produk kering, mahupun sejuk beku dengan kaedah sewa yang rendah dan berpatutan. Pusat Bersepadu Pemasaran PKS ini *insya-Allah* akan dinamakan sebagai Abdul Rahman Auf Haq atau dengan singkatannya ARAH. A kepada Abdul, R-Rahman A-auf, dan H untuk Haq akan berfungsi pada penghujung ataupun penggal ke empat, ataupun sesi ke empat tahun 2021, *insya-Allah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, panjang lagi?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Ada dua tiga perenggan je lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Oh, *takpe*. Saya nak tangguhkan dulu Yang Berhormat boleh sambung lepas pada rehat ini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Okey. *insya-Allah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jadi Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara persidangan kita ataupun rehat sekejap, kemudian kita sambung semula pada pukul 4.20 petang. Jaga masa ye.

MESYUARAT DITANGGUHKAN PADA JAM 4.00 PETANG.

PUKUL 4.25 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Mesyuarat disambung semula. Tadi Yang Berhormat Wakil Kota Putera mewakili kerajaan masih dalam sesi penggulungan. Jadi saya jemput Yang Berhormat untuk teruskan penggulungan. Cuma kita *pakat* jaga masa sikitlah. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara lagi. Yang pertamanya berkenaan dengan Yang Berhormat Batu Buruk tadi ada mencadangkan pihak kerajaan untuk mengambil kesempatan bekerjasama dengan 2.2 bilion *Facebook User* dan *Youtuber* dalam mempromosikan perniagaan. Memang Kerajaan Negeri melalui YPU dan juga kerjasama dengan agensi-agensi PEUTER telah mula mengadakan kursus-kursus berkaitan pemasaran penggunaan *Facebook Ads*, *Google Ads*, dan sebagainya bagi memastikan usahawan tidak ketinggalan dalam usaha memasarkan produk masing-masing kepada 2.2 bilion pengguna *Facebook*. *Facebook Amazing Terengganu* yang mempunyai 204,000 *followers* juga banyak membantu memperkenalkan usahawan Terengganu dan YPU akan bekerjasama dengan ikon-ikon *Facebook* dan *Youtuber* dari Terengganu seperti Syukri Sulaiman Production yang mempunyai 89.3k *followers*, Ervan Rizuan 24.5k *followers*, SOHO Project ada 990 *followers* bagi memperkenalkan perniagaan usahawan Terengganu, *insya-Allah*. Begitu juga saya menjawab persoalan daripada Bukit Besi yang membangkitkan persoalan sama ada Bajet tahun 2020 untuk TUGAS disalurkan sepenuhnya ataupun tidak, dan berapakah jumlah disalurkan kepada pelaksana. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Bukit Besi, bagi tahun 2020 sebanyak RM4 juta telah disalurkan kepada YPU dan RM1 juta lagi akan diterima dalam masa

terdekat. Jumlah pembiayaan di bawah TUGAS yang telah dikeluarkan setakat ini pada tahun 2020 ialah sebanyak RM5,284,419.24 kepada penerima 436 PKS di bawah TUGAS.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Mengenai peluang pekerjaan, beberapa Yang Berhormat ada membangkitkan dengan COVID ini yang melibatkan ramai yang menganggur. *Alhamdulillah* kerajaan dengan agensinya yang baru iaitu THRDC telah menanganinya dengan teliti. THRDC dengan kerjasama PERKESO dan 15 agensi lain daripada Kerajaan Negeri dan Pusat telah merancang Karnival Penjana Kerjaya Terengganu 2020 yang dicadangkan pada 10 & 11 Oktober yang lalu di Stadium Tertutup Gong Badak. Walau bagaimanapun, atas nasihat keras daripada KKM, kerana risau akan merebaknya COVID-19, walaupun tarikh tersebut telah dipersetujui perasmian bersama antara Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu dan Dato' Saravanan, Menteri Sumber Manusia, karnival tersebut terpaksa ditangguhkan walaupun pihak penganjur telah mendapat pengesahan daripada 80 majikan dan 10,000 peluang pekerjaan ditawarkan dan 7,000 peluang itu ada di dalam Negeri Terengganu. Tetapi perkara itu terpaksa ditangguhkan dan kita sebenarnya di dalam penganjuran yang telah dilaksanakan oleh PERKESO di Negeri Selangor, Melaka dan Perak, dengan jumlah 80 majikan itu, kita antara penganjur yang terbesar. *Insyallah* perkara ini akan dipertimbangkan semula selepas daripada suasana COVID kita ini reda dan dapat nasihat baik daripada pihak KKM, *insya-Allah*.

Dato' Yang di-Pertua,

Saya menerima banyak rungutan daripada rakyat kita di bawah sana, permintaan untuk berniaga secara kecil-kecilan di tepi-tepi jalan. Tetapi permasalahan yang ada sekarang ini adalah kerana mereka tidak mempunyai lesen. Saya merayu kepada EXCO PBT atas nama usahawan agar memberikan kelonggaran kepada rakyat-rakyat kita yang sekarang ini terjejas teruk kerana COVID ini. Jadi saya mencadangkan...

YANG BERTHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, penjelasan Dato' Yang di-Pertua. Tak payah bawa Dewan, patut dalam mesyuarat tiap-tiap minggu EXCO, cakaplah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB RAHMAN (Wakil Kota Putera): Ambil peluang *ni*, Abang Mat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Awak *tak* betul, *tak* betul, *tak* betul, *tak* betul. Memalukan kerajaan *je*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB RAHMAN (Wakil Kota Putera): *Tak* betul?

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Memalukan kerajaan *jer*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB RAHMAN (Wakil Kota Putera): *Okay*. *Tak* apa saya tangguh permintaan saya itu kepada yang lain. Yang akhirnya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Kuala Besut semalam berkenaan dengan Peraturan Dewan, tetapi tidak berapa jelas, dan dalam ucapan tadipun Kuala Besut tidak mengulangi semula. Tetapi apa yang saya dapat, yang menyatakan bahawa saya mengelirukan Dewan berkenaan dengan peratusan YPU dengan pihak pelabur di dalam T-MEX. Saya mencadangkan supaya Yang Berhormat Kuala Besut cuba menyemak betul-betul sijil SSM kerana takut ada kekeliruan daripada maklumat yang Yang Berhormat miliki. Saya mempunyai sijil yang asli dan menandakan bahawa memang YPU mempunyai 20% daripada 1 juta saham yang dicadangkan. Jadi, saya mengharapkan perkara tersebut menjadi jawapan...

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Pencerahan. Boleh mencelah sikit?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB RAHMAN (Wakil Kota Putera): Ya, sila.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima Kasih Dato' Yang di-Pertua. Sebenarnya kita merujuk pada sesi perbahasan yang lepas, kerana difahamkan pada waktu itu hanya ada 100,000 maksudnya tak sampai 20% saham yang dimiliki oleh YPU. Sebab itu saya nak minta pencerahan dan penjelasan oleh *Speaker* semalam *tu*. Jadi kalau betul pada waktu *tu* ada 200,000, *okay*, sebab kita dapat

sijil bahawa pada waktu sesi perbahasan tersebut, hanya ada 100,000 iaitu tak sampai 20%. Mungkin ada tambahan selepas itu, saya tak tahulah. Itu yang saya maksudkan kelmarin. Lanjutan yang disebut oleh EXCO juga boleh juga cerita apa dia *progress* ataupun kemajuan T-MEX sekarang ini. Lanjutan yang disebut oleh EXCO sekarang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB RAHMAN (Wakil Kota Putera): Jadi sebenarnya saya ada *pendetailan* dan pada tarikh yang saya sebutkan itu pun, sebenarnya saham YPU dah 20%. *Insyah-Allah*, boleh minum air sekali *kot* Yang Berhormat Kuala Besut, kita dekat *je*, untuk saya kemukakan bukti yang ada, *insyah-Allah*. Berkenaan dengan status T-MEX sekarang tidak banyak perkembangan kerana COVID, dan *insyah-Allah* apabila sampai masanya nanti, saya akan *update* dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, itu sahaja yang saya ingin gulung dalam perbahasan saya, Dato' Yang di-Pertua, dan saya juga mohon menyokong.

والله أعلم

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima Kasih Wakil Kota Putera. Saya jemput Wakil Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DR. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua jabatan Negeri dan *Federal*, pegawai-pegawai media, pemerhati-pemerhati sekalian dan juga pemerhati dalam *online* dan juga *offline*. Saya ucap terima kasih diberi peluang untuk menggulung beberapa perkara dalam Bajet pada kali ini. Saya nak cakap secara ringkas sahaja pergi kepada *point-point*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sangat dialu-alukan Yang Berhormat. Sila.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Ya, ada lima perkara, pertama, berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Kemasik dan juga Yang Berhormat daripada Kijal berkaitan dengan ECRL. Bahawa kita pihak Kerajaan Negeri baru-baru ini membuat satu keputusan untuk menanggung

sementara permit pengeluaran bahan-bahan dari negeri kita ini kerana pihak ECRL seolah-olah tidak membantu kepada bumiputera kita untuk mendapat kerja-kerja kontrak di dalam negeri ini. Kita tahu bahawa keseluruhan anggaran awal projek-projek di negeri kita ini sebanyak RM3 billion tetapi telah dibahagi-bahagikan dalam projek-projek yang kecil dan pihak kita, kita menubuhkan dua konsortium cuba untuk mendapatkan projek-projek tersebut dan kita tidak dapat dan cuma tinggal lagi lebih kurang RM1 billion projek yang akan *diaward* dan oleh kerana itu kita buat keputusan segera untuk menamatkan atau menangguhkan sementara dan kita akan berbincang semula dengan pihak MRL dan CCCC. Kita memanglah cuba untuk membantu kontraktor-kontraktor tempatan dan juga supaya bahan-bahan diambil dalam negeri kita.

Keduanya berkaitan dengan projek pemecah ombak di Kuala Besut.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang di-Pertua penjelasan, adakah benar mengatakan Kerajaan Negeri bersama Konsortium yang ditubuhkan itu memohon supaya RM3 billion projek ECRL di Terengganu diserahkan kepada Konsortium. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Kita telah membuat beberapa siri perbincangan, pertama kita lantik dua konsortium bersama dengan GLC kita. Kemudian kita membuat perbincangan dengan MRL dan juga dengan CCCC. Walaupun mereka tidak bersetuju di peringkat awal, tetapi kita mengharapkan dan kita sentiasa berusaha supaya projek itu diberi kepada kita dan sehingga hari ini kita masih belum mendapat kontrak yang agak besar cuma diberi dalam bentuk upah sahaja projek-projek tertentu kepada GLC kita, jadi kita tidak bersedia lagi untuk menerima. Kita menunggu projek yang lebih besar untuk...

YANG BERTHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, saya kata betul tak kita minta RM3 billion...

YANG BERTHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Ya, memang ada kerana kuota di negeri kita ini lebih kurang RM7 billion keseluruhannya, yang mana sebahagiannya adalah untuk membuat *tunnel*, terowong di Paka dan juga di Bukit Bauk jadi, kerja-kerja *specialist* ini diberi hak kepada CCCC sahaja, kita letaklah di situ dalam RM4 billion, jadi bakinya lagi adalah lebih kurang RM3 billion yang kita cuba usaha untuk

dapatkan tetapi sehingga hari ini kita masih belum dapat sebab itulah kita *nak* pergi berbincang semula dengan mereka kita harap berjaya.

Keduanya berkaitan dengan projek pemecah ombak di Kuala Besut, kita tahu bahawa projek itu...

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang di-Pertua sekali lagi, sampai bila penangguhan ini akan berlaku? Kerana kita harap kita setuju, rundingan mesti dibuat tetapi jangan tunggu lama-lama la...

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): *Insyah-Allah*

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Kalau boleh tiap-tiap bulan.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): *Insyah-Allah* hari jumaat ini telah diberi tarikh.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Kita kena *gi* *acap* sikit, biar dia serabut dia beri, *alhamdulillah*.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Ya, ya, saya *insyallah* bersama dengan Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan berbincang pada hari Jumaat.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Macam Kijal juga soal *acap* nak bagi serabut. (ketawa)

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, ada Paka kena bawa seorang, kena bawa *hok bekeng* sikit, bawa yang tak *rok belaka*. Bawa jambang, tubuh besar, baru sedap sikit, takut. Ini tak, bawa tak *rok lembik je*, *nak* runding *guane*...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Okay, okay*, (ketawa) teruskan, teruskan..

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Kijal. Berkaitan dengan projek Kuala Besut ini, projek pemecah ombak yang mana telah *diaward* pada 2016 lagi dan waktu itu kos dia RM225 juta jadi kita lihat bahawa projek ini

agak sakit sehingga hari ini dalam sekitar 64% sahaja siap. Selepas beberapa kali EOT dan EOT kali ketiga sudah tamat pada bulan September baru-baru ini, jadi sekarang ini pihak JPS Federal akan mengeluarkan surat untuk penamatan. Selepas tamat itu kita kena lantiklah kontraktor baharu dan kita berharaplah supaya dapat disegerakan.

Ketiganya, berkaitan dengan loji air di Marang, kita tahu bahawa di Marang ini saya rasa amat beruntung Jambatan Marang pun *nak* buat, kos RM573 juta. Stesen keretapi terbesar di Negeri Terengganu terletak di daerah Marang juga, dekat Bukit Sawa ataupun dekat Durian Guling, daerah Marang pun besar juga dan kita lihat bahawa suatu keperluan yang mendadak, yang mana air pun perlu diadakan, maka kita telah berbincang dan akan membuat keputusan dalam beberapa bulan lagi untuk menyediakan ataupun membuat loji air baru di Marang yang mana pengambilan airnya memanglah di sungai besar, sungai Terengganu ini, di Kuala Berang iaitu mungkin di Tanggol dan akan ditarik ke sekitar daerah Marang dan seterusnya untuk *supply* air ke seluruh daerah Marang dan kita haraplah dengan terbentuknya loji ini, harga dia sekitar RM500 juta akan dapat menyelesaikan masalah air di Marang.

Keempatnya, ringkas sahaja, berkaitan dengan pemohonan tambah peruntukan untuk DUN-DUN, yang ini saya sendiri pun setuju untuk tambah RM16.3 juta itu, memang tak berapa mencukupi jadi *insya-Allah* saya akan berbincang dengan Dato' Kewangan dan juga atas Yang Amat Berhormat Menteri Besarlah nak lulus ataupun tidak tapi saya bersetujulah supaya ditambahkan lagi bukan hanya sekadar RM16.3 juta bahkan supaya menjadi sebagai asas seperti tahun-tahun lepas juga. Seterusnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Rakit, sebenarnya semalam, kelmarin kita sebut tak. Kita pergilah ke kawasan tersebut dan kita tengok memang betul-betul sebagaimana Yang Berhormat Batu Rakit kata ada dua *escavator* duduk atas darat, kemudian ada hos ataupun paip air lebih kurang saya rasa dalam 800mm diameter dialah, tapi kapal korek *takdolah* Yang Berhormat, kapal korek *takdok* dan apa yang kita dapat maklum bahawa baru-baru ini berlaku oleh kerana ombak kuat ini, kabel untuk ikat ataupun sauh untuk hos tersebut telah putus menyebabkan hos ini naik ke darat dan keadaan agak bahaya jadi kapal korek ini disimpan di Kuala Terengganu. Ini adalah untuk projek yang dikatakan yang RM6.1 juta tersebut iaitu di Pengkalan di mana *ni*, di kawasan itulah, Telipot, *yes*, kawasan Telipot. Jadi projek ini, *diaward* pada tahun lepas, tetapi sebahagian sahaja boleh dilaksanakan pada tahun ini kerana masalah COVID dan juga masalah yang terakhir ini berkaitan dengan tengkujuh jadi baru siap sekitar 8.4%. Oh, minta maaf, 4.5% daripada sepatutnya 8.4% iaitu berkaitan dengan *beach nourishment*, nak tambun

pasir di kawasan batu-batu yang ada pada hari ini. Hujung sedikit daripada kawasan batu ini iaitu sebagaimana Yang Berhormat sebut iaitu kawasan kubur, hujung dari batu-batu tersebut kita kata Pengkalan Maras sehingga ke utaranya sehinggalah ke Batu Rakit dan juga sehinggalah ke Pagar Ubi, projek itu sekitar enam kilometer dan yang itulah RM90 juta harga dia. Yang itu dalam bentuk *design* lagi. Bila pun kita tak tahu, kita harapkan supaya peruntukan ataupun *design* yang tersebut dapat dipercepatkan. Kemudiannya, kita dari segi lawatan kelmarin dengan Pengarah JPS kita dan dia pun telah mengambil satu inisiatif yang baik dan telah bincang dengan *Federal* bahawa satu peruntukan darurat telah diluluskan RM800,000.00 untuk kerja-kerja awalan, nak letak batu di kawasan sekitar tersebut supaya kawasan kubur dan hujung sikit itu, sekitar 200 meter dengan kos RM800,000.00 ini kita mengharapkan kawasan tersebut akan diselamatkan, *insya-Allah* Yang Berhormat. Jadi, saya rasa itu sajalah apa yang telah dibangkitkan berkaitan dengan portfolio saya. Terima kasih.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima Kasih Yang Berhormat Wakil Kuala Berang. Seterusnya, saya jemput Wakil Alur Limbat. Sila.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Ahli-ahli Dewan sekalian, pegawai-pegawai kerajaan dan semua yang hadir pada hari ini.

Saya ingin menjawab beberapa persoalan. Sebelum daripada ini, yang pertama daripada Yang Berhormat Wanita yang bertanya berkenaan dengan kemudahan PINTAR, menaik taraf kemudahan PINTAR. *Alhamdulillah* peningkatrafan komputer pada spesifikasi yang lebih baik daripada i3 kepada i5, kerajaan telah memperuntukkan RM700,000.00 sedang berjalan, *insya-Allah* akan selesai pada akhir tahun ini. Perkhidmatan PINTAR *pay* macam biasa sedang berjalan. Perkhidmatan Pos Malaysia akan menjadikan PINTAR sebagai hub

pengumpulan barang bagi perkhidmatan Pos Laju dan Pos Malaysia. Saya cuba ringkaskan buat masa ini. Berdasarkan kajian bersama dengan TM, Telekom Malaysia, kelajuan internet *insya-Allah* akan ditambah baik daripada 1Mbps kepada 100 Mbps di masa akan datang khususnya mengikut kalau kita akan gunakan UniFilah, tempat-tempat yang tertentu.

Dari segi promosi, kita sentiasa mempromosikan dan *insya-Allah* kita akan teruskan promosi dan kita sudah ada sebuah van bergerak untuk tujuan promosi PINTAR ini.

Jawapan yang kedua, yang berkait dengan akses internet. Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk meningkatkan capaian jalur lebar di Negeri Terengganu dengan kita menyokong usaha Kerajaan Persekutuan iaitu program menambahbaik dan meluaskan liputan rangkaian melalui Pelan Jalinan Digital Negara iaitu JENDELA. JENDELA akan menjadi *platform* penambahbaikan komunikasi digital negara di bawah Rancangan Malaysia yang ke-12 (2021 hingga 2025). Saya terangkan sedikit kadar penembusan sebab banyak soalan yang ditimbulkan oleh masyarakat berkenaan dengan keupayaan internet di Terengganu. Kadar penembusan jalur lebar bagi 100 penduduk di Negeri Terengganu adalah 94.1% yang melibatkan 89.9% bagi jalur lebar mudah alih dan 4.2% bagi jalur lebar talian tetap. Liputan 4G di kawasan berpenduduk Terengganu ialah 87.7% berbanding nasional 91.8%. Terdapat 685 buah menara telekomunikasi sedia ada. Kita sudah ada 685. Ini yang berdaftar, yang 200 lagi yang belum berdaftar sebenarnya yang telah kita kenal pasti dan *insya-Allah* keperluannya anggarannya 400 buah lagi menara baru bagi menaik taraf liputan 4G di Negeri Terengganu. Negeri Terengganu akan turut mendapat manfaat daripada pelaksanaan JENDELA iaitu yang pertama 78 menara komunikasi baru telah dirancang, daripada jumlah ini 13 sedang dalam proses pelaksanaan dan 65 dalam proses tender. 410 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada akan dinaik taraf secara komersial oleh pemberi perkhidmatan bagi meningkatkan liputan 4G. 13,536 premis juga akan disediakan dengan capaian kepada gentian optik di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS). Ini secara ringkas.

Berkait dengan pelancongan pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasihlah kepada rakan-rakan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan semua rakan-rakan yang ucap terima kasih kepada saya dengan Anugerah *Tourism Hero* di mana Majlis Pelancongan Malaysia, *Malaysia Tourism Council* telah membuat pengiktirafan Anugerah *Malaysia Tourism Heroes* sempena *Malaysia Tourism Gold Summit 2020* yang

lalu. Anugerah ini adalah hasil kerjasama daripada semua pihak terutama semua pegawai dan kakitangan Jabatan Pelancongan Negeri serta jabatan, agensi kerajaan, universiti-universiti khususnya UniSZA yang turut terlibat sama dan juga semua pemain industri pelancongan yang banyak membantu dan memberi sokongan termasuklah semua Ahli-ahli EXCO, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli EXCO, semua Yang Berhormat dan semua pegawai yang ada dalam Dewan ini. Ini adalah hadiah untuk Negeri Terengganu hasil daripada kerjasama semua pihak.

Berkenaan dengan soalan yang dikemukakan oleh beberapa orang ADUN yang berkait dengan pelancongan ini, isu gajah yang diserahkan...

**USUL MELANJUTKAN TEMPOH MASA PERSIDANGAN DI BAWAH
PERKARA 7 (1A) PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH TETAP
DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU**

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Yang Berhormat Dato' *Speaker*, Peraturan Dewan. Peraturan Dewan. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, memandangkan masa persidangan akan tamat tempohnya dalam lima minit lagi, pukul 5.00 petang, dengan ini saya mencadangkan supaya tempoh persidangan pada hari ini dilanjutkan sehingga selesai penggulungan daripada Yang Berhormat Wakil Paka mengikut Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini menurut di bawah Perkara 7 (1a), Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima satu cadangan supaya melanjutkan tempoh masa persidangan pada hari ini. Oleh yang demikian, masa persidangan Dewan ini dilanjutkan sehingga selesai penggulungan daripada Yang Berhormat Wakil Paka sebagaimana yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri yang Keempat belas. Persidangan Dewan diteruskan. Sila.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya sambung balik. Dato' Yang di-Pertua Dewan, tangkap, pindah gajah adalah inisiatif terakhir selepas

tindakan tembak halau, pemasangan lampu LED, *flashlight* dan sistem pagar elektrik. Untuk maklumannya, jabatan telah bersepakat bagi gajah-gajah konflik daripada Kemaman, Dungun akan dilepaskan di Sungai Deka. Manakala, gajah-gajah konflik daripada Hulu Terengganu, Besut, Setiu akan dipindahkan ke Royal Belum, Grik. Jadi, ada cadangan supaya pergi pindah kepada KECV. Sebenarnya, keupayaan menguruskan gajah di KECV adalah sedikit boleh kita bincang baliklah. Buat masa ini, sebanyak ada 18 ekor gajah di KECV. Seekor gajah memerlukan minimanya dua orang *mahout*. *Mahout* ini *hok* jaga gajah. Sepatutnya, tiga orang. Seekor gajah, tiga orang tukang jaga, tapi dua pun kira okay *doh*. Maknanya, sepatutnya 36 orang *mahout*. Kita ada 12 orang sahaja. Kalau masuk lagi gajah baru, beratlah kita dan belanja juga agak besar. Belanja pada tahun ini adalah RM2.16 juta. Satu jumlah yang kira boleh tahan jugalah.

Berkenaan dengan yang ditimbulkan tadi, tanah di Redang. Adakah ada untuk diadakan *resort*, dua buah *resort* baru. Satu *resort* baru yang melibatkan dua *resort* asal *insya-Allah* setakat ni kerajaan masih mengekalkan dua *resort* tersebut, tiada projek baru di situ.

Daripada ADUN Batu Burok, berkenaan dengan promosi yang melibatkan media *influencer* bagi promosi di media sosial dengan menggunakan *influencer*, Kerajaan Negeri telah bersetuju antaranya menyambung Mat Dan. Mat Dan *ni* dia ada pengikut 888 ribu di *Instagram* dan lain-lainlah. Kemudian, kita menggunakan personaliti media sosial anak Terengganu antaranya Ustaz Syed Noor Hisyam, Farah Lee, personaliti RTM, Ridhwan Mustafa dan lain-lain sebagaimana yang disebut oleh EXCO Usahawan.

Berkenaan dengan Pakej Pelancongan Islam daripada China ke Terengganu, tempat transit Terengganu *ni* memang kita mengadakan perbincangan *insya-Allah* dalam perancangan kita kerana kita tahu had transit dunia di Dubai dan juga Doha tetapi kerana COVID-19 sekarang ini, had transit dunia telah berpindah ke Istanbul, Turki. Terengganu memang bercadang untuk menjadikan sebagai satu had transit bagi pelancongan Islam dan kita sebenarnya telah mengadakan perbincangan dengan pihak yang terbabit khususnya negara China yang mempunyai ramai muslim di sana dan juga di negara-negara Asia khususnya di Indonesia.

Kemudian antara persoalan yang ditimbulkan berkenaan dengan ADUN Wanita, Perkampungan Islam di Terengganu di Kampung Losong *insya-Allah*, sebenarnya di

Kampung Budaya kita sudah ada sebuah rumah yang terletak di Kompleks Muzium, Kampung Budaya kita adakan aktiviti berzanji, mengaji, kaligraf khat dan lain-lain bersifat muslim dan *insya-Allah* kita akan pertimbangkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat ADUN Wanita.

Berkait dengan apa yang ditimbulkan oleh Kijal. Kenyir sebenarnya kami komited untuk meneruskan projek-projek di Tasik Kenyir, di Pulau Poh, kita ada pembinaan jambatan kita sepatutnya siap pada hujung tahun ini bulan Disember tetapi saya menjangkakan dia akan sambung mungkin sehingga bulan tiga maknanya tahun depan, *insya-Allah* siap. Begitu juga hotel kita yang ada Pulau Poh, kita jangka juga akan siap pada tahun hadapan dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar juga telah *committed* dengan izin untuk menyiapkan Pulau Bebas Cukai, Pulau Bayas dengan kita sekarang ni dalam proses *mutual combination*, *insya-Allah* kalau selesai *mutual combination* kita akan sebenarnya pelbagai *players*, dengan izin telah datang untuk menyambung atau meneruskan projek masing-masing. Kita *tak* kata kita akan tutup dan juga kita sebagai contoh KECV, Santuari Gajah dan juga Pulau Rama-rama, Pulau Orkid, kita meneruskan projek tersebut dan ada beberapa pulau lagi yang sedang dalam proses untuk kita majukan. Jadi bukan maksudnya kita lupakan kehebatan Tasik Kenyir yang sebagaimana disebut, *insya-Allah* kita akan teruskan dan kita akan buat yang terbaik.

Saya sebut sedikit isu berkenaan dengan cas yang dikenakan di Pulau Perhentian. Sebelum ini bayaran cas jeti pada 1 Febuari 2018 di Merang oleh Majlis Daerah Setiu dikenakan cas enam tahun ke atas RM5, lima tahun ke bawah, secara percuma. Kemudian di Pulau Perhentian punca kuasa Seksyen 101 Akta Kerajaan Tempatan 011 C2 pelancongan daripada dalam dan luar dikenakan RM5, penduduk pulau percuma, OKU dan orang tua RM3 kepada rakyat Terengganu. Sebenarnya tujuannya adalah supaya kita mendapat tidak banyak sebenarnya tapi sekurang-kurangnya Kerajaan Negeri atau PBT mendapat sedikit kewangan untuk mengadakan beberapa infra di pulau-pulau yang sememangnya sentiasa kena ada konservasi dia. Jadi, adalah berbaloi sebenarnya untuk kita mengenakan cas...

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut):
Dato' Yang di-Pertua, mohon penjelasan. Boleh tanya penjelasan *dok*?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): *Okay*.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut):
Sebaiknya sebelum dilaksanakan kutipan cas, perlu diadakan perbincangan dengan *tourism frontliner* ataupun pengusaha bot, *travel-travel agent* di Kuala Besut dan juga Pulau Perhentian dapatlah diperjelaskan kepada pelancong apakah tujuan kutipan cas sebanyak RM5 yang akan dibuat oleh PBT itu. Kita nak *upgrade* infra ke, kita nak baiki jeti ke dan sebagainya. Jadi sekarang ini pihak mereka ini *frontliner* ni payah nak jawab kepada pelancong-pelancong yang akan datang. Apakah tujuan cas tu, sebab dua kali cas. Yang pertama mereka tak tahu apakah tujuan cas itu, satu oleh PBT dan satu lagi oleh Taman Laut untuk di Taman Laut.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Untuk penjelasan, pihak MDB telah mengadakan pertemuan dengan pihak yang berkenaan di pulau dan yang terlibat dengan pelancongan di Pulau Perhentian, *insya-Allah* penyelarasan sebenarnya telah dibuat oleh pihak MDB.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut):
Perjumpaan itu Dato' Yang di-Pertua hanya pemakluman untuk pelaksanaan maksud kita sebelum laksana, sebelum maklum *tu* kalau boleh ada perbincangan pula.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Sebenarnya tiada kesan yang besar dia ada pelbagai cara boleh dibuat sama ada contohnya di pihak hotel-hotel pengusaha di Pulau Perhentian. Kalau mereka mengenakan cas, sebenarnya cas yang tinggi satu bilik sehingga ada setengah tempat keseluruhan hotel di pulau-pulau kita ini ada yang satu malam RM1200 seorang. *Tak* salah kalau mereka boleh contohnya masukkan terus dengan harga dan seumpamanya dan benda-benda macam ini teknikal dan yang penting sekali itulah usaha yang dibuat oleh kerajaan sekarang untuk tidak sahaja kita belanja jutaan ringgit untuk pelancongan tetapi kita juga ada hasil khususnya kepada PBT. Sekian sahaja ucapan saya. Saya rasa saya *dah* menjawab sebahagian besar dan yang lain mungkin sebagai cadanganlah daripada portfolio saya.

والله أعلم
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Alur Limbat atas penggulungan tadi. Sekarang saya jemput Wakil Ladang membuat penggulungan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat dan semua pegawai yang hadir pada hari ini ada pihak yang menyinggung tentang soal pelaburan dan peluang pekerjaan. Isu ini telah banyak kali diperjelaskan sebenarnya pada sidang lepas tapi hari ini saya nak beri beberapa *figure*, statistik berkenaan pencapaian kita untuk makluman bersama. Dari segi perdagangan, satu perdagangan, satu pelaburan. Kalau perdagangan ini sehingga Jun 2020 prestasi perdagangan bagi negeri kita ini yang direkodkan adalah RM4.68 bilion dan prestasi ini sedikit menurun kalau berbanding dengan 2019 tetapi masih *okay* sebab lebih dagangan untuk negeri Terengganu untuk tiga bulan berturut-turut ada lebih sejak Januari 2018. Itu prestasi perdagangan.

Yang keduanya adalah tentang pelaburan. Pelaburan kalau ikut rekod yang dicatat oleh MIDA atau yang dikeluarkan oleh MIDA daripada Januari sehingga Jun 2020 kita ini berada di tempat kelima, di seluruh Malaysia kita di tempat kelima, di belakang Selangor, kalau tak silap saya dan kita telah menerima pelaburan yang berjumlah nilai dia RM1.83 bilion sehingga Jun. Kemudian saya *nak* sebut sekali lagi tentang jumlah pelaburan ini didasarkan kepada empat peringkat, empat kategori. Pertama, pelaburan yang berpontensi. Ada potensi untuk datang ke Terengganu, ada sepuluh kalau nak sebut panjang *pulak*. Cukup saya katakan ada sepuluh syarikat yang berminat untuk datang yang berpotensi dengan nilai lebih kurang RM3.38 bilion dan yang *committed* dan ada dua yang *committed* dan jumlah dia lebih kurang RM4 bilion yang telah diluluskan RM2.24 bilion, yang direalisasi ada empat juga, RM219 juta. Jadi, kalau kira banyak *dah tu*.

Lepas *tu*, pelaburan banyak-banyak *ni* macam mana pulak tentang peluang pekerjaan. Agak sukar untuk mencatat angka yang sebenarnya peluang-peluang pekerjaan yang telah kita dapati daripada hasil pelaburan bahagian pembuatan *manufacturing* ini tapi daripada angka yang kita terima daripada Jabatan Tenaga Kerja melalui Pusat *Jobs Malaysia*, JMC yang bertanggungjawab untuk menyediakan peluang kekosongan jawatan

yang ditawarkan oleh majikan oleh seluruh negara tapi ditawarkan pendaftaran dibuka di Terengganu untuk anak Terengganu melalui statistik Jabatan Tenaga Kerja negeri ini, bilangan pencari kerja yang telah berjaya dibuat penempatan pekerjaan di seluruh negara;

TAHUN 2018	TAHUN 2019	TAHUN 2020 (sehingga Oktober)
9,147 orang	9,738 orang	3,225 orang

Biasa Yang di-Pertua tegur sokmo kalau tengok *tang* ke lain, *arini dok* tegur, pasal apa *dok* tahu. Patut tengok ke dia, dia kata. Takpelah, sebab dengar banyak barangkali. Jumlah keseluruhan sehingga Oktober tahun ini untuk tiga tahun ialah 22,110 orang yang telah mendapat kerja. Itu untuk yang mendaftar di Terengganu tapi kerja itu merata cari, ditempatkan di merata tempat. Khusus untuk penempatan anak Terengganu jati, di Terengganu sehingga 2020 tak ramai 2,129 orang, yang betul-betul anak Terengganu bekerja di Terengganu. Yang lain tu anak Terengganu tapi dapat kerja merata, peluang yang kita cari melalui *Jobs Malaysia* ni. Sebagaimana yang dibuat oleh YPU yang adakan karnival yang menjanjikan lebih kurang 7,000 pekerjaan nanti. Itu yang kita sebutlah dan sektor yang terlibat ialah lebih kurang 21 sektor yang melibatkan pekerjaan ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Di-pertua, penjelasan. Apakah benar Yayasan Terengganu telah melabur RM4.5 juta untuk buka *joint venture* kilang pelitup muka dan di mana, siapa yang terlibat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Itu soalan mana pulak tu. Soalan baru kiranya itu.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Sebut kelmarin tanya tapi tak jawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Maring sebut hal sarung tangan..

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Kata yang tu tak terlibat yang di Paka

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Maring sebut hal sarung tangan, kata tak dok lah. Jadi kalau pelitup muka memang ada kita melabur dan *production* pertama telah keluar dan kita minta kalau boleh semua Yang Berhormat *order* dengan kita untuk beli pelitup muka tu harga dia 50 keping RM15.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Syarikat pengeluar nak tau, senang kita *order*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Macam mana..

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Syarikat yang keluar..

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Nak order setakat ni *order* daripada Yayasan Terengganu, *insya-Allah* dah keluar *production* dia. Terima kasih, itu saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya, terima kasih Wakil Ladang atas penggulungan sebentar tadi. Seterusnya saya jemput Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan seterusnya semua yang mengikuti persidangan yang dihormati sekalian. Pertama sekali terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pembentangan Bajet 2021 serta peruntukan RM20 juta yang disalurkan kepada Sektor Pertanian. Rezeki untuk warga tani, warga penternak dan nelayan Terengganu. Bajet terbesar dalam tempoh 3 tahun terakhir, ia adalah suatu amanah dan cabaran untuk memikul tanggungjawab menguruskan bajet ini sebaiknya. Tanggungjawab dengan makna kami tanggung dan kami perlu jawab sama ada di dunia ataupun di akhirat nanti.

Dato' Yang Di-Pertua,

Batu Buruk memperingatkan ibrah daripada kisah Nabi Yusuf a.s menyimpan stok bekalan makanan untuk dimanfaatkan di musim kemarau yang panjang sehingga mencecah 7 tahun. Inilah sebenarnya takrif *food security*, bekerja keras menyimpan ketika aman dan beringat ketika musim bencana.

Dato' Yang Di-Pertua,

Isu penyimpanan stok makanan pada tahun ini Kerajaan Negeri telah membina bilik sejuk di Jeti LKIM, Marang dengan kapasiti penyimpanan 10 metrik tan dan kerajaan mensasarkan setiap jeti pendaratan ikan perlu ada bilik sejuk yang akan dibina secara berperingkat. Teorinya, simpan ikan ketika musim limpahan hasil tangkapan dan kita manfaatkan ketika waktu kekurangan hasil.

Dato' Yang Di-Pertua,

Kerajaan juga bersama pihak berwajib seperti FAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang, Persatuan Nelayan kawasan dan juga anak syarikat Kerajaan Negeri TADC kita berusaha untuk mempertingkatkan lagi kemampuan penyimpanan sumber makanan sama ada sumber makanannya daripada hasil pertanian, daripada hasil perikanan ataupun daripada hasil penternakan. Antara yang telah sedia ada sekarang ini ialah pusat operasi FAMA di Padang Luas di Besut, bilik sejuk TADC di Telaga Papan di Setiu, bilik sejuk jeti LKIM Marang yang ini yang paling bongsu yang baru siap dibina, bilik sejuk jeti LKIM Besut, bilik sejuk di Pelabuhan Perikanan Chendering, bilik sejuk LKIM Dungun, Pusat Operasi FAMA di Chendering, bilik sejuk PPK Manir, bilik sejuk PPK Marang dan juga bilik sejuk PPK Setiu.

Dato' Yang Di-Pertua,

Batu Buruk juga menyentuh tentang program memperkayakan sumber perikanan dan ancaman daripada nelayan asing. Untuk makluman Dewan tangkapan bot nelayan asing bagi tahun 2018 sehingga Oktober 2020 sebanyak 346 buah dengan seramai 1,657 orang *awok-awok* dan kesan daripada pencerobohan nelayan asing ini bukan sahaja

menjejaskan nelayan tempatan ekoran kehilangan sumber tangkapan, unjang rosak, bubu rosak dan sebagainya malah ia juga melibatkan isu ancaman keselamatan kepada nelayan kita dan Dato' Yang di-Pertua dalam menangani ancaman nelayan asing Kerajaan Persekutuan telah mengadakan Operasi Naga Barat yang dilancarkan pada 1 Mei 2019 yang melibatkan kerjasama 4 agensi iaitu Maritim Malaysia, TLDM, PDRM dan juga Jabatan Perikanan. Operasi daripada Mei 2019 sehinggalah Oktober 2020 telah berjaya menahan sebanyak 190 bot nelayan asing, daripada 190 bot nelayan asing yang ditahan dalam Operasi Naga Barat 42 telah dilucut hak oleh mahkamah. Yang lucut hak ini, kita selam tenggelamkan sebagai tukun tiruan. 95 buah bot didenda dan peralatan dirampas manakala baki 53 buah lagi sedang dalam proses pendakwaan di mahkamah dan APMM secara bersendirian turut melancarkan satu lagi operasi yang dinamakan Operasi Kuda Laut yang telah berjaya menahan sebanyak 57 bot nelayan asing dengan seramai 651 orang *awok-awok*. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya merakamkan penghargaan kepada Maritim Malaysia, TLDM, PDRM dan juga jabatan perikanan yang secara berterusan dan proaktif melindungi sumber perikanan laut kita daripada pencerobohan asing.

Dato' Yang Di-Pertua,

Yang Berhormat Batu Rakit memaklumkan tidak ada dengar sebarang pengumuman pemberian bantuan kepada petani kepada nelayan dan kepada penternak dalam tempoh PKP. Yang Berhormat Batu Rakit bantuan tidak semestinya dalam bentuk wang tunai secara langsung. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM200,000.00 melalui TADC untuk menyelesaikan isu pemasaran hasil pertanian dalam tempoh PKP ketika ruang pasaran hampir tertutup rapat. Pusat pengumpulan TADC di Telaga Papan telah diaktifkan untuk menerima lambakan hasil pertanian di antaranya hasil laut, sayur-sayuran, buah-buahan terutamanya hasil tembikai daripada 200 ekar kebun tembikai di Setiu dengan jumlah hasil kira-kira 700 tan dan kemudian disusuli dengan langkah pembukaan lebih 400 kiosk jualan di seluruh negeri bagi kemudahan pasaran ketika tempoh PKP. Dato' Yang di-Pertua, saya juga turun agih sendiri bantuan *input* makanan ikan kepada lebih 600 pengusaha *aquaculture* sama ada air payau atau air tawar di seluruh negeri dari Besut sampai ke Kemaman dan adinda Wakil Kuala Besut turut hadir ketika agihan dilakukan kepada penternak di Sungai Cawat di Kuala Besut. Dalam tempoh PKP, dua kali Yang Berhormat Batu Rakit saya turun ke Batu Rakit untuk bagi sumbangan kepada lapan orang nelayan yang ditimpa bencana ombak besar di Mengabang Telipot dan Yang Berhormat pun ada hadir sama. Dato' Yang di-Pertua, sila.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Hok tu* saya terimalah. Tapi *hok tu* bantuan biasa. Maksud saya tadi dalam keadaan kaedah COVID *ni* kan. Okaylah. Terima kasihlah.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Sama-samalah.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Maknanya kalau tak PKP pun *hok tu* kena bagi juga.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Bantuan-bantuan macam input macam makanan ternakan kita

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Ha terima kasihlah.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Memang namakan Bantuan PKP. Sama-samalah atas terima kasih. Dato' Yang di-Pertua, kerajaan juga berusaha keras menguruskan dengan pihak MKN dengan pihak PDRM, Jabatan Kesihatan, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain. Bagi memastikan pergerakan rantai pengeluaran makanan berterusan tanpa tersekat walaupun dalam tempoh PKP dengan SOP yang sangat ketat. Kaedah kita tidak boleh bantu semua kita tidak tinggal semua. Dato' Yang di-Pertua, Batu Rakit juga memaklumkan ada petani merungut bantuan seperti baja kurang diterima. Terima kasih saya ambil maklum rungutan ini dan Jabatan Pertanian akan membuat susulan untuk mengenalpasti apakah bentuk bantuan sebenar yang diperlukan kelompok petani di Batu Rakit. Rakyat kita belaka dan *insya-Allah* menjadi tanggungjawab kita untuk bantu. Kalau yang dimaksudkan bantuan baja itu ialah bantuan baja padi semua pesawah yang cukup syarat sebenarnya wajib dapat bantuan subsidi baja, racun, benih dan juga subsidi harta. Syaratnya Warganegara Malaysia, umur 18 tahun ke atas, ada geran tanah ataupun ada surat kebenaran daripada *Land Authority* dengan izin dan tanah diusahakan dengan tanaman padi.

Dato' Yang di-Pertua,

Kemasik memohon agar dibina sebuah pusat penyembelihan di kawasan padang ragut Kampung Chabang, Kertih. Cadangan ini diambil perhatian dan *feasibiliti study* dengan izin akan dilakukan oleh pihak UPEN sebelum daripada kita membuat sebarang ketetapan. Akhir sekali Dato' Yang di-Pertua, Hulu Besut membangkitkan isu padang

ragut di kawasan Hulu Besut yang dicadangkan untuk dijadikan tapak rumah. Saya sedia maklum tentang wujudnya cadangan ini daripada pimpinan tempatan, pihak Persatuan Padang Ragut pun sudah ada jumpa saya, setakat ini belum ada apa-apa keputusan dibuat. Ia masih di peringkat cadangan awal dan saya bagi komitmen *insya-Allah* isu ini akan diteliti dengan sebaiknya demi kesaksamaan semua pihak. Terima kasih Jabi mohon menyokong.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Pencerahan, speaker. Untuk yang padang ragut di Kuala Besut *tu* macam mana?

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Ya macam saya jawab dalam sesi soalan lisan tadi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya terima kasih. Terima kasih Wakil Jabi. Sekarang saya jemput Wakil Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
الحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله وعلى اله وصحبه ومن واله أَعُوذُ بِاللَّهِ السَّمِيعِ الْعَلِيمِ

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَى آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَكِنْ كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُمْ بِمَا
كَانُوا يَكْسِبُونَ

"Dan kalaulah sesungguhnya (Tuhan berfirman lagi): penduduk beberapa negeri itu, beriman dan bertaqwa, nescaya Kami akan membuka buat mereka berkat-berkat daripada langit dan bumi. Tetapi mereka telah mendustakan semua pernyataan-pernyataan daripada Nabi-nabi mereka maka Kami telah mengenakan kepada bala dan pelbagai hukuman dengan sebab apa yang mereka lakukan".

(Surah Al-A'raf (96)

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai-pegawai tinggi, seluruh hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.

Pertamanya kita bersyukur kepada Allah kerana kita telah bersama-sama berbahas tentang tema ucapan Belanjawan 2021 "Melestarikan Kesejahteraan Bersama". Saya mengambil peluang untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang menunjukkan komitmennya untuk memastikan negeri ini "Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera". Sudah tentulah dalam perbincangan kita yang panjang kita banyak berbilang-bilang tentang *one-off* bantuan kewangan dan bantuan pembangunan fizikal. Tetapi kita juga jangan lupa bahawa dalam menghadapi semua suasana yang ada sudah tentulah pembangunan insan khususnya rohani dan jiwa pemikiran mesti diambil perhatian. Oleh kerana itulah Teras yang pertama yang diletakkan oleh pihak kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri bagi menunjukkan kecaknaan dan kesungguhan bagi meningkatkan pembangunan dan penubuhan agenda Islam ini. Saya tidak bercadang untuk mengulas panjang hanya ada beberapa Yang Berhormat membuat beberapa sentuhan tentang persoalan-persoalan yang berkaitan dengan pembangunan insan dan dakwah seperti Yang Berhormat Manir yang memberi nasihat dan peringatan kepada agensi-agensi yang berkaitan dengan pembangunan agama ini, agar proaktif dan agresif dalam melakukan kerja-kerja pembangunan Islam ini.

Yang kedua, Yang Berhormat Seberang Takir yang tidak dapat bersama kita pada petang ini kemungkinan uzur ataupun suasana banjir ini. Suasana banjir ini tidak boleh larilah. Walaupun demikian ada persoalan yang beliau sebut tentang peruntukan untuk pembangunan insan khususnya yang berkaitan dengan Modul Itqan Insani, DIDI, Kursus Iman Bilal dan kesemua itu *insya-Allah* kita akan laksanakan dengan sebaik mungkin bagi memastikan semua pemimpin-pemimpin dan pihak yang ada dalam negeri kita memahami bahawa hidup kita bukan sahaja fizikal tetapi rohani dan dalaman.

Yang berkaitan dengan Yang Berhormat Bukit Besi yang juga menyentuh tentang dakwah saya ucap terima kasih kerana kecaknaan Yang Berhormat Bukit Besi hendak menunjukkan usaha memperkasakan dakwah dan saya harap *insya-Allah* kita akan terus memperkasakan kerja-kerja dakwah dalam berhadapan dengan suasana pandemik ini *payoh* juga, tutup masjid, tutup surau *nak* pergi jumpa kena duduk jauh-jauh. Itulah suasana yang terpaksa kita hadapi. Yang Berhormat ADUN Wanita juga menyentuh beberapa perkara yang berkait dengan pembangunan insan. Semua cadangan-cadangan dan pandangan itu kita ambil manfaat dan kita ambil perhatian, hanya saya mahu

menyebut tentang Yang Berhormat ADUN Wanita dan Yang Berhormat Seberang Takir sebut tentang jumlah peningkatan jumlah penagih dadah yang tinggi ataupun yang paling tinggi *nak* bandingkan seluruh negeri di Malaysia ini. Saya mengambil kesempatan daripada waktu petang ini singkat untuk mengucapkan syabas kepada pihak AADK, PDRM, PEMADAM dan seluruh agensi yang bersungguh-sungguh untuk mengenalpasti penyakit-penyakit dan pesakit-pesakit ataupun penagih-penagih dadah. Sebab itulah kemungkinan jumlah meningkat ini memang kita rasa malu sikitlah dan kita rasa agak tidak senang dan tidak *glamour* tetapi ia juga menggambarkan usaha yang bersungguh yang dilakukan oleh pihak AADK, PDRM, pihak Jabatan Pendidikan sendiri di antaranya Jabatan Pendidikan bertungkus lumus melakukan *urine test* melibatkan pelajar-pelajar sekolah dia membuatkan bagi hendak memastikan pelajar-pelajar dia ada terlibat penagihan dadah kerana angka yang dibuat itu berasaskan kepada tangkapan. Jadi *hok dok* tangkap itu kita berasa macam dok *nagih* tapi sebenarnya kadang-kadang dia penagih yang tidak disedari dan tidak diketahui. Oleh sebab itu usaha yang telah dilakukan oleh PDRM dengan meningkatkan usaha penangkapan dengan memperkenalkan Jihad Dadah di setiap daerah dengan operasi-operasi yang dilakukan. Demikian juga kes tangkapan yang telah dilakukan oleh AADK dalam komuniti meningkat melalui maklumat-maklumat yang diperolehi melalui masyarakat setempat, di waktu yang sama juga kita merasakan bahawa sebahagian di kalangan penagih ini rasa memang sedih dan untuk bertaubat sehingga mereka sukarela bersedia untuk menyertai beberapa program untuk kembali memulihkan diri mereka sehingga mereka bersedia bertemu dengan pihak AADK dan pihak-pihak yang hendak memulihkan mereka. Sebab itulah kes ini agak meningkat dan jumlah mereka agak ramai dan *insya-Allah* kita sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan penagih-penagih yang sudah kita kenali ini. Antaranya *insya-Allah* bulan ataupun tahun depan kita akan laksanakan pusat pemulihan penagih dadah secara holistik. Moga-moga *insya-Allah*, Allah Taala memberikan kekuatan kepada kita semua dalam menyelesaikan masalah masyarakat ini. Saya rasa cukup sekadar itu Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

والسلام عليكم وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Wakil Bukit Payong atas penggulungan ringkas tadi. Seterusnya saya jemput Wakil Bukit Tunggal.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين و به نستعين الصلاة و سلام على أشرف الأنبياء و المرسلين و على آله و صحبه أجمعين
قال رب اشرح لي صدري و يسر لي أمري و اخلل عذة من لسانى و يفقهوا قولى

Yang dihormati Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, rakan-rakan Yang Berhormat daripada PAS dan daripada Muafakat Nasional, daripada UMNO, pegawai-pegawai kerajaan dan seluruh pemerhati sama ada yang berada di dalam Dewan ataupun mengikut atas talian.

Pertamanya saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang telah membentangkan Bajet yang komprehensif walaupun dalam keadaan kita jangkaan hasil semakin mengecil, menguncup. Namun begitu bagi portfolio saya ini, saya mengucap berbilang terima kasih kerana masih lagi mengekalkan satu peruntukan yang besar untuk bawah Jawatankuasa Kesihatan, Perumahan dan Alam Sekitar yang saya kira-kira bahagian perumahan mencecah sehingga RM91.5 juta, kesihatan RM9 juta, PBT hampir RM200 juta lebih. Ini untuk menjaga kebersihan negeri kita, bandar kita dan juga jumlah keseluruhan RM300 juta lebih kurang yang telah diperuntukkan di bawah Portfolio Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Alam Sekitar. Saya juga suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kerajaan Persekutuan kerana telah meluluskan tiga projek perumahan baharu di bawah kerajaan Pusat yang bernilai RM166.5 juta. Ini bukan merupakan satu nilai yang kecil tetapi jumlah yang besar untuk Negeri Terengganu dan memang kita berusaha sebenarnya berjumpa dengan pihak kerajaan Pusat supaya lebih banyak peruntukan-peruntukan Pusat diturunkan ke Negeri Terengganu yang memang negeri kita masih jauh ketinggalan berbanding negeri-negeri di Pantai Barat. Maka dengan kerjasama seperti ini diharapkan pada masa-masa yang akan datang akan lebih banyak lagi projek Pusat yang akan datang ke Negeri kita. Juga kos peruntukan RM10 juta untuk Projek Intergrated Island Waste Management. Ini juga satu perkara yang sudah lama kita bincang bagaimana nak menjaga kelestarian alam sekitar di pulau-pulau kita kerana pulau-pulau kita merupakan tempat tumpuan pelancong yang ramai datang ke Terengganu untuk ke pulau-pulau peranginan di lautan kita. Jadi sudah tentulah tanggungjawab yang besar untuk kita menjaga kelestarian pulau kita khususnya tentang terumbu karang dan sebagainya untuk mengekalkan kedatangan pelancong ke negeri yang tercinta ini. Maka kerjasama yang

sebegini, sumbangan yang telah diberikan ini *insya*-Allah akan dapat mengekalkan Terengganu antara destinasi pelancongan yang terbaik di dalam negara kita.

Begitu juga dalam soal peruntukan, kita juga berusaha untuk mendapatkan peruntukan Pusat untuk menaik taraf selain daripada kerajaan Negeri meluluskan RM500,000.00 untuk menaik taraf Tapak Pelupusan Sampah di Sungai Ikan dan kita sedang berusaha juga untuk mendapatkan peruntukan kerajaan Pusat melalui KPKT supaya kita akan dapat satu tapak pelupusan sampah yang kekal yang besar di Negeri Terengganu dan dalam perundingan kita nampaknya *cerohlah* dan akan dapat satu tempat pelupusan sampah yang besar di Pantai Timur ini.

Selain daripada itu suka saya pergi satu per satulah apa yang telah ditimbulkan oleh yang berhormat sekalian tentang portfolio bawah saya ini yang pertamanya kepada Batu Buruk, Yang Berhormat Batu Buruk menimbulkan soal pengecualian bayaran lesen penjaja kecil. Memang ini hasrat kerajaan untuk membantu peniaga-peniaga kecil kita supaya mereka dapat meneruskan pekerjaan di musim PKP ataupun COVID-19 ini walaupun kerajaan sebenarnya akan kehilangan hasil melalui PBT sekitar RM320,000.00 seluruh Negeri Terengganu. Begitu juga antara yang disebutkan juga daripada ADUN yang berkaitan dengan membenarkan juga disebut oleh rakan saya, rakan EXCO membenarkan dan penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil ini berniaga di tempat-tempat strategik. Memang selama ini pun di musim PKP ini kita tidaklah bertindak keras kepada penjaja-penjaja kita walaupun ramai juga melanggar peraturan. Selagi peraturan yang dilanggar itu tidak melibatkan keselamatan diri mereka dan juga pengguna jalan raya khususnya kita boleh bertolak ansur dan memang kita sediakan tempat-tempat yang selamat untuk peniaga-peniaga dan penjaja kita berniaga dan dipermudahkan untuk mendapat lesen tetapi kalau tak nak mohon ini masalah kita. Kita nak mudahkan dia mendapat lesen, tapi kena mohon tidak boleh terus automatik lesen itu terbang. Ini yang jadi masalah, orang kita ini dia jenis nak mengelak pula nak ambil lesen. Tujuan ambil lesen ini ialah untuk kita boleh mengawal khususnya dari segi kesihatan. Kalau peniaga-peniaga makanan, kalau tidak dijaga kesihatan mereka dan tidak diberi suntikan, bimbang dia jadi agen untuk menyebarkan keracunan makanan. Ini akan menyusahkan lebih ramai orang dan juga bebanan juga kepada kerajaan untuk merawat mereka-mereka ini. Maka pencegahan itulah yang kita utamakan. Jadi kita tidak berhalangan untuk memberi kelonggaran kepada peniaga-peniaga kita untuk berniaga di tempat yang

difikirkan strategik tetapi soal keselamatan dan juga soal kesihatan juga perlu kita *balance*-kita imbangkan.

Dato' Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan dengan pengecualian sewa rumah RMM. Memang semasa PKP dahulu bermula daripada bulan empat, lima dan enam telah diberi pengecualian dan sewa juga tanggungan bayaran balik sewa beli untuk semua premis-premis bawah Kerajaan Negeri dan juga bawah GLC. Di situ kita telah menanggung satu kehilangan hasil yang agak besar juga, lebih daripada RM4 juta seluruhnya dan *insya*-Allah kita akan pertimbangan cadangan daripada Telemong ini untuk kita pertimbangkan balik dan melihat kepada keadaan semasa ini bagaimana kesan yang akan terkena akibat daripada PKPP ini kepada peniaga-peniaga kecil kita, *insya*-Allah dalam pengetahuan kita. Tentang yang dibangkitkan oleh wanita, oleh ADUN Wanita sisa-sisa kumbahan di Tasik Kenyir dan juga sampah di tumpuan pelancong di Tasik Kenyir untuk makluman Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Berhormat, sistem pengurusan kumbahan daripada bot Tasik Kenyir ini memang sudah ada dikeluarkan peraturan-peraturan, sebab setiap bot ini kena ada lesen, diperbaharui lesen setiap tahun dan KETENGAH telah menyediakan *Eco Bus*, tongkang yang terapung yang fungsi dia, tugas dia adalah untuk menyedut air kumbahan daripada *House Boat* yang ada tangki inilah, ini kita ada ketetapan untuk mereka ini, memungahkan ataupun membuang hasil buangan kita dalam itu, kumbahan ini bukan hanya air basuhan tapi juga air najis itu, memang disediakan satu tongkang ini ditetapkan supaya mereka membuang ke dalam melalui tongkang kita bukan buang merata-rata di dalam tasik, tetapi memanglah semuanya ada kos bila penuh pergi buang tongkang ini kena bayar, jadi kena bayar kadang-kadang adalah mereka yang membuang semasa perjalanan sikit-sikit, jadi tidaklah kerap sangat dia kena masuk ke tempat penyedutan najis tersebut, jadi jimat kos dia. Ini benda-benda perkara yang memanglah orang kita cuba nak mengelak bila kena bayaran ini, dan *insya*-Allah penguatkuasa di musim-musim ini *doklah* paksa sungguh sangat nak paksa mereka ini tapi kita beri pendidikanlah semasa penyambungan lesen tersebut tetapi ada juga pengusaha-pengusaha bot menggunakan tangki *septic* ini bot yang lama, model Seberang Takir *takdok*, model Seberang Takir mungkin yang baru *kot* ada *septic tank* bawah *tu* saya rasa adalah, sebab dia harga mahal *kot* tetapi yang lama-lama ini memang tiada dan memang dinasihatkan supaya mereka *ni* menyediakan demi untuk menjaga kebersihan Tasik Kenyir yang menjadi destinasi pelancongan kita ini. Tentang sisa pepejal memang disediakan tempat kumpul sampah kita ada sediakan dua tong Roro, Majlis Daerah Hulu Terengganu dan sampah itu hendaklah dibuang ke dalam pembuangan sampah dan

dikutip oleh pekerja-pekerja kita, tetapi saya rasa tidak tahulah kadang-kadang orang kita sama macam atas darat juga, suka buang sampah merata-rata, jadi dekat *Drawbridge* kita pun dah ada tong sampah pun masih ditinggal merata-rata ini memang satu penyakit yang kita perlu mendidik rakyat kita supaya mematuhi peraturan-peraturan demi untuk kesejahteraan kita bersama sebenarnya.

Seterusnya daripada Seberang Takir, Seberang Takir menyebutkan tentang inisiatif-inisiatif *Go Green and 3R* yang kenapa ditanya ditanggung kerajaan sampai RM200,000.00 dan boleh bekerjasama dengan GLC, memang ada kerjasama dengan GLC, ini peruntukan kerajaan RM200,000.00 tidak cukup kalau *nak* kira, dia sebahagian daripada program itu ditanggung oleh kerajaan dan sebahagian ditanggung oleh GLC. Kita buat kerjasama kalau *nak* kira mana cukup RM200,000.00 sahaja ini adalah sebab inilah sumbangan kerajaan, bahagian kerajaan, bahagian GLC lain cerita. Pengkalan Berangan membangkitkan tentang, Pengkalan Berangan sebenarnya yang bangkitkan tentang menjaja di tempat strategik.

Tentang Tabung Perumahan Rakyat, *alhamdulillah*, inilah yang ditunggu-tunggu kerana Rakyat Terengganu ini bukan semuanya kerja makan gaji yang ada slip gaji, yang boleh dapat kelulusan bank dengan mudah untuk bina rumah sendiri dan Kerajaan Negeri pun telah banyak memberi lot-lot tanah RTB kepada Rakyat Negeri Terengganu, mereka ada tanah tetapi tidak mampu *nak* buat rumah, tanah memang *dah* ada, tapak ada, tapi *nak* buat rumah baru RM80,000.00 sehingga RM100,000.00 itu pun rumah yang *style* Rumah Mampu Milik (RMM). Tapi di mana dia *nak* cari duit maka bila pergi ke bank kebanyakan tidak diluluskan oleh bank, kerana tidak cukup syarat-syarat yang ditetapkan, maka oleh itulah, kita minta kerajaan untuk memperuntukkan sejumlah peruntukkan dan *alhamdulillah* diluluskan oleh kita sejumlah RM50 juta dan ini kita sedang sebenarnya *dah* ada perundingan dengan pihak untuk melaksanakan mengurus dana bagaimana kaedah untuk kita menyalurkan peruntukan ini kepada pemohon-pemohon di seluruh Negeri Terengganu khusus untuk bina rumah di atas tanah sendiri. *Insyah-Allah* dengan ada peruntukan ini kita akan dapat *insyiah-Allah* di awal tahun depan kita boleh laksanakan Tabung Pinjaman ini untuk rakyat jadi, tahniahlah kepada Rakyat Terengganu, terima kasih Kerajaan Negeri Terengganu yang telah bermurah hati untuk menyediakan peruntukan yang begitu besar sebanyak RM50 juta.

Berkaitan dengan Hospital Daerah Marang yang disebutkan sebenarnya ia memang dalam perancangan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, untuk membina sebuah hospital di Lot PT 22642 Bukit Kor, tanah *dah* ada pun, *dah* siap tapak cuma perlu macam mana kita *nak* dapatkan peruntukkan daripada kerajaan pusat, sebab ini hospital di bawah Kerajaan Pusat, hospital ini hospital yang besar juga yang kita kenali sebagai Hospital Pakar *Major* samalah yang ada semua disiplin kepakaran yang melibatkan dua fasa sebenarnya pihak JKN membuat permohonan telah masuk ke dalam *rolling plan* 1 RMK-11 dan juga dipohon kali ke dua *rolling plan* yang keempat RMK-11, 2018 dan kita pohon lagi *rolling plan* yang kedua RMK-12, harap-harap dengan hubungan baik kita dengan Kerajaan Pusat dan dengan Marang dapat banyak peruntukan harap-harap dapat lulus peruntukan hospital, untuk Daerah Marang ini *insya-Allah* berdoalah dan kita usaha supaya ia dapat disegerakan untuk binaan hospital berpakar major di Daerah Marang. Kuala Besut membangkitkan tentang Kad Sejahtera 2019, 2020. Untuk fasa 2019 2020 kita telah menerima ataupun mengeluarkan 12,126 penerima yang melibatkan bayaran yang telah kita buat sebanyak RM887.849.20 dan *insya-Allah* fasa kedua sedang berjalan dan peruntukan sudah diberikan kita akan meningkat kepada 16,000 dan 4000 lagi kita buka lagi ruang kepada pemohon-pemohon yang layak, mungkin kita boleh dipertimbangkan juga kelmarin yang disebutkan untuk Kad Sejahtera Siswa dalam 4000 yang ada baki kita. Berkaitan dengan yang dibangkitkan oleh,

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Minta laluan sedikit

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Sila

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Klinik yang sah laku ini, semua klinik ke macam mana? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): *Okay* terima kasih, dia tidak semua klinik kita *offer* pada semua klinik swasta tetapi tidak semua hendak menyertainya, kebanyakannya kata *nak* tunggu dan lihat dulu, bagaimana kerajaan buat bayaranlah, masing-masing biasa dia lebih *query* tentang cepat lambat bayaran oleh pihak kerajaan dalam kepala masing-masing biasa kerajaan lambat bayar jadi, klinik-klinik kecil ini kita bayar *cash* jadi kalau lambat bayar dia tidak sempat nak pusing modal, maka yang terlibat angkanya, nanti saya cari *jap* angka *neh*, payah juga

mencari angka tengah-tengah *gini ni*, tetapi lebih kurang dalam 40 buah klinik daripada 160 lebih klinik swasta di seluruh Negeri Terengganu kita proses lagi *insya-Allah* dengan bayaran-bayaran yang kita buat ini sambutan yang lihat yang *wait and see* akan masuk untuk pada ini, untuk isi borang untuk mereka jadi panel. Maaflah Setiu, Setiu ada empat klinik satu pun *tak nak*, tidak bersedia jadi klinik panel kita, Setiu *takdikan*, minta maaflah bukan salah kita, *nak* buat macam mana, *nak* paksa orang tidak boleh dahlah ada empat *je* klinik, *tak nak* apa *ni* jadi panel kita, *tak* apa kita sedang berunding, *insya-Allah*. Seterusnya berkaitan dengan kanda saya ini, daripada Kijal terutamanya berkaitan dengan Duyung Marina. Duyung Marina sebelum PKP dia mencatatkan jualan RM442,000.00 maka beberapa inovasi telah buat oleh pengurusan Duyung Marina yang baru ini dengan beberapa produk-produk baru dan juga pemasaran-pemasaran cara yang baru maka dia telah dapat meningkat hasil kepada RM923,000.00 sebulan. [ketawa] Kecil sangat, setahun, setahun. Jadi untuk tahun ini sudah, ehh....tengok semula sebulan, sebulan RM923,000.00 sebulan. Ini yang *last* sekali sebelum PKPB bulan September. Ini suatu peningkatan jualan yang besar yang sudah orang panggil mencatat sedikit keuntungan, *dok payoh* nak berhutang lagi *doh*. Apa kesannya untuk membuat produk baharu sudah tentu perlu kakitangan yang baharu untuk penambahan kakitangan, jadi berbaloilah kalau dia tambah kakitangan itu dan hasil jualanannya meningkat kepada 100%, RM400,000.00 kepada RM900,000.00. Ini suatu kejayaan bagi kita dan patut kita beri sokongan. Begitu juga satu lagi yang dia ambil kakitangan ialah bahagian landskap. Landskap telah ditamatkan kontrak dan dibuat *inhouse* maka *inhouse* ditambah kakitangan untuk menjimatkan kos.

Ini antara *plan business* yang dibuat oleh Duyung Marina memastikan tidak terus dalam keadaan kerugian. Jadi bagi saya ini satu perkara yang positif yang telah dibuat untuk memajukan Duyung Marina dan tidak bergantung lagi suntikan dana daripada kerajaan melalui Lembaga Tabung, ADUN Yang Berhormat Kijal.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dakpe ah tu, senyap doh tu. [ketawa]*

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soal jual Kuantan Medical Centre, apa yang saya dimaklumkan, dia ada bos dia, *tak leh* cakap sini. Perkara itu tidak berlaku, tidak ada pun jualan Kuantan Medical Centre kepada pihak swasta malahan TDM melalui Kumpulan Medic Iman akan menambah lagi hospitalnya. Antaranya akan bina sebuah hospital di Chukai yang *insya-Allah* mungkin nama kita KMI

Chukai-Kumpulan Medic Iman Chukai dan juga ditawarkan disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan kita cadang juga buka satu lagi di Kota Bharu dan juga di Kulim, Kedah. Ada empat, jadi takkanlah yang ada kita nak jual. Kita nak bina lagi rangkaian hospital di bawah TDM. TDM bukan sahaja perladangan tetapi juga dari segi kesihatan. Ini antara usaha-usaha yang dibuat bagi menambah hasil kepada GLC kita.

Manir tidak sebut, Manir dia timbul Kad Sejahtera untuk dibagi kepada siswa dia sebut tadi. Jadi itu sahajalah soalan-soalan yang ditimbulkan bawah Portfolio saya dan sekali lagi saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang telah memperuntukan satu peruntukan yang agak besar di bawah portfolio saya dan semoga *insya-Allah* amanah ini satu amanah yang besar, besar duit besarlah amanahnya dan saya harap tuan-tuan semua doalah semoga dapat dilaksanakan perancangan-perancangan dengan sebaik-baiknya. Semoga kita terlepas untuk jawab bukan sahaja di dunia tetapi di hadapan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Jadi saya menyokong Pembentangan Bajet yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Sekian, terima kasih.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Wakil Bukit Tunggal di atas penggulungan tadi. Seterusnya saya nak jemput yang terakhir daripada Wakil Paka, saya persilakan.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillahirabbil Alamin Wassolatu Wassalamu 'Ala Asyrofil Anbiya'i Wal Mursalin Wa'ala Alihi Wa asha bihi Wamman Tabiahum bi'ihساني Ila Yau Middin Amma bad.

Alhamdulillah kita merafakkan rasa syukur kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dalam suasana seperti ini kita masih lagi dapat meneruskan sidang Dewan Undangan kita untuk Belanjawan 2021. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas

kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana berjaya membentangkan Bajet ataupun Belanjawan 2021 yang bertajuk "Melestarikan Kesejahteraan Bersama".

Dalam suasana kewangan yang agak terhad, hanya sekadar RM1.3 billion dan dalam masa yang sama kita terpaksa membayar *deferred payment, schedule payment* RM439 juta yang lalu. Sebenarnya hanya sekadar RM930 juta sahaja kewangan yang kita ada untuk Bajet ataupun untuk Belanjawan 2021 tetapi *insya-Allah* dengan hasil kerjasama semua pihak *insya-Allah* kita harapkan supaya kita dapat memanfaatkan setiap ringgit dan sen yang ada untuk kita sampai kepada golongan sasaran yang telah kita cadangkan dalam Bajet ini saya rasa sahabat-sahabat saya sudah banyak menyentuh tentang isu Bajet ini dan saya hanya ingin menyentuh beberapa persoalan yang berkaitan dengan portfolio saya.

Yang pertama Wakil Wanita menyentuh tentang isu supaya kalau boleh diberi tempoh pendaftaran kepada mereka yang berkahwin di luar negara tanpa didenda. Ini memang orang *puan* nak *gitu* ke? [ketawa] Saya bimbang kalau kita lulus habis ini dengan Telemong-Telemong angkut bas *gi* nikah Golok kekgi.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita): Mohon pencerahan sikit maksudnya tempoh masa contoh kita buat sehari dia daftarkan perkahwinan dia sebab daripada mereka *susuk* baik dia serah diri sehari itu secara percuma.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Automatik ikut kita akan memberi galakan mereka ni berkahwin di sana.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dato' Yang di-Pertua, minta celahan sikit.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Saya menyokong penuh apa yang di....

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): [mecelah] Haa...Jaga baik tu, ada undang di sebalik....(ketawa)

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Saya harap Yang BERTHORMAT EXCO tolong pertimbangkanlah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): [Ketawa] Haa... jaga baik Telemong *tu*. Nampak sokong muslimat *tu*, hakikat *kekgi jujuk* dia pakat *gi kekgi. Free* kan tidak kena denda apa. Jadi kita pihak kerajaan walaupun peraturan ini dibuat undang-undang yang lalu tapi kita rasa ada keperluan dia. Kemungkinan penapisan ataupun pemutihan, itu mungkin perlu kerana *dah* ada anak apa sebagainya *dok* daftar menimbulkan permasalahan, *hokni* kemungkinan untuk kita beri kemudahan-kemudahan pengecualian untuk mereka ini dipermudahkan untuk pendaftaran. Jadi kalau kita beri tempoh, *okey* dalam tempoh sebulan dia daftar *free* saya rasa tidak cukup tanah orang pakat *gi nikah*. Kita pun *dok* tahu *kale ni* [ketawa]

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Kita ikut *etek* ke?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): [Ketawa] Mungkin.... ahli kelab *dok* ikut apa err? Jadi saya rasa muslimat *check* balikkah. Kita *dok* berapa setuju mana *tapi* kalau itu hasrat muslimat lepas pada ini dan kita buat muslimat pakat marah tidak undi kita berat *ah* [ketawa]

YANG BERTHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita): Maksud saya mengisytiharkan perkahwinan bukan menyembunyikan. Isytiharkan perkahwinan dia.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Faham dah *tu*... bila dia isytihar mari dia tidak kena apa-apa.

YANG BERTHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita): sebab apa takut nak isytihar perkahwinan?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya.

YANG BERTHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita): Takut....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Takdok* masalah

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Bagi peluang dia cakap *molek*, beralus, bincang *molek*...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Cakap *molek*, *beralus molek*, risiko dia, negatif positif dia. Orang laki ini dia *takdok* masalah mana sebenarnya. Allah...tapi kesan dia. Kalau *dok caye* tanyalah ADUN Kijal, dia ada pengalaman bab ni.[ketawa]

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kijal dok apa dia cc besar

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak apalah tapi kita beri pandangan, *check* balik tapi itu kenyataan yang dibuat oleh Wakil YB ADUN Wanita, kesan dia tu *hok* laki kita suka belakalah ni nampak *chance* dohlah ni, kesan dia itu menyebabkan kadar pernikahan di luar Negeri Terengganu khususnya di Thailand akan meningkat *ni* sebab *free*, sebab seluruh negeri-negeri Malaysia ini kena denda belaka. Jadi *check* balikkah, sembahyang istikharah semula. *Wak tu* kita bincang balik semula, *insya-Allah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Takpe, bagi peluang, bagi peluang ke dia.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya, bagi peluang. Yang kedua berkait dengan Tabung Pendidikan RM2 juta Yang terhormat Batu Rakitlah. Tabung Pendidikan ini berkait dengan hasrat kerajaan untuk membantu JPNT untuk buat soalan apa dan sebagainya untuk diedar kepada pelajar-pelajar dalam menghadapi peperiksaanlah. Untuk tahun ini kemungkinan tidak berlakulah sebab peperiksaan *tak dok*, kelas *tak dok*. Bukan maknanya kita peruntukan untuk pendidikan RM2 juta. *Hoktu* salah fahamlah. Untuk JPNT sahaja untuk fotostat soalan apa sebagainya RM2 juta. Ini pun dilakukan oleh kerajaan sebelum pada ni. Kita meneruskan seperti biasa. Cuma *hok* tahun dulu kerajaan dulu *dok* bayar *je* zaman aku bayar RM8 juta. Tahi tinggal, *okay* gurau *je*. Tapi *gitu la* main RM2 juta RM2 juta RM2 juta *dok* bayar. Yayasan Terengganu kata nak cetak hutang banyak *ni* Ustaz, Yang Berhormat. Doh Kata *doh bakpe* orang dulu lulus sahaja.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Ambil alih semua kena ambil.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Nikah dengan janda faham dah.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Main..

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tapi janda boros *do oh* lalu, ya RM400 juta lebih.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Ye nok hok* sedap saje *dok* jadi. Kena tanggung juga *hok dok* sedap pun.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Betul dah. Ambil dok sedar kita *nja* gak kadang-kadang. *Base* janda tidak sedar. Kadang-kadang.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Nja* sedap *dakpe*.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Okay* dan termasuk juga Kerajaan Negeri sudah memberi peruntukan untuk buat tuisyen rakyat. Sebab suasana kita tengok secara *online* ini kita pun minta *respond* daripada JPNT apa *dok* semua pendidikan secara *online* ini berlakulah dan kalau ada pun *tak* ramai yang *follow* sebab kemampuan ibu bapa menyediakan orang panggil gadgetlah. Kalau ada empat orang anak dia serentak kelas maya memang tidak sempatlah. Kadang ibu bapa pergi kerja apa orang panggil bawa *handphone* tidak berlaku *mende* itu. Jadi kita masih lagi mencadangkan secara biasalah konvensional dengan tuisyen rakyat untuk pergi ke kawasan setempat dan kita telah meluluskan kepada peringkat DUN sebanyak apa RM10,000.00 satu DUN untuk buat tuisyen rakyat khususnya menghadapi peperiksaan dan juga untuk seminar lonjakan akhir menghadapi peperiksaan, kita buat juga satu. Jadi setiap DUN biar *cath up* belaka khususnya di luar-luar bandarlah.

Yang ketiga berkait dengan SRIDI dan juga madrasah moden. Kuala Besut, saya rasa acapkali *doh* terang *ni Dato'* Pengerusi, dia *dokleh nak* beza lagi SRIDI dengan madrasah moden. SRIDI sekolah rendah, madrasah moden sekolah menengah. Allah *sakittan* sungguh [ketawa] berapa kali diberi penerangan, penjelasan Yang Berhormat, *ni dah ni*

tahun ke berapa *doh*, 11 *doh*, dua akan dibuat *pulok* di Besut apa sebagainya. SRIDI-Sekolah Rendah Islam Darul Iman, pelajar dia umur darjah satu, 7 tahun hingga 12 tahun. Madrasah Moden *ni* sekolah menengah dan usia antara 13 sehingga peringkat SPM.

YANG BERHORMAT YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat, jangan marah, tanya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Dok* marah, cara jawab *gitu* [*ketawa*]. Macam Kijal juga, saya tahu *dah*, *peseng* dia jawab *gitu*, macam nak perang, tapi *dok* perang, biasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Takpelah*. Bukan apa, dia jawab sungguh itu *je*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Hor*, sungguh [*ketawa*]

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Suara serok sikit, *base* dia *doh*, kena sungguh.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Boleh cerita *tak*, bajet yang diterima oleh JAKIM khas untuk Madrasah Moden. Berapa kita terima tahun ini, berapa...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): JAKIM benda pula, itu soalan lain pula Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): *Takpelah*, yang turun melalui Kerajaan Negeri kepada madrasah moden.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Madrasah Moden?

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Berapa khas untuk bajet.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Ye* soalan...

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut):
untuk Madrasah Moden.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat
ada soalan esoklah, madrasah moden, saya jawab esok.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Haa*, jawab esoklah.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut):
Okay.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang akhir berkait
dengan Pusat Kompleks Kastam Gawi, ADUN Kijal tanya, projek itu siap akhir 2016.
2017, Jun macam itulah diserahkan projek itu siap apa sebagainya. 2017, 2018, 2019,
2020 masih lagi tidak diguna dan dimanfaatkan bangunan tersebut. Jadi kita *takmbah*
jadi bangunan orang panggil gajah putih, hantu raya pula *duk* situ ramai, jadi kita rasa
perlu memanfaatkan. Suasana yang berlaku, pihak KQT Kolej Quran Terengganu ini dah
buat kerjasama dengan UniSZA akan memulakan tahun depan orang panggil *course*
bachelor, kos ijazah dia. Jadi dengan tempat yang ada agak terhad, dengan apa IQT
yang ada, jadi dia akan buka cawangan di Telemong, Telemong *ork*, kawasan Telemong,
untuk memajukan kawasan itu, *insya-Allah* daripada pelajar gi apa benda....

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut):
Terima kasih *eh*. Terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kohor tambah
maju situ *insya-Allah*. Jadi kapasiti dia boleh muat 700 orang. Jadi saya rasa untuk
sementara kita beri kepada pihak KQT lah untuk apa orang panggil buka *branch*
cawangan dia *insya-Allah*, untuk menyelesaikan banyak masalah yang berkait dengan
perkembangan nak *extend* KQT.

Saya rasa itu *kot*, saya ucap terima kasih. Saya ambil kesempatan ini untuk menyokong ucapan Bajet 2021 yang dibentangkan oleh Dato' Seri Menteri Besar. Terima kasih.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Paka di atas penggulungan yang terakhir. Alhamdulillah kita telah selesai penggulungan daripada semua Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, cuma *insya-Allah* esok Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan membuat penggulungan dan kita akan selesaikan Rang Undang-undang Perbekalan ataupun Bajet 2021 selepas soalan Lisan esok. Untuk itu saya tangguhkan persidangan kita kepada hari esok, 25 November jam 9.30 pagi dan kita tangguhkan dengan tasbih kafarah dan Suratul 'Asr.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 6.00 PETANG

PERSIDANGAN
PADA HARI SELASA, 25 NOVEMBER 2020

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Yahaya bin Ali, DPMT., PJC.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, SSMZ.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat, SMZ.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak, SMT.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah, SMT.
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim, AMZ.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT., PJC., PJK., BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh, PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md. Noor
WAKIL WANITA

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Ahmad bin Said, SSMZ., DPMT., ASM., PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT., SMZ.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT., PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, KMN., AMZ., PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT., PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP., PPN., PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT., PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Datuk Abd. Halim bin Jusoh, DPSM.
WAKIL PERMAISURI

**HADIR MENURUT FASAL XIII (3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTAHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Mohd Zahari bin Md Azahar, DPMT., PJK.

YANG BERTAHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Razali Bin Che Ani, DIMP.

YANG BERTAHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Zainal Abidin bin Hussin, DPMT., PJK., BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Zulkifly bin Isa, AMZ., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, dan semua Ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Bagi memberkati majlis ataupun persidangan kita, marilah kita memulakan dengan Ummul Al-Quran Al-Fatihah.

Sebelum saya memulakan persidangan pada pagi ini, saya ingin membuat sedikit *rulling* berkait dengan soal pakaian dalam persidangan besar ataupun persidangan rasmi seumpama ini. Saya harap selepas saya buat *rulling* berkait dengan pakaian ini tidak timbul lagi isu yang berbangkit kerana pakaian rasmi dalam persidangan besar ini adalah satu protokol yang telah *distandardizekan* di seluruh negeri yang lain. Cuma, Terengganu mungkin ada sikit yang kita buat pembaharuan berkait dengan pakaian *Mandarin Collar*. Yang pertama sekali saya nak pastikan Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir dalam persidangan Dewan Negeri mempunyai beberapa pilihan dalam soal pakaian. Yang pertama ialah berpakaian *Long Suit* lengkap yang sama warna bertali leher, *Long Suit* lengkap sama warna bertali leher dan boleh bersongkok ataupun berkopiah. Yang kedua, sebagaimana saya sebutkan tadi sebagai pilihan juga ini pembaharuan yang dibuat di Terengganu boleh memakai *Long Suit Mandarin Collar* sama warna tetapi tidak bertali leher, boleh bersongkok atau berkopiah. Yang ketiga ialah pakaian kebangsaan sama ada yang rasminya bersongkok atau berserban lengkap. Sebab itu, saya nak pastikan selepas pada ini tidak berbangkitlah ada pelbagai kaedah cara berpakaian termasuk pakaian *Long Suit* tapi pakai Baju Mandarin di dalam. Maknanya kalau nak pakai *Long Suit* biasa, mesti bertali leher. Tidak boleh pakai Baju Mandarin di dalam. Begitu juga kalau berbaju Melayu lawannya ialah bersongkok, tak boleh kalau sekadar nak berkopiah. Ini saya buat *rullinglah* ni untuk jangka panjang. Ini perkara-perkara yang telah dibincang dan juga *distandardizelah* dibuat di negeri-negeri lain.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang kita masuk kepada soalan-soalan lisan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan soalan-soalan lisan pada hari ini 25 November 2020 adalah senarai berikut:

- 1 Yang Berhormat Wakil Tepoh
- 2 Yang Berhormat Wakil Batu Buruk
- 3 Yang Berhormat Wakil Sura
- 4 Yang Berhormat Wakil Telemong
- 5 Yang Berhormat Wakil Buluh Gading
- 6 Yang Berhormat Wakil Hulu Besut
- 7 Yang Berhormat Wakil Manir
- 8 Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
- 9 Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
- 10 Yang Berhormat Wakil Jerneh
- 11 Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
- 12 Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
- 13 Yang Berhormat Wakil Bandar
- 14 Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
- 15 Yang Berhormat Wakil Air Putih
- 16 Yang Berhormat Wakil Ajil
- 17 Yang Berhormat Wakil Kemasik
- 18 Yang Berhormat Wakil Wanita

19 Yang Berhormat Wakil Seberang Takir

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Wakil Tepoh untuk memulakan soalan-soalan lisan pada pagi ini. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Selamat pagi. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan. Soalan saya nombor satu-

Pohon penjelasan berkenaan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi memperkasakan penggunaan teknologi digital di Negeri Terengganu agar rakyat tidak ketinggalan dalam pembangunan digital di tempat lain.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan nombor satu adalah pohon penjelasan berkenaan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi memperkasakan penggunaan teknologi digital di Negeri Terengganu agar rakyat tidak ketinggalan dalam pembangunan digital di tempat lain.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memperkasakan penggunaan teknologi digital adalah kita membangunkan dua pelan berimpak tinggi iaitu Pelan Induk Kerajaan Digital Pintar Terengganu 2021-2030, yang kedua Pelan Strategik Taman Maya AI (*Artificial Intelligence*) di mana Negeri Terengganu telah menubuhkan *Terengganu Advanced Join Digital Intelligent Development Corporation* (TAJDID) yang mana menjadi payung bagi pelaksanaan semua projek dan program Kerajaan Digital Terengganu. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana dalam Dewan yang mulia ini telah meluluskan RM5 juta kepada TAJDID ini untuk melaksanakan pelbagai aktiviti digital pada

tahun hadapan. Dua projek rintis yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah;

1. Pemasangan *Artificial Intelligence (AI)* CCTV di Masjid Jamek Pengadang Baru bagi tujuan pemantauan dan kawalan keselamatan pengunjung sebagai satu pecutan semangat ke arah pendigitalan.
2. Pemasangan *smart traffic light* dalam proses yang ini bagi mengawal aliran trafik dan lain-lain keperluan semasa.

Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO yang telah memberikan jawapan. Soalan tambahan saya yang pertama: Adakah Kerajaan telah membangunkan gerbang pembayaran secara *online* dan tanpa tunai di Terengganu?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih kepada Tepoh. Seiring dengan pelaksanaan Kerajaan Digital, Kerajaan Negeri menerusi Bahagian Pembangunan Teknologi Maklumat (BPTM) telah membangunkan satu gerbang pembayaran secara *online* yang dikenali sebagai *Terengganu Pay* bagi pembayaran bil-bil Kerajaan Negeri. Pembayaran ke atas pelbagai bil dapat dibuat hanya melalui satu traksaksi dengan caj satu perkhidmatan yang minima. Yang kedua, Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan dan melaksanakan *cashless society* dengan kerjasama Bank Negara di beberapa tempat:

- i) Di Pulau Redang yang dikenali sebagai *Cashless* Redang
- ii) Pasar Payang *cashless* Pasar Payang
- iii) Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin *cashless* UniSZA

dan *insya-Allah* kita akan kembangkan di tempat-tempat yang lain pada tahun hadapan ni *insya-Allah*.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada pembangunan IT Negeri Terengganu yang telah mengambil langkah-langkah yang cukup

proaktif di dalam membangunkan agenda digital di Negeri Terengganu. Bila disebut berkenaan dengan *Artificial Intelligence* (AI), bolehkah Dewan mengetahui Visi, Misi dan Objektif Taman Maya AI Terengganu?

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Terima kasih. Pembangunan Taman Maya AI visinya menjelang 2030 Terengganu akan menjadi pemimpin terkemuka dalam pembangunan dan pelaksanaan AI yang berskala tinggi dalam sektor utama yang bernilai tinggi dan relevan dengan warga dan perniagaan di Terengganu.

Kemudian Misi kita adalah:

- i. Menggerakkan industri-industri AI dan memangkinkan pertumbuhan ekonomi
- ii. Penggunaan dan penerimaan teknologi AI di dalam industri
- iii. Pertumbuhan perniagaan dan pembangunan lestari
- iv. Kepimpinan teknologi terkini dan mencipta nilai ekonomi baru
- v. Memacu pertumbuhan ekonomi dan pengkomersialan
- vi. Mengukuhkan ekosistem dan meningkatkan daya saing
- vii. Meningkatkan kesedaran awam dan usaha pembangunan bersama

Dan di antara Objektif penubuhan Taman Maya AI adalah:

- i. Impak Produktiviti dan Pekerjaan
 - Produktiviti buruh akan bertambah apabila pekerja yang tinggal dapat menghasilkan lebih banyak *output* per jam menggunakan teknologi AI.
- ii. Impak Penambahbaikan Produk
 - Memperibadikan: Memahami pilihan dan tawaran yang dibuat untuk mengukur produk perkhidmatan.
 - Penjimatan masa: Automasi tugas dan maklumat yang lebih baik meningkat masa lapang pengguna
 - Kualiti Produk: Fungsi produk diperluaskan dan kuantiti ketepatan fungsi dipertingkatkan

Komponen Strategi AI Terengganu:

- Projek AI Terengganu Berimpak Tinggi: Taman AI secara progresif akan mengenal pasti projek AI Terengganu dalam sektor utama yang berimpak tinggi dari segi ekonomi dan sosial dengan menggunakan kaedah 'kitaran inovasi'. Projek ini akan membimbing pelaburan dalam penyelidikan AI, menjana permintaan dalam sektor utama untuk membangunkan bakat dan keupayaan di Negeri Terengganu, dan juga membimbing Terengganu membina infrastruktur digital sokongan.
- Ekosistem AI: Projek-projek AI Terengganu akan menjana momentum untuk penggunaan AI dan memberi nilai kepada teknologi AI untuk menikmati manfaat yang berterusan daripada teknologi AI, Taman AI akan mengukuhkan ekosistem maya yang memacu inovasi AI dan memastikan penerimaan teknologi AI merentasi sektor ekonomi.

Sekian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Wakil Batu Burok.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Soalan saya nombor dua -

Apakah kaedah Kerajaan Negeri bagi menangani isu pembinaan kolam dan sangkar ternakan ikan secara haram di sungai, tasik dan tanah-tanah milik Kerajaan Negeri?

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Terima kasih Yang Berhormat Batu Burok. Langkah dan kaedah Kerajaan Negeri bagi menangani isu pembinaan kolam dan sangkar ternakan ikan secara haram di sungai, tasik dan tanah-tanah milik Kerajaan Negeri. Dato' Yang di-Pertua, pembinaan kolam sangkar secara haram di sungai, tasik dan tanah-tanah milik Kerajaan Negeri adalah satu kesalahan di bawah Kanun Tanah Negara. Ada peruntukan di bawah seksyen 425 KTN yang memperuntukkan hukuman denda tidak lebih daripada RM500,000.00 dan penjara kurang daripada lima tahun, tapi Dato' Yang di-Pertua, hasrat Kerajaan Negeri ialah untuk menyelesaikan isu ini secara harmoni bukan hasrat kerajaan untuk menghukum rakyat. Kita nak sebolehnya biarlah semua yang haram *tu* jadi halal dan rakyat kita boleh cari makan, boleh cari rezeki. Sebab itulah kerajaan berusaha untuk bagi LMS kepada pengusaha pembenihan kerapu *hybrid* di Kampung Air Tawar di Besut, kolam-kolam ternakan ikan di Kampung Pengkalan Gaduh di Keluang, Besut seluas lebih kurang 40 ekar, juga sangkar-sangkar ternakan ikan di Laguna Setiu serta di beberapa lokasi lain. Ini adalah usaha Kerajaan Negeri supaya apa yang diistilahkan sebagai pencerobohan haram tanah kerajaan, kita boleh halalkan mengikut peraturan yang ada.

Dato' Yang di-Pertua,

Dasar Tanah Negeri Terengganu juga membolehkan pengusaha akuakultur seperti sangkar dan kolam untuk memohon LMS. Jadi rakyat perlu memanfaatkan ruang yang ada di dalam dasar ini, syarat-syaratnya tertakluk kepada pandangan jabatan teknikal seperti JPS, Jabatan Alam Sekitar, PBT, Taman Negeri, Jabatan Perikanan, PlanMalaysia dan beberapa jabatan lain. Isu yang heboh di Paka baru ini, sangkar ikan tu dibina di kawasan projek JPS di kawasan Kuala Paka. Memanglah tak boleh. Sepatutnya bila ada perbincangan dan diberi ruang untuk berpindah, pengusaha perlu berpindah kerana bukan hasrat Kerajaan Negeri nak menyekat rakyat kita berusaha memajukan, buka peluang pekerjaan tetapi apabila timbul isu-isu berkaitan dengan jabatan teknikal, hal-hal ini perlu diselesaikan dengan baik.

Dato' Yang di-Pertua,

Memang keterbukaan ini akan jadi satu dilema seolah-olah menggambarkan kita menggalakkan rakyat menceroboh tanah, kolam, tasik milik kerajaan secara haram. Hasrat kerajaan bukan begitu sebenarnya. Kita nak selesaikan kolam dan sangkar yang sedia ada sekarang *ni* dan pencerobohan baru akan diambil tindakan penguatkuasaan.

Bolehlah saya istilahkan kita lembut tapi tegas. Apa yang sedia ada perlu kita selesaikan dan pencerobohan baru kita tidak akan beri ruang lagi supaya isu ini tidak berlarutan. Keseriusan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu ini digambarkan dengan angka. Jumlah keseluruhan sangkar ikan yang ada di Negeri Terengganu 1,037 sangkar. Yang dah ada kelulusan LMS 180, LMS yang telah tamat tempoh 48, yang tiada kelulusan 134, yang dalam proses LMS 674, 674 ni suatu angka yang besar menggambarkan bagaimana intensifnya usaha kita untuk *nak* menghalalkan pencerobohan-pencerobohan haram, tambah-tambah lagi LMS adalah sangat penting untuk pengusaha memohon lesen di bawah SKL (Sistem Kultur Laut) kemudian kalau *nak* mohon *myGAP* (Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia) sekalipun memerlukan LMS. *MyGAP* tidak akan diberi kepada kolam ataupun sangkar yang dibina secara haram di atas tanah kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO yang telah memberikan jawapan daripada soalan yang ditunjukkan tadi. Selari dengan polisi Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil pertanian di antaranya ialah perikanan dan di antaranya ialah melalui memelihara ikan di dalam kolam-kolam, maka bagaimanakah cara rakyat untuk memohon kelulusan bagi tujuan perusahaan akuakultur yang ditimbulkan tadi.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, permohonan LMS *straight forward* boleh dimohon di Pejabat-pejabat Tanah di mana projek itu hendak dibuat dan *insya-Allah* akan dipertimbangkan sebaiknya dalam Jawatankuasa Tanah Daerah diambil pandangan-pandangan teknikal yang berkaitan untuk dibuat keputusan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya jemput Wakil Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua soalan saya nombor dua –

Apakah usaha-usaha dakwah yang dilakukan bagi menarik golongan belia lebih dekat kepada ajaran Islam?

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, khusus Yang Berhormat Sura serta seluruh pegawai-pegawai. Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sura, apakah usaha-usaha dakwah yang dilakukan bagi menarik golongan belia lebih dekat kepada ajaran Islam? Usaha dakwah merupakan satu usaha yang sangat sukar, sulit berhadapan dengan berbagai-bagai cabaran. Oleh kerana itulah kita sentiasa melakukan satu usaha.

Yang pertama, setiap muslim mesti memiliki rasa kebertanggungjawaban untuk melaksanakan dakwah sama ada dia berada di mana-mana agensi, sama ada agensi yang berkaitan dengan dakwah ataupun agensi yang tidak ada kaitan dengan dakwah sekalipun, selaku muslim mereka mesti bersedia melaksanakan usaha-usaha dakwah di mana-mana sahaja. Yang kedua adalah agensi-agensi kerajaan yang khusus yang melaksanakan kerja-kerja dakwah. Sudah tentu pendekatan ataupun usaha dakwah yang dilakukan terhadap golongan belia ini sangat sulit. Maka, melalui dua kaedah yang pertama damping, yang kedua barulah secara langsung. Maksudnya damping ialah program-program ke arah mendampingi pemuda dan menjinakkan pemuda dan belia yang akhirnya kita dapat menyampaikan segala maudhu', segala topik-topik dan tajuk-tajuk dakwah. Yang kedua ialah kerja dakwah secara langsung yang sudah tentu mesti dilakukan oleh agensi-agensi tertentu.

Yang pertama Yayasan Islam Terengganu melakukan berbagai-bagai usaha khususnya usrah melalui bentuk nafas baru yang diadakan bagi mendekati belia yang dinamakan usrah "Biar Santai Asal Sampai", "Usrah Futsal" dan berbagai-bagai bentuk usrah bagi mendekati anak-anak muda. Mereka juga mengadakan Program Halaqah untuk mendekati anak muda dan meminatkan anak muda terhadap ajaran Islam. Yang kedua Jabatan Hal Ehwal Agama sendiri secara khusus melakukan berbagai-bagai pendekatan untuk menarik anak-anak muda secara langsung juga melalui masjid-masjid agar diimarahkan oleh belia dan beliawanis. Juga program secara kerjasama melalui agensi-agensi yang berkaitan contoh DUAT, i-MiTs, Yayasan Islam Terengganu seperti Kembara Itqan yang dinamakan Kalimat melibatkan remaja bermotosikal menelusuri makam-makam para ulama' di Negeri Terengganu, mengadakan Seminar Daulatkan Islam Agama

Negara dengan kerjasama UniSZA. Mengadakan agihan makanan berbuka puasa dan bersahur di beberapa tempat melalui beberapa agensi melibatkan remaja dan anak-anak muda. Kem Ibadat Pelajar Sekolah dan Belia bersama Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu juga secara khusus untuk anak-anak muda yang tidak terlibat di menara gading berkaitan dengan agama digalakkan menghadiri kelas Sijil Pengajian Agama Islam Terengganu (SPAIT).

Demikian juga program yang diadakan oleh Akademi Didik Ulama Amilin, khususnya program yang agak besar, mega yang mencecah kehadiran hampir 10,000 pengunjung iaitu Himpunan Daie Ummah Nusantara Terengganu Sejahtera pada 8 Februari 2020. Walaupun demikian program terus dilakukan untuk mendekati anak muda seperti Eksplorasi Dakwah Bersama Daie Terengganu, Bicara Maulidur Rasul, Seni Pengucapan Awam Daie Muda, Bengkel Pembangunan Minda Daie Muda, Salam Chit Chat Santai Daie Bersama Selebriti dan berbagai-bagai lagi. Hanya di penghujung tahun ini kita agak berhadapan dengan pandemik COVID-19 maka pendekatan-pendekatan dakwah agak terbatas khususnya usaha hanya melalui *online* yang diadakan. Mudah-mudahan Allah *Ta'ala* memudahkan usaha dakwah ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Terima kasih atas penjelasan yang telah diberikan oleh EXCO Dakwah. *Alhamdulillah* saya kira terlalu banyak usaha-usaha yang telah dilaksanakan untuk memastikan masyarakat kita ini bukan sahaja dapat memahami dan mendekati ajaran Islam tetapi yang lebih penting ialah untuk beramal dengannya. Cuma kita melihat dalam masyarakat kita ini, institusi masjid dan surau-surau terlalu banyak menganjurkan berbagai-bagai aktiviti dan program-program tinggal lagi masalahnya ialah kehadiran ahli-ahli qariah setempat itu nampak tidak begitu menggalakkan terutama sekali di kalangan remaja. Jadi saya ingin mendapat penjelasan lanjut lagi. Apakah pendekatan ataupun langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan dalam memastikan institusi masjid dan surau kita ini, diimarahkan terutama sekali kepada golongan remaja kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dua perkara yang perlu diambil perhatian untuk mendekati anak-anak muda ini. Yang pertama golongan pendakwah itu sendiri urus dakwah. Bila kita bercakap tentang masjid sudah tentu ahli jawatankuasa masjid, pegawai-pegawai masjid mesti memiliki pemikiran dan memiliki semangat untuk menarik anak-anak muda. Oleh kerana itulah, Jabatan Agama Islam

bersama dengan agensi-agensinya berkaitan *insya-Allah* akan menanamkan sifat semangat dan minat jawatankuasa masjid dan pegawai-pegawai masjid untuk mengadakan program-program bagi menarik anak-anak muda. Mereka mesti menyusun program-program yang agak memikat anak muda untuk menghampiri masjid dan mendatangi masjid. Yang keduanya juga kita menggalakkan mana-mana agensi yang ada hubungan dengan belia beliawanis seperti NGO-NGO Belia, Urusetia Belia, Sukan, NGO, Urusetia Wanita dan Beliawanis yang sepatutnya juga mengadakan program-program di masjid-masjid untuk mendekatkan anak-anak muda *insya-Allah*. Jadi, dengan pendekatan kesedaran semua pihak untuk menarik anak-anak muda ke masjid *insya-Allah*, masjid akan dapat diimarahkan dengan baik dengan suasana yang ada.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil Telemong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya yang pertama-

Setiap tahun golongan pekebun/pengusaha kecil dan sederhana menghadapi krisis lambakan hasil pertanian serta kesulitan dalam pemasaran. Apakah kemudahan atau prasarana yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri bagi perkara ini?

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Wakil Telemong, seorang contoh usahawan tani dengan penternakan ayam kampung. Kemudahan dan prasarana yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah pemasaran dan krisis lambakan hasil pertanian di negeri kita. Ayam Kampung Yang Berhormat *okay dok*, boleh pasar *dok*. Hasil pertanian Terengganu yang biasanya berhadapan dengan isu lambakan ini duku, duku Terengganu dan *alhamdulillah* dalam tempoh tiga tahun terakhir ini, tidak lagi berlaku lambakan duku Terengganu apabila hal-hal berkaitan kita boleh tangani dengan baik. Sebenarnya duku Terengganu bukan tak laku kita gagal untuk sampaikan ke tempat orang nak beli kerana beberapa faktor. Di antaranya yang pertama duku *ni* jangka hayat dia terlalu singkat, dia perlu

dimakan dalam masa tiga hari saja. Yang kedua, duku tidak boleh disimpan dalam bilik sejuk. Kalau simpan dalam bilik sejuk, kulit dia akan bertukar jadi hitam dan yang ketiga, duku setakat ini tidak ada lagi produk hiliran yang berjaya dihasilkan walaupun pelbagai kajian nak buat cuka, nak buat jus, nak buat jeruk setakat ni belum berjaya lagi. Jadi yang ada pada duku hanyalah *koyok* dan makan gitu sahaja dan dia perlu dimakan dalam tempoh tiga hari. Sebab itu dalam tempoh tiga hari kita perlu kejar masa untuk sampaikan ke tempat-tempat di mana ada pelanggan yang nak beli terutamanya di kawasan sekitar Lembah Klang dan juga ke utara. Jadi isu kita ialah isu pengangkutan dan inilah yang kita tangani dalam tempoh tiga tahun ni, *alhamdulillah* nampak tidak lagi berlaku isu lambakan duku di Negeri Terengganu.

Yang kedua, saya syorkan petani-petani yang berhadapan dengan masalah pemasaran hasil maklumkan kepada kita kerana pihak FAMA memang sentiasa bersedia untuk buat *contract farming* dengan izin, untuk buat ladang kontrak dengan harga lantai yang tertentu yang ditentukan dan setakat ni semua petani-petani, pekebun-pekebun yang menandatangani perjanjian *contract farming* dengan FAMA, semua FAMA ambik hasil walaupun kadang-kadang pekebun kita *ngelat jugok*. Masa murah dia jual ke FAMA, bila mahal dia jual *kokrang* lain. Tak apalah. Yang ni kita terbuka kerana yang pentingnya rakyat kita boleh memasarkan hasil pertanian dengan baik.

Satu lagi saya nak kongsi dengan Dewan, bagaimana usaha kita mengatasi masalah pemasaran hasil pertanian ketika kemuncak PKP pada pertengahan Mac lalu. Kebetulan pertengahan Mac, masa ni masa timun cina masak dan di antaranya 200 ekar daripada kebun tembikai di Telaga Papan di Setiu masak serentak dan ketika ni sepatutnya sekitar 30 hingga 40 buah lori akan keluar daripada Terengganu untuk hantar tembikai ke utara ataupun ke kawasan Lembah Klang. Jadi kita bayangkan, lori yang sepatut keluar 30 hingga 40 buah, tiba-tiba tak boleh keluar. Atas jalan raya tak ada orang. Premis-premis perniagaan tertutup. Orang tak boleh nak keluar dari rumah dengan bebas sedangkan tembikai sampai masa dia tetap perlu dipetik dan tempoh masa hayatnya juga singkat, dia akan rosak. Jadi Kerajaan Negeri melaksanakan satu langkah kecemasan mengeluarkan suatu peruntukan dan disalurkan kepada TADC dan kita aktifkan DC (*distribution center*) pusat pengumpulan TADC di Telaga Papan di Setiu. Bila kita iklankan kepada pekebun-pekebun tembikai untuk hantar tembikai mereka ke Telaga Papan, berpuluh-puluh buah lori mari, bersusun-susun. Tembikai yang dikumpulkan di DC Telaga Papan lebih tinggi dari saya lagi. Hampir beratus-ratus tan sedangkan kita tak

tahu ke mana tembikai tu nak dipasarkan. Apa yang menjadi hasrat kita nak tengok rakyat senyum je dulu. Rakyat senyum, biarlah kita menangis di belakang, tak apa. Lepas daripada tu barulah kita *clear line* dengan MKN, dengan PDRM, dengan Pihak Berkuasa Tempatan dengan Jabatan Kesihatan untuk kita buka kiosk-kiosk jualan di seluruh negeri dan *alhamdulillah* hasil tembikai kita tidak berlaku lambakan dan Terengganu adalah satu-satunya negeri yang tidak berhadapan dengan masalah serius pemasaran hasil pertanian dalam tempoh PKP. Negeri lain tertutup. Antara contohnya kita usahakan untuk hantar dua buah lori bawa tembikai ke Kedah, sampai di Kedah balik semula sebab *takleh* nak jual di Kedah kerana tidak ada inisiatif di peringkat bawah untuk buka. *Alhamdulillah* petani kita walaupun tak dapat harga RM1.30 sebagaimana yang disasarkan, bolehlah dapat RM0.80. RM0.80 pun tak rugi doh.

Jadi itu di antara beberapa contoh di samping kita ada banyak *outlet*. Yang Berhormat Telemong, *outlet* peruncitan kita ada *Myfarm outlet*, kita ada TADC *Fresh Mart* yang baru dibuka di Kompleks Paya Bunga, kita ada Pasar Borong Setiu juga yang baru dibuka di Telaga Papan, ada Agro Bazar, Kedai Rakyat, ada Agro Bazar Rakyat, ada gerai buah-buahan segar (GBBS) di bawah FAMA, ada pasar tani sama ada pasar tani tu di bawah FAMA ataupun di bawah Pihak Berkuasa Tempatan. Kita ada pasar tani kekal di Nyiur 7 yang kita akan buat transformasi kepada Agro Bazar *insya-Allah* menjelang tahun depan kita ada pasar tani kekal di Kerteh dan juga ada pasar tani kekal yang terbaru *insya-Allah* akan dibuka di Chukai.

Di bawah LKIM ada pasar nelayan, di bawah PPK (Persatuan Peladang Kawasan) kita ada pusat pengumpulan hasil pertanian, ada pusat pengumpulan dan pengedaran ikan, ada gerai-gerai pemasaran hasil pertanian, ada gerai jualan buah-buahan bermusim dan kita telah mengesyorkan supaya isu jualan buah-buahan bermusim ini ditangani dengan cara pihak PBT memberikan lesen sementara secara bermusim pada musim buah tu saja supaya peniaga durian kita, rambutan kita boleh buka gerai-gerai di tepi jalan dalam keadaan tersusun dan dia boleh menjadi satu daya tarikan kepada orang ramai. Dalam masa yang sama, kita juga menganjurkan karnival kerana karnival ni dia mengzahirkan kemeriahan, orang mari ramai dan terbuka ruang pasaran yang lebih luas. Di antaranya di bawah FAMA kita ada *My Best Buy* (MBB), kita ada karnival buah-buahan tempatan, kita ada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan. Yang terakhir kita buat di Jabi dulu, suka dimaklumkan seorang peniaga yang jual anak pokok, anak pokok dalam cawan polisterin dalam tempoh tiga hari program boleh dapat hasil jualan melebihi RM50,000.00, bila

orang mari ramai. Kita ada program pasar ternakan yang tergendala pelaksanaan kerana PKP dan kita ada himpunan lembu sado. Dalam tempoh PKP baru ni, saya berterima kasih kepada Jabatan Pertanian Negeri Terengganu. Pengarah Pertanian pergi daripada satu pasaraya ke satu pasaraya merayu kepada pemilik pasaraya supaya beli hasil-hasil keluaran daripada petani tempatan untuk dipasarkan di pasaraya-pasaraya mereka. Kalau biasa ambik sayur daripada Cameron Highland daripada tempat lain, musim PKP ini tolonglah ambik daripada petani-petani tempatan kita. Sampai begitu sekali kita bekerja demi untuk kita jaga rakyat kita.

Jadi kalau Yang Berhormat Telemong ada keperluan-keperluan khusus untuk pemasaran hasil-hasil pertanian daripada petani-petani di Telemong yang perlu kita beri perhatian khusus, mohon dimaklumkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh ya?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada lagi? Panjang EXCO jawab tadi.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Guane?*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, sila.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Saya mengucapkan terima kasih atas *kecaknaan* dan juga kerja kuat Yang Berhormat Exco Pertanian ni. Sepatutnya *hok gini* pun boleh beri anugerah, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya sokong.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *The Hero* Agro Terengganu

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kita beri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Dok*, betul sepatut dia. Saya nak maklum Yang Berhormat EXCO, sebenarnya masalah saya di Hulu Terengganu ni, bukan di Telemong, keseluruhan orang Hulu Terengganu ini 70% bergantung kepada pertanian. Jadi, yang menjadi masalah kepada kita adalah bila nak *sapa* ke *time* nak jual tu. Kadang orang kampung ni maklumlah. Saya pun orang kampung juga. Bila sampai *time* nak jual, jadi *dok* tau *nok hantor* ke mana-mana. Jadi peranan di antara *celoh*, pengusaha dengan penjual tu jadi *tengoh* tu. Jadi orang kampung dia *dokleh nok* ambik masalah *tengoh* tu. Jadi saya kalau boleh GLC sebagaimana TADC yang di bawah Yang Berhormat kalau bolehnya kita memainkan peranan supaya ianya menjadi sebuah agensi yang boleh mengumpul sebagaimana Yang Berhormat kata tadi. Jadi saya nok kalau boleh, di Hulu Terengganu tu ada satu pusat pengumpulan. Kita daripada Sekayu *nun nok gi tang* ke Telaga Papan *nun nok gi* berkumpul situ jauh Yang Berhormat. Orang kampung ni jauh. Jadi kalau ada *se* di Hulu Terengganu, Yang Berhormat Manir sokong saya rasa. Buat di Hulu Terengganu *sutir takdok* ke cadangan? Buat *sutir* ada dengan *kurung* ada tempat molek biar *mudoh* orang kampung gi *hantor*. Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Terima kasih Yang Berhormat Telemong. Saya luluskan segera untuk penubuhan sebuah pusat pengumpulan di Telemong, *insya-Allah*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Hok* ni baru hero Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Hero sungguh la *ning*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Buluh Gading.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan nombor 1-

Apakah pelan pembangunan yang telah atau sedang diusahakan oleh Kerajaan Negeri bagi memacu peranan belia dalam memacu pertumbuhan modal insan dalam Negeri Terengganu?

YANG BERTHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Buluh Gading

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-Ahli Majlis Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai kanan Kerajaan Negeri dan Persekutuan, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian. Soalan daripada Buluh Gading. Apakah pelan pembangunan yang telah atau sedang diusahakan oleh Kerajaan Negeri bagi memacu peranan belia dalam memacu pertumbuhan modal insan dalam Negeri Terengganu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dan semua Ahli Dewan, *alhamdulillah* dengan kerjasama daripada semua pihak termasuk i-MiTS, UBSNT, Jabatan Belia dan Sukan serta Majlis Belia Malaysia Terengganu, *insya-Allah* kita menjangkakan program-program dan agenda pembangunan modal insan belia...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kuat sikit Yang Berhormat, *slow je* pagi ini...

YANG BERTHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): *Slow?*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ke sejuk? Kuat sikit.

YANG BERTHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Kita menjangkakan bahawa agenda pembangunan modal belia insan di Terengganu dengan kerjasama pihak-pihak yang telah saya nyatakan tadi akan lebih dirancarkan lagi. Pada bulan Ogos yang lepas, pihak U-BESNT telah pun mengadakan satu bengkel yang mana dalam bengkel itu telah pun menatijahkan perkara-perkara yang akan menjadi asas untuk merangka dasar belia Terengganu, iaitu bengkel sepuluh sifat Belia Terengganu Sejahtera

yang mana asas pada bengkel ini yang pertama sekali akan menjadi asas kepada dasar belia Terengganu. Yang kedua, sebagai satu rujukan kepada program-program belia yang akan dianjurkan dan juga yang ketiganya akan digunakan sebagai petunjuk kepada nilai di atas setiap program yang dianjurkan dan di antara program yang besar yang akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat sepertimana peruntukan yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, iaitu pelaksanaan projek Generasi Al-Fateh ataupun Generasi Muda Terengganu Sejahtera (GMTS) yang *insya-Allah* akan mengambil tanggungjawab mendidik anak-anak muda seawal umur 11 tahun lagi. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Yang Berhormat Dato' di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO atas penjelasan yang diberikan tadi. Dalam penjelasan tadi ada disebut berkenaan dengan GMTS (Generasi Muda Terengganu Sejahtera). Boleh Yang Berhormat EXCO membuat penjelasan dengan lebih *detail*, apakah yang dimaksudkan dengan GMTS ini? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih kepada Yang Berhormat Buluh Gading. Program Generasi Muda Terengganu Sejahtera yang telah pun kita rancang kali ini terbahagi kepada lima peringkat;

1. TUNAS yang melibatkan belia yang berumur 11 hingga 12 tahun melalui program yang diberi nama Program *School Potential Talent* (SPT).
2. DIDIK untuk belia yang berumur 13 hingga 15 tahun melalui Program *Teen Potential Talent 1* (TPT 1) dan *T-Volt Junior 1*.
3. BAKAT untuk belia yang berumur 16 hingga 19 tahun melalui Program *Teen Potential Talent 2* (TPT-2) dan *T-Volt Junior 2*.
4. ELIT untuk belia yang berumur 20 hingga 25 tahun melalui program ADUN Belia, Program *High Potential Talent* dan T-VOLT, Program T-Mahir dan juga Program Rakan Muda
5. IKON untuk belia yang berumur 26 hingga 30 tahun melalui Program Mentor-Mentee, Anugerah WIRA, Anugerah BAKTI dan juga Anugerah PUTRA.

Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, *alhamdulillah* kita nampak pelbagai usaha dalam memastikan

hasrat kerajaan tercapai dalam pertumbuhan modal insan di kalangan belia ini. Boleh Yang Berhormat EXCO menjelaskan dengan lebih lanjut apakah pengisian dan fokus dalam pelaksanaan GMTS ini? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Ada empat fokus yang telah pun dirancang dalam program GMTS ini;

1. Kepimpinan dan teladan.
2. Pendidikan dan pembangunan insan
3. Ekonomi dan usahawan
4. Sosial dan kemasyarakatan.

Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Wakil Hulu Besut.

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Soalan saya soalan satu-

Apakah Bantuan Penyakit Kronik dan Bantuan Masuk Hospital melalui Tabung Darul Iman (TDI) masih wujud atau tidak. Jika ada, berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan dan berapa ramai yang telah mendapat faedah pada tahun 2020?

YANG BERTHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya Hulu Besut. Soalannya apakah Bantuan Penyakit Kronik dan Bantuan Masuk Hospital melalui Tabung Darul Iman. Masih wujud ataupun tidak? Jika ada, berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan dan berapa ramai yang telah mendapat faedah pada tahun 2020? Bantuan Penyakit Kronik

masih wujud. Bantuan Penyakit Kronik atau dikenali sebagai Bantuan Sara Diri Tahunan adalah bantuan untuk pesakit yang menghidap penyakit kronik seperti kanser, jantung, kegagalan buah pinggang, strok dan sebagainya merupakan salah satu bantuan yang disediakan oleh Tabung Darul Iman. Bantuan Masuk Hospital ataupun bil hospital tidak disediakan kerana Tabung Darul Iman hanya menyediakan bantuan perubatan melalui Surat Jaminan atau GL. Bantuan perubatan ini adalah melibatkan bantuan implan, peralatan perubatan, ubat-ubatan yang tidak disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Manakala, bantuan-bantuan yang telah pun berjalan daripada awal tahun sehingga ke hari ini, iaitu Bantuan Musibah kepada 174 orang yang melibatkan RM1,623,372,00.00. Bantuan Sara Diri Tahunan kepada 4,438 orang penerima yang berjumlah RM2,451,200.00. Bantuan Perubatan ataupun GL kepada 227 orang berjumlah RM322,475.00. Bantuan Susu dan Lampin Pakai Buang kepada 1,428 orang berjumlah RM960,646.00. Jumlah keseluruhan yang telah dibelanjakan oleh Tabung Darul Iman sehingga ke hari ini berjumlah RM5,357,695.37. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya ingin tahu pasal ada penduduk kawasan saya jumpa saya. Dia kata sekarang ini, kalau kita pergi ke hospital, hospital perlu bayar segera, barulah rawatan dibuat. Selepas itu, bila dia pergi ke TDI, TDI kata GL tak boleh keluar sekarang ini dan beri bantuan pun separuh daripada keperluan yang sepatutnya. Jadi, apakah Tabung ini hanya diberi bantuan hanya separuh daripada keperluan perbelanjaan?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Saya rasa boleh dapatkan nama itu kepada saya kerana setakat ini semua yang masuk ke hospital, kita keluarkan GL dan kita menanggung keseluruhan perbelanjaannya termasuklah yang berada di IJN, yang memerlukan bayaran yang lebih banyak lagi, tapi *hok ni, ni* saya *dok* tahu, hospital mana ini dan kes apa ini. Boleh maklum kepada saya semula.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, maknanya sekiranya rakyat Terengganu memerlukan kos rawatan itu, maknanya Tabung ini akan membiayai sepenuhnya, *gitu* maksudnya?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Setakat yang termampu, *insya-Allah* kita akan laksanakanlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Wakil Manir. Saya nampak soalan Wakil Manir dengan Wakil Bukit Besi itu macam lebih kurang *dok?* Boleh jawab sekali gus *kot.* Saya jemput Wakil Manir. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua soalan saya yang pertama. Terima kasih.

Sila nyatakan usaha kerajaan bagi terus mengurangkan kadar pengangguran di Terengganu terutama pasca COVID-19?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Manir yang bertanya berkenaan nyatakan usaha kerajaan bagi terus mengurangkan kadar pengangguran di Negeri Terengganu terutama pasca COVID-19? Dato' Yang di-Pertua, kadar pengangguran negeri pada tahun 2018 adalah berjumlah 4.8% iaitu tertinggi di Semenanjung Malaysia. Pada tahun 2019 kadar itu telah menurun kepada 3.5% pada suku pertama. Pada suku pertama tahun 2020, kadar itu terus menurun kepada 3.3% iaitu lebih rendah daripada kadar pengangguran di Malaysia iaitu 3.5%. Akibat penularan wabak COVID-19 ini, pada suku kedua tahun 2020, kadar pengangguran Terengganu meningkat kepada 3.8% tetapi masih rendah berbanding dengan kadar pengangguran Malaysia iaitu pada kadar 5.1%. Ini adalah petanda Negeri Terengganu sedang menuju ke arah satu arah yang betul dan kerajaan akan terus menggembelng tenaga berkolaborasi dengan pelbagai pemegang taruh dalam sektor pekerjaan ini bagi memastikan rakyat Terengganu dapat menikmati pembangunan dalam bentuk peluang pekerjaan yang baik. Kerajaan Negeri melalui T-HRDC telah mengadakan kolaborasi erat bersama PERKESO Negeri Terengganu bagi membantu rakyat yang kehilangan pekerjaan ekoran COVID-19. T-HRDC membantu majikan mendapatkan pelbagai insentif PENJANA bagi membolehkan mereka mengambil pekerja baru di samping mengelak daripada membuang pekerja sedia ada. T-HRDC juga membantu institusi latihan mendapatkan penempatan kerja dan dana latihan melalui kerjasama dengan majikan dan persatuan industri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, apakah kerajaan mempunyai angka ataupun bilangan agensi-agensi yang bekerjasama dengan T-HRDC dalam menangani permasalahan ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Kerajaan berkolaborasi dengan pelbagai agensi dengan agensi Kerajaan Negeri sendiri dengan Kerajaan Pusat dan juga pemain-pemain industri dan agensi institusi-institusi latihan antaranya adalah PERKESO, JTK ataupun Jabatan Tenaga Kerja, *Job Malaysia*, Jabatan Statistik Malaysia, UC TATI, TESDEC, Kolej Kemahiran Yayasan Terengganu (KKYT), UMT, UNISZA, Terengganu Timber Industry Training Center (TTITC) dan kita juga berkolaborasi dengan Terengganu *O&G Council* (TOGC) yang terdiri daripada 40 syarikat milik anak Terengganu untuk kita mendapatkan maklumat-maklumat dalam bidang O&G ini (oil and gas). Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila tuan punya soalan asal dulu selepas itu kita bagi kepada Wakil Bukit Besi sebab soalan dia ada kaitan sebenarnya.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, apakah program-program terkini yang boleh dikongsikan dalam Dewan yang mulia ini bagi menangani isu pengangguran ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih Yang Berhormat Manir. Dato' Yang di-Pertua, Program terkini yang sedang dilaksanakan dalam program penempatan pekerjaan *Place and Train Terengganu*, kita namakan *Place and Train Terengganu* dalam program ini T-HRDC telah menemui sendiri majikan-majikan yang memerlukan pekerja dan berunding agar mengambil anak-anak Terengganu sebagai pekerja. Setakat ini sebanyak 500 peluang pekerjaan telah dikenalpasti melalui program ini. Pada bulan September yang lepas, satu kumpulan *pilot project* kita seramai 15 orang telah berjaya dilatih selama dua minggu sahaja dan dengan kerjasama ILP Kuala Terengganu. Pelatih ini telah pun masuk bekerja pada pertengahan bulan Oktober dan telah mendapat gaji pertama, *alhamdulillah*. Hasil daripada *pilot project* ini, T-HRDC dengan kerjasama UC TATI sedang melaksanakan program *Place and Train* secara besar-besaran. Bidang yang terlibat adalah;

1. Pembuatan komponen automotif,
2. Pemasangan *fiber optic*,

3. *Oil and gas construction crew and scaffolding*
4. *O&G part installation.*

Program akan bermula seramai 150 perantis di UC TATI mulai bulan depan Disember dan bidang *fiber optic dan oil and gas*.

Yang keduanya projek sistem maklumat pekerjaan akar umbi. T-HRDC akan memasang sistem maklumat pekerjaan di pejabat-pejabat Pusat Khidmat DUN bagi memperkasakan penyampaian maklumat pekerja kepada masyarakat terutamanya yang tidak mampu mendapat akses maklumat melalui talian. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan mengenai soalan ini iaitu melalui sistem yang diwujudkan ini boleh tak saya dan mungkin juga orang ramai ingin tahu berapakah kadar upah kerja per hari bagi pekerja di Terengganu kerana saya rasa jika ada kajian data dibuat perkara ini pasti dalam pengetahuan Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Kadar upah tiada pada saya setakat ini Yang Berhormat, mohon notis untuk saya kemukakan *insya-Allah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ya

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Dato' di-Pertua soalan tambahan saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Saya tertarik dengan isu pengangguran dan juga isu peluang pekerjaan yang dinyatakan oleh pihak kerajaan, cuma sebelum pada PRU ke-14 itu hari ada Manifesto Terengganu oleh pihak PAS yang menyatakan bahawa menyasarkan 20,000 peluang pekerjaan akan

disediakan dalam tempoh empat tahun iaitu sehingga pada tahun 2023. Jadi boleh tak pihak kerajaan memaklumkan sampai ke hari ini, sampai ke setakat ini berapakah daripada 20,000 peluang pekerjaan itu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kelmarin jawab *dah*. Yang Berhormat kelmarin ada *dah*.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): *Tak leh* sekali lagi pula.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Arini pula berulang *peseng* soalan *hok* sama *tu* Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya hendak sebut benda yang sama juga sebab masa penggulungan Wakil Ladang kelmarin sudah *dah* jawab *clear dah*. Ya, terima kasih. Seterusnya saya menjemput Wakil Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya ialah soalan nombor 1-

Sila jelaskan prestasi semasa kewangan negeri ekoran pandemik COVID-19?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Rantau Abang kebetulan nama sama pula *dah*. Kanda saya ini *nak* supaya dijelaskan kerajaan menjelaskan prestasi semasa kewangan negeri ekoran pandemik COVID-19. Nampak *terik* ini soalan pandemik COVID-19 *ni* nampak *rohok* sikit. Pagi ini sejuk *jer* belaka. Untuk memenuhi jawapan tersebut untuk makluman Ahli Dewan sekalian, jumlah hasil yang diterima sehingga 31 Oktober 2020 ini, musim pandemiklah, pandemik kita, PKP *start* bulan Mac sehingga sekarang masih lagi dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan lagi, adalah sejumlah

RM1,551,102,704.11 iaitu mencakupi 93.10% daripada Belanjawan 2020 yang berjumlah belanjawan kita yang lepas kita anggaran adalah RM1 billion 666 juta, RM1.666 billion ringkas nak sebut. Sedangkan kita menerima hasil sehingga Oktober, belum habis tahun lagi ada bulan November, bulan Disember lagi ialah RM1.5 billion. Terimaan bukan hasil masih lagi, sampai kini menyumbang capai hasil yang mencakupi 97.22% kerana belum masuk lagi hasil-hasil cukai negeri yang belum dibayar sepenuhnya sehingga bulan dua belas nanti *insya-Allah*. Jumlah perbelanjaan mengurus pula, musim-musim COVID ini, tahun COVID kita kira ini, sebab Mac dah bermula COVID ialah RM1,098,474,452.60 iaitu lebih kurang 60% daripada anggaran Belanjawan 2020 yang mana kita anggarkan belanjawan, daripada 60% daripada anggaran belanjawan kita. Perbelanjaan ini terdiri daripada yang terhormat RM216,812,778.34 bekalan, perkhidmatan dan bekalan RM138,145,929.31 dan aset kita sebanyak RM4,668,667.97 dan berkenaan bayaran tetap RM738,393,274.31. Perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM423,210,305.70 iaitu 60.5% berbanding anggaran Belanjawan 2020. Perbelanjaan ini melebihi jumlah terimaan yang hanya kita terima setakat ini ialah RM204,500,000.00. Perbelanjaan bekalan air ialah RM670,097.35 sahaja. Itulah antara prestasi kewangan Negeri Terengganu tahun 2020 hingga 31 Oktober ataupun kita sebut di musim pandemik COVID-19 untuk makluman Dato' Yang di-Pertua dan Ahli Dewan.

YANG BERTERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Soalan tambahan yang kedua: Seperti yang kita maklum, belanjawan tahun ini adalah belanjawan defisit yang mana hasil dan perbelanjaannya berlaku tidak seimbang. Sudah tentulah tahun ini memerlukan suatu pendekatan yang teliti kerana pandemik COVID-19 ini masih menular dan tidak tahu bila tamatnya, jadi soalan saya ialah bagaimana kerajaan dengan kewangan yang ada untuk dibentangkan untuk tahun ini, kerajaan dapat mengawal perbelanjaan untuk memastikan kestabilan ekonomi terjamin. Terima kasih.

YANG BERTERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Terima kasih, Rantau Abang yang ingin tahu langkah-langkah apa yang patut kita laksanakan bagi mengatasi yang pertamanya bajet kita bajet defisit. Yang kedua, bajet kita juga merupakan bajet yang menguncup berbanding dengan bajet 2020. Perbelanjaan makin berkurang, hutang kita yang mesti dibayar *scheduled payment* dengan *deferred payment* bernilai lebih dari RM400 juta. Kita juga menghadapi kekangan ataupun tekanan daripada pandemik COVID-19 ini yang mana sudah tentulah pergerakan ekonomi kita akan menjadi lembab bukan sahaja Negeri dan juga di peringkat Persekutuan dan sehingga

kini kita masih lagi, sumber kita banyak bergantung kepada pemberian dana khas daripada Persekutuan melalui wang royalti ataupun hasil daripada petroleum. Ia sangat bergantung kepada ekonomi dunia, sekiranya minyak dunia meningkat, *insya-Allah* mungkin hasil kita lebih daripada apa yang kita jangkakan dan memang kita berdoa dan kita berharap minyak dunia akan meningkat dan kita akan mendapat bahagian yang lebih besar daripada duit petroleum ini dan usaha-usaha kita sebagaimana antaranya yang ADUN Kijal cadangkan kita berunding untuk dapat Bertam, sekiranya Bertam kita berjaya dengan kerjasama rakan kita Muafakat Nasional dan juga Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar berunding dengan Kerajaan Pusat saya yakin kita akan dapat sedikit lagi tambahan pendapatan melalaui hasil daripada petroleum di Bertam ini *insya-Allah* dan juga sedang kita, cuma tidak masuk dalam bajet, benda belum tentu jadi usaha untuk kita dapat balik bayaran balik yang disebut oleh ADUN Kijal semalam pendahuluan kita LPT2 RM1.85 billion yang besar itu, mungkin kita runding untuk dapat bayar secara berjadual juga berapa ratus, RM200 juta contohnya setiap tahun begini akan menampung defisit kita. Ini sudah tentulah kita perlu bersepadu dalam Dewan ini khususnya rakan-rakan daripada UMNO, Muafakat Nasional untuk kita berunding Kerajaan Pusat bagi dapatkan kembali duit yang telah kita dahulukan semasa Barisan Nasional dahulu. Sekiranya kita akan dapat dua sumber ini, *insya-Allah* kita akan dapat menambah pendapatan kita di samping itu sudah tentulah langkah-langkah penjimatan juga harus kita laksanakan perbelanjaan secara berhemah sebagaimana yang telah dibentangkan dalam bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar antara beberapa pengurangan-pengurangan yang terpaksa kita buat demi untuk memastikan kita tidak nanti tidak dapat membayar perkara-perkara yang wajib kita bayar, emolumen, khidmat bekalan dan juga hutang yang telah kita terpaksa komitmen hutang kita yang RM400 juta itu kita mesti kita tunaikan kerana bukan berhutang dengan Kerajaan Pusat, hutang dengan kontraktor yang telah menjalankan kerja-kerja pembinaan dan juga pembaikan loji air dan juga Bandar Baru Kuala Nerus. Ini antara hutang yang kita terpaksa tanggung. Oleh itulah atas permintaan ini, kita minta kerajaan macam-macam nak naik bantuan *one-off* tetapi kita juga melihat kekangan-kekangan yang kita ada. Saya harap semua kita dapat memahami keadaan ini dan keadaan kita memang bukan sahaja individu mengalami kekangan kewangan, peniaga-peniaga, kerajaan sendiri pun mengalami kekangan kewangan juga, Kerajaan Negeri ataupun Pusat. Sama-samalah kita harap pandemik ataupun COVID-19 ini Allah akan angkat segera daripada bumi ini amnya, dan juga negeri kita. Semoga kita kembali kepada normal dan boleh kembali

berurusan seperti biasa. Itulah untuk makluman Dewan setakat yang kita usaha setakat ini. Terima kasih.

YANG BERTAKWA DATO' YANG DI-PERTUA: Ada lagi tak?

YANG BERTAKWA HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Terima kasih atas...

YANG BERTAKWA DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Boleh tak tolong se Yang Bertakwa

YANG BERTAKWA DATO' YANG DI-PERTUA: Tuan punya soalan

YANG BERTAKWA DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Oo ada dah, lepas ini bagi kat saya satu Yang Bertakwa boleh tak?

YANG BERTAKWA DATO' YANG DI-PERTUA: Sini Yang Bertakwa, kena tanya di sini.

YANG BERTAKWA HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): *Okay*, saya melihat bahawa kita sangat bergantung kepada petroleum jadi saya ingin tahu apakah langkah-langkah lain selain daripada usaha berbincang dengan Bertam dan sebagainya, apakah hasil-hasil lain yang kerajaan boleh memikirkan untuk menambah pendapatan hasil Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERTAKWA DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Yang Bertakwa Rantau Abang, setakat ini ada dua langkah besar yang kita *insya-Allah* saya rasa boleh kita laksanakan tapi mungkin menimbulkan beberapa ketidakpuasan juga antaranya sebagaimana yang disebut di bawah pelancongan, mengenakan beberapa caj-
caj yang selama ini hasil daripada pelancongan, cukai pelancongan ini semua dapat kepada Kerajaan Pusat, kita akan telah lulus beberapa perkara supaya ada juga hasil daripada pelancong-pelancong ini masuk dalam kewangan negeri. Ini antara membantu menambah pendapatan.

Yang kedua, Enakmen Air kita yang telah kita buat baru-baru ini dan di bawah Lembaga Air Terengganu, kita akan menentukan berapa royalti air yang terpaksa dibayar air mentah bukan hanya air bersih tapi air mentah yang digunakan oleh syarikat-syarikat

supaya dapat dikenakan caj dan ini juga akan menambah kepada hasil Kerajaan Negeri *insya-Allah*.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, Yang Berhormat ringkas sahaja sebab kita dah lewat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ringkas ya, terima kasih Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Tunggal saya ingin mendapat penjelasan yang lebih lanjut sikitlah, sebab mungkin saya tertinggal. Saya nak tahu apakah yang menyebabkan Yang Berhormat kata Kerajaan Pusat mengguna duit kita RM1.8 billion itu tidak dibayar ke guana sekarang? Sebab dulu kita telah mendapat satu keputusan muktamad daripada Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat bahawa hutang ini akan dibayar secara berskala dan kita setuju dah RM200 juta setahun, jadi kita buat projek dulu pun kita pun berlandaskan kita tahu *pitis* kita ada. Ini *time* kita susah dia nak minta hutang kita dengan dia, hutang dia dengan kita dia tak mahu kira, mana boleh jadi gitu. Jadi sekarang ini kita dah comelkan, Yang Berhormat Paka, Yang Berhormat Bukit Tunggal dah PM tu dah gini dah kan, bolehlah *royat* takkan tak boleh *royat*.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okay Yang Berhormat, sila.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kita harap begitulah, kita harap begitu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Jelas, jelas. Soalan jelas okey

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Jadi, selesai benda ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih adinda kita daripada Telemong, sangat prihatin ini. Sebenarnya malaslah nak *kabo*, sejak PH memerintah baru ini, dia tak bagi, tak bayar *hok* janji RM200 juta nak *royat* ceritanya. Jadi bila dia buat keputusan kerajaan dahulu, faham-fahamlah PH kan, dia memang hancing sikit. Dia janji, dia dah berhenti bayar dan *insya-Allah* kita terpaksa runding balik kerajaan baru, *insya-Allah* dengan abang kita ini yang ada di Kuala Lumpur, dengan hubungan baik antara Kerajaan Negeri, khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri

Menteri Besar dan juga Yang Berhormat Kijal juga ada hubungan yang baik dengan Perdana Menteri ini kita bersama-sama berunding supaya dibayar semula sebagaimana dibayar zaman BN dulu RM200 juta, *insya-Allah* dan kita tambah hasil Kerajaan Negeri. Sama-samalah kita kerja Yang Berhormat Telemong *deh, insya-Allah*, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Okey*, terima kasih, Yang Berhormat sekalian, saya cadang untuk menangguhkan sementara sidang kita dan kita bertemu balik pada pukul 11.10 pagi dan saya harap kita boleh masuk mengikut masa yang ditetapkan kerana banyak lagi agenda-agenda yang kita kena habiskan pada hari ini. Hari ini hari yang terakhir. Sekian, ditangguhkan.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 10.45 PAGI

PUKUL 11.20 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Mesyuarat disambung semula. Sebelum kita sambung mesyuarat pada pagi ini, yang merupakan mesyuarat terakhir, saya nak sebutkan satu dua perkara. Tadi saya dah sebut berkait dengan *ruling* sayalah berhubung dengan soal pakaian Ahli-ahli Dewan, saya berharap apa-apa kekurangan dalam persidangan pada kali ini dapat diberi perhatian dalam persidangan yang akan datang kerana persidangan besar seumpama ini adalah persidangan rasmi dan kita mesti pastikan pakaian pun mesti berbentuk rasmi sebagaimana yang telah diputuskan oleh pihak Dewan.

Yang kedua, saya mendapat maklumat daripada beberapa orang Ahli Yang Berhormat di sesetengah kawasan oleh kerana sekarang ini musim hujan dan berlaku banjir, ada yang telah dipindahkan. Jadi marilah kita berdoa semoga rakyat negeri kita dilindungi Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* daripada malapetaka, banjir, semuanya selamat, *insya-Allah*.

اللَّهُمَّ اكْشِفْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ
وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَكْشِفُهُ أَحَدٌ غَيْرَكَ

Ya Allah, bebaskanlah kami daripada situasi yang sukar, wabak penyakit, dan perkara-perkara keji yang tidak mampu dibebaskan melainkan oleh-MU Ya Allah.

Yang kedua, saya dalam perbahasan Rang Undang-Undang Pembekalan ataupun Bajet 2021 saya telah berusaha untuk memberikan peluang setakat masa yang ada kepada 12 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-Undang ini dan apabila saya *check*, tujuh orang daripada kawan-kawan kita sebelah sini, hanya lima orang sahaja yang sempat daripada kawan-kawan kita daripada sebelah kanan saya. Ini sebenarnya menggambarkan semangat Muafakat Nasional, Yang Berhormat. Kalau kata pasal persidangan lepas, zaman-zaman saya dululah, memang tidak ada peluang Ahli-ahli Parlimen daripada bukan kerajaan pada waktu itu mendapat peluang sebagaimana yang ada sekarang ini. Jadi saya harap, pendekatan yang saya ambil dalam persidangan ini juga diberi perhatianlah, maknanya kita tidak ada masalah dari segi siapa yang mahu bercakap, yang pentingnya kita rai-meraikan.

Yang kedua kalau saya boleh celah sikit, walaupun sebenarnya yang sepatutnya memberikan penjelasan jawapan daripada Yang Berhormat Kerajaan. Terutamanya saya tertarik dengan perbahasan daripada Wakil Hulu Besut, Wakil Hulu Besut sebut kelmarin, berkait dengan masalah PAS kahwin satu lagi. Jadi saya nak sebutkan dalam perkara inilah, pada pandangan saya kita kena berjiwa besar dan orang putih kata *look to the big picture*. Kita kena tengok ke depan, sebab kahwin satu orang lagi ni, dia ada masalah yang lebih besar sebagaimana Sunnah Rasulullah ﷺ, Rasulullah ﷺ berkahwin bukan orang kata kerana nafsu, tetapi mempunyai masalah yang lebih besar.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Tapi kena adil.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dalam nak menarik...

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Tuan *Speaker*, tapi kena adil.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Nanti dulu saya kata. Sabar Yang Berhormat. Yang Berhormat *dok* sabo *sokmo*. Cuba sabar sikit.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Kalau Tuan *Speaker* cakap ni jadi *seriau sokmo*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Maksudnya, apa yang dibuat oleh Rasulullah ﷺ, pendekatan itu cukup baik dalam *nak* menarik lebih ramai lagi umat Islam ataupun lebih ramai lagi orang masuk Islam. Itulah pendekatan anak-anak ketua-ketua kabilah, anak-anak orang Yahudi. Jadi saya harap apa yang sedang berlaku sekarang ini, *insya-Allah* atas nama masalah kepentingan umum ini, kita layari bersama. *Insya-Allah*. Okey, kelmarin saya telah beri peluang kepada pihak kerajaan membuat penggulungan sehingga kita terpaksa membuat usul menambah masa selepas pada pukul lima petang. Saya ingat kita berakhir kelmarin pun *dah* pukul enam lebih *dah* kelmarin. Ini satu perkara yang penting yang telah diambil perjalanan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Jadi sekarang tibalah masa yang kita tunggu-tunggu iaitu orang yang membentangkan bajet, sudah tentulah tidak lain dan tidak bukan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, saya nak jemput Yang Amat Berhormat dengan sebuah pantun:

Muafakat kita perlu tulus
Ikhlas dari harta yang relung
Bajet 2021 menanti lulus
Jemput Yang Amat Berhormat masuk menggulung

Dipersilakan.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Dewan, para petugas dan pemerhati yang dihormati sekalian. Nampaknya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dengan baju yang baru, nampak ceria sikit pagi ini. *Alhamdulillah*.

Alhamdulillah, marilah sama-sama kita sekali lagi memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana memberikan ruang dan peluang kepada kita untuk berada dalam Dewan Yang Mulia ini bagi melaksanakan amanah dari Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dan tanggungjawab kita kepada rakyat di Negeri Terengganu Darul Iman yang kita dikasihi. Kerajaan mendengar dan mencatatkan dengan penuh tekun segala pandangan daripada rakan-rakan Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri di Dewan yang mulia ini. Termasuklah kita juga menghayati pelbagai ulasan ahli ekonomi, ahli akademik, ahli korporat dan pandangan rakyat awam terhadap Bajet yang dibentangkan. Termasuklah juga komen-komen di *Facebook*, *Twitter*, dan juga komen di kedai kopi, dalam *group Whatsapp* oleh Ayah Teh di Kemaman, Che' Da di Marang dan Pak Lah di Besut. Saya ingin menzahirkan perasaan terima kasih yang sesungguhnya kepada semua pihak yang menyuarakan isi hati mereka atas semua pandangan dan cadangan yang dikemukakan. *Insyallah* pihak Kerajaan akan menilai dan mengaturkan keutamaannya untuk dipertimbangkan dalam pelaksanaan Belanjawan Terengganu 2021 atau dimasukkan dalam perbekalan akan datang. Rakan-rakan pentadbiran, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah sedaya mungkin memberikan jawapan kepada persoalan yang ditimbulkan, dan dalam masa yang sama kami sudah tentu terbuka bagi semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini, untuk bertemu dan berbincang mengenai apa jua persoalan terutamanya dalam suasana kita sama-sama mendepani isu pandemik COVID-19. Termasuklah juga musim monsun yang sedang kita hadapi pada saat ini dan segala macam urusan yang berkaitan dengan kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Mendengar perbincangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pada hari ini memperlihatkan kematangan politik dan kesepaduan tujuan dari kedua-dua belah pihak untuk kepentingan rakyat Terengganu. Sementelah lagi kita sedang berjuang untuk berdepan dengan COVID-19. Khususnya terima kasih kepada Yang Berhormat Kijal, Yang Berhormat Batu Burok, Telemong, Bukit Besi, Seberang Takir, ADUN Wanita, Batu Rakit, Pengkalan Berangan, Kemasik, Hulu Besut, Kuala Besut dan Manir. Belanjawan yang dibentangkan setiap tahun inilah yang menentukan halatuju dan keutamaan kerajaan, mempengaruhi aktiviti ekonomi yang melibatkan pelaburan, perindustrian, perusahaan perniagaan, menjamin kesejahteraan sosial dan menunaikan janji kepada rakyat. Setelah

mempertimbangkan faktor semasa dan unjuran jangka panjang, Kerajaan Negeri memilih untuk tidak membesarkan perbelanjaan pada tahun 2021 sebaliknya mengambil pendekatan untuk melaksanakan belanjawan berasaskan *aulawiyat*, keutamaan, *priority based budget* dengan izin, dalam kerangka kapasiti yang kita ada sekarang ini. Kerana itulah Kerajaan Negeri konsisten menghadkan deposit tidak melebihi 10% atau tidak lebih daripada RM125 juta. Setelah menilai dan menyusun keutamaan ini, Kerajaan Negeri yakin bahawa keseluruhan inisiatif ini mampu membentuk keseimbangan antara penawaran dan permintaan dalam ekosistem ekonomi negeri supaya lebih dinamik. Seterusnya pengguna dan peniaga saling mendapat manfaatnya. Menyentuh tentang inisiatif bantuan COVID-19, secara umumnya saya melihat bahawa inisiatif dalam Belanjawan Terengganu yang kita rangkakan ini adalah sokongan kepada Belanjawan Negara 2021 untuk menampung kepentingan rakyat sebagaimana pakej Ransangan Terengganu Cakna yang kita umumkan sebelum ini bagi menyokong pakej-pakej bantuan daripada pihak Kerajaan Persekutuan. Manakala dalam soal bentuk bantuan kepada rakyat, saya melihat ada dua bentuk bantuan iaitu bantuan kewangan kepada rakyat yang sangat memerlukannya terutamanya melibatkan penyediaan makanan atau barang keperluan asas. Manakala satu lagi ialah bantuan berbentuk pemberian joran agar rakyat kita mampu berdikari untuk terus mencari makanan di masa sekarang dan masa hadapan. Oleh kerana itu, Belanjawan ini dibangunkan dengan inisiatif bantuan kewangan kepada rakyat dan juga bantuan lain-lain seperti pendidikan, kemahiran, perkembangan perniagaan dan pertanian dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Mengenai beberapa perkara yang dibangkitkan walaupun sebahagian besarnya telah dijawab oleh rakan-rakan pentadbiran, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, suka untuk saya tambahkan, ia telah dijawab oleh Yang Berhormat Bukit Tunggal, saya *nak* tambah sikit, adalah berkaitan dengan Kumpulan Medic Iman atau KMI sebagai syarikat induk yang 99.29% nya adalah ekuiti dimiliki oleh negeri. Tidak pernah merancang untuk menjual pegangan sahamnya dalam Kuantan Medical Centre (KMC) di mana KMC 92.33% ekuitinya adalah Kerajaan Negeri Terengganu atau menjual mana-mana bangunannya. Apa yang ada ialah Program Ijarah antara KMI dan KMC, dua-dua ini hak kita belaka. Di mana proses ini akan menjana kemasukan tunai kepada KMC sebanyak RM94 juta, yang akan digunakan untuk memajukan lagi perniagaan KMC. Proses ijarah ini juga akan mengekalkan bangunan KMC dalam Kumpulan Syarikat KMI. Berkenaan penjualan

gudang *Chicken Cottage UK* atau CCUK di mana ianya adalah 100% ekuiti Negeri Terengganu, keputusan untuk menjual aset ini dibuat oleh Lembaga Pengarah pada tahun 2017 dan ianya telah dijual pada harga £722,400 dan Terengganu Incorporated telah menghantar juruaudit dalamannya untuk mengaudit transaksi ini dan mereka telah mengesahkan yang harga jualan ini telah diterima sepenuhnya pada 26 Februari 2019.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Alhamdulillah, tahun 2020 menyaksikan sejarah baru politik negara, hasil dokongan daripada tiga parti Melayu Islam dalam negara kita ini iaitu PAS, UMNO dan PPBM, di samping parti-parti lain dari Sabah dan Sarawak. Penyatuan parti-parti Melayu Islam ini adalah dalam konsep Muafakat Nasional dan Perikatan Nasional, amat besar maknanya kepada rakyat dan negara kita, setelah melalui fasa pentadbiran di bawah kerajaan PH sebelum ini. Pun begitu, kita juga telah diduga dengan dugaan yang amat besar apabila pandemik COVID-19 menyerang seluruh dunia termasuklah yang terkesan adalah negara kita sendiri. Terengganu tidak terlepas namun *alhamdulillah* situasi semasa memperlihatkan penularan pandemik di negeri kita ini masih terkawal. *Insyah-Allah*, sinar baharu tahun 2021 akan menyaksikan penghasilan vaksin pandemik COVID-19 yang pada saat ini 90% efektif, yang sama-sama akan dimanfaatkan oleh seluruh rakyat di Negeri Terengganu dan Malaysia secara umumnya. Justeru itu, kita mengharapkan kerjasama daripada semua pihak bermula daripada rakyat barisan hadapan atau *frontliners* dengan izin, ahli-ahli politik dengan pelbagai latar belakang dan kepimpinan kerajaan untuk sama-sama kita menamatkan penularan virus COVID-19 ini. 'Teguh Kita, Menang Bersama'. Oleh kerana itu kerjasama dan dokongan dalam kerajaan mestilah kita berikan sepenuh hati. Pasti ada perbezaan dan perselisihan pandangan kerana itu adalah naluri, adalah satu fitrah yang senantiasa ada dalam mana-mana keluarga sekalipun. Namun, ianya haruslah diurus berpandukan kepada falsafah orang-orang tua. 'Kalau digali tanah berbingkah, tanah berderai yang akan bertemu'. Walaupun saya bersama dengan rakan-rakan yang lain mungkin berdepan dengan tindakan yang tidak *populist* di kalangan ahli-ahli parti sama ada dalam Muafakat Nasional ataupun Perikatan Nasional dalam kita merangka hala tuju ke arah kerjasama dan penyatuan yang lebih erat ini, kami akan terus berusaha untuk mencari jalan bagi mengukuhkan kerjasama parti-parti dalam Muafakat Nasional dan Perikatan Nasional. Kerjanya susah, banyak cabarannya, hebat bisikannya, tetapi biarlah nanti kita sama-sama dapat menjawabnya

dengan tenang di hadapan Allah, tentang usaha kerja buat kita untuk membulatkan kerjasama rakyat melayu Islam yang membentuk bilangan majoriti dalam negara kita ini.

Saya ingin mengulangi apa yang saya pernah sebutkan sebelum ini, bahawa hasrat kita semua adalah untuk mencapai keharmonian muafakat politik secara *overnight* dengan izin secara singkat, tetapi kita juga harus insaf bahawa akar umbi juga perlu dididik dan diurus dengan penuh hikmah kerana perasaan ragu-meragui, curiga-mencurigai, cuit-mencuit, jeling-menjeling masih wujud. Ianya memerlukan iltizam, komitmen daripada kita sebagai pemimpin yang dipilih oleh rakyat untuk merangka kaedah strategi yang terbaik bagaimana membawa mesej yang begitu sejahtera ini, bukan setakat hubungan di peringkat atasan sahaja tetapi sampai ke akar umbi di bawah. Janganlah kita mengambil langkah ke belakang namun teruslah pandang ke hadapan dengan mengukuhkan pendirian kerjasama politik melayu Islam yang kita bina ini, dengan penuh cermat biarlah nampak perlahan tetapi senantiasa ada pergerakan ke hadapan. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ketua-ketua Jabatan, pegawai kerajaan dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, pengamal media dan sebagainya dalam persidangan kali ini yang telah membuat liputan dan menyampaikan apa yang telah kita bincangkan selama tiga hari ini. Semoga penglibatan semua dikurniakan ganjaran yang setimpal di sisi Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Berhormat,

Sebagai akhirnya saya tutup ucapan penggulungan saya ini dengan serangkap pantun:

Pandemik datang menguji kita
Rakyat susah di sini sana
Bukan masa mulakan sengketa
Rangkul tangan bangun bersama

Sekian, terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah kita telah selesai membahaskan Enakmen Perbekalan 2021. Sekarang saya buka kepada undian-

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2021 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2021 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SEBULAT SUARA

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan.

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA
KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK
PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2021 DAN BAGI
MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU.**

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH KUASA
UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN
SEPERTI YANG BERIKUT:**

- 1 (1) ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN
ENAKMEN PERBEKALAN 2021.**
- (2) ENAKMEN INI HENDAKLAH MULA BERKUAT
KUASA PADA 1 JANUARI 2021**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Perbekalan 2021.**

**ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI
(PINDAAN) 2020**

Bacaan Kali Yang pertama

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri 1959, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini dibaca pada kali yang pertama.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN NEGERI 1959 DIBACA KALI YANG
PERTAMA**

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Untuk Meminda Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri 1959 dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri 1959 Enakmen Tr.7/59.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda perenggan 1 Jadual Enakmen Tr.7/59 untuk mengadakan peruntukan baru bagi kenaikan gaji, elaun perumahan, elaun keraian, elaun mesyuarat, elaun temuduga, kemudahan cuti rehat dan perubahan kepada Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri

Implikasi kewangan

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kita telahpun selesai membahaskan Rang Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) 2020. Sekarang saya buka kepada undian-

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua

dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN NEGERI 1959, DIBACA BAGI KALI
YANG KEDUA**

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN NEGERI 1959 TELAH DITIMBANGKAN
DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH
DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SEBULAT
SUARA**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan Dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan.

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN NEGERI 1959**

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH KUASA
UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN
SEPERTI YANG BERIKUT:**

**1 (1) ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN
ENAKMEN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI
(PINDAAN) 2020.**

**(2) ENAKMEN INI HENDAKLAH DISIFATKAN
TELAH MULA BERKUAT KUASA PADA 1 JULAI 2020**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (Pindaan) 2020.**

**ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG
MELAYU (PINDAAN) 2020**

Bacaan Kali Yang pertama

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini dibaca pada kali yang pertama.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI
ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA KALI YANG
PERTAMA**

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Untuk Meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda perenggan 9 (iii) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu supaya Amanahraya Trustees Berhad, As-Salihin Trustee Berhad dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara menjadi badan yang kepadanya Tanah Orang-Orang Melayu boleh dipindahmilik.

Implikasi kewangan

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kita telahpun selesai membentangkan Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360. Sekarang saya buka kepada undian-

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI
ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG
KEDUA**

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI
ORANG-ORANG MELAYU 1360 TELAH DITIMBANGKAN
DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH
DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SEBULAT
SUARA**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan Dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan.

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI
ORANG-ORANG MELAYU 1360**

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH KUASA
UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN
SEPERTI YANG BERIKUT:**

**1 (1) ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN
ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG
MELAYU (PINDAAN) 2020.**

**(2) ENAKMEN INI HENDAKLAH MULA BERKUAT
KUASA PADA TARIKH PENYIARANNYA DALAM
WARTA.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) 2020.**

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

**Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri
Bagi Tahun 2021**

Yang BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan-

“Bahawa menurut seksyen kecil (3) kepada seksyen (4) Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1996, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2021 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL:

JADUAL						
Maksud	Tajuk Maksud	Negeri (RM)	Diganti Oleh Persekutuan (RM)	Pinjaman (Negeri) (RM)	Pinjaman (Pusat) (RM)	JUMLAH (RM)
P.02	Pejabat Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan	587,134,240.00	-	-	-	587,134,240.00

P.04	Pejabat Perbendaharaan	50,000.00	-	-	-	50,000.00
P.10	Jabatan Kerja Raya	2,000,000.00	-	-	-	2,000,000.00
P.11	Jabatan Pengairan & Saliran	500,000.00	-	-	-	500,000.00
P.12	Pejabat Daerah Besut	200,000.00	-	-	-	200,000.00
P.13	Pejabat Daerah Dungun	200,000.00	-	-	-	200,000.00
P.14	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	200,000.00	-	-	-	200,000.00
P.15	Pejabat Daerah Kemaman	200,000.00	-	-	-	200,000.00
P.16	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	250,000.00	-	-	-	250,000.00
P.17	Pejabat Daerah Marang	200,000.00	-	-	-	200,000.00
P.18	Pejabat Daerah Setiu	200,000.00	-	-	-	200,000.00
P.19	Pejabat Pengarah Tanah & Galian	10,000,000.00	-	-	-	10,000,000.00
P.29	Pejabat Perhutanan	100,000.00	-	-	-	100,000.00
P.30	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	100,000.00	-	-	-	100,000.00
P.31	Jabatan Pertanian	100,000.00	-	-	-	100,000.00
P.32	Pelbagai Pembangunan	13,520,030.00	-	-	-	13,520,030.00
P.35	Pejabat Daerah Kuala Nerus	200,000.00	-	-	-	200,000.00
JUMLAH BESAR:		615,154,270.00	-	-	-	615,154,270.00

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bil. 8/2020. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT Ir. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap?

Sekarang saya buka kepada undian-

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

**Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri
Bagi Tahun 2021**

YANG BERHORMAT Dr. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan-

"Bahawa menurut seksyen kecil (2) kepada seksyen (4) Enakmen Kumpulan Wang Perbekalan Air 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan dari Kumpulan Wang Perbekalan Air Negeri untuk Rancangan-Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2021 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL:

JADUAL			
Tajuk	Perbelanjaan Negeri (RM)	Pinjaman Pusat (RM)	Jumlah (RM)
Pengurusan Perbekalan Air	972,905.67	-	972,905.67
Pembangunan Perbekalan Air	19,200,000.00	-	19,200,000.00

JUMLAH			20,172,905.67
---------------	--	--	----------------------

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bil. 9/2020. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT AHMAD SHAH BIN IBRAHIM (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap?

Sekarang saya buka kepada undian-

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

Tambahan Peruntukan Yang Pertama daripada Kumpulan Wang Bekalan untuk Perbelanjaan Bekalan Bagi Tahun 2019

YANG BERTHORMAT Dr. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan-

“Bahawa menurut Seksyen 13 (3) Akta Acara Kewangan 1957, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan tambahan peruntukan yang pertama daripada Kumpulan Wang Bakalan untuk perbelanjaan Bekalan bagi Tahun 2019 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL:

JADUAL		
MAKSUD	TAJUK	TAMBAHAN (RM)
T.04	Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu	
	000062 Rancangan Bekalan Air	321,056,183.87
	000064 Pelbagai Maksud	27,961,055.19
	000065 Ladang Awam PMINT	42,980,474.56
	000067 Perumahan Awam Kos Rendah	23,631,220.32
	000068 Pelaburan PMINT	4,440,219.21
	000078 Pembangunan Hutan	194,719.74
JUMLAH TAMBAHAN PERUNTUKAN YANG DIPERLUKAN		420,263,872.89

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bil. 10/2020. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk perbahasan.

Sekarang saya buka kepada undian-

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

**Tambahan Peruntukan Yang Pertama daripada Kumpulan Wang Bekalan
untuk Perbelanjaan Bekalan Bagi Tahun 2020**

YANG BERHORMAT Dr. HAJI MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan-

“Bahawa menurut Seksyen 13 (3) Akta Acara Kewangan 1957, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan tambahan peruntukan yang pertama daripada Kumpulan Wang Bakalan untuk perbelanjaan Bekalan bagi Tahun 2020 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL:

JADUAL		
MAKSUD	TAJUK	TAMBAHAN (RM)
T.04	Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu 000062 Rancangan Bekalan Air	10,667,175.71
JUMLAH TAMBAHAN PERUNTUKAN YANG DIPERLUKAN		10,667,175.71

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bil. 11/2020. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian?

Sekarang saya buka kepada undian-

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

Usul Pembatalan Kumpulan Wang Amanah

Yang BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan-

"Bahawa menurut subperenggan 10 (4)(b) Akta Acara Kewangan 1957, Akta 61, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju membatalkan Kumpulan Wang Amanah (Sebagaimana Lampiran A dalam Kertas DUN Bil. 27/2020)

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bil. 27/2020. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk perbahasan sekiranya ada.

Sekarang saya buka kepada undian-

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

USUL INI DITERIMA.

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguh Dewan ini, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan kerjasama yang cukup baik, cukup padu dalam kita menyelesaikan agenda-agenda persidangan. Saya juga mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua pegawai kerajaan, ketua-ketua jabatan yang telah memberikan kerjasama dan tidak ketinggalan kepada semua wakil media yang terlibat dalam memberikan liputan sepanjang persidangan ini berjalan. Semuanya memberikan kerjasama yang cukup baik dalam persidangan selama 3 hari ini.

Saya ingin umumkan, seperti biasa ada jamuan makan tengahari di Damai Lounge untuk Ahli Yang Berhormat dan Perkarangan U2 untuk ketua jabatan dan saya juga nak minta kerjasama semua Ahli Yang Berhormat dimohon berada di dalam Dewan untuk sesi bergambar selepas daripada ini.

Sekian, marilah kita tangguhkan Persidangan kita kepada suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan marilah kita sama-sama menangguhnya dengan membaca tasbih Kaffarah dan Surah Al-'Asr.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.45 PAGI.

**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI
MESYUARAT KETIGA
PENGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS
PADA 23, 24 DAN 25 NOVEMBER 2020**

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS
PADA 23 HINGGA 24 NOVEMBER 2020
TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.1.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM
ADUN TEPOH

SOALAN 1 : Pohon perincian sumber pendapatan Negeri Terengganu selain daripada sumber petroleum (Dana Khas Persekutuan)?

JAWAPAN : Perincian sumber pendapatan Negeri Terengganu selain daripada sumber petroleum (Dana Khas Persekutuan) adalah seperti berikut:

Bil	Perihal	Sehingga Oktober 2020 (RM)
1	Pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan di bawah Senarai Bersama	46,380,172.02
2	Premium Tanah	35,824,328.46
3	Dapatan Balik Wang Amanah	33,061,495.62
4	Cukai Tanah	32,955,783.72
5	Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi	31,995,000.00
6	Royalti Kayu Kayan, Air Dan Galian	24,512,922.29

7	Jualan Harta Benda	20,140,477.20
8	Pemberian Hitung Kepala	19,652,820.00
9	Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan	16,041,761.33
10	Perolehan Dari Pelaburan Negeri	15,752,838.01
11	Premium Perhutanan	14,514,910.90
12	Pulangan Balik Belanja Am	7,614,003.11
13	Terimaan Daripada Agensi Kerajaan Yang Lain	6,943,454.05
14	Denda dan Hukuman	5,572,432.05
15	Perkhidmatan Dan Bayaran	4,226,445.50
16	Bayaran Pelbagai Permit	3,463,955.51
17	Bayaran Pelbagai Lesen	2,017,772.35
18	Pemberian 50% Cukai Pelancongan	1,014,934.50
19	Cukai Hiburan	898,793.79
20	Jualan Bahan Bercetak	604,214.40
21	Pelbagai Bayaran	394,641.00
22	Sewaan Pelbagai	363,686.45
23	Sewaan Bangunan	330,312.90
24	Jualan Barang Pertanian/Ternakan	234,329.00

25	Cukai Galian	148,740.75
26	Bayaran Pendaftaran Individu	96,288.00
27	Sewaan Kenderaan	13,700.00
28	Cukai Parit Dan Taliair	10,446.90
29	Lain-lain Terimaan	2,850.60
30	Terimaan Untuk Perkhidmatan	1,500.00
	JUMLAH	324,785,010.41

SOALAN 2 : Berapakah jumlah pembayaran projek yang bayaran

berjadual dan bayaran bertangguh yang perlu dilunaskan oleh pihak kerajaan pada tahun 2020 dan 2021 mengikut perincian projek?

JAWAPAN : Jumlah pembayaran projek yang bayaran berjadual dan bayaran tertangguh yang perlu dilunaskan oleh pihak kerajaan pada tahun 2020 dan 2021 mengikut perincian projek adalah sebagaimana berikut:

BIL	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN
-----	-------------	------------

		(RM JUTA)	
		2020	2021
	PROJEK BAYARAN TERTANGGUH		
1	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DAN MENAIKTARAF LOJI RAWATAN AIR DI BUKIT SAH, KEMAMAN	-	129.63
2	SKIM BEKALAN AIR KUALA TERENGGANU UTARA	67.44	150.21
	BAYARAN GST	5.12	
	JUMLAH	72.56	279.84
	PROJEK BAYARAN BERJADUAL		
1	PEMBANGUNAN PUSAT PENTADBIRAN DAERAH KUALA NERUS	93.85	70.00
2	PEMBANGUNAN MUARA SUNGAI TERENGGANU (P02-16945)	26.40	21.20
3	ASRAMA ATLET MAJLIS SUKAN NEGERI TERENGGANU	24.71	24.71
4	PEMBANGUNAN BANDAR BARU KIJAL FASA 2 (JALAN 6 LORONG SERTA KERJA-KERJA MENDALAMKAN DAN MELEBARKAN SUNGAI DI TAPAK PEMBANGUNAN BANDAR BARU KIJAL, KEMAMAN)	44.00	44.00
	JUMLAH	188.96	159.91
	JUMLAH KESELURUHAN :	261.52	439.75

SOALAN 3 : Berapakah unjuran sektor ekonomi yang dijangka berlaku selepas pasca COVID - 19 di Negeri Terengganu? Sejauh manakah kesan yang dijangka membelenggu rakyat?

JAWAPAN : Pada masa ini, penyediaan penganggaran maklumat Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi negeri Terengganu oleh Jabatan Perangkaan Malaysia hanya dilaksanakan secara **tahunan** sahaja. Ia berbeza dengan penyusunan KDNK Malaysia yang disediakan setiap suku tahun.

Berdasarkan kepada prestasi KDNK Malaysia bagi suku tahun kedua 2020 yang telah diterbitkan pada 14 Ogos 2020, kesan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilihat telah mempengaruhi penyusutan beberapa sektor ekonomi utama. **KDNK Malaysia** menyusut 17.1 peratus daripada pertumbuhan marginal 0.7 peratus pada suku tahun pertama 2020. Prestasi suku tahun ini merupakan pertumbuhan terendah yang direkodkan sejak suku tahun keempat 1998. Dari segi pengeluaran, **pertumbuhan negatif direkodkan oleh semua sektor kecuali sektor Pertanian**. Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan masing-masing merekodkan pertumbuhan negatif 16.2 peratus dan 18.3 peratus. Sektor Pembinaan menyusut 44.5 peratus manakala Perlombongan & pengkuarian merosot 20.0 peratus.

Antara aktiviti utama yang merekodkan penurunan dua digit dalam sektor Perkhidmatan adalah perdagangan borong & runcit, pengangkutan & penyimpanan, hartanah dan perkhidmatan perniagaan.

Industri berasaskan pelancongan seperti minuman, agensi pelancongan, penganjuran persidangan, rekreasi dan sukan juga merekodkan kemerosotan ketara ekoran sekatan perjalanan dan penutupan sempadan negara. Bagi negeri Terengganu dijangkakan sektor pelancongan akan mengalami pertumbuhan yang positif mengambilkira kedatangan pelancong domestik ke Negeri Terengganu. Sementara itu, prestasi sektor Pembuatan juga menyusut walaupun terdapat industri yang masih dibenarkan beroperasi oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Berdasarkan prestasi di peringkat nasional, segmen

produk petroleum bertapis, bahan kimia & produk kimia serta produk mineral bukan logam merekodkan pertumbuhan negatif dua digit pada suku kedua 2020 berbanding pengukuhan dalam segmen minyak & lemak daripada sayuran & haiwan serta produk getah. Nilai ditambah bagi sektor Pembuatan Terengganu pada tahun 2019 didominasi oleh segmen bahan kimia & produk kimia serta produk petroleum bertapis dengan jumlah sumbangan sebanyak 93.7 peratus.

Sektor Pembinaan juga turut menerima impak negatif dengan penyusutan ketara berikutan larangan kepada syarikat pembinaan untuk meneruskan operasi di samping kewajipan untuk mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) yang ketat serta kos yang tinggi dalam meneruskan operasi.

SOALAN 4 : Pohon dinyatakan statistik penerima bantuan- bantuan kebajikan JKM bagi penduduk di kawasan DUN Tepoh mengikut kategori umur, jantina, agama, skim bantuan dan bilangan penerima?

JAWAPAN : Statistik penerima Bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi penduduk di kawasan Dun Tepoh mengikut kategori umur, jantina, agama, skim bantuan dan bilangan adalah sebagaimana berikut :

MENGIKUT UMUR		
KUMPULAN UMUR	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH PENERIMA
0 - 4 tahun	0	1194
5 - 9 tahun	4	
10 -14 tahun	1	
15 - 19 tahun	7	
20 - 24 tahun	47	
25 - 29 tahun	73	
30 - 34 tahun	67	
35 - 39 tahun	80	
40 - 44 tahun	76	
45 - 49 tahun	93	
50 - 54 tahun	101	
55 - 59 tahun	103	
60 tahun ke atas	542	

MENGIKUT JANTINA		
JANTINA	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH PENERIMA
LELAKI	492	1194
PEREMPUAN	702	

MENGIKUT AGAMA		
AGAMA	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH PENERIMA
ISLAM	1183	1194
BUDDHA	11	
KRISTIAN	0	
HINDU	0	
LAIN-LAIN	0	

MENGIKUT SKIM BANTUAN

SKIM	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH PENERIMA
BANTUAN AM (BA)	599	1194
BANTUAN KANAK-KANAK (BKK)	160	
BANTUAN ORANG TUA (BOT)	90	
BANTUAN PENJAGAAN PESAKIT OKU/KRONIK TERLANTAR (BPT)	45	
BANTUAN OKU TIDAK BERUPAYA BEKERJA (BTB)	115	
ELAUN PEKERJA CACAT (EPC)	184	
BANTUAN ANAK PELIHARA (BAP)	1	

Manakala, jumlah penerima bantuan bulanan Negeri dan Persekutuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah sehingga November 2020 adalah sebagaimana berikut :

JENIS BANTUAN	BESUT		SETIU		KUALA TERENGGANU		MARANG		HULU TERENGGANU		DUNGUN		KEMAMAN		KUALA NERUS		JUMLAH KESELURUHAN	
	JUMLAH KES	RM	JUMLAH KES	RM	JUMLAH KES	RM	JUMLAH KES	RM	JUMLAH KES	RM	JUMLAH KES	RM	JUMLAH KES	RM	JUMLAH KES	RM	JUMLAH KES	RM
BANTUAN NEGERI																		
BANTUAN AM	2,629	6,006,350	1,459	3,456,900	4,386	9,570,250	3,582	8,438,600	1,049	2,423,500	2,399	5,405,050	1,666	3,908,450	2,893	6,629,150	20,063	45,838,250
JUMLAH KES NEGERI	2,629	6,006,350	1,459	3,456,900	4,386	9,570,250	3,582	8,438,600	1,049	2,423,500	2,399	5,405,050	1,666	3,908,450	2,893	6,629,150	20,063	45,838,250
BANTUAN PERSEKUTUAN																		
BANTUAN KANAK-KANAK (BKK)	1,095	2,977,600	486	1,326,350	1,175	2,936,150	859	2,371,783	341	957,600	720	2,265,050	845	2,416,250	809	2,337,050	6,330	17,587,833
BANTUAN ORANG TUA (BOT)	970	3,758,650	582	2,241,948	616	2,371,600	407	1,575,360	449	1,744,100	310	1,215,200	389	1,461,801	293	1,199,800	4,016	15,568,459
ELAUN PEKERJA CACAT (EPC)	992	4,313,500	326	1,391,687	1,190	5,236,000	747	3,246,600	374	1,613,200	671	2,905,300	798	3,447,050	742	3,204,300	5,840	25,357,637
BANTUAN PENJAGAAN PESAKIT TERLANTAR (BPT)	188	745,950	75	280,100	335	1,289,750	265	998,998	128	502,798	100	378,850	151	591,714	220	822,450	1,462	5,610,610
BANTUAN OKU TIDAK BERUPAYA BEKERJA (BTB)	599	1,628,300	213	582,400	767	2,109,250	351	953,900	316	865,900	376	986,200	583	1,532,700	512	1,390,550	3,717	10,049,200
BANTUAN ANAK PELIHARA	1	3,500	2	8,250	5	12,500	0	0	1	1,750	3	8,000	5	20,000	2	4,750	19	58,750
JUMLAH KES PERSEKUTUAN	3,845	13,427,500	1,684	5,830,735	4,088	13,955,250	2,629	9,146,641	1,609	5,685,348	2,180	7,758,600	2,771	9,469,515	2,578	8,958,900	21,384	74,232,489
JUMLAH KESELURUHAN KES	6,474	19,433,850	3,143	9,287,635	8,474	23,525,500	6,211	17,585,241	2,658	8,108,848	4,579	13,163,650	4,437	13,377,965	5,471	15,588,050	41,447	120,070,739

SOALAN 5 : Berapakah jumlah rakyat Terengganu yang dikategorikan miskin mengikut rekod MAIDAM dan rekod Ekasih? Bagaimanakah kaedah ukuran paras garis kemiskinan yang digunakan di Terengganu?

JAWAPAN : Jumlah rakyat Terengganu yang dikategorikan miskin mengikut rekod MAIDAM ialah 20,210 orang.

Dalam menentukan seseorang menepati kriteria asnaf fakir dan miskin, kaedah urusan paras garis kemiskinan yang digunakan di MAIDAM adalah seperti berikut:-

- a) Kalkulator had kifayah
- b) Harta alih (kereta, barang kemas, ternakan, simpanan bank DLL)
- c) Harta tak alih (tanah, kebun, rumah DLL/hasilnya)
- d) Pendapatan anak-anak yang telah bekerja
- e) Bantuan lain yang telah diperolehi

Manakala berdasarkan Sistem e-Kasih sehingga 31 Oktober 2020, bilangan Isi Rumah yang berdaftar dengan e-Kasih yang berstatus miskin adalah seramai 6,086 Isi Rumah atau Keluarga.

Status Kemiskinan dijana oleh Sistem e-Kasih secara *automatic* berdasarkan jumlah pendapatan IR dan Paras Garis Kemiskinan Negeri Terengganu tahun 2016. PGK 2016 dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) dengan kerjasama *United Nation Development Programme (UNDP)*. Pengiraan PGK ini adalah berdasarkan kaedah *cost of basic needs* yang mengambil kira tiga komponen asas iaitu, keperluan makanan, keperluan bukan makanan dan ciri-ciri isi

rumah terlibat.

MESYUARAT KETIGA PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS
PADA 23 HINGGA 25 NOVEMBER 2020
TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.2.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERTHORMAT MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI
ADUN BATU BURUK

SOALAN 1 : Apakah status terkini projek mendalamkan muara Sungai Ibai?

JAWAPAN : Status terkini projek mendalamkan muara Sungai Ibai adalah Kerajaan Negeri telah meluluskan kerja-kerja pengorekan di Muara Sungai Ibai bagi tujuan laluan pelayaran kepada pemegang konsesi De Jaya Enterprise pada Mac 2020. Kerja-kerja pengorekan bagi tujuan laluan pelayaran ini diluluskan setelah pihak Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Terengganu membuat penilaian dan bersetuju dengan cadangan kerja melalui *Method Statement* yang telah dikemukakan oleh pihak konsesi.

SOALAN 2 : Apakah status terkini projek perumahan tergendala di Kampung Tok Adis?

JAWAPAN : Projek Perumahan Tok Adis akan dilaksanakan semula dengan kaedah pembangunan bercampur. Status terkini adalah pemaju baharu telah dilantik dan dalam proses untuk mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Projek ini dijangka akan dilaksanakan pada awal tahun 2021.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS (BAJET)
PADA 23 HINGGA 25 NOVEMBER 2020

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.3

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT DATO' SERI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN
ADUN SEBERANG TAKIR

SOALAN 1 : Antara janji manifesto Pas dalam PRU yang lepas ialah mewujudkan semula Institusi Pengajian Tinggi Islam milik negeri. Apakah status terkini mengenai janji tersebut?

JAWAPAN : Status terkini mengenai manifesto mewujudkan semula Institusi Pengajian Tinggi Islam milik negeri ialah pada 21 Oktober 2020 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju Kompleks Kastam di Pengkalan gawi, Tasik Kenyir, Hulu Terengganu yang telah siap dibina diserahkan kepada Kolej Al-Quran Terengganu (KQT) untuk dijadikan sebagai pusat pengajian.

Bagi memastikan perancangan ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya, beberapa kluster telah diwujudkan seperti Kluster Tadbir Urus, Kewangan, Sumber Manusia, Prasarana dan Pembangunan Akademik Dan Pelajar supaya pelaksanaan manifesto ini dapat dilaksanakan.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS (BAJET)
PADA 23 NOVEMBER HINGGA 25 NOVEMBER 2020

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.4

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK
ADUN SURA

SOALAN 1 : Berapakah jumlah SRIDI dan SMIDI yang telah berjaya ditubuhkan sehingga tahun 2020 dan berapakah jumlah yang akan dibuka bagi tahun 2021? Mohon senaraikan.

JAWAPAN : Sehingga tahun 2020, sebanyak sembilan (9) buah SRIDI dan satu (1) buah SMIDI telah berjaya ditubuhkan. Bagi tahun 2021, Kerajaan Negeri akan memberi fokus untuk memperkasakan kesemua sembilan (9) buah SRIDI dan satu (1) buah SMIDI yang sedia ada.

Senarai kesemua SRIDI dan SMIDI yang telah ditubuhkan adalah sebagaimana berikut:

SEKOLAH RENDAH ISLAM DARUL IMAN (SRIDI)

BIL	NAMA SEKOLAH	DUN	TAHUN DITUBUHKAN
1	SRIDI BULUH GADING	BULUH GADING	2019
2	SRIDI BANDAR	BANDAR	
3	SRIDI AJIL	AJIL	
4	SRIDI KOTA PUTERA	KOTA PUTERA	
5	SRIDI AMBS	BUKIT BESI	
6	SRIDI PENGKALAN BERANGAN	PENGKALAN BERANGAN	
7	SRIDI PAKA	PAKA	2020

8	SRIDI KIJAL	KIJAL	
9	SRIDI PERMAISURI	PERMAISURI	

SEKOLAH MENENGAH ISLAM DARUL IMAN (SMIDI)

BIL	NAMA SEKOLAH	PARLIMEN	TAHUN DITUBUHKAN
1	SMIDI DUNGUN	DUNGUN	2020

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) sedang mengenalpasti lokasi yang sesuai untuk penubuhan SRIDI di setiap DUN dan SMIDI di setiap Parlimen yang lain. Jumlah pembukaan SRIDI dan SMIDI yang baharu akan bertambah dari semasa ke semasa secara berperingkat.

SOALAN 2 : Status terkini pembinaan jalan 4 lorong dari Kemaman ke Besut, Terengganu?

JAWAPAN : Status terkini pembinaan jalan 4 lorong dari Kemaman ke Besut adalah JKR Negeri Terengganu telah mengemukakan permohonan kepada Ibu Pejabat JKR Malaysia pada 13 Januari 2020 untuk menaik taraf jalan-jalan dua @ lorong 'missing link' kepada empat (4) lorong dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12). Senarai jalan 'missing link' berkaitan adalah berikut :-

- i) Laluan FT003 : Seberang Marang ke Gong Balai
- ii) Laluan FT003 : Tanjung Jara ke Che Lijah
- iii) Laluan FT003 : Bukit Bauk ke Kampung Nyior
- iv) Laluan FT003 : Bukit Anak Dara ke Bukit Kuang
- v) Laluan FT3685 : Coastal Road (persimpangan FT065 ke Lembah Bidong) Fasa 1

Laluan FT3685 : Coastal Road (Lembah Bidong ke Penarik)
Fasa 2 dan FT3684 : Coastal Road (Penarik ke Kampung Raja)

akan dibuat permohonan semula dalam Rolling Plan ke-2.

SOALAN 3 : Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menambah jumlah keluasan tanah rezab melayu di Negeri Terengganu?

JAWAPAN : Tanah Rizab Melayu yang telah diwartakan di kawasan Pekan Kuala Berang, Kawasan Bukit Salak dan Bukit Keratan, Mukim Tanggul Daerah Hulu Terengganu seluas 118 hektar.

Usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menambah jumlah Keluasan Tanah Rezab Melayu di Negeri Terengganu melalui pewujudan Rancangan Tanah Berkelompok (RTB) yang baharu (Kategori Pertanian dan Tapak Rumah).

Sehingga kini, sebanyak 7 RTB baharu telah diluluskan oleh MMKN manakala sebanyak 7 RTB masih dalam pertimbangan MMKN.

Keluasan keseluruhan Tanah Rizab Melayu adalah seluas **539.7025** hektar.

Manakala keluasan bagi 14 RTB dan kawasan yang terlibat dengan pengambilan tanah sebagai kawasan rizab melayu adalah seluas **421.7025** hektar sebagaimana pecahan daerah seperti berikut : -

**PECAHAN DAERAH RANCANGAN TANAH BERKELOMPOK DI BAWAH
ENAKMEN RIZAB MELAYU DI NEGERI TERENGGANU**

DAERAH	NAMA RTB	MUKIM	KATEGORI	KELUASAN (HEKTAR)	MMKN	CATATAN
SETIU	SUNGAI TAPAH	HULU NERUS	PERTANIAN	13.9066	567/2020-8.7.2020	Dalam proses pewartaan
	SUNGAI BARI	CALUK DAN HULU NERUS	BANGUNAN	11.7884	663/2020-29.7.2020	Dalam proses pewartaan
HULU TERENGGANU	BUKIT SEBAIK	HULU BERANG	PERTANIAN	15.551	656/2020-29.7.2020	Dalam proses pewartaan
	BUKIT BADING TIMUR	PENGHULU DIMAN	PERTANIAN	122.062		TUNGGU MMKN (21.10.2020)
MARANG	LUBUK BATU	BUKIT PAYUNG	BANGUNAN	1.818	661/2020-29.7.2020	Dalam proses pewartaan
	SPKA WAKAF TAPAI	ALUR LIMBAT	BANGUNAN	1.0478	916/2020-21.10.2020	Dalam proses pewartaan
	BUKIT MAWI	RUSILA	BANGUNAN	3.182	928/2020-21.10.2020	Dalam proses pewartaan
	BALING FASA 1, KAMPUNG BUKIT KECIL	MERCANG	BANGUNAN	2.1277		TUNGGU MMKN (26.10.2020)
	TOK FAKIR	MERCANG	BANGUNAN	2.638		TUNGGU MMKN (13.10.2020)
KEMAMAN	PONDOK PASIR	HULU CUKAI	BANGUNAN	12.831	927/2020-21.10.2020	Dalam proses pewartaan
	BERIS NENAS	KIJAL	BANGUNAN	3.397		TUNGGU MMKN (26.10.2020)

	KAMPUNG JENANG	TEBAK	PERTANIAN	32.0068		TUNGGU MMKN (25.10.2020)
DUNGUN	BUKIT PEROH	JENGAI	PERTANIAN	92.1292		TUNGGU MMKN (25.10.2020)
	SUNGAI PERLIS	PASIR RAJA	PERTANIAN	102.8755		TUNGGU MMKN (25.10.2020)

KAWASAN YANG TERLIBAT DENGAN PENGAMBILAN TANAH SEBAGAI KAWASAN RIZAB MELAYU						
KUALA TERENGGANU	LADANG TOK PELAM	BANDAR	BANGUNAN	1.6415		Dalam penyediaan Rang MMKN
	LADANG TANJUNG	BANDAR	BANGUNAN	2.7		Dalam penyediaan Rang MMKN
JUMLAH				421.7025		

SOALAN 4 : Apakah bentuk bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada pelajar-pelajar universiti dalam negara dan luar negara dalam menghadapi pandemik COVID-19?

JAWAPAN : Di antara bentuk bantuan kepada para pelajar dalam menghadapi pandemik COVID-19 adalah :-

1. Bantuan Kecemasan COVID-19 kepada Pelajar Terengganu Di Mesir

Pada 19 Mac 2020, bantuan berjumlah RM65,000.00 (USD15,000) telah dihantar kepada Pegawai Atase Pendidikan Terengganu Mesir sebagai peruntukan khas (kecemasan) bagi membantu menampung perbelajaan kepada kira-kira 500 pelajar-pelajar Negeri Terengganu

menghadapi “lockdown” yang dilaksanakan oleh Kerajaan Mesir.

Bantuan kewangan ini diberikan kepada 67 orang pelajar warganegara Malaysia yang menuntut di institut pengajian tinggi Indonesia secara khususnya 32 orang pelajar di Universitas Islam Negeri Sumatera Utara (UINSA MEDAN) dan 35 orang pelajar di Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau (UIN SUSKA RIAU INDONESIA). Jumlah bayaran kewangan yang disalurkan kepada setiap pelajar adalah sebanyak RM500.00 dan menjadikan jumlah keseluruhannya ialah sebanyak RM33,500.00.

Kerajaan seterusnya menyediakan satu peruntukan khas dalam membawa pulang pelajar Malaysia yang terkandas di universiti luar negara. Pelajar yang terkandas termasuklah pelajar UINSA MEDAN dan UIN SUSKA RIAU INDONESIA yang kemudiannya dibawa pulang hasil usahama Kerajaan Malaysia dan Indonesia. Kos kuarantin pelajar-pelajar ini ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia dan ditempatkan di stesen kuarantin di Johor.

Yayasan Islam Terengganu bersama YB Haji Satiful Bahari bin Mamat dan YB Haji Maliaman bin Kassim telah mengambil inisiatif membawa pulang pelajar-pelajar ini setelah tamat kuarantin di Johor ke kediaman masing-masing di Terengganu.

2. Menguruskan Pengangkutan Pulang Pelajar Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

i) Membawa Pelajar dari IPTA pulang ke Terengganu

Berikutan pengumuman PKP pada 16 Mac 2020, hampir kesemua para pelajar di IPT dalam negara telah diberi cuti dan berpegas pulang ke negeri masing-masing. Yayasan Terengganu menerusi Persatuan

Mahasiswa Anak Terengganu (PERMATA) telah bertindak pantas dengan menyediakan 12 buah bas dan berjaya membawa balik kira-kira 450 orang pelajar pulang ke Terengganu sehari sebelum PKP dikuatkuasakan.

- ii) Membawa pulang pelajar Terengganu dari Luar Negara yang tamat kuarantin.

Yayasan Terengganu menerusi PERMATA Luar Negara (OSTEC) dengan bantuan Angkatan Pertahanan Awam (APM) Terengganu dan MKN telah menyelaraskan:

- a) 2 buah bas untuk membawa pulang 47 orang pelajar dari Universitas Islam Banda Aceh & USU dari pusat kuarantin di Putrajaya & Damansara pada 17 April 2020.
- b) 2 buah bas untuk membawa pulang 22 orang pelajar dari Universitas Islam Sultan Syariff Riau dari pusat kuarantin Desaru Johor pada 18 April 2020.
- c) 4 buah bas untuk membawa pulang 100 pelajar dari Turki dan Indonesia dari pusat kuarantin Kuala Lumpur pada 30 April 2020.

3. Membantu urusan keberangkatan 44 orang pelajar Universitas Kristen Krida Wacana (UKRIDA) Pulang Menyambung Pengajian di Jakarta

Berikutan pandemik COVID-19 yang turut terkesan di Jakarta, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) turut dikuatkuasakan dan pengajian di UKRIDA telah ditangguhkan / dihentikan. Berikutan itu semua pelajar disana telah diberi cuti / pulang ke Malaysia sejak 14 Mac

2020. Walau bagaimanapun mereka telah mendapat arahan serta kebenaran untuk menyambung pengajian klinikal mereka pada 12 Julai 2020 lalu.

Bagi memudahkan urusan kepulangan mereka ke Jakarta, Yayasan Terengganu telah membantu;

- i. Menguruskan dan membiayai kos Ujian PCR (COVID-19) yang dijalankan bersama Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu 3 hari sebelum berangkat.
- ii. Menguruskan sidang video ibubapa bersama pihak pengurusan UKRIDA pada 25 Jun 2020.
- iii. Menyediakan 2 buah bas membawa pelajar ke KLIA.

4. Pemantauan Berterusan Situasi Pelajar Terengganu Luar Negara

Sepanjang tempoh PKP, Yayasan Terengganu dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Anak Terengganu (PERMATA), PERMATA Luar Negara (OSTEC), Pegawai Atase Pendidikan Timur Tengah dan Education Malaysia (EM) sentiasa membuat pemantauan keadaan pelajar Terengganu di Dalam dan Luar Negara.

SOALAN 5 : Sila nyatakan pelan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Negeri bagi memastikan Negeri Terengganu menjadi negeri terbersih dan mempunyai keseimbangan ekosistem yang terpelihara?

JAWAPAN : Untuk menjadikan Terengganu sebagai negeri terbersih Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan khusus untuk kerja-kerja kebersihan dengan memecahkan skop kerja kebersihan kepada 3 komponen iaitu kebersihan kawasan, kutipan tong awam dan kutipan sampah dari rumah ke rumah.

Untuk menjadikan Terengganu sebagai negeri terbersih Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan khusus untuk kerja-kerja kebersihan dengan memecahkan skop kerja kebersihan kepada 3 komponen iaitu kebersihan kawasan, kutipan tong awam dan kutipan sampah dari rumah ke rumah.

Untuk jangka masa panjang PBT akan memperluaskan lagi kutipan sampah dari rumah ke rumah, mensyaratkan kontraktor kutipan supaya menyediakan sendiri lori kompaktor, meningkatkan kesedaran awam dan juga menyediakan pusat komuniti untuk kitar semula bahan buangan termasuk sisa minyak, sisa makanan, sisa elektrik / elektronik di samping bahan-bahan yang boleh diikat semula. PBT juga akan menguatkuasakan larangan penggunaan plastik sekali guna dan menjamin dan memelihara kepada plastik *biodegradable*. Program ini akan menjamin dan memelihara ekosistem ke arah Terengganu terbersih.

Bagi aspek pemeliharaan ekosistem Kerajaan Negeri dalam proses penyediaan Rancangan Struktur Negeri Terengganu (Kajian Semula) 2050 yang menekankan kelestarian Negeri Terengganu bergantung erat kepada kelestarian alam sekitar, khususnya kepada hutan dan badan air yang menjadi tulang belakang negeri ini. Pemeliharaan hutan akan membekalkan air bersih, oksigen dan sumber genetik serta ekosistem stabil yang berpanjangan untuk aktiviti lain seperti pertanian selain pengeluaran hasil hutan secara berterusan.

Negeri Terengganu masih mempunyai 50% kawasan berhutan meliputi kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), Rezab Hidupan Liar, Taman Negara dan Taman Negeri yang penting bagi kawalan pelepasan karbon dan perubahan iklim.

Kerajaan Negeri akan meningkatkan perlindungan kawasan berhutan bagi HSK yang mempunyai fungsi ekologi hutan sebagai kawasan tadahan air, perlindungan hidupan liar, perlindungan tanah, kawalan banjir, hutan lipur, penyelidikan

dan pelajaran di mana penyahwartaan kawasan ini tidak dibenarkan, selain mewujudkan amalan keterbukaan dan perundingan awam mengenai penyahwartaan HSK dengan pemegang taruh (stakeholders) serta penggantian ke atas kawasan HSK yang dipersetujui dinyahwartakan.

Kawasan cadangan pembangunan di HSK seperti untuk Zon Pembangunan Ladang Hutan (ZPLH) dan pembinaan infrastruktur seperti empangan dan rangkaian pengangkutan akan terus dilaksanakan kajian terperinci seperti Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan Penilaian Impak Sosial (SIA) untuk meminimumkan kesan yang tidak diingini.

Kerajaan Negeri juga akan terus meneroka potensi pelaksanaan inisiatif ekonomi hijau seperti *Payment for Ecosystem Services* dan *Biodiversity Banking* bagi melaksanakan kompensasi kepada kawasan hutan yang dilindungi.

Aktiviti penanaman pokok di kawasan lapang di bandar, kawasan hutan yang terosot dan di kawasan pesisiran pantai yang terdedah kepada hakisan melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat akan terus diperhebatkan.

Bil	Litupan Tanah	Luas (hektar)
1	Kawasan Berhutan	651,248
2	Kawasan Tidak Berhutan	646,152
JUMLAH		1,297,400

Kerajaan Negeri juga terlibat dalam Projek Central Forest Spine (CFS) di bawah inisiatif Kerajaan Persekutuan bertujuan menyambung rangkaian koridor ekologi hutan yang terpisah bagi laluan hidupan liar melibatkan kawasan seluas 110,881 hektar.

Kerajaan Negeri telah meluluskan Enakmen Taman Negeri Terengganu 2017 ("Enakmen Tersebut") yang telah diluluskan melalui Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 14 Disember

2017 dan dikuatkuasakan pada 15 Februari 2018 seterusnya diwartakan pada 01 Mac 2018.

Enakmen Taman Negeri, berdasarkan Seksyen 4 Enakmen tersebut ditubuhkan bertujuan untuk :

- (a) Untuk memelihara dan melindungi haiwan, hidupan liar, ikan dan hidupan tumbuh-tumbuhan dan benda-benda yang mempunyai kepentingan dari segi kaji bumi, kaji purba, sejarah dan etnologi dan kepentingan lain dari segi sains dan pemandangan;
- (b) Melalui pemeliharaan dan penggunaannya untuk memajukan pendidikan, kesihatan, nilai estetik dan rekreasi orang ramai; dan
- (c) Untuk menjamin habitat hidupan liar, haiwan, ikan, kawasan pemeliharaan dan perlindungan bagi kawasan tadahan air serta untuk memelihara dan mengekalkan ekosistem.

Setakat ini, terdapat dua (2) Taman Negeri yang telah diwujudkan dan dikenali sebagai Taman Negeri Setiu Wetlands dan Taman Negeri Kenyir sebagaimana berikut :

- 1. Taman Negeri Setiu Wetlands (432.4 hektar) :
 - a) Warta No. 607, Jil. 71, bertarikh 10 Mei 2018, di kawasan Tanah Bencah Setiu, Mukim Pantai, tanah seluas 432.4 hektar telah dirizabkan bagi maksud Taman Negeri.
- 2. Taman Negeri Kenyir 30,000 hektar :
 - a. Warta No. 606, Jil. 71, bertarikh 10 Mei 2018, di kawasan Tasik Kenyir (Lawit – Cenana dalam kawasan Hutan Simpan Tembat), Mukim Hulu Terengganu, tanah seluas 10,386 hektar telah dirizabkan bagi maksud Taman Negeri.

- b. Warta No. 1294, Jil. 71, bertarikh 22 November 2018, di kawasan Tasik Kenyir (Lawit – Cenana dalam kawasan Hutan Simpan Tembat), Mukim Hulu Terengganu, tanah seluas 4,614 hektar dan 15,000 hektar, telah dirizabkan bagi maksud Taman Negeri.

Selain daripada itu, Enakmen Taman Negeri Terengganu 2017, Bahagian VI berkait Kesalahan dan Penalti antara lain memperuntukkan hukuman bagi orang yang melanggar peruntukan Enakmen Taman Negeri Terengganu 2017 iaitu dengan denda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi tujuh tahun, atau kedua-duanya, dan boleh juga dikenakan sebat sekurang-kurangnya satu sebatan.

Sehubungan dengan itu, pewartaan lain-lain Taman Negeri dan penguatkuasaan melalui Enakmen Taman Negeri Terengganu 2017 adalah antara pelan jangka pendek dan jangka panjang untuk menjadikan negeri Terengganu sebagai negeri terbersih dan mempunyai keseimbangan ekosistem yang terpelihara.

Manakala dari sudut alam sekitar pula bagi menjadikan Negeri Terengganu menjadi negeri terbersih dan mempunyai keseimbangan ekosistem yang terpelihara, ia memerlukan perancangan dalam melaksanakan pembangunan dan penguatkuasaan terhadap punca-punca pencemaran alam sekitar.

Bagi pengurusan sampah sisa pepejal (*solid waste*), Kerajaan Negeri Terengganu melalui Majlis Daerah-Majlis Daerah (PBT) telah menguruskan pelupusan sampah melalui tapak-tapak pelupusan sampah sedia ada yang beroperasi di setiap daerah di Negeri Terengganu. Ini adalah contoh pelan jangka pendek.

Majlis Daerah Marang telah mempunyai tapak pelupusan sampah selamat (*sanitary landfill*) dan telah beroperasi di Tertak Batu, Marang dimana ia telah mendapat kelulusan Laporan Environmental Impact Assesment (EIA) dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu.

Mempunyai tapak pelupusan sampah yang selamat (*sanitary landfill*) adalah yang paling baik dan memerlukan kos penyediaan tapak serta kos operasi yang tinggi. Ini adalah contoh pelan jangka panjang.

Bagi punca-punca pencemaran yang tertakluk dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974, ianya dikawal dan dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu. Terdapat Peraturan-Peraturan dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang mengawal pencemaran seperti berikut :-

1. Peraturan Buangan Terjadual 2005 adalah peraturan untuk mengawal pencemaran buangan terjadual (buangan toksik) yang dikeluarkan oleh kilang atau premis industri.
2. Peraturan Efluen 2009 dan Peraturan Kumbahan 2009 adalah peraturan untuk mengawal pencemaran effluen dari kilang dan loji kumbahan dimana pelepasan effluen hendaklah mengikut standard yang telah ditetapkan sebelum ia memasuki alur air atau sungai.
3. Peraturan Udara Bersih 2014 adalah peraturan untuk mengawal pencemaran udara dari cerobong-cerobong kilang agar ia mematuhi standard pelepasan pencemaran udara yang telah ditetapkan.
4. Seksyen 29A-Larangan ke atas pembakaran terbuka adalah seksyen untuk mengawal pembakaran terbuka yang boleh menyebabkan pencemaran udara.
5. Peraturan kawalan pelepasan dari Enjin Diesel 1996 adalah peraturan untuk mengawal pelepasan asap hitam dari kenderaan diesel agar ia mematuhi had pelepasan yang telah ditetapkan iaitu 50 HSU (Unit Asap Hatridge).
6. Perintah EIA 2015 adalah perintah untuk mengemukakan Laporan Kajian EIA sebelum sesuatu projek dijalankan

dan ia bertujuan untuk mengawal pencemaran apabila sesuatu projek atau aktiviti yang tertakluk dibawah perintah tersebut dijalankan.

Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu adalah secara berterusan dan jangka panjang untuk mengawal pencemaran dan menjaga keseimbangan ekosistem agar ia sentiasa terpelihara.

Kerajaan Negeri Terengganu dan Jabatan Alam Sekitar Terengganu sentiasa menjalankan kempen kesedaran alam sekitar setiap tahun melalui Program Hari Bumi, Program Hari Alam Sekitar Sedunia, Program Hari Ozon, Program Hari Alam Sekitar Negara (HASN), Kem Kesedaran Alam Sekitar, Program Sekolah Lestari, Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna, Seminar Alam Sekitar, Ceramah Alam Sekitar dan lain-lain program.

Yang terbaru pada bulan Oktober 2020 adalah Program Pengumpulan Buangan Barangan Elektrik & Elektronik (E-waste) bersama PBT, Agensi Kerajaan, Kedai Sengheng dan pihak industri, dimana 11.5 tan buangan e-waste telah berjaya dikumpul di Negeri Terengganu. Buangan e-waste tersebut akan dilupuskan melalui syarikat yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Semua program tersebut adalah bermatlamat ke arah penjagaan alam sekitar secara jangka pendek dan jangka panjang supaya Negeri Terengganu menjadi negeri terbersih dan mempunyai keseimbangan ekosistem yang terpelihara.

**MESYUARAT KETIGA PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS (BAJET)
PADA 23 HINGGA 25 NOVEMBER 2020**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.5**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERTITAH HAJI NAWI BIN MOHAMAD
ADUN HULU BESUT**

SOALAN 1 : Apakah status permohonan membina baru Masjid di Kampung Kubang Depu dan Masjid baru Kampung Durian Telor.

JAWAPAN : Status permohonan bagi membina baharu Masjid di Kampung Kubang Depu dan di Kampung Durian Telor adalah sebagaimana berikut:-

i) Masjid Kubang Depu

Urusan pengambilan balik tanah di tapak cadangan baharu masjid telah selesai dilakukan oleh pihak Pejabat Daerah Besut dan permohonan hak milik tanah akan dibuat oleh pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) untuk diwakafkan. Untuk makluman, Masjid Kubang Depu termasuk dalam senarai perancangan pembinaan jangka masa panjang namun pembinaan masjid tersebut bergantung kepada kelulusan Kerajaan Negeri dan MAIDAM.

Pihak JHEAT juga sedang menyelesaikan isu berkaitan tapak bangunan Masjid Kubang Depu sedia ada yang berstatus tanah persendirian dan hanya diwakaf secara lisan. Pewaris enggan dan tidak bersetuju untuk mewakafkan tanah tersebut kepada MAIDAM. Setelah

dibuat perbincangan, isu ini akan dipanjangkan kepada Fatwa untuk diputuskan.

ii) Masjid Durian Telur

Pihak Pejabat Agama Daerah Besut telah dimaklumkan oleh pihak Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bahawa mereka masih dalam proses perbincangan kerana tapak cadangan masjid baharu akan melibatkan pengambilan tanah yang berdekatan dengan kawasan masjid seperti balai raya dan sebagainya.

SOALAN 2 : Apakah perancangan Kerajaan Negeri Terengganu supaya kawasan DUN Hulu Besut tidak lagi di sebut " Hulu Besut Jalan Mati " (Jalan dari Jertih hanya setakat Kampung Keruak sahaja).

JAWAPAN : Kerajaan Negeri akan membuat permohonan semula untuk membina jalan baru yang menghubungkan jalan dari Kg. Keruak, Hulu Besut ke jalan Lata Rek Kuala Krai, Kelantan dalam Rolling Plan ke 2 (RP2) Rancangan Malaysia Ke12 (RMK12).

SOALAN 3 : Apakah perancangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi memajukan Lata Tembakah.

JAWAPAN : 1. Taman Eko-Rimba Lata Tembakah terletak di dalam kompartment 47,48 & 54 Hutan Simpan Pelagat, Besut dan di bawah pengurusan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu. Tarikan utama kawasan ini adalah 7 tingkat air terjun yang tinggi disamping beberapa buah jeram dan kolam-kolam kecil.

2. Pelbagai kemudahan rekreasi telah disediakan di kawasan

ini antaranya kawasan parkir, pondok rehat, chalet, asrama, tandas, gerai, tapak perkhemahan, jambatan gantung, lorong pejalan kaki dan denai interpretasi. Taman Eko-Rimba ini turut dilengkapi dengan bekalan air dan elektrik. Kadar bayaran masuk adalah RM2.00 untuk dewasa dan RM1.00 untuk kanak-kanak dan dibuka setiap hari dari pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Terdapat seramai lima (5) kakitangan jabatan ditempatkan di kawasan ini. Kerja-kerja pembersihan bagi kawasan ini dilaksanakan secara kontrak yang dilantik oleh jabatan.

3. Jabatan sentiasa menaiktaraf kemudahan di kawasan ini secara berperingkat-peringkat mengikut peruntukan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) untuk keselesaan para pengunjung. Sebagai perancangan pada tahun hadapan, Jabatan telah memohon peruntukan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dibawah RP2, RMKe-12, Tahun 2022 bagi Projek Peningkatan Kemudahan Asas di Taman Eko-Rimba Lata Tembakah, Besut. Permohonan ini akan memberi penekanan kepada menaiktaraf kemudahan sedia ada seperti chalet, asrama, jambatan gantung, tandas, gerai dan laluan pejalan kaki.
4. Menerusi permohonan peruntukan tersebut, Jabatan mengharapkan kawasan Taman Eko-Rimba Lata Tembakah akan menjadi destinasi ekopelancongan terkenal di daerah Besut khususnya dan negeri Terengganu amnya baik dari segi pengunjung tempatan dan pengunjung luar negara. Selain itu, dengan tarikan utamanya iaitu air terjun 7 tingkat, Jabatan akan meningkatkan aktiviti promosi menerusi media massa dan pamflet dengan kerjasama Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Apakah ada perancangan Kerajaan Negeri Terengganu memajukan Pertanian di Kawasan DUN Hulu Besut. Jika ada, apakah Projek Pertanian yang telah dilaksanakan pada tahun 2020 dan berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan.

JAWAPAN : Ya, ada projek pertanian dilaksanakan di Hulu Besut pada 2020 dengan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sebanyak RM124,925.00. Berikut merupakan pechahan projek dan peruntukan yang telah dibelanjakan:-

Bil	Projek	Jumlah Perbelanjaan (RM)
1.	Tanam Semula Buah-buahan	57,970.00
2.	Tanaman Kontan	40,225.00
3.	Tanaman Pisang	10,520.00
4.	Sayur-sayuran	12,210.00
5.	Pertanian Bandar	4,000.00
	Jumlah	124,925.00

SOALAN 5 : Apakah tindakan dan langkah-langkah untuk menangani masalah Penagih Dadah di DUN Hulu Besut.

JAWAPAN : Berikut merupakan tindakan dan langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah penagih dadah bukan sahaja di DUN Hulu Besut, bahkan merangkumi semua DUN di seluruh negeri Terengganu.

1. AADK telah menjalankan program pencegahan kepada pemimpin setempat dan komuniti seperti ceramah,

pameran dan kempen kesedaran awam. Diantara Program Pencegahan yang telah dilaksanakan pada tahun 2020 di DUN Hulu Besut melibatkan komuniti di Kg. La, Felda Tenang, Kg.Panchor dan Keruok.

2. AADK menjalankan aktiviti rawatan dan pemulihan dengan mewajibkan Orang Kena Pengawasan (OKP) hadir ke program yang dianjurkan oleh AADK setiap bulan. Aktiviti yang dijalankan termasuklah yang berbentuk kerohanian, psikososial, kemahiran dan kerjaya. Ujian Urin juga dibuat ke atas setiap OKP bagi memastikan mereka bersih daripada menggunakan dadah.
3. Pihak AADK dengan kerjasama PEMADAM Daerah akan mewujudkan skuad Elit sebagai 'mata dan telinga' kepada AADK untuk melaporkan aktiviti-aktiviti yang melibatkan penagihan dadah.

Memandangkan kekangan arahan PKP sejak pandemik Covid19, banyak program yang dirancang tidak dapat dilaksanakan. Pihak MPKK atau KRT boleh menjemput AADK Daerah Besut untuk mengadakan program pencegahan dadah atau mengadu tentang penagihan dadah ditempat masing-masing. Disamping itu Hotline AADK boleh menjadi saluran kepada penduduk untuk membuat aduan tentang mereka yang disyaki penagih dadah atau mendapatkan khidmat nasihat. Talian Hotline AADK 03 - 8911 2233 / 019 - 626 2233 beroperasi 24 jam 7 hari seminggu di Ibu Pejabat AADK. Maklumat yang diterima akan disalurkan kepada pihak AADK Daerah.

MESYUARAT KETIGA PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS
PADA 23 HINGGA 25 NOVEMBER 2020

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.6

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM
ADUN BULUH GADING

SOALAN 1 : Antara Manifesto Kerajaan Negeri Terengganu ialah mewujudkan Tabung Pinjaman sebanyak RM10 juta setahun. Adakah peruntukan ini disalurkan sepenuhnya pada tahun 2019 dan 2020? Dan berapakah jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan kepada usahawan pada kedua-dua tahun tersebut?

JAWAPAN : Antara manifesto kerajaan Negeri Terengganu ialah mewujudkan Tabung Pinjaman sebanyak RM10 juta setahun yang dikenali sebagai Tabung Usahawan Sejahtera (TUGAS). Bagi tahun 2019, sebanyak RM 3.2 juta telah disalurkan kepada Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU). Manakala bagi tahun 2020, sebanyak RM 4.0 juta telah disalurkan dan baki RM 1.0 juta lagi akan disalurkan dalam masa terdekat.

Jumlah pembiayaan di bawah TUGAS yang telah dikeluarkan pada tahun 2019 dan tahun 2020 ialah sebanyak RM8,982,360.54 kepada 876 PKS dengan kaedah Skim Pinjaman Tanpa Faedah sebagaimana berikut:-

<u>Tahun</u>	<u>Jum. Pengeluaran (RM)</u>	<u>Jum. PKS</u>
2019	3,697,741.30	446
2020	5,284,619.24	430

MESYUARAT KETIGA PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS
PADA 23 HINGGA 25 NOVEMBER 2020

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.7

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD
ADUN BUKIT BESI

SOALAN 1 : Sejauh manakah langkah Kerajaan Negeri menjadikan Hospital Hulu Terengganu sebagai pusat rawatan pesakit COVID-19 membawa kesan kepada masyarakat di wilayah tersebut serta langkah-langkah bagi menanganinya?

JAWAPAN : Hospital Hulu Terengganu (HHT) telah diwartakan sebagai Hospital Covid-19 sepenuhnya (Full Covid-19 Hospital) semasa pandemik Covid-19 bermula 15 Mac 2020 dimana ia hanya menerima dan merawat pesakit-pesakit yang berkait dengan Covid-19 iaitu pesakit disahkan positif Covid-19 (Confirmed Case), pesakit di dalam surveilan (Patient Under Surveillance (PUS)), pesakit yang disyaki positif (suspected case) dan pesakit yang berkemungkinan positif (probable case). Sehingga 04 November 2020 jumlah kes positif Covid -19 yang sedang dirawat di HHT adalah seramai 48 kes. Manakala jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 yang dirawat bermula 15 Mac 2020 sehingga kini seramai 129 kes.

Pewartaan HHT sebagai pusat rawatan pesakit Covid-19 tidak memberi risiko atau peningkatan pendedahan penyakit Covid-19 kepada masyarakat setempat kerana pelan pergerakan pesakit semasa kemasukan ke hospital telah dibuat dengan teliti dan

pesakit hanya di discaj dari hospital setelah pesakit sembuh dan ujian swab pesakit kembali negatif. Sehingga November 2020, Hulu Terengganu merupakan satu-satunya daerah di negeri Terengganu yang tidak pernah mempunyai kes Covid-19.

Jabatan Kecemasan HHT pula beroperasi seperti biasa jadi pewartaan HHT sebagai pusat rawatan Covid-19 juga tidak akan menjejaskan perawatan pesakit yang datang dan memerlukan rawatan kecemasan. Walaubagaimana pun pesakit yang memerlukan kemasukan ke wad akan dirujuk ke Hospital Sultanah Nur Zahirah atau Hospital Setiu mengikut kesesuaian.

Langkah yang perlu dilakukan bagi menangani Covid-19 yang paling berkesan bagi semua lapisan adalah dengan mengelakkan berada di luar rumah atau tempat awam jika tiada perkara penting namun sekiranya perlu berada ditempat awam dan khalayak ramai atau ditempat kerja demi merawat pesakit bagi kakitangan hospital, langkah-langkah berikut perlu dilakukan;

1. Pematuhan kepada SOP norma baharu iaitu sentiasa memakai pelitup muka, menjaga jarak sekurang-kurangnya 1 meter dan elakkan bersalaman.
2. Elakkan 3S / 3C: iaitu elakkan kawasan yang sesak (Crowded place), kawasan yang sempit (Confined space) dan elak bersempang atau bertutur dengan jarak yang dekat (Close conversation).
3. Amalkan 3W: iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (Wash), memakai alat pelitup muka (facemask) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (Wear), dan (Warn) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti;
 - a. Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam.

- b. Amalkan etika batuk dan bersin
- c. Dapatkan rawatan segera jika bergejala
- d. Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung
- e. Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

SOALAN 2 : Isu kebersihan menjadi perkara penting di Terengganu khususnya di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan pelancong. Apakah strategi kerajaan bagi memastikan isu tersebut ditangani dengan sebaik mungkin?

JAWAPAN : Pihak Berkuasa Tempatan mengambil pendekatan 5K dan 1P iaitu Kebersihan, Kesihatan, Keceriaan, Keindahan, Kesedaran dan Penguatkuasaan sebagai strategi untuk memastikan kebersihan kawasan pelancongan dan kawasan tumpuan pelancong ditangani sebaik mungkin.

Tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi menangani isu kebersihan di kawasan tumpuan pelancongan sebagaimana berikut:

- 1 Pihak Berkuasa Tempatan juga mengkaji / menilai semula kontraktor sediaada dan menambahbaik skop kerja bagi kontraktor baharu untuk tahun 2021.
- 2 Memasukkan kesemua kawasan tumpuan pelancongan ke dalam zon kontrak kebersihan meliputi kutipan sisa pepejal, pembersihan longkang, pemotongan rumput dan penyapuan kawasan.
- 3 Pihak Berkuasa juga menyediakan kemudahan kebersihan seperti tong sampah yang mencukupi dan memastikan tiada longgokan sampah di dalam tong yang disediakan.
- 4 Selain daripada itu Pihak Berkuasa Tempatan juga menjalankan kempen 'non-plastic' di kawasan- kawasan

tumpuan sebagai contoh Majlis Bandaraya melaksanakan di Pantai Batu Buruk, KT Walk, Pesisir Payang.

- 5 Program gotong royong juga dilaksanakan di kawasan-kawasan pantai sekurang-kurangnya sekali sebulan bagi memastikan kebersihan terjaga.
- 6 Pihak Berkuasa Tempatan juga menjalankan penguatkuasaan dengan mengeluarkan kompaun/saman kepada pengunjung yang membuang sampah di tempat awam/ pelancongan sebagaimana berikut:

Jadual 1

Jumlah kompaun yang telah dikeluarkan oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu 2019

Bil	PBT	Bilangan Kompaun	RM
1.	MBKT	268	13,400.00
2.	MPK	230	2,300.00
3.	MPD	2110	21,10.00
4.	MDB	1	250.00
5.	MDHT	- tiada -	-
6.	MDM	- tiada -	-
7.	MDS	542	38,705.00

Jumlah kompaun yang telah dikeluarkan oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu 2020

Bil	PBT	Bilangan Kompaun	RM
1.	MBKT	469	23,450.00
2.	MPK	196	1,960.00
3.	MPD	1420	14,20.00
4.	MDB	3	900.00
5.	MDHT	2	500.00
6.	MDM	-Tiada-	-

7.	MDS	301	18,040.00
----	-----	-----	-----------

**MESYUARAT KETIGA PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS (BAJET)
PADA 23 HINGGA 25 NOVEMBER 2020**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.8**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN
ADUN MANIR**

SOALAN 1 : Agensi manakah yang menjadi penjaga “Jeti Nelayan Duyung Kecil”?

JAWAPAN : Jeti Nelayan Duyung Kecil merupakan salah satu projek didalam pakej Projek Pembangunan Pulau Duyung sekitar tahun 2004 dikendalikan oleh Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) yang melibatkan pembinaan hotel, medan selera ikan bakar dan jeti-jeti. Perancangan awal kegunaan jeti ini untuk kapal layar yang menyertai Kejohanan Piala Monsoon berlabuh namun tiada penyerahan rasmi jeti ini kepada mana-mana agensi. Oleh itu, Persatuan Pengguna Jeti Nelayan Pulau Duyung telah menggunakan jeti ini bagi aktiviti-aktiviti nelayan tempatan.

SOALAN 2 : Kawasan “Jeti Nelayan Duyung Kecil” ini antara destinasi telah sedia yang boleh dimajukan untuk sektor pelancongan. Apakah kerajaan mempunyai rancangan jangka panjang dan rancangan jangka pendek berkaitan industri pelancongan di kawasan jeti tersebut?

JAWAPAN : Untuk perancangan masa pendek Kerajaan Negeri tidak membenarkan sebarang aktiviti pelancongan diadakan

mengguna pakai jeti tersebut kerana struktur jeti tersebut telah rosak teruk dan tidak selamat digunakan. Pihak JKR unit siasatan

forensik bangunan telah membuat pemeriksaan terhadap jeti tersebut dan ini merupakan ulasan dan pengesyoran daripada pihak JKR :-

1. Program Duyong Art Festival 2019 disyorkan supaya tidak menggunakan jeti terapung sebagai venue utama bagi pengunjung dan penjual.
2. Menghadkan bilangan pengunjung menggunakan jeti terapung dan kawalan keselamatan yang ketat perlu dibuat memandangkan jeti tersebut tidak mempunyai pagar keselamatan.
3. Struktur yang rosak perlu dibaiki segera bagi meastikan struktur jeti tersebut selamat digunakan.

Bagi perancangan masa panjang jeti tersebut perlu pembaikan secara menyeluruh bagi memastikan struktur asal binaan ini selamat digunakan. Kos pembaikan jeti tersebut dianggarkan berjumlah RM5,000,000.00

SOALAN 3 : Pengurusan tandas awam sangat tidak terurus, apakah telah ada kontraktor yang menguruskan tandas awam tersebut serta kebersihan sekitar premis-premis yang ada dikawasan tersebut?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26(4) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Nyatakan untung rugi syarikat TDM Berhad dari 2016 – 2020?

JAWAPAN

	2016	2017	2018	2019
PBT / (LBT) continuing operation	35,096,000	(96,877,000)	(37,586,000)	(40,385,000)

Adjusted EBITDA continuing operation	91,844,000	42,798,000	35,451,000	63,639,000
--------------------------------------	------------	------------	------------	------------

SOALAN 5 : Nyatakan untung rugi syarikat Terengganu Incorporated dari 2016 - 2020 ?

JAWAPAN : Untung rugi Syarikat Terengganu Incorporated dari tahun 2016-2020.

Kumpulan Terengganu Inc:

Perkara/Tahun	2016 (RM'000)	2017 (RM'000)	2018 (RM'000)	2019 (RM'000)	Akaun Pengurusan pada 31 Ogos 2020 (RM'000)
Hasil	931,931	1,019,328	963,960	973,781	644,224
EBITDA	247,690	96,983	134,712	110,602	82,361
Keuntungan /(Kerugian) sebelum cukai	81,799	(70,207)	(43,226)	(56,993)	(16,415)
(Kerugian) selepas cukai (kendalian berterusan) ("continued operations)	-	-	(43,555)	(60,583)	(16,415)
(Kerugian) selepas cukai (kendalian ditamatkan) ("discontinued operations)	-	-	(125,580)	(234,667)	(20,143)

Terengganu Inc

Perkara/Tahun	2016 (RM'000)	2017 (RM'000)	2018 (RM'000)	2019 (RM'000)	Jan-Ogos 2020 (RM'000)
Hasil	21,260	15,124	27,153	18,248	1,945
EBITDA	27,162	(1,546)	9,749	11,347	(3,565)
Keuntungan /Kerugian sebelum cukai	26,733	(51,718)	(20,387)	(41,848)	(3,793)

Keuntungan/ (Kerugian) selepas cukai	25,681	(51,892)	(20,419)	(42,227)	(3,982)
--	--------	----------	----------	----------	---------

**MESYUARAT KETIGA PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS (BAJET)
PADA 23 HINGGA 25 NOVEMBER 2020**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.9**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERTITAH TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD RAHMAN
ADUN KUALA BESUT**

SOALAN 1 : Apakah status skim pinjaman Foodtruck?

JAWAPAN : Skim Pembiayaan Mobile Truck (SPMT) yang disediakan oleh Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU) untuk membantu usahawan Foodtruck tempatan masih lagi aktif. Skim ini dijenamakan semula dengan nama Skim Pembiayaan Mobile Truck (SPMT) bagi meluaskan skop pembiayaan selain sektor makanan & minuman (F&B).

SOALAN 2 : Apakah usaha untuk memperkasakan sektor pendidikan di Terengganu selaras dengan budaya norma baharu?

JAWAPAN Sektor Pendidikan memang terkesan dengan pandemik Covid-19 di mana sesi persekolahan pernah terhenti ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) – Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) selama lebih 3 bulan sebelum persekolahan dibuka kembali.

Bagi memastikan murid-murid mendapat pendidikan sebagaimana yang sepatutnya, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu termasuklah Pejabat Pendidikan Daerah dan

sekolah-sekolah telah mengambil beberapa langkah yang proaktif. Antara usaha untuk memperkasakan sektor pendidikan di Terengganu selaras dengan budaya norma baharu adalah:-

- 1) Melancarkan Portal e-Learning Terengganu pada 5 Mei 2020 sebagai satu portal dalam talian untuk dimanfaatkan guru dan murid-murid. Terdapat banyak bahan pengajaran dan pembelajaran yang dibangunkan oleh guru-guru ditempatkan dalam portal berkenaan yang boleh diakses oleh semua guru dan murid-murid negeri Terengganu. Bahan-bahan yang dibangunkan adalah untuk kegunaan sekolah rendah dan sekolah menengah.
- 2) Menganjurkan pelbagai webinar, bengkel, sesi perkongsian dan kursus secara dalam talian melalui portal e-Learning Terengganu. Sebagai contoh, sejak portal e-Learning dilancarkan pada bulan Mei 2020 yang lalu sehingga 3 November 2020, Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu telah menganjurkan 67 aktiviti secara dalam talian melibatkan 20,876 orang peserta.
- 3) Membekalkan bahan pembelajaran (*softcopy*) kepada murid-murid menggunakan kemudahan media sosial seperti aplikasi Telegram, Whatsapp, eMel dan lain-lain lagi
- 4) Membekalkan bahan pembelajaran (*hardcopy*) secara fizikal kepada murid-murid melalui serahan tangan atau dipungut di stesen-stesen yang disediakan oleh pihak sekolah. Contoh: SMK Pengkalan Berangan yang menyediakan bahan-bahan pembelajaran di sebuah pondok di luar pagar sekolah untuk diakses oleh murid-murid atau penjaga.
- 5) Jabatan Pendidikan Negeri juga pernah bekerjasama dengan radio Terengganu FM untuk mengadakan sesi bersama-sama Guru AKRAM Bahasa Melayu, Sejarah dan Sains yang bersiaran semasa tempoh PKP.

SOALAN 3 : Berapa peratuskah pelaksanaan PITAS dapat mengurangkan kadar pengangguran di Terengganu?

JAWAPAN : Pada tahun 2018, Terengganu mencatat kadar pengangguran yang tinggi sekitar 4.8%, melebihi kadar pengangguran nasional iaitu 3.3%. Namun, pada 2019 kadar pengangguran Terengganu menurun kepada 3.5% menghampiri kadar pengangguran nasional iaitu 3.3%.

Mengikut statistik, bilangan pekerja di Terengganu yang paling tinggi berada dalam sektor perkhidmatan. Sektor ini telah mencatatkan peningkatan bilangan pekerjaan bersama-sama sektor pembuatan, sektor pembinaan dan sektor pertanian. Sektor pembuatan mengalami peratusan peningkatan pekerjaan yang paling tinggi pada tahun 2019.

Untuk makluman sidang dewan, seperti yang dimaklumkan pada sidang dewan yang lepas, PITAS2030 telah mendapat kelulusan pelaksanaan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 22 Januari 2020 walaupun gerak kerja telah dijalankan secara tidak langsung bermula dari Oktober 2018.

Dalam menguruskan masalah pengangguran, Centre of Excellence PITAS (CoE PITAS) bekerjasama rapat dengan Terengganu Human Resource Development Centre (T-HRDC) untuk memastikan kadar pengangguran Terengganu berada sekitar 3% ataupun berada di bawah paras nasional. Insya-Allah, dengan pelaksanaan PITAS2030 secara sistematik khususnya bermula 2021, projek-projek pembangunan kerajaan negeri yang diadakan bakal memberi lebih banyak peluang pekerjaan dan mengurangkan pengangguran khususnya dalam sektor pembuatan, pembinaan, pertanian, perkhidmatan dan keusahawanan.

Antara beberapa inisiatif PITAS2030 yang mampu memberi peluang pekerjaan dan mengurangkan pengangguran ialah projek Bandar Baru Lestari, *Community Based Tourism*, Program Usahawan Muda Makanan Ternakan dan Program Pencarian Usahawan Belia.

SOALAN 4 : Apakah usaha pihak kerajaan menyediakan peluang kerajaan kepada rakyat Terengganu?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri di bawah portfolio Keusahawanan, Sumber Manusia, Industri Mikro dan Hal Ehwal Pengguna telah memainkan peranan seperti menyediakan dana Tabung Usahawan Sejahtera (TUGAS). Dana ini bertujuan:

- a. Membangunkan usahawan
- b. Membangunkan produk
- c. Promosi dan pemasaran produk

Usaha-usaha ini sudah pasti akan memastikan golongan PKS berdaya maju seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang baik termasuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Kerajaan Negeri melalui YPU telah melaksanakan program Usahawan Graduan Terengganu (U-GATES) dan Usahawan Belia Sejahtera (UBES) dan berjaya membangunkan sekurang-kurangnya 50 orang usahawan baharu. Usahawan-usahawan baharu ini kemudiannya telah membuka sekurang-kurangnya 100 pekerjaan baharu kepada rakyat Terengganu.

Manakala, bagi sektor pertanian pula, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian menyediakan dan menawarkan skim permulaan atau tambahan bagi golongan yang ingin bergiat dalam industri pertanian seperti Program Geran Agropreneur Muda (GAM) dan Skim Bantuan Modal Tani (SBMT). Geran Agropreneur Muda (GAM) melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

ini terbuka kepada golongan berumur 18 hingga 40 tahun. Program ini bertujuan untuk membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan agro. Skim Bantuan Modal Tani (SBMT) pula melalui Kerajaan Negeri adalah skim tanpa faedah dan pemberian kepada peminjam adalah di dalam bentuk penyediaan tapak, kelengkapan, barangan, peralatan, haiwan ternakan, anak benih, pagar atau kandang, enjin bot, bahan input dan lain-lain. Skim ini dapat memberi peluang kepada pengusaha sedia ada dan baharu dalam menambahkan kapasiti ternakan dan pasaran lalu membuka ruang kepada keperluan pekerjaan.

Seterusnya, kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar menyediakan peluang pekerjaan melalui bantuan dan sokongan melalui Sistem Penyampaian & khidmat Sokongan Akuakultur (SpeKS Jabatan Perikanan) dan Touch Point adalah jenis bantuan yang diberikan melalui sumbangan dalam bentuk barangan (in kind contribution) sama ada peralatan yang diperlukan atau bantuan input seperti benih ikan, induk atau makan ikan. Pada tahun 2020, sebanyak 2,188 unit kelengkapan akuakultur seperti rak besi, tangki ternakan, kanvas kolam, peranti makanan automatik, alat pengudaraan ternakan, dan makanan ikan telah disalurkan kepada penternak akuakultur. Bantuan peralatan-peralatan ini dapat meningkatkan kapasiti ternakan dan pengeluaran hasil selain memerlukan pekerja tambahan.

Selain itu, kerajaan melalui Jabatan Perikanan juga menawarkan Kursus Jangka Pendek (Upskilling) dan kursus jangka masa panjang kepada sesiapa yang berminat. Kursus Jangka Pendek (Upskilling) memberi pendedahan dan kemahiran dalam teknologi perikanan moden. Kursus ini dapat membuka ruang pekerjaan di dalam industri perikanan seperti industri pemprosesan produk, industri perikanan tangkapan, kejuruteraan dan perikanan rekreasi. Bagi kursus jangka panjang pula menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Teknologi Perikanan Tangkapan bagi menggalakkan generasi muda melibatkan diri dalam bidang perikanan tangkapan sebagai pekerja mahir dan pengusaha

bertaraf komersil serta berskala besar melalui penggunaan teknologi terkini bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti sektor perikanan tangkapan negeri.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Terengganu. Ini dapat dilihat dengan pengwujudan Manifesto Terengganu (MT20) yang menyasarkan 20,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 4 tahun sehingga tahun 2023. Semua sektor yang terdiri daripada Kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta perlu menyumbang untuk bersama menjayakan manifesto ini. Untuk ini, satu jawatankuasa kerja khas (task force) diwujudkan untuk mengenalpasti peluang dan ruang yang ada bagi Kerajaan Negeri menyediakan peluang pekerjaan ini samada di sektor kerajaan atau pun swasta. Kerajaan Negeri telah merangka pelan jangka panjang bagi meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat Terengganu dengan mewujudkan pembangunan industri baharu di samping mengambilkira unjuran peluang pekerjaan dalam projek yang sedang dilaksanakan di Negeri Terengganu. Bagi jangka pendek, Kerajaan akan menguatkuasakan keutamaan pekerja dari Negeri Terengganu yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 70% dari bilangan keseluruhan pekerja dalam sesebuah syarikat / kilang yang beroperasi di dalam mana-mana kawasan perindustrian Negeri Terengganu.

Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk membuka peluang pekerjaan baru bagi memberi peluang yang lebih luas kepada pencari kerja di negeri ini. Jabatan Tenaga Kerja melalui Pusat Jobs Malaysia (JMC) bertanggungjawab untuk menyediakan peluang kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh majikan di seluruh negara. Beberapa program utama telah dijalankan oleh jabatan termasuklah pendaftaran pencari kerja dan majikan di dalam portal, karnival pekerjaan dan temuduga bagi memadankan pencari kerja dan majikan seramai 9,147.

SOALAN 5 : Apakah peranan pihak Kerajaan Negeri untuk memperkasa industri batik Terengganu?

JAWAPAN :

1. Melalui Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU), Kerajaan Negeri Terengganu telah mendaftarkan di Perbadanan Harta Intelek (MYIPO) di bawah "Geographical Indications" (Petunjuk Geografi) bagi produk Batik Terengganu.
2. YPU juga mewujudkan bantuan pinjaman blok batik kepada usahawan batik yang masih meneruskan teknik pembuatan batik blok.
3. Batik blok merupakan kaedah pembuatan batik secara tradisional dan semakin kurang diusahakan. Ini kerana pembuatan batik melalui teknik blok melibatkan kos yang tinggi dalam menghasilkan blok batik yang diperbuat daripada tembaga.
4. Tahun 2021, Kerajaan Negeri melalui YPU akan menganjurkan Festival Batik, Songket & Kraf.
5. YPU juga telah menyenaraikan pengusaha batik melalui sistem E-SDSI di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC).
6. Penyertaan usahawan batik dalam acara – acara yang melibatkan industri batik, songket dan kraf seperti:-
 - i. Karnival Pantai Terengganu
 - ii. Terengganu Showcase
 - iii. Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) Peringkat Timur dan Nasional
 - iv. Hari Kraf Kebangsaan, Kuala Lumpur
 - v. Promosi Kraf di seluruh Malaysia.

7. YPU juga berkerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM), Cawangan Terengganu dengan membantu usahawan yang terlibat dalam industri batik.

MESYUARAT KETIGA PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS
PADA 23 NOVEMBER HINGGA 25 NOVEMBER 2020 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.10.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN
ADUN RANTAU ABANG

SOALAN 1 : Sila nyatakan projek-projek pertanian bersempena tahun pertanian negeri pada 2021?

JAWAPAN : Berikut merupakan perancangan projek-projek yang akan dilaksanakan bersempena Tahun Pertanian Negeri 2021:-

Bil	Projek	Sektor
1.	Projek Penyelenggaraan Infrastruktur dan Pemulihan Tanah Sawah (padi)	Pertanian
2.	Projek Pembangunan Buah-buahan	Pertanian
3.	Projek Pembangunan Kompleks Pertanian Ajil, Hulu Terengganu	Pertanian
4.	Projek Pembangunan Taman Pertanian Sekayu, Hulu Terengganu	Pertanian
5.	Projek Pembangunan Tukun Tiruan	Perikanan
6.	Projek Pembangunan Unjam	Perikanan
7.	Projek Menaiktaraf Infrastruktur Pembangunan Santuari Penyu dan Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu di Rantau Abang, Dungun	Perikanan
8.	Projek Pembangunan Padang Ragut	Penternakan
9.	Projek Pembangunan Jalan Pertanian	Penternakan
10.	Projek Pembangunan Lembu Sado	Penternakan
11.	Projek Pembangunan Induk Ternakan	Penternakan
12.	Pusat Pemprosesan Berstatus Halal	Penternakan

13.	Pilot Projek Penternakan Rusa Nukleus	Penternakan
-----	---------------------------------------	-------------

- SOALAN 2** : a) Berapa buah rumah bina baru MAIDAM yang telah dibina untuk asnaf sepanjang tahun 2019 sehingga September 2020 mengikut pecahan daerah Negeri Terengganu?
- b) Dan berapa buah yang telah dibina atas tanah persendirian dan tanah kerajaan?

- JAWAPAN** : a) Jumlah rumah bina baru MAIDAM yang telah dibina untuk asnaf sepanjang tahun 2019 sehingga September 2020 mengikut pecahan daerah negeri Terengganu adalah sebagaimana dibawah:

DAERAH	TAHUN		JUMLAH
	2019	2020	
Kuala Terengganu	19	6	25
Kuala Nerus	29	6	35
Hulu Terengganu	10	5	15
Marang	11	14	25
Dungun	4	9	13
Kemaman	8	3	11
Besut	4	2	6
Setiu	7	1	8
JUMLAH	92	46	138

- JAWAPAN** b) Semua rumah yang dibina adalah atas tanah persendirian atau kebenaran daripada waris.

- SOALAN 3** : Berikan perbandingan serta faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pelaburan bagi tahun 2019 dan 2020?

- JAWAPAN** : Jumlah Pelaburan tahun 2019 dan 2020

No		2019	2020
1.	Malaysia	RM 211 bilion	RM 64 bilion
2.	Terengganu	RM 638,807,995	RM 1,823,046,000

- Data berdasarkan sumber MIDA

Antara faktor – faktor yang mempengaruhi prestasi pelaburan antaranya ialah:

1. Keamanan dan kestabilan politik
2. Polisi yang telus
3. Pasaran tempatan
4. Tenaga Buruh
- 5 Dasar pelabur kebangsaan

1. Keamanan dan kestabilan politik

Keamanan dan keharmonian dalam sesebuah negara menjadi bonus untuk negara tersebut mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Kini dalam suatu nada untuk mewujudkan kesamarataan sejagat, kestabilan politik dan keamanan di sesebuah negara menjadi agenda penting. Hal tersebut akan mendorong syarikat-syarikat besar di peringkat antarabangsa untuk memperkembang polisi pelaburan mereka di rantau lain. Dengan hal yang demikian, setiap negara mula menggerakkan inisiatif agar iklim politik dan keamanan domestik sentiasa terkawal. Asas yang utama daripada minat pelabur tersebut adalah atas faktor keselamatan dan iklim pelaburan yang menjamin keuntungan.

2. Polisi yang telus

Polisi yang telus dan mesra pelabur yang diamalkan oleh sesebuah kerajaan turut menyokong pelaburan asing. Kebanyakan negara Dunia Ketiga khususnya mula membuka mata kepada pelaburan asing sebagai suatu strategi untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat mereka. Hal demikian telah membuka laluan kepada berkembangnya pasaran luar oleh negara-negara industri seperti Jepun, Amerika Syarikat dan negara-negara EU. Di Asia Tenggara sendiri, polisi yang dilaksanakan oleh negara-negara seperti Malaysia, Indonesia dan Thailand telah membuka peluang pekerjaan yang banyak di samping berjaya memacukan ekonomi domestik.

3. Pasaran Tempatan

Pasaran tempatan di sesebuah negara turut menjadi insentif utama kemasukan pelaburan asing. Matlamat utama pelaburan adalah untuk memperluas pasaran produk. Oleh itu, peluang terbaik kepada pelabur adalah dengan terus menanam modal di negara terbabit. Selain memperoleh bekalan buruh tempatan yang murah, antara 20 hingga 30 peratus produk dapat dipasarkan untuk kegunaan domestik.

4. Tenaga Buruh

Pada hari ini dasar buruh di peringkat global menjadi semakin kompleks dengan fenomena pergerakan migrasi dan pendatang. Gelombang perpindahan dari negara miskin ke negara-negara maju dan Negara Dunia Ketiga menyebabkan peningkatan buruh asing di kebanyakan negara semakin sukar dikawal. Fenomena yang sama jelas terjadi kepada Malaysia apabila limpahan buruh asing telah mencecah 6.8 juta orang. Limpahan tersebut telah memaksa kerajaan lebih berlembut atas dasar kemanusiaan untuk membuka peluang pekerjaan kepada pekerja asing untuk berkhidmat dalam sektor swasta dan syarikat multinasional.

5. Dasar Pelaburan Kebangsaan

Selain itu, kemasukan pelabur asing turut disokong oleh dasar pelaburan kebangsaan yang diamalkan oleh kebanyakan negara. Apabila dirujuk kepada Malaysia, kerajaan melalui MITI sentiasa menghantar misi kempen galakan pelaburan luar ke negara-negara maju. Langkah tersebut yang merupakan strategi serampang dua mata yang memberikan fokus kepada penyediaan peluang pekerjaan dan pemindahan teknologi. Kemasukan pelabur asing juga turut menerima pelbagai insentif daripada pihak kerajaan seperti zon perindustrian bebas, kemudahan prasarana, jaminan pinjaman bank dan keselamatan operasi yang terjamin. Di samping itu, negara turut menerima tempas positif apabila berlaku pemindahan teknologi kepada anak-anak tempatan yang menjadi sebahagian daripada dasar melahirkan lebih ramai tenaga profesional tempatan.

SOALAN 4 : Sejauh manakah perkembangan pembinaan Veledrom Dungun?

JAWAPAN : Projek Veledrom di Dungun telah memulakan kerja pembinaan sejak 9

Disember 2019 dan dijangka siap pada 10 November 2021. Kemajuan kerja fizikal pembinaan setakat 18 Oktober 2020 adalah 30% siap berbanding jadual 28%.

SOALAN 5 : Sila nyatakan perancangan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), dalam membangunkan industri pelancongan di Rantau Abang?

JAWAPAN : Projek Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Biodiversiti di Daerah Dungun iaitu Konservasi Penyu di Rantau Abang merupakan inisiatif ECERDC untuk menjadikan Rantau Abang sebagai Observatori Global bagi penyu marin (*Global Marine Turtle Observatory*), di samping dapat menarik semula kedatangan pelancong ke Rantau Abang yang merupakan kawasan penting bagi pendaratan penyu suatu masa dahulu.

Antara skop projek yang telah dikenalpasti adalah cadangan menaiktaraf Pusat Penyu dan Ekosistem Marin (TUMEC), Rantau Abang dan menaiktaraf Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu (PKPP), Rantau Abang.

Melalui konsep ekopelancongan, usaha konservasi hutan *heath* yang terletak berdekatan dengan TUMEC dan PKPP akan turut dilaksanakan dengan penyediaan fasiliti pelancongan seperti menara peninjau dan *boardwalk* bagi memastikan khazanah ekologi berharga ini kekal terpelihara.

Peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan di Rantau Abang ini telah pun dipohon di bawah Rancangan Malaysia ke-12(RMKe-12).

MESYUARAT KETIGA PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS
PADA 23 HINGGA 25 NOVEMBER 2020

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.11

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERTHORMAT SULAIMAN BIN SULONG
ADUN PENGKALAN BERANGAN

SOALAN 1 : Apakah langkah yang telah dan sedang serta akan diambil oleh kerajaan dalam meningkatkan kecekapan pengurusan bagi memastikan peningkatan hasil serta keberkesanan urusan kerajaan?

JAWAPAN : Langkah yang telah dan sedang serta akan diambil oleh Kerajaan dalam meningkatkan kecekapan pengurusan bagi memastikan peningkatan hasil serta keberkesanan urusan Kerajaan adalah:

- i) Pemantauan kutipan hasil Pusat Tanggungjawab (PTJ) seluruh negeri secara berkala melalui Mesyuarat Jawatankuasa Peningkatan Hasil Negeri dan Perbelanjaan Hemat Negeri Terengganu yang dipengerusikan oleh YB Pegawai Kewangan Negeri ;
- ii) Urusan kutipan cukai dibuat secara agresif diluar pejabat bagi memudahkan pembayar membuat bayaran; dan
- iii) Penyediaan platform bayaran secara atas talian

termasuklah penerimaan bayaran tanpa tunai fizikal menggunakan kad debit/kredit dan pindahan secara elektronik (EFT).

SOALAN 2 : Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi meningkatkan pengupayaan hasil syarikat milik kerajaan?

JAWAPAN : 1. Mewujudkan sinergi antara syarikat milik Kerajaan Negeri dengan saling menggunakan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan.

- Antara sinergi yang telah dilaksanakan ialah menggunakan servis dan produk dalam Kumpulan seperti perkhidmatan percetakan oleh Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd. serta gabungan pembelian bahan mentah dan bekalan yang lain bagi hotel milik Kerajaan Negeri.

2. Suntikan projek yang berskala besar dan berorientasikan komersil kepada anak syarikat Kerajaan Negeri.

- Antara projek yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Kumpulan Terengganu Inc termasuklah cadangan pembangunan Taman Perindustrian Biopolimer di Lot Q, Kerteh serta cadangan pembangunan ECRL.

MESYUARAT KETIGA PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS
PADA 23 HINGGA 25 NOVEMBER 2020

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.12

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT AHMAD SHAH BIN MOHAMED
ADUN BANDAR

SOALAN 1 : Berapakah jumlah pekerjaan yang disediakan oleh kerajaan telah diisi pada tahun 2019 sehingga sekarang?

JAWAPAN : Jumlah pekerjaan yang telah disediakan melalui aktiviti di Job Malaysia Terengganu, yang telah di isi adalah sebanyak 9,738 pada tahun 2019 dan 3,225 sehingga hujung bulan Oktober tahun 2020.

Sementara itu melalui aktiviti di PERKESO iaitu penempatan melalui system MyFuture Jobs pada tahun 2019-2020 adalah sebanyak 384 pada tahun 2019 dan 262 pada tahun 2020, iaitu sehingga bulan Oktober.

Oleh itu jumlah semua penempatan yang telah dilaksanakan pada tahun 2019 adalah 10,122, dan pada tahun 2020 (sehingga bulan Oktober) adalah sebanyak 3,487.

SOALAN 2 : Apakah bidang pekerjaan yang telah diwujudkan oleh pihak

Kerajaan Negeri sejak 2019 sehingga sekarang dan nyatakan bilangannya mengikut bidang?

JAWAPAN : Bidang dan bilangan Pekerjaan yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Negeri dari Tahun 2019 hingga tahun 2020 adalah sebagaimana berikut:

LAPORAN PENEMPATAN PEKERJAAN MENGIKUT JENIS INDUSTRI / SEKTOR PEKERJAAN BAGI TAHUN 2018, 2019 DAN 2020 NEGERI TERENGGANU (JANUARI - 31 OKTOBER 2020)				
KOD	JENIS INDUSTRI / SEKTOR PEKERJAAN	2018	2019	2020
A	Pertanian,perhutanan dan perikanan	31	18	8
B	Perlombongan dan Pengkuarian	0	0	0
C	Pembuatan	273	663	10
D	Bekalan Elektrik,gas wap dan pendingin udara	0	0	0
E	Bekalan air pembentungan,pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	0	0	0
F	Pembinaan	18	2	2
G	Perdagangan borong & runcit, pembaikan kenderaan bermotor & motosikal	169	39	119
H	Pengangkutan & Penyimpanan	13	5	5
I	Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	82	57	180
J	Maklumat & komunikasi	39	1	0
K	Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	31	63	1
L	Aktiviti hartanah	0	0	0
M	Aktiviti profesional,saintifik dan teknikal	0	8	0
N	Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	102	17	20
O	Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib	4	1	6
P	Pendidikan	22	9	5
Q	Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	13	4	0
R	Kesenian,hiburan dan rekreasi	21	6	8
S	Aktiviti perkhidmatan lain	17	53	34
T	Aktiviti isi rumah sebagai majikan; Aktiviti mengeluarkan barangan & perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah untuk kegunaan sendiri	0	0	0
U	Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah	0	0	0
Jumlah		835	946	398

SOALAN 3 : Bolehkah kerajaan nyatakan jumlah penganggur rakyat Terengganu yang mempunyai kelulusan Diploma dan Ijazah sehingga kini?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Bolehkah pihak kerajaan nyatakan jumlah operasi pencegah

maksiat, tangkapan dan kategori jenayahnya pada tahun 2018, 2019 dan 2020 di Negeri Terengganu?

JAWAPAN : Bahagian Penguatkuasaan Syariah Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu telah menjalankan operasi penguatkuasaan syariah di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 200, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Terengganu 2001 dan Enakmen Wakaf Terengganu 2016. Jumlah operasi pencegah maksiat, tangkapan dan kategori jenayahnya pada tahun 2018, 2019 dan 2020 di Negeri Terengganu adalah seperti jadual di bawah:

1. STATISTIK OPERASI TANGKAPAN MENGIKUT KATEGORI JENAYAH SYARIAH PADA TAHUN 2018, 2019 DAN 2020

SEKSYEN	KESALAHAN	JUMLAH TANGKAPAN (ORANG)		
		2018	2019	OKT 2020
8	MENGHINA AGAMA	-	-	1
16	TIDAK MENUNAIKAN SEMBAHYANG JUMAAT	18	77	-
19	TIDAK MENGHORMATI RAMADHAN	3	-	-
22	BERJUDI	57	17	7
23	MINUMAN YANG MEMABUKKAN	16	17	-
25	MELACURKAN DIRI	6	4	-
27	MELACURKAN ISTERI ATAU ANAK	-	1	-
28	MUNCIKARI	2	-	-
29	PERBUATAN SEBAGAI PERSEDIAAN UNTUK MELAKUKAN PERSETUBUHAN LUAR NIKAH	134	129	58
30	MUSAHAQAG	2	-	-
31	KHALWAT	735	781	383
34	PERBUATAN TIDAK SOPAN DI TEMPAT AWAM	12	16	-
35	MENDEDAHKAN TUBUH DI TEMPAT AWAM	-	2	-

36	MEWATIE	-	2	-
45	MENTADBIR ATAU MENGURUS WAKAF AM ATAU WAKAF KHAS TANPAT KEBENARAN MAJLIS	-	4	16
46	MEMUJUK LARI ORANG PEREMPUAN	1	-	-
55	PENYUBAHATAN	6	7	2
90	PUNGUTAN KHAIRAT	9	39	6
JUMLAH		1001	1096	473

2. JUMLAH OPERASI PENCEGAHAN MENGIKUT KATEGORI JENAYAH SYARIAH PADA TAHUN 2018, 2019 DAN 2020

SEKSYEN	KESALAHAN	JUMLAH OPERASI		
		2018	2019	OKT 2020
8	MENGHINA AGAMA	-	-	MAKLUMAT AWAM (3)
16	TIDAK MENUNAIKAN SEMBAHYANG JUMAAT	16	4	-
19	TIDAK MENGHORMATI RAMADHAN	SEPANJANG RAMADHAN (SETIAP HARI)		
22	BERJUDI	32	16	15
23	MINUMAN YANG MEMABUKKAN	16	10	5
25	MELACURKAN DIRI	6	4	-
27	MELACURKAN ISTERI ATAU ANAK	-	1	-
28	MUNCIKARI	2	-	-
29	PERBUATAN SEBAGAI PERSEDIAAN UNTUK MELAKUKAN PERSETUBUHAN LUAR NIKAH	MAKLUMAT AWAM (67)	MAKLUMAT AWAM (65)	MAKLUMAT AWAM (30)
30	MUSAHAQAH	1	-	-

31	KHALWAT	MAKLUMAT AWAM (368)	MAKLUMAT AWAM (391)	MAKLUMAT AWAM (192)
34	PERBUATAN TIDAK SOPAN DI TEMPAT AWAM	SEPANJANG MASA (54 KALI)		
35	MENDEDAHKAN TUBUH DI TEMPAT AWAM	-	RONDAAN (10 KALI)	RONDAAN (20 KALI)
36	MEWATIE	-	1	-
45	MENTADBIR ATAU MENGURUS WAKAF AM ATAU WAKAF KHAS TANPAT KEBENARAN MAJLIS	-	RONDAAN (20 KALI)	RONDAAN (10 KALI)
46	MEMUJUK LARI ORANG PEREMPUAN	1	-	-
55	PENYUBAHATAN	-	-	-
90	PUNGUTAN KHAIRAT	RONDAAN (48 KALI)	RONDAAN (20 KALI)	RONDAAN (10 KALI)

SOALAN 5 : Berapakah kes-kes jenayah syariah yang telah di bawa ke Mahkamah Syariah dan kategori kesalahannya?

JAWAPAN :
PENDAFTARAN KES JENAYAH 2017-2019

Jenis Kes	Jumlah
Khalwat	2,246
Persediaan Bersetubuh Luar Nikah	296
Berjudi	256
Perceraian Tanpa Kebenaran Mahkamah	102
Kesalahan Berhubung Akad Nikah	92
Subahat	84
Tidak Solat Jumaat	64

Memungut Khairat Tanpa Kebenaran	64
Berkahwin Bersalahan Dengan Bahagian Dua Undang-Undang Keluarga Islam	52
Tidak Hadir Di Hadapan Pendaftar NCR	27
Poligami Tanpa Kebenaran Mahkamah	23
Minuman Yang Memabukkan	21
Perbuatan Tidak Sopan Di Tempat Awam	20
Pelacuran	7
Menggalakan Maksiat	5
Tidak Menghormati Ramadan	4
Kesalahan Mewatie'	3
Semakan	2
Muncikari	2
Musahaqah	2
Memujuk Lari Orang Perempuan	2
Akuan Palsu Untuk Berkahwin	2
Percubaan Melakukan Kesalahan di bawah Undang-undang Syarak	1
Mengakad Nikah Tanpa Kuasa Yang Sah	1
Lain-lain	1
Jumlah	3,379

PENDAFTARAN KES JENAYAH MENGIKUT TAHUN

Jenis Kes / Tahun	2017	2018	2019
Khalwat	854	721	671
Persediaan Bersetubuh Luar Nikah	105	106	85
Berjudi	176	69	11
Perceraian Tanpa Kebenaran Mahkamah	31	20	51
Kesalahan Berhubung Akad Nikah	15	29	48
Subahat	11	40	33

Tidak Solat Jumaat	--	24	40
Memungut Khairat Tanpa Kebenaran	12	10	42
Berkahwin Bersalahan Dengan Bahagian Dua Undang-Undang Keluarga Islam	--	17	35
Tidak Hadir Di Hadapan Pendaftar NCR	--	8	19
Poligami Tanpa Kebenaran Mahkamah	1	11	11
Minuman Yang Memabukkan	8	5	8
Perbuatan Tidak Sopan Di Tempat Awam	2	8	10
Pelacuran	--	2	5
Menggalakan Maksiat	5	--	--
Tidak Menghormati Ramadan	1	3	--
Kesalahan Mewatie'	3	--	--
Semakan	2	--	--
Muncikari	--	--	2
Musahaqah	--	2	--
Memujuk Lari Orang Perempuan	1	--	1
Akuan Palsu Untuk Berkahwin	1	1	--
Percubaan Melakukan Kesalahan di bawah Undang-undang Syarak	--	1	--
Mengakad Nikah Tanpa Kuasa Yang Sah	--	--	1
Lain-lain	--	1	--
Jumlah	1,228	1,078	1,073

MESYUARAT KETIGA PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS (BAJET)
PADA 23 HINGGA 25 NOVEMBER 2020

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.13

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT AB RAZAK BIN IBRAHIM
ADUN AIR PUTIH

SOALAN 1 : Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi gelandangan?

JAWAPAN :

1. Takrifan Gelandangan

1.1. Kamus Dewan

Mengikut Kamus Dewan (2000:1211) menjelaskan Pengertian dan makna Gelandangan jika rujuk pada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) membawa maksud orang-orang yang pekerjaannya atau tempat tinggalnya tidak tetap.

Ini membawa maksud golongan yang tidak mempunyai tempat tinggal (rumah) yang tiada tempat tinggal yang tetap, selamat dan lengkap. Ini menyebabkan mereka yang biasa bermalam di tempat perteduhan, pondok sementara atau kediaman Ad Hoc yang seumpamanya. Golongan ini juga terdiri dalam kelangan mereka yang tidur di tempat awam mahupun persendirian yang tidak direka khas sebagai penginapan bermalam yang tetap untuk manusia.

1.2. Akta Orang Papa 1977

Akta Orang-Orang Papa 1977 di bawah seksyen 2 (a) dan (b) mentafsirkan gelandangan sebagai orang sebagai papa iaitu;

- i. seseorang yang mengemis atau sewaktu dengannya di tempat awam hingga menimbulkan kegusaran atau mengganggu orang ramai yang biasa mengunjungi tempat tersebut yang menyebabkan perasaan terganggu/ kacauganggu; atau
- ii. seseorang peleser yang dijumpai di tempat awam, sama ada ia mengemis atau tidak, yang tiada mata pencarian pada zahirnya atau tiada tempat tinggal atau tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan.

Gelandangan atau homeless bukanlah satu fenomena yang baru. Namun, sejak akhir-akhir ini ia menjadi satu fenomena sosial yang semakin menarik perhatian umum di negara ini kerana ia menimbulkan kegusaran masyarakat sekeliling dan semakin banyak dibangkitkan di dalam media cetak dan media elektronik, terutamanya masalah gelandangan yang berlaku di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur.

2. Punca gelandangan

2.1. Faktor menarik berlakunya gelandangan

- a. Kesukaran untuk mendapat pekerjaan:
Golongan yang sukar mendapat pekerjaan kerana latar belakang pendidikan, tahap kemahiran dan sejarah yang membawa kepada gelandangan.
- b. Tidak mampu menanggung kos sara hidup dan sewa rumah yang tinggi terutamanya di bandar-bandar besar. Ini adalah kerana ada sesetengah kes yang bekerja tetapi pendapatan yang diperolehi tidak mampu untuk menampung keperluan untuk memenuhi keperluan asas.

- c. Golongan penagih dadah, bekas banduan dan pesakit mental yang telah terbiasa dengan kehidupan bergelandangan yang bebas dan tidak terikat dengan sesiapa. Mereka hidup sepertinya tidak mempunyai ahli keluarga. Mereka lebih senang mengurus diri dan hidup seadanya. Ada sesetengah penagih dadah, bekas banduan yang telah dibuang oleh ahli keluarga sendiri.
- d. Hubungan kekeluargaan yang longgar:
Hubungan kekeluargaan yang longgar menyebabkan mereka kurang memberikan perhatian sesama ahli keluarga. Ahli keluarga juga mengamalkan sikap tidak mengambil tahu terhadap ahli keluarga yang bermasalah. Ini menyebabkan ahli keluarga yang menghadapi masalah lebih suka mencari jalan penyelesaian sendiri dengan menjauhkan diri dari keluarga dan hidup sendiri.

Pada masa ini, golongan gelandangan menjadi sebahagian daripada pemandangan biasa di sekitar kawasan ibu negeri dan ibu negara, khususnya pada waktu malam. Isu gelandangan ini tidak lagi boleh dianggap sebagai isu terpencil tetapi perlu dilihat sebagai masalah sosial yang wajar ditangani dan dicari jalan penyelesaian dengan segera. Mekanisme yang terbaik bagi menangani isu ini, sekaligus dapat membantu mereka diintegrasikan semula ke dalam masyarakat serta tidak terus tercicir daripada arus perdana pembangunan negara.

3. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi gelandangan.

- 3.1. **Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat** telah menubuhkan sebuah jawatankuasa Khas bagi menangani isu golongan Gelandangan dalam usaha membanteras masalah individu berpelesenan di Negara ini melalui pendekatan yang terbaik. Jabatan kebajikan Masyarakat

juga telah mengadakan kerjasama strtegik dengan Pihak berkuasa Tempatan (PBT) dan NGO dengan mewujudkan Anjung Singgah. Terdapat lima negeri yang menyediakan Anjung Singgah kepada golongan ini iaitu ;

- a. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- b. Kuching, Sarawak
- c. Johor Bahru, Johor
- d. Pulau Pinang
- e. Perak

3.2. Penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Orang Papa 1977 (AOP 1977) dengan menjalankan operasi sebagaimana berikut :

- i. Operasi Bersepadu dengan pelbagai agensi seperti Polis, PBT, Imigresen dan AADK.
- ii. Menjalankan Operasi berjadual berdasarkan kepada jadual yang telah ditetapkan.
- iii. Menjalankan Operasi Ad-Hoc berdasarkan kepada aduan awam, media cetak, media elektronik, media sosial dan Pusat Panggilan Bersepadu.
- iv. Kempen Pendidikan Kesedaran Pencegahan Pengemisan
Kempen berterusan melalui medium sedia ada termasuklah mengedar dan menampal poster, brosur dan flyer "Bijak Membantu Elak tertipu" di tempat awam, pejabat-pejabat kerajaan, masjid, surau, stesen-stesen minyak, kedai-kedai, pasar malam dan sebagainya,

3.3. Tindakan yang dilakukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi kes pengemisan dan gelandangan adalah sebagaimana berikut:-

- i. Mengembalikan mereka kepada keluarga jika dapat dikesan
- ii. Pengemisan atau gelandangan warganegara diperintahkan ke institusi

kebijakan iaitu Desa Bina Diri selama 3 tahun bagi yang berumur bawah 60 tahun. Manakala bagi yang berumur melebihi 60 tahun dihantar ke Rumah Seri Kenangan untuk menjalani latihan vokasional, kerohanian, riadah & sosial, kaunseling dan bimbingan, integrasi masyarakat dan sebagainya.

- iii. Pengemis warga asing dan pemegang kad UNHCR diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan selanjutnya.
- iv. Mewujudkan biodata gelandangan di setiap daerah dan negeri serta tindakan yang telah diambil terhadap mereka setakat ini.

4. Peranan Jabatan Tenaga Kerja

Mengadakan kaunter temuduga kepada pencari pekerjaan dalam memastikan golongan ini berusaha mengaplikasi dan membawa perubahan dalam hidup. Peluang pekerjaan untuk golongan gelandangan bersesuaian dengan syarat dan kelayakan serta keupayaan golongan gelandangan.

5. Peranan Pihak Berkuasa Tempatan

Menyediakan tempat tinggal kepada golongan ini, sama ada yang bersifat sementara sebelum mendapat tempat tinggal atau rumah kekal yang dikenali sebagai rumah mampu milik yang lengkap dengan kemudahan asas dan terletak di lokasi yang bersesuaian dengan tempat untuk golongan ini mencari pekerjaan.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, operasi penguatkuasaan yang berterusan dan peranan semua pihak yang berkaitan berupaya mengurangkan masalah kewujudan golongan ini. Semua pihak perlu mengembeleng tenaga dan mempunyai peranan dalam membantu mereka yang terlibat.

JADUAL 1

OPERASI PENGEMIS YANG DIJALANKAN PADA JANUARI HINGGA SEPTEMBER 2020

Daerah /Bahagian / Jajahan	Jenis Operasi			Jumlah	Orang Papa Yang Diselamatkan						Jumlah Keseluruhan (A) + (B) = (C)
	Bersepadu	Berjadual	Aduan/Ad-Hoc		Warganegara			Bukan Warganegara			
					Pengemis	Peleser	Jumlah (A)	Pengemis	Peleser	Jumlah (B)	
Besut	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Dungun	6	0	2	8	6	0	6	0	0	0	6
Hulu Terengganu	2	2	7	11	4	3	7	0	2	2	9
Kemaman	0	11	9	20	8	2	10	1	5	6	16
Kuala Terengganu/ Kuala Nerus	1	3	15	19	10	17	27	0	6	6	33
Marang	0	2	4	6	2	1	3	1	0	1	4
Setiu	2	8	4	14	2	0	2	0	0	0	2
Jumlah Keseluruhan	11	26	41	78	32	23	55	2	13	15	70

JADUAL 2

OPERASI PENGEMIS YANG DIJALANKAN PADA TAHUN 2019

Daerah /Bahagian / Jajahan	Jenis Operasi			Jumlah	Orang Papa Yang Diselamatkan						Jumlah Keseluruhan (A) + (B) = (C)
	Bersepadu	Berjadual	Aduan/Ad-Hoc		Waganegara			Bukan Waganegara			
					Pengemis	Peleser	Jumlah (A)	Pengemis	Peleser	Jumlah (B)	
Besut	0	16	0	16	0	0	0	0	0	0	0
Dungun	2	18	0	20	0	0	0	0	0	0	0
Hulu Terengganu	1	16	7	24	0	0	0	0	0	0	0
Kemaman	1	28	16	45	17	2	19	19	0	19	38
Kuala Terengganu	2	47	38	87	34	5	39	8	0	8	47
Marang	0	14	1	15	1	0	1	0	0	0	1
Setiu	0	24	0	25	0	0	0	1	0	1	1
Jumlah Keseluruhan	6	163	62	231	52	7	59	28	0	28	87

JADUAL 3

OPERASI PENGEMIS YANG DIJALANKAN PADA TAHUN 2018

Daerah /Bahagian / Jajahan	Jenis Operasi			Jumlah	Orang Papa Yang Diselamatkan						Jumlah Keseluruhan (A) + (B) = (C)
	Bersepadu	Berjadual	Aduan/Ad-Hoc		Waganeegara			Bukan Warganeegara			
					Pengemis	Peleser	Jumlah (A)	Pengemis	Peleser	Jumlah (B)	
Besut	1	14	23	38	4	1	5	2	0	2	7
Dungun	3	17	5	25	37	17	54	3	0	3	57
Hulu Terengganu	0	13	11	24	0	0	0	0	0	0	0
Kemaman	0	19	13	32	4	0	4	13	2	15	19
Kuala Terengganu	2	76	53	131	49	9	58	47	0	47	105
Marang	2	19	8	29	8	0	8	5	0	5	13
Setiu	0	17	0	17	1	0	1	0	0	0	1
Jumlah Keseluruhan	8	175	113	296	103	27	130	70	2	72	202

SOALAN 2 : Peranan IKS dan PKS. Adakah kerajaan bercadang membuka cawangan YPU di setiap daerah?

JAWAPAN : **DITOLAK** Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Adakah Kerajaan bercadang membina satu pencawang komunikasi di Kampung Jabur Estate Kemaman kerana capaian internet sangat lemah di kampung tersebut?

JAWAPAN : Buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk membina pencawang komunikasi di Kampung Jabur Estate Kemaman.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dalam usaha untuk meningkatkan jalur lebar di Negeri

Terengganu dengan menambahbaik dan meluaskan liputan rangkaian melalui Pelan Kesenambungan Fiber Kebangsaan (NFCP) di bawah dana Pemberian Perkhidmatan Sejangat (USP Fund) yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Terdapat dua (2) menara melalui pelaksanaan Fasa 1 NFCP yang sedang dalam pembinaan iaitu Kg Pondok Pasir dan Darul Iman Training Centre (DITC) di mana lokasi tersebut terletak berhampiran dengan Kampung Jabur Estate Kemaman. Sementara dua (2) lokasi lagi akan dibina pada tahun 2021 dalam NFCP Fasa 2 iaitu Kg Sungai Timah dan Kg Ibuk Batu 9 yang juga terletak berhampiran dengan Kampung Jabur Estate Kemaman. Kesemua lokasi tersebut berada dalam *radius* 60 km daripada Kampung Jabur Estate Kemaman.

SOALAN 4 : Adakah tender pemasangan paip air bersih ke Kampung Lubuk Batu Kemaman (dalam kawasan DUN Air Putih) telah dikeluarkan?

JAWAPAN : Jawapan adalah sebagaimana berikut :-

- i. Tender untuk projek ini dijangka dikeluarkan pada Januari 2021.
- ii. Status pada masa ini perunding Swazmix Consultant sedang menyiapkan rekabentuk sistem loji pakej dan sistem agihan di kawasan tersebut.
- iii. Kemajuan projek ini tertangguh disebabkan oleh kerja-kerja ujian luahan dan kualiti air di telaga perlu dibuat terlebih dahulu. Ia memerlukan kos tambahan daripada KPLB.
- iv. Projek bekalan air ke kampung ini dilaksanakan di bawah

KPLB

SOALAN 5 : Sejauh manakah Jawatankuasa 'Task Force' yang ditubuhkan di setiap daerah berkait dengan tanah terbiar berfungsi dan apakah dapatannya sehingga kini?

JAWAPAN : Jawatankuasa 'Task Force' Pemulihan Tanah Terbiar Daerah sedang membuat pemutihan terhadap status tanah dan pemilik tanah terbiar yang berkeluasan satu ekar dan ke atas dan seterusnya mendapatkan persetujuan untuk mengguna pakai tanah berkenaan bagi tujuan projek pertanian.

**MESYUARAT KETIGA PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS (BAJET)
PADA 23 HINGGA 25 NOVEMBER 2020**

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.14

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT Ir. SAIFUL AZMI BIN SUHAILI
ADUN KEMASIK

SOALAN 1 : Apakah tempoh masa yang digariskan oleh kerajaan untuk menilai semula setiap tanah yang telah di 'zoning' dengan sesuatu pembangunan namun ia masih tidak dapat dilaksanakan untuk ditukar kepada 'zoning' yang lebih realistik mengikut kepentingan dan keperluan semasa?

JAWAPAN : Zoning yang dibangkitkan adalah merujuk kepada pelan penggunaan tanah berasaskan '*lot based*' yang dirancang bagi tempoh perancangan 10 hingga 15 tahun yang terkandung dalam Rancangan Tempatan di peringkat daerah.

Sekiranya terdapat keperluan perubahan zoning dalam tempoh perancangan yang ditetapkan selepas diwartakan, Rancangan Tempatan boleh dipinda pada bila-bila masa oleh Pihak Berkuasa Tempatan melalui Pengubahan tertakluk kepada persetujuan Jawatankuasa Perancang Negeri sebagaimana peruntukan Subseksyen 16(1) Akta 172.

SOALAN 2 : Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan di setiap Daerah satu Pusat Informasi Pelancong (Visitor Information Center) yang antaranya berfungsi untuk memasarkan, mempromosikan, menyediakan maklumat percuma untuk meningkatkan jumlah

kemasukan pelancong kerana wujudnya kemudahan akses maklumat di samping memberikan galakan kepada komuniti untuk menambahkan kapasiti bagi tujuan pelancongan; kemahiran bahasa, daya penarik?

JAWAPAN : Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan Pusat Informasi Pelancong (Visitor Information Center) di setiap daerah di seluruh negeri Terengganu. Ketika ini sudah terdapat empat buah Pusat Informasi Pelancong, atau lebih dikenali sebagai Terengganu Information Centre (TIC) yang ditempatkan di beberapa lokasi di Daerah Besut, Kemaman, Dataran Syahbandar Kuala Terengganu dan di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Nerus.

Industri pelancongan dalam era norma baharu ini memerlukan perubahan dari segi mekanisma promosi atau hebahan maklumat berkaitan kepada umum terutama pelancong. Mengambil maklum keperluan semasa berikutan penularan wabak covid-19, kerajaan memperkasakan promosi norma baharu di mana pendekatan promosi di teruskan melalui landasan media sosial yang digerakkan secara menyeluruh. Kaedah promosi melalui media sosial seperti di Facebook, blog, youtube, instagram, twitter, weibo, wechat, telegram dan lain-lain dilihat berkesan dan paling relevan ketika ini di mana informasi berkaitan pakej promosi, produk dan destinasi pelancongan yang ada di negeri Terengganu ini dapat diakses secara terus dan meluas oleh pengguna.

Dalam pada itu juga, melalui penubuhan Majlis Tindakan Pembangunan Pelancongan Daerah pada tahun 2019, adalah dicadangkan penglibatan sama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berperanan sebagai sebagai pusat yang memberi

kemudahan informasi yang diperlukan kepada pelancong.

MESYUARAT KETIGA PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEEMPAT BELAS
PADA 23 HINGGA 25 NOVEMBER 2020

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.15

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR
ADUN WAKIL WANITA

SOALAN 1 : Berdasarkan notis yang dikeluarkan sehingga tarikh 22 Oktober, gangguan bekalan air di Terengganu ialah sebanyak 3450 notis. Apakah punca utama gangguan yang berlaku?

JAWAPAN : 1. Punca gangguan utama gangguan bekalan air ialah 80% adalah gangguan bekalan air yang tidak berjadual. Sebanyak 20% lagi adalah diklasifikasikan sebagai gangguan berjadual. Gangguan bekalan air tidak berjadual adalah disebabkan oleh :-

- i. Paip pecah diluar jangka adalah disebabkan tekanan air terhadap paip yang berusia.
- ii. Kerosakan luar jangka perkakasan di loji.
- iii. Ketiadaan bekalan eletrik luar jangka.
- iv. Kemasukan air masin atau bahan-bahan cemar lain yang tidak diluluskan oleh KKM atau Jabatan Alam Sekitar.

Program penukaran paip lama dan perkakasan loji yang berusia sedang dibuat secara berperingkat mengikut peruntukan yang ada.

2. Peratusan NRW sehingga Oktober 2020 ialah sebanyak 35%. Ia adalah menyamai piawai kebangsaan pada masa ini.

SOALAN 2 : Mohon diberikan statistik jumlah bekas suami yang gagal mematuhi arahan memberi nafkah kepada anak-anak yang tinggal bersama bekas isteri mereka bermula tahun 2015 sehingga Oktober 2020?

JAWAPAN : Statistik Aduan Pelanggaran Pembayaran Perintah Nafkah Anak Yang Di Terima Oleh Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu Tahun 2015 Sehingga Oktober 2020

BIL.	TAHUN	ADUAN KALI PERTAMA	ADUAN BERULANG	JUMLAH
1.	2015	119	43	162
2.	2016	135	38	173
3.	2017	100	52	152
4.	2018	105	54	159
5.	2019	79	50	129
6.	2020	77	41	118
JUMLAH KESELURUHAN				893

Di antara punca-punca atau alasan yang diberikan oleh bekas suami / bapa berkaitan kegagalan dalam melaksanakan pembayaran nafkah anak sebagaimana yang telah di perintahkan oleh Mahkamah adalah seperti berikut:-

- a) Bekas suami/bapa tidak berkemampuan kerana menghadapi penyakit kronik atau hilang upaya kekal atau sedang mendapat rawatan di Hospital Kerajaan/Swasta yang telah di perakui oleh Doktor atau pegawai perubatan.

- b) Bekas suami/bapa tidak berkemampuan kerana hilang punca pendapatan kerana di buang kerja atau mengalami masalah dalam perniagaan.
- c) Bekas suami/bapa hanya mampu menampung perbelanjaan diri sendiri dan keluarga sedia ada kerana pendapatan bulanan yang kecil seperti bekerja kampung, nelayan, "cleaner" tukang cuci dsb.
- d) Bekas suami/bapa langsung tidak mempunyai punca pendapatan dan harta kerana tidak bekerja/berada di dalam penjara/penagih dadah/bekas banduan/Orang Kelainan Upaya dsb.
- e) Bekas suami/bapa tidak berkemampuan kerana telah di isytiharkan mufliis oleh Mahkamah atau mempunyai hutang peribadi dengan bank atau peminjam kewangan berlesen.
- f) Bekas suami/bapa tidak pernah menerima perintah Mahkamah bagi kes perintah nafkah anak yang diperolehi melalui perbicaraan sebelah pihak tanpa kehadiran bekas suami/bapa.
- g) Perintah Tahanan Pendapatan bekas suami/bapa tidak dapat dilaksanakan oleh pihak majikan bagi pemotongan nafkah anak setiap bulan kerana bekas suami/bapa bertindak untuk berhenti kerja bagi mengelak membayar nafkah anak.

- h) Bekas isteri/ibu gagal mengesan atau menghubungi bekas suami/bapa selepas perintah dikeluarkan.
3. Kerajaan amat mengambil berat berkaitan isu kebajikan dan bantuan nafkah anak-anak yang terabai akibat perceraian bapa dan ibu mereka. Antara tindakan Kerajaan bagi mengurangkan kes sebegini adalah menjalankan:-
- a. Pasca Perkahwinan "Keluarga Jannah"
 - b. Pasca Perkahwinan (2nd honeymoon)
 - c. Anugerah Keluarga Mithali
 - d. Forum Perdana

SOALAN 3 : Berapakah usahawan yang berjaya dilahirkan melalui program zero to hero sepertimana yang dibentangkan dalam Bajet 2020. Mohon jelaskan jenis perniagaan dan pecahan mengikut daerah-daerah?

JAWAPAN : 1. Program Zero to Hero ini melibatkan komponen seperti berikut:

- a. Kursus Pemasaran Digital
- b. Kursus Asas Jualan Atas Talian
- c. Marketplace Onboarding
- d. Coaching & Mentoring (6 series)
- e. Business Matching

2. Kerajaan Negeri melalui kerjasama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Syarikat Exxonmobil, Yayasan DiRaja Sultan Mizan, Yayasan Pembangunan

Usahawan Terengganu (YPU) dan Syarikat TD1303 telah berkolaborasi dalam satu program Kursus Pemasaran e-Usahawan Terengganu 2020. Program ini telah dirangka dan dirancang untuk dilaksanakan pada Mac 2020.

3. Pelaksanaan program ini telah tertangguh untuk dilaksanakan pada Mac 2020 kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan bermula 18 Mac 2020.
4. Siri pertama iaitu Kursus Pemasaran digital hanya dapat dilaksanakan pada 10 – 12 Ogos 2020 yang lalu.
5. Melalui program ini, seramai 144 orang peserta telah berjaya menamatkan kursus dengan jayanya.
6. Siri seterusnya akan diteruskan apabila keadaan kembali pulih.
7. Data bagi jenis perniagaan mengikut daerah akan diperolehi setelah program ini selesai sepenuhnya.

SOALAN 4 : Nyatakan statistik anak tidak sah taraf di Terengganu pada tahun 2018,2019 dan 2020?

JAWAPAN : Semakan melalui rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mendapati jumlah pendaftaran kelahiran anak tidak sah taraf yang direkodkan oleh JPN di Negeri Terengganu bagi tempoh dari tahun 2018 sehingga Oktober 2020 adalah seramai 2,305 orang.

SOALAN 5 : Nyatakan jumlah dan statistik mengikut daerah, bilangan pelajar-pelajar yang tercicir di Negeri Terengganu?

JAWAPAN : Data berikut menunjukkan transisi cicir mengikut daerah berjumlah 236 org murid. Murid yang dikesan sebagai murid cicir telah mengikuti program/aktiviti intervensi yang telah dijalankan sehingga 31 oktober 2020 sebagaimana Lampiran:-

DATA TRANSISI CICIR KOHORT LAIN NEGERI TERENGGANU

Data berakhir 31 Oktober 2020

SEBAB BERHENTI	TAHUN/TINGKATAN					JUMLAH
	D6	KHAS	T2	T3	T5	
BEKERJA		14		2	6	22
DUNGUN		11				11
HULU TERENGGANU					4	4
KUALA TERENGGANU		1		2	2	5
SETIU		2				2
BERKAHWIN		1				1
MARANG		1				1
BUANG SEKOLAH			1	1	5	7
KUALA TERENGGANU				1	4	5
SETIU			1		1	2
MASALAH KELUARGA (KEMISKINAN/ PERCERAIAN/ PENGANGKUTAN/ DLL)					1	1
MARANG					1	1
MASALAH KESIHATAN/ KECACATAN		1			1	2
KUALA TERENGGANU		1			1	2
TIDAK BERMINAT BERSEKOLAH	2	9	4	5	6	26
HULU TERENGGANU		1			1	2
KUALA TERENGGANU		4	2	2	3	11
SETIU	2	4	2	3	2	13
JUMLAH	2	25	5	8	19	59

Sumber: APDM

DATA TRANSISI CICIR NEGERI TERENGGANU TAHUN 2020
KOHORT UMUR TINGKATAN 1 & TINGKATAN 4

Data berakhir 31 Oktober 2020

SEBAB BERHENTI	TAHUN/TINGKATAN		JUMLAH
	T1	T4	
BESUT	17	38	55
BEKERJA		10	10
BERKAHWIN		1	1
BUANG SEKOLAH		1	1
MASALAH KELUARGA (KEMISKINAN/ PERCERAIAN/ PENGANGKUTAN/ DLL)	3	1	4
MASALAH KESIHATAN/ KECACATAN	1		1
TIDAK BERMINAT BERSEKOLAH	6	23	29
TIDAK DAPAT DIKESAN / HILANG/ TIADA MAKLUMAT	7	2	9
DUNGUN	6	12	18
BEKERJA		1	1
MASALAH KELUARGA (KEMISKINAN/ PERCERAIAN/ PENGANGKUTAN/ DLL)	2		2
MASALAH KESIHATAN/ KECACATAN	2		2
TIDAK BERMINAT BERSEKOLAH	1	10	11
TIDAK DAPAT DIKESAN / HILANG/ TIADA MAKLUMAT	1	1	2
HULU TERENGGANU	11	2	13
BEKERJA		2	2
TIDAK BERMINAT BERSEKOLAH	11		11
KEMAMAN	12	22	34
BEKERJA	1	3	4
MASALAH KELUARGA (KEMISKINAN/ PERCERAIAN/ PENGANGKUTAN/ DLL)	1		1
TIDAK BERMINAT BERSEKOLAH	10	18	28
TIDAK DAPAT DIKESAN / HILANG/ TIADA MAKLUMAT		1	1
KUALA NERUS	12	3	15
MASALAH KESIHATAN/ KECACATAN		1	1
TIDAK BERMINAT BERSEKOLAH	3	1	4
TIDAK DAPAT DIKESAN / HILANG/ TIADA MAKLUMAT	9	1	10
KUALA TERENGGANU	8	9	17
BEKERJA		7	7
BUANG SEKOLAH		2	2
MASALAH KELUARGA (KEMISKINAN/ PERCERAIAN/ PENGANGKUTAN/ DLL)	3		3
MASALAH KESIHATAN/ KECACATAN	1		1
TIDAK BERMINAT BERSEKOLAH	4		4
MARANG	2	11	13
BEKERJA		3	3
TIDAK BERMINAT BERSEKOLAH	2	7	9
TIDAK DAPAT DIKESAN / HILANG/ TIADA MAKLUMAT		1	1
SETIU	5	7	12
BERKAHWIN		1	1
MASALAH KELUARGA (KEMISKINAN/ PERCERAIAN/ PENGANGKUTAN/ DLL)	3		3
MASALAH KESIHATAN/ KECACATAN	1		1
TIDAK BERMINAT BERSEKOLAH	1	6	7
JUMLAH	73	104	177

Sumber: APDM

